

"KESEDARAN tentang mustahaknya keamanan dan kestabilan adalah merupakan perkara utama dalam memastikan survival bangsa. Kerana jika diabaikan, ia mungkin mengganggu pertumbuhan dan pembangunan negara yang sedang berjalan dan yang akan terus berjalan." - Titah sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 15 Julai 2002.

قليتا بروني Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"JANGANLAH orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi aulia (pemerintah) dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barangsiapa berbuat demikian, nescaya lepaskan ia dari pertolongan Allah kecuali kerana membela diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali." - Surah Ali 'Imran ayat 28.

TAHUN 49 BILANGAN 28

RABU 14 JULAI 2004/1425 رابو 26 جمادى الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

دولة كباوه دولي توان قاتيك

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Seluruh rakyat sembahkan ucap selamat dan kesyukuran

BANDAR SERI BEGAWAN, - 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik', segenap lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merafak sembah menjunjung kasih dengan rasa penuh syukur dan gembira menyambungkan ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 esok, 15 Julai.

Persiapan-persiapan telah disusun untuk memeriahkan suasana sambutan di keempat-empat daerah. Pada petang ini, sambutan

bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Tahilil dan Doa Kesyukuran di masjid-masjid utama serta surau-surau seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' Asr Hassanil Bolkiah di ibu negara di sini bermula jam 6.00 petang.

Pada pagi 15 Julai, sambutan bermula dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin diikuti dengan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman, manakala pada sebelah malamnya akan diadakan pula Majlis Persantapan Negara juga di Istana Nurul Iman.

Majlis Bersama Rakyat di keempat daerah bermula di Daerah Belait pada hari Sabtu, 17 Julai dengan tema 'Intan Di Daerah Gemilang - Negara Terbilang' bertempat di Padang Rekreasi Kelab Ria Brunei Shell; Daerah Brunei dan Muara pada hari Ahad, 18 Julai bertemakan 'Mesra Bersama Rakyat' di Jerudong Park Amphitheatre; di Daerah Temburong akan berlangsung pada hari Selasa, 20 Julai di Padang Dewan Kemasyarakatan Temburong dengan tema 'Budaya Warisan Titipan Bangsa' dan di Daerah Tutong pada hari Khamis, 22 Julai di Padang Kecil Sekolah Rendah Muda Hashim dengan tema 'Raja Terbilang Negara Gemilang'.

Selain itu, bagi memeriahkan perayaan bersejarah itu, pelbagai acara telah disusun sepanjang perayaan di keempat daerah termasuk persembahan keugamaan, persembahan pentas dan kebudayaan di sebelah malam, di samping acara-acara berbentuk sukan dan rekreasi.

Pada tahun ini, PELITA BRUNEI dengan kerjasama Jawatankuasa Publisiti dan Promosi menerbitkan kalendar acara-acara perayaan di keempat-empat daerah. Orang ramai bolehlah mendapatkannya melalui akhbar PELITA BRUNEI atau dari Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama, Berakas ataupun di cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di seluruh negara.



Kebawah DYMM, Timbalan PM Malaysia adakan perjumpaan empat mata

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd. Najib bin Tun Abd. Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, berlangsung di Istana Nurul Iman.

Pada majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga

berkenan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd. Najib berada di negara ini dalam rangka lawatan rasmi selama dua hari.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia mempunyai hubungan tradisi dan istimewa sejak lama dahulu, manakala hubungan diplomatik secara rasmi dijalankan pada tahun 1984 se-

baik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan penuh.

Hubungan pemimpin dan rakyat antara kedua-dua negara serumpun ini begitu erat sekali dan telah berjaya menjalin kerjasama dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan seumpamanya.

Kedua-dua negara juga telah menubuhkan Suruhanjaya Bersama untuk memperkukuh dan meningkatkan lagi kerjasama yang sudah sedia terjalin.

Keluaran Khas Sempena Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN, - PELITA BRUNEI hari ini menerbitkan Keluaran Khas sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58. Keluaran Khas yang

mengandungi 24 muka surat itu antara lain memuatkan rencana mengenai aktiviti-aktiviti Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam dan luar negara bagi tempoh setahun yang memfokus di bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan bagi perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
PGGMB persatuan Melayu yang boleh dijadikan 'role model'
- Muka 2

Bendera lambang
berbangsa, bernegara
- Muka 3

Lawatan kerja
DPMM ke Mukim Lumapas
- Muka 4 dan 5

Melirik Masa Silam :
Mempotret Senario Alam Terbetik Setiap Yang Sudah Berlalu
- Muka 6

BKN akan wujudkan
Kumpulan Sokongan Bantuan Kelnarga
- Muka 10

Fokus :
Kenapa ramai yang mufis?
- Muka 2 ANEKA

TAHUKAH AWDA

NEGARA Brunei Darussalam kaya dengan biokepelbagaian flora dan fauna. Biokepelbagaian sumber asli ini memberi peluang untuk menerokai industri bioteknologi yang menggunakan kedua-dua sumber tersebut. Berbanding sumber flora, sumber fauna tidak dieksploitasi secara meluas untuk tujuan bioteknologi. Negara Brunei Darussalam mempunyai 94 spesies ikan air tawar dan mempunyai khasiat tertentu untuk menyembuhkan penyakit. Ikan Balud, Kali dan Dalak untuk rawatan kulit dan selepas pembedahan; Daun Buluh untuk rawatan cacar; Petingkang, Cakar Rawatan Ampus dan selepas pembedahan; Langut dan Lami, untuk rawatan Ampus; Haruan untuk rawatan selepas pembedahan; dan Bantang untuk rawatan penyakit Lelah. - Sumber: Dr. Zohrah Haji Sulaiman, 'Perlaksanaan Industri Bioteknologi Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan' dalam Rangkap Serantau, Bilangan 10, 2003, Terbitan Pada Sidang Ke-42 MABBIM, 10 Mac 2003. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, (2003:35-37).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap dan mengadakan perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd. Najib, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

HALUAN...

PGGMB persatuan Melayu yang boleh dijadikan 'role model'

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama hadir ke Majlis Perasmian Agung Perwakilan (MAP) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Ke-54/2003 - 2004.

Saya seterusnya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dipertua PGGMB atas kesudian menjemput saya hadir ke majlis ini dan diberi penghormatan untuk merasmikannya.

Mengimbas kembali penubuhan persatuan-persatuan di negara ini di zaman keghairahan penubuhan persatuan-persatuan belia dan kampung di sekitar tahun 50-an dan 60-an telah menampakkan kegiatan-kegiatan persatuan di peringkat awalnya seumpama cendawan tumbuh di waktu hujan dalam mana hampir semua daerah dapat dilihat pertumbuhan persatuan-persatuan belia dengan berbagai-bagai tujuan dan objektif masing-masing bagi memperjuangkan kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya.

Malangnya seperti juga dengan penubuhan awalnya yang begitu banyak, begitu jua dengan kemerosotan dan kemalapanannya. Satu demi satu persatuan-persatuan di negara ini terhenti dan hilang begitu saja disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh masing-masing. Akhirnya tinggal hanya beberapa buah persatuan saja yang berwujud meneruskan kegiatan termasuk PGGMB yang sudah tertubuh selama lebih 60 tahun tetapi masih bertapak dengan kukuh dan bergiat aktif sehingga ke hari ini dan dianggap sebagai salah satu persatuan orang Melayu yang berjaya dan boleh menjadi 'role model' kepada persatuan-persatuan lain di negara ini.

Kejayaan PGGMB selama ini, saya yakin adalah berpunca antara lain dari pucuk pimpinan yang mantap, kebolehan dan komitmen jemaah tadbir dan ahli-ahlinya serta sumber kewangan yang kukuh dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti sosio-ekonominya yang sedikit sebanyak menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi negara dalam mana hasil kejayaan itu, alhamdulillah, bukan saja telah dapat dinikmati oleh



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wilaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Ke-54/2003 - 2004 pada 17 Rabiulakhir 1425/6 Jun 2004 bertempat di Dewan PGGMB, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan.

ahli-ahlinya, malah masyarakat sekelilingnya yang berkenaan.

Kejayaan PGGMB dalam usaha-usaha di bidang pendidikan dan perniagaan termasuklah usaha niaga di rantau ini adalah satu perkara yang telah menjadi kenyataan. Seperti juga mana-mana usaha barang setentunya akan menimbulkan beberapa masalah yang merupakan keperluan

untuk mengadakan perubahan-perubahan seccok dengan keadaan baru di sekeliling kita. Dalam konteks ini, saya tidak berhasrat untuk menyentuh keperluan bagi 'restructuring' PGGMB serta menggunakan lebih banyak profesional-profesional dalam bidang yang tertentu kerana perkara seperti ini telah banyak disentuh di masa-masa yang sudah. Apa saya rasa yang memerlukan

SEPERKARA lagi, PGGMB yang saya anggap benar-benar mewakili kaum guru pada zamannya perlu membanyakkan lagi jumlah ahli-ahlinya yang ada pada masa ini; terutama di kalangan graduan-graduan yang mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam pelbagai peringkat dan bidang. Dalam hal ini, bagi usaha menarik semua guru yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memasuki persatuan ini, PGGMB perlu mengubah dan mencari pendekatan yang lebih efektif melalui cara-cara seakan-akan 'recruitment drive' bagi menarik lebih ramai ahlinya.

keberanian ialah untuk melangkah terus ke luar rantau dalam usaha perniagaan dan membawa masuk usaha-usaha niaga luar negeri ke Negara Brunei Darussalam untuk berkongsi sama dengan PGGMB.

Selain dari itu, PGGMB tentu menyedari bahawa keadaan masa dan sistem ekonomi dan sosial sudah jauh berubah dan berbeza dari masa-masa yang sudah terutama sekali dengan adanya pengaruh-pengaruh hasil perkembangan globalisasi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Tidak dapat kita harus sentiasa peka dan 'adaptable' kepada perubahan-perubahan ini yang seharusnya dipantuni dengan penuh kebijaksanaan untuk mendapat kemanfaatan maksimum dari segala-galanya.

Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan telah menjalankan usaha untuk melengkapkan, antara lain, sekolah-sekolah rendah dan menengah serta pusat-pusat pengajian tinggi dengan kemudahan-kemudahan ICT yang pada asasnya untuk digunakan sebagai bantuan kepada proses pembelajaran demi untuk meningkatkan taraf pengajian dalam semua bidang. Hampir 80 ke 90 peratus di kalangan sekolah-sekolah rendah dan menengah sedang menikmati kelengkapan ini termasuklah latihan-latihan dan 'orientation' bagi guru-guru yang akan mengendalikannya. Saya penuh berharap PGGMB melalui sekolahnya akan mengalu-alukan kalangan sekolah swasta dalam bidang yang berkenaan.

Sebagaimana yang cikgu-cikgu sedia maklum, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan perlaksanaan Perintah Pendidikan 2003 yakni Education Order 2003 yang menggariskan secara am dan khusus sistem dan dasar pendidikan di negara ini. Saya penuh berharap PGGMB sebagaimana juga sekolah-sekolah swasta yang lain akan dapat sepenuhnya

memahami kebendak Perintah Pendidikan 2003 ini dan sama-sama menaiknya demi untuk kepentingan seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Seperkara lagi, PGGMB yang saya anggap benar-benar mewakili kaum guru pada zamannya perlu membanyakkan lagi jumlah ahli-ahlinya yang ada pada masa ini; terutama di kalangan graduan-graduan yang mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam pelbagai peringkat dan bidang. Dalam hal ini, bagi usaha menarik semua guru yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memasuki persatuan ini, PGGMB perlu mengubah dan mencari pendekatan yang lebih efektif melalui cara-cara seakan-akan 'recruitment drive' bagi menarik lebih ramai ahlinya. Dan tidak dapat tiada PGGMB perlu membuat perancangan bagi mengenal pasti para pelapis atau pengganti di kalangan ahli-ahlinya untuk meneruskan tanggungjawab dan peranan yang dipikul oleh pemimpinnya pada masa lalu dan masa kini. Dalam pada itu, ahli-ahli muda PGGMB yang ada hendaklah juga bersedia dan mempunyai keterampilan untuk mengambil alih tanggungjawab tersebut yang selama ini membawa PGGMB ke mercu kejayaan.

Akhirnya pada kesempatan yang baik ini saya dengan ikhlas mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kerana dapat mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-54 di pagi ini dan seterusnya mengucapkan selamat bersidang dan semoga segala isu-isu yang dibincangkan akan menghasilkan kemanfaatan yang diharapkan.

Dengan menandatangani kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya sukacita membuka rami Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-54/2003/2004 pada pagi ini.

Sekian, Wabillahi Tauq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



14 JULAI 2004 BERSAMAAN 1425 26 جمادى الأول

WADAH KEPIMPINAN RAJA CEMERLANGKAN NEGARA

ALHAMDULILLAH, tanggal 15 Julai, seluruh lapisan rakyat dan penduduk akan bersama-sama bergembira dan memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 Tahun. Sesungguhnya perayaan Hari Keputeraan yang akan bermula esok adalah kemuncak perayaan sepanjang tahun bagi negara kita yang akan berlangsung penuh gilang-gemilang dan penuh Adat Istiadat Diraja Brunei.

Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amat beruntung kerana mempunyai seorang raja dan pemimpin yang benar-benar bekerja dan 'turun padang' untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Baginda terus mengutamakan dan meletakkan kepentingan negara dan rakyat dari segala-galanya dalam pentadbiran kerajaannya baginda. Wadah kepimpinan baginda sejak 37 tahun lalu memerintah negara ini, telah benar-benar membawa negara terus bertambah maju dan makmur. Pembangunan negara terus rancak dijalankan. Perkembangan Islam terus bersinar dan bercahaya. Taraf dan kualiti kehidupan rakyat terus meningkat. Tahap pendidikan dan kesihatan negara semakin tinggi dan maju. Ekonomi negara semakin kukuh dan mantap. Pendek kata, kita menikmati rapus segala bentuk kesejahteraan, keamanan dan keselamatan yang berkekalan di bumi darussalam ini.

Berkat kepimpinan dari singgahsana, baginda telah berjaya membawa negara ke mercu kejayaan serta meletakkannya di persada antarabangsa yang gemilang yang kini berdiri megah sebaris dengan negara-negara berdaulat dan merdeka. Dengan kewibawaan dan karisma baginda telah menyerlahkan lagi imej negara kita di mata dunia antarabangsa. Baginda terus mendapat penghormatan dan pujian dari pemimpin-pemimpin dunia termasuk pemimpin kuasa besar yang telah berjaya membawa Negara Brunei Darussalam menikmati taraf kehidupan yang tinggi yang setanding dengan negara-negara maju.

Wadah kepimpinan baginda terserlah selaku ketua negara, ketua agama dan ketua adat istiadat yang terus prihatin dan penuh pemedulian terhadap kebajikan rakyat baginda. Salah satu wadah kepimpinan baginda yang begitu ketara ialah melalui keberangkatan lawatan baginda ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, Institusi-institusi pengajian, mukim-mukim dan kampung-kampung di seluruh negara. Baginda kerap kali melakukan lawatan secara mengejut ke institusi-institusi berkenaan. Inilah satu contoh wadah kepimpinan raja yang sungguh unik dan amat menakjubkan. Baginda sendiri telah menunjukkan 'role model' yang memperlihatkan secara praktik kepimpinan melalui teladan. Semua itu baginda lakukan bagi memastikan pentadbiran negara berjalan licin ke arah mencemerlangkan lagi Negara Brunei Darussalam.

Baginda juga merupakan seorang raja berjaya rakyat, yang sering berdamping rapat dengan rakyat jelata. Sikap baginda yang ramah-tamah terpancar semasa keberangkatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung dan juga 'Majlis Bersama Rakyat' yang sering diadakan semasa perayaan Hari Keputeraan baginda. Sesungguhnya institusi raja dan rakyat yang telah wujud sekian lama telah berjaya membawa bumi Brunei bertambah makmur. Hubungan raja dan rakyat adalah unsur penting yang merupakan 'candik' kekuatan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung mahkota baginda, memang wajar kita berbangga dan bersyukur kerana mempunyai seorang raja dan pemimpin yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Sikap baginda yang rajin bekerja, lutan dan gigih membawa ganjaran kehidupan rakyat jelata yang bermutu tinggi. Berkat usaha yang agung itulah kita telah dapat menikmati segala macam kebajikan dan kebaikan yang tidak ternilai.

Justeru itu, kita hendaklah siap siaga memberikan sokongan padu kepada pimpinan baginda serta menyerlahkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang demokratik. Insya-Allah dengan wadah kepimpinan raja yang terus mekar wujud di bumi Brunei, negara akan tetap berpacu ke arah cemerlang dan gemilang.

Bersempena sukat baik perayaan tahun ini, kita selaku rakyat dan penduduk amat mustahak memperbaharui azam dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja kita yang dikasihi. Kita tanai hasrat murni baginda. Kita pikul dan sahan bersama aspirasi dan hasrat negara dengan penuh keimanan dan keyakinan serta semangat jati diri yang tulen orang-orang Brunei. Dalam memacu pembangunan negara, kita perlu kekalkan kesetiaan kepada raja, negara serta kecintaan kepada agama dan bangsa.

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap TYT M. A. Hakim, Persurujaya Tinggi Rakyat Bangladesh (kiri) dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, TYT Conrad Karl Cappell (kanan). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

DPPW menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini menerima mengadap dua perwakilan asing yang baru dilantik dan yang menetap ke Negara Brunei Darussalam. Mereka ialah Tuan Yang Terutama M.A. Hakim, Persurujaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Conrad Karl Cappell, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman. Perjumpaan berlangsung di

Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan kedua-dua perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Sebelum lantikan, TYT M.A. Hakim adalah Pengerusi Lembaga Kuasa Air dan Pembentukan Dhaka, sementara TYT Conrad Karl Cappell merupakan Konsul Agung Konsulat Agung Jerman di Dubai.

Masjid wadah kepimpinan Raja

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. - Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan Seminar Institusi Masjid yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 Julai 2004 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Bera-

kas. Seminar tersebut merupakan acara utama sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Seminar Institusi Masjid, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid menjelaskan perkara itu di Sidang Media yang berlangsung di Jabatan Mufti Kerajaan di sini.

Menurut Pengiran Dato Paduka, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berkenan merasmikan seminar hari pertama pada 19 Julai nanti.

Katanya, tema seminar ialah Masjid Wadah Kepimpinan Raja. Antara huraian tema merangkumi semua konsep Melayu Islam Beraja, yang mana masjid memainkan peranan dalam mengembangkan ilmu dan menggambarkan mengenai kepimpinan seorang raja yang diamalkan sejak turun-temurun.

"Sebanyak 14 kertas kerja akan dibentangkan oleh para ilmu, profesional dan pihak berkuasa masjid dari beberapa buah negara ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam, akan memandu perbincangan ke arah menghuraikan bagaimana premis institusi masjid berperanan dalam pembangunan atau dalam konteks Negara Brunei Darussalam, bagaimana institusi masjid menjadi wadah kepimpinan raja," tegasnya.

Di sidang media yang dihadiri oleh media-media tempatan, Setiausaha Tetap turut menggariskan objektif seminar iaitu sebagai majlis ilmu bagi sambutan pera-

Oleh
Haji Ahmad HS

yaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-58.

Di samping itu, ujanjya, seminar merupakan mercu tanda keazaman kepimpinan negara berpandukan Kitab Allah dan pimpinan (uswah) Rasul-Nya, untuk menjana pemikiran ke arah masjid menjadi wadah pembangunan negara dan meningkatkan kesedaran bahawa masjid berperanan penting dalam kehidupan.

Beliau seterusnya berkata seramai 1,000 kuota penyertaan akan dibukakan dalam seminar itu, termasuk penyertaan secara jemputan dan secara 'slapa awal' serta mengikuti kuota yang ditentukan. Penyertaan terbuka kepada mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

Sempena seminar itu, jelas Pengiran Dato Paduka, satu pameran juga akan dilangsungkan di tempat yang sama bermula pada 19 hingga 25 Julai 2004 dan akan mempersembahkan pelbagai pengalaman, artifak dan produk yang berhubung kait dengan masjid dan dibuka bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang, kecuali sebelah pagi hari Jumaat.



SEORANG bekas pengikut Kumpulan Al-Aqam yang dilimpahkan kurnia pembebasan membuat pengakuan sumpah taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Seminar Institusi Masjid, beliau mengalu-alukan dan mempelawa para pengeluar, pedagang dan peniaga barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan atau menjadi kegunaan masjid menyertai pameran tersebut.

"Bahagian Pameran yang utama ialah pameran mengenai pelbagai pengalaman dan kesan-kesan sejarah atau artifak Islam yang berkaitan dengan masjid. Di antara artifak itu termasuklah koleksi istimewa yang disimpan di Muzium Brunei dan koleksi perseorangan yang didatangkan dari beberapa tempat di kawasan Nusantara," katanya.

Dalam hubungan itu, tambahnya, orang ramai sangat dialu-alukan untuk datang berkunjung ke pameran sempena Seminar Institusi Masjid, bagi menghayati persembahan pameran yang dijangka akan dapat memberi ilmu dan maklumat yang sangat berguna, sama ada bagi para ilmu, profesional, pentadbir, pendidik, penuntut, mahupun kepada semua lapisan masyarakat.

Oleh sebab bahan-bahan pameran perlu dijaga dengan sempurna, para pengunjung diminta menghargai langkah-langkah keselamatan yang diatarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di tempat pameran itu.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyerahkan bendera besar Negara Brunei Darussalam kepada anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei untuk dinaikkan dan dikibarkan.

Enam orang tahanan ISA dibebaskan

SENGKURONG, 10 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia pembebasan ke atas enam orang bekas pengikut Kumpulan Al-Aqam yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Penahanan mereka itu adalah disebabkan mereka dalam usaha untuk menghidupkan semula Kumpulan Al-Aqam yang telah diharamkan di negara ini.

Upacara Mengangkat Sumpah bagi enam orang itu telah dilangsungkan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syarie, Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkuring, pagi tadi.

Hadir di upacara itu ia-

BENDERA LAMBANG BERBANGSA, BERNEGARA

Oleh
Aliddin HM

Darussalam setiap tahun.

Bendera negara adalah lambang berbangsa dan bernegara dan di manamana sahaja bendera negara berkibar, melambangkan kedaulatan

negara atau 'sovereign nation'.

Setiap rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah sebuah negara merdeka lagi berdaulat akan merasa rangsangan hebat kecintaan kepada tanah air apabila melihat bendera negara berkibar megah. Perkara ini tidak terkecuali kepada rakyat dan penduduk di bumi Darussalam yang tercinta ini.

Upacara ringkas dan sederhana tetapi signifikan dalam konteks berbangsa dan bernegara secara langsung mengingatkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini untuk sama-sama merayakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan.

Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam bermula dengan pasukan pembawa bendera besar yang terdiri daripada anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) bergerak masuk membawa bendera untuk dinaikkan dan dikibarkan yang berlangsung di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Sebelum itu bendera tersebut telah diserahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz kepada anggota ATLDB untuk dinaikkan dan dikibarkan dan juga menyampaikan bendera kepada Pegawai-pegawai Daerah untuk dinaikkan dan dikibarkan di daerah masing-masing.

Sementara setiap mukim di negara ini juga dikehendaki menaikkan bendera untuk dikibarkan.

Bendera besar kebangsaan berukuran 3.6 meter panjang dan 1.8 meter lebar dinaikkan pada ketinggian 100 kaki.

Perhimpunan tersebut menandakan permulaan menaikkan bendera-bendera kebangsaan dan bendera peribadi di seluruh negara sama ada yang tinggal di bandar mahupun di kampung-kampung disarankan supaya menaikkan bendera masing-masing di rumah atau di gedung-gedung perniagaan sebagai tanda kecintaan terhadap tanah air. Lampu-lampu cucul dan kain rentang di kedai-kedai hendaklah dipasang dalam sama-sama menyemarakkan sambutan perayaan.

Oleh
Samle HJ

lah Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembebasan Bagi Orang-orang Tahanan dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman selaku Setiausaha Jawatankuasa Penasihat Mengenai Orang-orang Tahanan.

Mereka yang menerima kurnia pembebasan itu ialah Zaini bin Haji Salleh, Merali bin Haji Salleh, Junaidi bin Haji Bakar, Fadzil bin Haji Ahmad, Haji Zainuddin bin Haji Osman dan Pengiran Haji Zainal bin Pengiran Haji Zinin.

Keenam-enam mereka diberikan kurnia pembebasan setelah beberapa bulan menjalani Program Pemulihan Aqidah di Unit Tahanan dan Pemulihan,

Jerudong.

Dalam perakuan bertulis, kesemua mereka menyesali dan menginsafi segala keterlanjuran atas penglibatan mereka dalam usaha untuk menghidupkan semula Kumpulan Al-Aqam yang telah diharamkan di negara ini.

Hasil dari Program Pemulihan Aqidah juga mendapati keenam-enam orang tahanan itu telah kembali kepada ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljemaah.

Sehubungan dengan itu, keenam-enam orang tahanan itu dengan sukarela membuat pengakuan sumpah taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berjanji akan memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan pada masa akan datang.

Lawatan kerja DPMM ke Mukim Lumapas

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Mukim Lumapas di Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia bermula di Sekolah Rendah Kampong Kasat di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Sekolah Rendah Kasat dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang juga selaku Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan;

**Liputan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Haji Masmaleh HMA
dan Hamadi HM**

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan; Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar dan Guru Besar Sekolah Rendah Lumapas, Dayang Hajah Kolam.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diikuti sembah alu-aluan oleh Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar menyebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia bahawa keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Mukim Lumapas sudah tentunya akan menjadi ristaan keemasan dan kenangan abadi dan juga peluang yang sangat bernilai ini

juga sudah tentunya memberi ruang keemasan kepada mereka sekalian untuk beramah mesra bersama Duli Yang Teramat Mulia.

Dalam sembah aluan itu, beliau juga menyentuh mengenai prasarana dan kemudahan-kemudahan asas dan perkembangan di mukim tersebut.

Beliau menjelaskan, Mukim Lumapas seperti juga dengan mukim-mukim yang lain di negara ini juga mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik, telefon dan air.

Selain itu, Mukim Lumapas mempunyai tiga buah sekolah rendah, tiga buah sekolah menengah, empat buah pos polis, sebuah pos kawalan, tiga buah masjid, sebuah pejabat pos dan sebuah cawangan pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

Kebanyakan penduduknya berkhidmat dengan sektor kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada murid-murid Sekolah Rendah Kasat semasa keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke sekolah berkenaan.

Manakala sebahagiannya pula berkhidmat di sektor swasta dan menjalankan perniagaan dan perusahaan sendiri.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat Arkib Sekolah Rendah Kasat yang merupakan sekumpulan koleksi guru-guru sekolah dari tahun 1903 yang meliputi peralatan dapur seperti pinggan makan dan cawan besi serta peruk belanga termasuklah rekod-rekod dan dokumen-dokumen lama persekolahan.

Bangunan lama sekolah tersebut terletak kira-kira satu kilometer dari bangunan kekal pada masa ini dan dibuka rasmi oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 29 Julai 1957.

Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat sekolah berkenaan dan menyaksikan lebih dekat lagi pelbagai kemudahan yang disediakan bagi tujuan pengajian murid-murid serta keperluan tenaga pengajar.

Sekolah ini juga disediakan dengan sebuah Bilik Komputer bagi kegunaan murid-murid sekolah tersebut mempelajari komputer di mana perkemba-



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menandatangani buku lawatan di Sekolah Rendah Kasat.

ngan teknologi maklumat pada hari ini memainkan peranan penting dalam masyarakat dan negara. Kementerian Pendidikan membuka peluang yang luas bagi murid-murid sekolah rendah untuk mempelajari komputer di sekolah masing-masing.

Keramaian murid yang belajar di sekolah tersebut ialah 132 orang dari darjah pra hingga darjah enam dengan 13 orang tenaga pengajar termasuk Guru Besar sekolah tersebut.

Sebelum Duli Yang Teramat Mulia mengakhiri lawatan ke sekolah tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menanam sepon pokok asam aur sebagai tanda kenangan Duli Yang Teramat Mulia melawat ke Sekolah Rendah Kasat.

Sepanjang lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke Sekolah Rendah Kasat diiringi oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Kolam bin Haji Pungut yang menyebarkan penerangan mengenai perkembangan dan pencapaian semasa sekolah tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid sekolah tersebut.

Dari Sekolah Rendah Kasat, Duli Yang Teramat



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menanam sepon pokok asam aur sebagai tanda kenangan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Sekolah Rendah Kasat.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat melawat ke Sekolah Rendah Kasat bagi meninjau perkembangan pendidikan murid-murid di Sekolah Rendah Kasat.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan mini pameran yang mempamerkan hasil-hasil perusahaan penduduk-penduduk di Mukim Lumapas.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat melawat Pos Kawalan Kampong Putat.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah para penduduk Mukim Lumapas.

Dari muka 4

Mulia berangkat melawat rumah kediaman Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Haji Mansor.

Semasa lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan persembahan kebudayaan tradisi dan mini pameran mengenai perusahaan yang dikendalikan oleh penduduk-penduduk kampung dan belia-belia di Mukim Lumapas.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan menyaksikan permainan tradisi orang Melayu yang dimainkan oleh orang-orang dahulu hinggalah sekarang iaitu permainan gasing dan permainan kuit menggunakan tempurung kelapa.

Mukim Lumapas mempunyai 10 buah kampung dan di bawah pengawasan seorang Penghulu Mukim dan lima orang Ketua Kampung bagi mengawasi kampung-kampung berkenaan dan mempunyai keluasan 62.10 kilometer persegi dan penduduknya seramai 5,507 orang.

Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Pos Kawalan Kampong Putat yang menempatkan sembilan buah agensi kerajaan yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Di Pos Kawalan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia menin-

jau secara lebih dekat lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat, di samping disebarkan penerangan mengenai fungsi dan peranan pos tersebut khususnya pengawalan keluar dan masuk ke/dari negara ini.

Pos Kawalan Kampong Putat mula beroperasi pada 1 Januari 2004 yang berfungsi dan berperanan untuk mengawal perjalanan keluar dan masuk ke negara ini di mana semua pengendali bot-bot tambang yang berdaftar di negara ini dan yang beroperasi dari Limbang supaya akan dapat menurunkan para penumpang ke Pos Kawalan Kampong Putat bagi pemeriksaan keluar dan masuk sama ada mereka akan menuju ke Limbang atau Bandar Seri Begawan.

Lihat muka 10



DULI Yang Teramat Mulia berkesempatan menemui beberapa orang pesakit ketika membuat lawatan ke Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Kampung Sungai Asam (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mendengar sembah penerangan oleh Dr. Haji Mahmud (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia ketika menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab sebelum berkenan berangkat bagi Majlis Santap Tengah Hari dan Ramah Mesra di dewan sekolah berkenaan (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan berangkat ke Pos Polis Kampong Putat yang fungsinya memantau keselamatan, keamanan dan kesejahteraan di sekitar kampung berkenaan (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia juga berkesempatan singgah di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dan meninjau kegiatan di sekolah berkenaan (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkesempatan meninjau lebih dekat sebuah bas pelancongan yang dimiliki oleh Syarikat Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad untuk disewakan kepada orang ramai bagi tujuan melancong ke



KKBS sediakan program bina semangat jati diri belia

BERAKAS, 28 Jun. - Dasar Belia Negara yang telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah sebagai asas penting dalam upaya memeduli, memelihara dan membangun belia di negara ini, di samping mewujudkan rangkaian prasarana fizikal di seluruh negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada masa ini sedang dan akan terus mengusahakan program-

program yang melibatkan secara langsung belia-belie untuk membina semangat dan jati diri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, program-program berkenaan disusun sedemikian rupa di mana golongan belia memainkan peranan utama dalam mengatasi masalah mereka sendiri.

"Saya penuh yakin, program seperti ini akan banyak membantu belia-belie supaya lebih yakin dan berdaya," jelas Yang Berhormat di Majlis Anugerah Persatuan Belia Cemerlang 2004.

Yang Berhormat berkata, beberapa cabaran besar yang dihadapi oleh masyarakat belia pada masa ini seperti upaya mengaktif serta menyuburkan persatuan belia dan mengelakkan para belia daripada terjerumus

Oleh
Bolhassan HAB

ke dalam penyakit sosial yang ditangani oleh agensi-agensi kerajaan akan lebih berkesan dan berhasil sekiranya golongan belia yang berpotensi dan insaf ikut terlibat mengambil peranan masing-masing.

"Manakala pihak-pihak swasta juga dapat menghulurkan khidmat-khidmat sokongan membantu memperkukuhkan 'smart partnership' sedemikian," tambah Yang Berhormat.

Di majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Yang Berhormat seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah bagi tiga kategori anugerah.

Kategori Pengurusan telah dimenangi oleh Persatuan Tanjong Maya (PERTAMA), Tutong, sementara Kategori Ekonomi pula dimenangi oleh Persatuan Kampong Tanah Jambu (TIBA), Daerah Brunei-Muara, manakala Persatuan Bulan Sabit Merah dari Daerah

Belait memenangi Kategori Projek.

Anugerah Persatuan Belia Cemerlang merupakan pengiktirafan serta penghargaan kepada persatuan-persatuan belia di negara ini di atas pencapaian cemerlang dalam rang-

ka membangun ummah belia sekali gus menyumbang ke arah pembangunan bangsa dan negara.

Dengan adanya peng-anugerahan seumpama itu, para pemimpin dan golongan belia khususnya akan

terus bergerak aktif memajukan persatuan-persatuan belia di seluruh negara untuk melahirkan para pemimpin yang akan dapat diteladani dan menjadi harapan bangsa dan tanah air.

RTB - RTM rakam Pantun Remaja

Oleh
Abdullah Asgar

keluarga masing-masing yang antara lain disaksikan oleh Ketua Perhubungan Korporat RTB, Haji Mohd. Hussain bin Abdul Rahman dan Ketua Rombongan RTM, Encik Mustafa Kamal Razak.

Di bawah program MOU RTB - RTM itu, seramai 10 orang dari RTM telah berada di negara ini untuk membuat rakaman Pantun Remaja bersama pemantun-pemantun remaja RTB.

Selain berpantun, rombongan RTM itu juga akan melawat ke Pusat Ehsan di Kampong Bengkurong dan Kampong Ayer serta tempat-tempat menarik di negara ini.

Ini adalah kali ketiga program serupa diadakan di bawah MOU itu. Melalui pertukaran program ini diharapkan bukan saja dapat meningkatkan kerjasama hubungan RTB - RTM tetapi juga akan melibatkan para remaja dalam usaha mengekalkan kebudayaan Melayu yang unik.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah kepada Persatuan Tanjong Maya (PERTAMA), Tutong yang memenangi Kategori Pengurusan. - Gambar oleh Harun HR.

MUNGKIN agar panjang juga tajuk yang diberikan kali ini. Semuanya kerana kesukaan hati kita bila melihat sekumpulan anak-anak muda termasuk seorang remaja wanita ketika mana mereka mengambil bahagian dalam sesi fotografi yang dikelolakan oleh pertubuhan fotografi yang berkenaan itu. Kegiatan serupa ini amat baik, terutama bila dilihat kepada karier masa depan anak-anak yang masih muda remaja itu. Memang sudah wajar benar supaya anak-anak yang demikian itu harus diusahakan oleh pertubuhan yang demikian itu dalam memberikan mereka sebarang kegiatan yang positif, asalkan dapat membantu membuka minda mereka dan melahirkan kepintaran untuk memilih bidang karier yang boleh dijadikan sebagai bidang kerja atau yang berpotensi mengangkat masa depan mereka itu.

Mungkin kebolehan mereka itu, satu 'venue' telah dipilih iaitu Sungai Kianggeh dengan segala prasarana yang ada di sana serta dengan kegiatan hariannya yang menampung peniaga-peniaga kecil yang menggantungkan harapan dari hasil jualan mereka. Biarpun relatif kecil namun itulah yang menghidupkan anak-anak mereka dan juga cucu-cucu mereka selain dari diri mereka sendiri. Biarpun pendapatan harian secara ala kadar sahaja, namun mereka gembira kerana setidaknya ada usaha yang mereka lakukan dan ada pula rezeki yang hendak dibilang.

Sungai Kianggeh ini memang semenjak lama lagi atau seawal-awalnya ia wujud di situ, ia telah banyak mengambil peranan, selain dari peranannya sebagai pengkalan berniaga menurut sistem tradisi yang banyak cara itu, Sungai Kianggeh juga pernah memegang tanggungjawab sebagai pusat bekalan bahan-bahan makanan yang secara langsung menjadi pangkalan kepada perahu-perahu pedagang atau 'pengala' yang berhajat untuk menjajakan hasil jualan mereka itu, Sungai Kianggeh telah menjadi tempat mereka berkumpul dengan barang-barang jualan masing-masing.

Di sinilah berlakunya perundingan bersama peraih-peraih atau orang yang dengan mereka 'bertoko' atau pelanggan tetap untuk memajak barang-barang yang mereka bawa itu. Barang-barang itu kebanyakannya ialah jenis buah-buahan, sayur-sayuran dan segala macam hasil tanam-tanaman. Kadang-kadang terdapat ternakan-ternakan seperti ayam dan juga binatang-binatang hutan seperti pelanduk, kijang, pelbagai jenis burung, berbagai jenis telur seperti telur ayam, itik dan angsa.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MEMPOTRET SENARIO ALAM TERBETIK SETIAP YANG SUDAH BERLALU

Telur yang paling digemari dan dinanti-nantikan oleh kebanyakan orang dahulu itu ialah telur penyu. Biasanya, kalau musimnya tepat, telur-telur penyu itu akan dibawa ke Brunei dalam jumlah yang agak banyak juga - berbakul-bakul. Harganya boleh dibeli oleh semua orang termasuk yang berpendapatan rendah. Dahulu tidak ada tegahan mengambil dan menjual telur penyu. Sekarang sudah tidak dibolehkan, takut-takut kepupusan penyu. Biarlah penyu-penyu itu terus menetas dengan jumlahnya akan meningkat sehingga melimpah-limpah banyaknya. Mungkin setelah lanya 'juntrah' dan telurnya ada di mana-mana pantai di negara kita ini, mungkin undang-undang perlindungan ke atasnya akan dilonggarkan. Waktu itu nanti peminat telur penyu akan merasa lega terhadap telur kegemaran mereka itu nanti. Ini cuma mungkin-mungkin sahaja.

Tinggalkan sahaja cerita mengenai telur penyu yang ramai peminat itu lalu kita beralah ke lain topik iaitu Sungai Kianggeh sebagai pusat perniagaan dan perdagangan rakyat yang biasa - ada orang suka menyebutnya sebagai rakyat kecil, rakyat yang cuma tahu dan menantikan apa yang mereka cuma tahu itu. Ertinya, kebulur tidak akan berlaku lagi, kerana yang pasti bahawa barang-barang bekalan tidak akan kekeringan, kecuali jika berlaku sebaliknya.

Yang jelas Sungai Kianggeh ialah

pasar dagangan orang Melayu sebelum lain orang, lain suku, lain orang seperti Cina tumpang berdagang. Pendek kata, soal ketentuan pasar nampaknya lebih memihak kepada pedagang Melayu.

Dalam kita menyaksikan para jurugambar itu kepingin sangat nak ambil gambar, ini menunjukkan yang rancangan ini akan menempuh kejayaan asal saja anak-anak itu sudah benar-benar faham pengendalian kamera dan segala macam alat tambahannya.

Ada semacam kecelaruan berlaku pada menghayati apa yang ada di sekitar 'venue' yang menjadi 'target' juru gambar muda itu. Seharusnya mereka sudah ada 'target' atau sasaran yang hendak difoto yang ada di sini, tidak setakat pedagang dan barang-barang mereka dan dengan diri pedagang itu sendiri ada nilai foto yang tinggi mutunya dari keterampilan mereka yang unik dengan cara lama, atau satu tradisi yang belum tahu akan mengalami perubahan dalam tempoh yang terdekat. Bahan-bahan dagangan juga adalah khusus yang mana di tempat lain tidak semuanya dapat ditemui. Nah, ini satu lagi keistimewaan dagangan di Sungai Kianggeh.

Mereka perlu tahu cerita dan latar belakang di masa silamnya. Ia adalah alat perhubungan yang penting di zaman silam. Tidak setakat perahu kecil, malah

yang besar juga biasa masuk dan bertambat di sini untuk memunggah muatan yang berbagai-bagai, sama ada dari pesanan perahinya mahupun untuk dagangan mereka sendiri.

Sekitar Sungai Kianggeh, kawasan daratannya memang sibuk selalu sejak lama lagi terutamanya selepas perang apabila makin ramai orang membuat berbagai usaha niaga.

Selain daripada beberapa hal yang menjadi tugasnya, Sungai Kianggeh di masa lalu juga banyak menampung hal-hal yang lebih jauh dari itu. Umpamanya, dengan adanya hotel-hotel yang dibina di kelilinginya, Sungai Kianggeh seolah-olah menjadi tempat untuk lain-lain perkara. Ada kalanya, semua itu adalah sukar dari yang pasti sama ada orang-orang yang berligar, keluar masuk bangunan dan restoran atau kedai kopi di pinggirnya, benar-benar sekadar hendak membahas kerongkongan yang kering atau ada lain perkara yang menjadi agenda masing-masing. Lagipun, di satu kawasan tebing, ada sebuah perusahaan pembuatan minuman ringan seperti oren botol yang di bawah cap SNOWMAN.

Di samping itu, di situ juga terdapat ruang minum yang biasanya menarik perhatian ramai. Kadang-kadang, ia menjadi tempat bagi orang-orang yang tertentu untuk duduk sambil berbincang atau merundingkan sesuatu. Sebenarnya, kawasan Kianggeh ini, kalau nak dikatakan sebagai tempat 'pasar terapung' memang pernah berlaku pada musim-musimnya yang tertentu seperti musim pengalu-pengalu 'ilir', pedagang-pedagang dari darat yang terdiri dari pedagang dan petani. Mereka punya tempat yang tersendiri sama ada di tebing sungai atau di dalam rumah-rumah atau sekadar beratap-atapan untuk membolehkan mereka berjual-jualan. Di sini, tidak ada sebarang bayaran dikenakan pada waktu itu. Segalanya bebas. Pendapatan mereka pun ala kadar sahaja. Cukup untuk membeli makanan atau mengisikan dapur untuk seminggu dua.

Sekarang ini, semua itu sudah tidak berfungsi lagi. Ia sudah diganti dengan sesuatu yang baru dalam wajah yang baru apabila bangunan-bangunan telah mengambil alih. Keadaan perubahan itu dapat dilihat apabila Bangunan Kilang Snowman pada masa silam yang kini diambil alih oleh Rumah Tumpangan Kerajaan. Mudah-mudahan akan ada yang lebih mengerti kenapa Sungai Kianggeh tidak lagi sebegini dulu dan mengapa Bandar Seri Begawan sunyi dan tidak segarang di masa silam.

ARF berjaya tangani isu keselamatan

JAKARTA, 2 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, bersama Menteri-menteri Forum Serantau ASEAN (ARF) yang lain bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik.

Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri AFR Ke-11 hari ini yang diadakan di Assembly Hall, Pusat Konvensyen Jakarta (JCC).

Semasa Forum ARF diadakan, Menteri-menteri Luar bertukar-tukar pandangan dan membuat perbincangan pelbagai hala dalam mengukuhkan dialog mengenai isu-isu politik dan keselamatan serta kerjasama di rantau Asia Pasifik, selain meneliti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu dan membincangkan hala tuju masa depan forum tersebut.

Sementara itu, para Menteri Luar juga mengesahkan semula mengenai konsep antarabangsa Zon Bebas Senjata Nuklear (NWFZs) yang telah ditubuhkan melalui perjanjian di kawasan rantau ini iaitu sebagai alat per-

Oleh
Siti Aishah HS

damaian dalam kempen global untuk menghapuskan senjata-senjata pemusnah yang pada dasarnya lanjutan kepada deklarasi zon damai, bebas dan berkecuali.

Yang Teramat Mulia bersabda menyatakan rasa puas hati terhadap sumbangan positif ARF dalam menangani isu-isu keselamatan, malah ARF juga telah membantu mengeratkan lagi hubungan, meningkatkan kepercayaan dan kefahaman di antara peserta-peserta ARF sendiri.

Di sesi sidang berkekenan juga, Yang Teramat Mulia bersabda bahawa keganasan masih menjadi ancaman besar kepada keamanan, keselamatan serantau dan menekankan pentingnya pendekatan menyeluruh dalam menghapuskan ancaman tersebut.

Para Menteri Luar antara lain sepakat akan bekerjasama untuk mengendalikan perkara itu secara politik dan selamat berdasarkan serantau, selari dengan matlamat proses ARF, selain membina-

cangkan isu keselamatan, termasuk isu keganasan yang menjadi isu global.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Wirajuda, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Indonesia dihadiri oleh para ahli Menteri Luar ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN melibatkan 10 ahli anggota negara ASEAN bersama Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Korea Utara, Russia dan Amerika Syarikat.

Selepas sidang berkekenan diadakan, Yang Teramat Mulia bersama Menteri Luar yang lain berangkat bagi Jamuan Tengah Hari Menteri-menteri Luar ARF dan diteruskan dengan sesi ARF Retreat bersama Setiausaha Agung ASEAN.

Sejurus selepas itu, Yang Teramat Mulia berkenan menghadiri Majlis Penandatanganan bagi kerjasama Jepun dan Pakistan menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) Asia Tenggara yang berlangsung di tempat yang sama.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menghadiri Forum Serantau ASEAN (ARF) Ke-11 di Jakarta. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ASEAN - Russia tandatangani deklarasi tentang keganasan antarabangsa

JAKARTA, 2 Julai. - ASEAN menandatangani Deklarasi Bersama Bagi Kerjasama Menentang Keganasan Antarabangsa bersama Russia (Joint Declaration For Cooperation To Combat International Terrorism) hari ini yang berlangsung di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersama Menteri-menteri

Luar menghadiri majlis tersebut.

Penandatanganan itu adalah penyediaan satu rangka kerja di antara ASEAN dengan Russia bagi mencegah dan menentang keganasan, mencerminkan tekad ASEAN dan Russia untuk bekerjasama menghapuskan keganasan antarabangsa selain menguatkan lagi kerjasama bagi menangani ancaman dalam perkara tersebut.

Deklarasi Bersama itu juga adalah imbasan se-

mula semasa pendatanganan ASEAN - Russia di Phnom Penh, pada bulan Jun 2003 yang lepas, bagi Kerjasama Untuk Keamanan dan Keselamatan, Kebahagiaan dan Pembangunan di rantau Asia Pasifik yang antara lain untuk membanteras keganasan secara antarabangsa, selain mengembangkannya secara global.

Pada sebelah malam, Yang Teramat Mulia dan

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz berkenan berangkat ke Temasya Santap Malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Wirajuda, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Indonesia.

Temasya ini diberikan bagi meraikan para Menteri Luar ASEAN dan degelasi yang menghadiri Rakan-rakan Dialog dan ARF di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC).



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengadakan perjumpaan bersama TYT Khurshid M. Kasuri, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Islam Pakistan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Perjumpaan dua hala bersama Menteri Pakistan

JAKARTA 2 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Khurshid M. Kasuri, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Islam Pakistan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC).

Semasa perjumpaan tersebut, Yang Teramat Mulia menyambut baik penyertaan Pakistan ke Forum Serantau ASEAN

Oleh
Siti Aishah HS

(ARF) dan menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) Asia Tenggara.

Di kesempatan itu, Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama juga membincangkan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara dan juga perkara-perkara yang berhubung dengan isu-isu semasa serantau dan antara-bangsa.

Balai Al-Maghfirah kukuhkan semangat kekeluargaan

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Julai. - Orang ramai di negara ini yang ingin mengetahui latar belakang Jema'ah Balai Al-Maghfirah boleh melayari laman web beralamat www.brunet.net. Jema'ah Al-Maghfirah yang telah bermula Isnin lalu.

Dalam hubungan itu, Majlis Pelancaran Laman Web jema'ah itu telah berlangsung sebelah malam di Rumah Daraina, No. 530, Simpang 530, Kampong Sungai Besar, Jalan Kota Batu di sini.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin selaku Penuang jema'ah itu melancarkan laman web berkenaan. Jema'ah Balai Al-Maghfirah mempunyai ahli terdiri daripada anak, cucu dan cicit Pengarah Dato Paduka Haji Othman bin Abdul Kadir, ayah Yang Dimuliakan.

Di majlis itu beberapa kandungan laman web turut ditayangkan antaranya pengenalan penubuhan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Jema'ah Balai Al-Maghfirah. Al-Maghfirah berasal dari Bahasa Arab yang bermaksud kemaafan dan keampunan.

Dalam tahun 1991, Rumah Daraina yang ter-

letak di Kampong Sungai Besar telah diubahsuai dengan tambahan sebuah bangunan balai yang dinamakan Balai Maghfirah yang mula digunakan dengan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi yang dikendalikan oleh para remaja yang terdiri daripada anak, cucu dan cicit Pengarah Dato Paduka Haji Othman bin Abdul Kadir.

Sejak itulah bentuk Kumpulan Remaja Balai Maghfirah yang diketuai oleh Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang ahlinya masih bersekolah dan melanjutkan pengajian masing-masing.

Disebabkan kumpulan remaja meningkat dewasa, nama kumpulan telah diubah kepada Jema'ah pada awal tahun 2004 sesuai dengan Al-Maghfirah iaitu perkataan yang mempunyai konotasi keagamaan. Bagaimanapun, maksudnya masih menepati hajat untuk mengumpulkan remaja Balai Al-Maghfirah dalam pelbagai kegiatan untuk mencapai objektifnya.

Antara objektif jema'ah ialah mengukuhkan

semangat dan amalan bekerjasama kekeluargaan dengan cara menyemai sikap kesepaduan, nasihat-menasihati dan bantu-membantu, berunding dan bermuafakat, melengkapi diri dengan ilmu dan kemahiran di samping menjadi warga yang berguna.

Sempena majlis pelancaran itu, ceramah motivasi kekeluargaan diadakan yang disampaikan oleh pegawai Unit Kaunseling dan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dengan tajuk 'Sayang Anakku Sayang' yang menggariskan beberapa perkara yang perlu ada dalam mendidik anak. Antaranya ialah berlemah lembut terhadap anak-anak, jangan mengancam dan menakutkan anak-anak, jangan menghukum tanpa menyatakan kesalahan yang dilakukan, memberikan nasihat yang sama kepada anak-anak (tidak membezakan) dan jangan mengongkong kebebasan anak-anak.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah dan pereka laman web Jema'ah Balai Al-Maghfirah yang disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.



KEDAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



LAWATAN RASMI TIMBALAN PER MENTERI MALAYSIA



KEDAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengalu-alukan ketibaan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak dan rombongan ke Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar atas, baginda dan Yang Amat Berhormat berbual mesra di Majlis Santap Malam.

KEDAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama ahli rombongan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (kanan).



KENANGAN ... Kedawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kedawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar kenangan bersama Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak dan Isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor sempena lawatan rasmi dua hari.



KETIBAAN Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan disambut oleh Yang

Lip
Siti Al
Gar
gant
Pg. Haji E
Hami
Masri
Pg. Rafe
dan
Mama

AMAI SRA

n Penduduk an Muara Rakyat

beatre
Julai 2004

an Junjung Ziarah
ah Brunei dan Muara



Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong *Budaya Warisan Titipan Bangsa*

Padang Dewan Kemasyarakatan, Temburong
2 Jamadilakhir 1425 / 20 Julai 2004

Sempena Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah
Bersama Rakyat dan Penduduk Temburong



Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong *Raja Terbilang Negara Gemilang*

Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong
4 Jamadilakhir 1425 / 22 Julai 2004

Sempena Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah
Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong



BKN akan wujudkan Kumpulan Sokongan Bantuan Keluarga

BERAKAS, 26 Jun. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin berkata, dalam pembanjarasan najis dadah haram, Biro Kawalan Narkotik (BKN) akan memberikan tumpuan kepada keberkesanan rawatan melalui usaha untuk mewujudkan Kumpulan Sokongan Bantuan Keluarga.

"Kumpulan ini berfungsi sebagai pencegah kes-kes berulang dan akan dapat melahirkan 'role model' yang boleh membantu untuk memberikan keyakinan dan sokongan kepada ahli keluarga yang

Oleh
Abdullah Asgar

bermasalah dalam penagihan dadah dan membina bekas-bekas penagih yang telah pulih untuk kembali ke pangkuan masyarakat," katanya.

Dengan tertubuhnya kumpulan itu, jelasnya, insya-Allah akan dapat membantu menangani masalah penyalahgunaan dadah, terutama sekali dalam usaha untuk mengurangkan kes-kes yang berulang atau penagihan semula di negara ini.

Pg. Dato Paduka menambah, adalah diharapkan sasaran utama dalam

kumpulan itu terdiri dari kalangan ibu bapa yang ahli-ahlinya pernah terlibat dengan dadah, pernah menjalani Skim Pengawasan BKN, rakan sebaya yang pernah terlibat dengan dadah, ahli keluarga Rumah Al-Islah dan mereka yang telah berjaya dan dibebaskan dari Rumah Al-Islah.

Beliau mendedahkan perkara itu di Majlis Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Katanya, mereka inilah yang akan menjadi ahli dalam kumpulan ini seba-

gai sokongan kepada Kumpulan Sokongan Bantuan Keluarga.

Golongan seperti kaunselor, ahli agama, pendidik dan seumpamanya juga akan dipelawa untuk menjadi ahli kepada kumpulan itu dan seterusnya menyumbang sesuatu yang memberi faedah dan manfaat.

"Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang begitu banyak dalam usaha-usaha untuk memberikan rawatan dan pemulihan ke atas penagih dadah supaya mereka itu pulih dan kembali ke pangkal jalan," katanya.

Oleh itu, tambahnya,

tugas dan rawatan dan pemulihan yang dikendalikan oleh pihak kerajaan akan lebih berkesan lagi jika diikuti dengan bantuan susulan yang sudah tentunya memerlukan pemuliharaan dan penglibatan semua secara langsung dan tidak langsung.

Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram diingati setiap 26 Jun. Tahun ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memilih 'Keberkesanan Rawatan' atau 'Treatment Works' sebagai tema sambutan.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh BKN pada tahun ini saja sehin-

ga bulan Mei, BKN telah menangkap seramai 355 orang, manakala 161 orang darinya adalah mereka yang ditangkap berulang kali.

Sementara jumlah tangkapan bagi bulan Mei mencapai 40 orang, 22 dari mereka adalah tangkapan yang berulang dan umur mereka yang ditangkap berulang kali adalah di antara 30 tahun ke atas.

Statistik juga menunjukkan mereka yang menjalani Skim Pengawasan BKN juga berulang kali masuk ke skim yang sama, pada Mei 2004 seramai 80 orang dimasukkan di bawah skim tersebut. Dari jumlah tersebut seramai 43



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin. - Gambar oleh Hamadi HM.

orang atau 54 peratus adalah mereka yang berulang kali serta 48 orang pula berusia 30 tahun ke atas.

Pada malam sambutan itu majlis juga mendengar pembentangan kertas kerja oleh dua orang penyarah dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Zulkifli Mohd. Rashid dan Ustaz Haji Awang Adnan bin Haji Besar.

Dari muka 5

Pos Kawalan Kampong Putat ini menggantikan Pos Kawalan Dermaga di Bandar Seri Begawan.

Mengikut statistik keluar dan masuk di Pos Kawalan tersebut dalam sebulan dianggarkan sebanyak 70 buah perahu dan seramai lebih kurang 120 hingga 200 orang yang keluar masuk.

Dari Pos Kawalan Kampong Putat, Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat Syarikat Kerjasama Kampong Putat yang berdekatan dengan Pos Kawalan dan melihat barang-barang yang dijual di kedai tersebut yang hanya menjual barangan runcit untuk keperluan penduduk kampung dan sekitarnya.

Syarikat Kerjasama Kampong Putat mula ditubuhkan pada tahun 1982 dan kini mempunyai seramai 42 orang ahli.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Pos Polis Kampong Putat yang di bawah pengawasan Lans Koperat 2808 Awang Hamdini bin Zulkifli yang ditubuhkan sejak tahun 1980 dengan fungsinya memantau dan memastikan keamanan, keselamatan dan keharmonian penduduk setempat daripada anasir-anasir yang tidak diinginkan.

Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke rumah kediaman Ketua Kampong Putat, Awang Haji Sani bin Akim.

Kampong Putat mempunyai keramaian penduduk 620 orang dan terdapat empat buah kampung di bawah pengawasan Awang Haji Sani iaitu Kampong Putat, Kupang, Baung dan Pengkalang Batang.

Sebelum meninggalkan Kampong Putat, Duli Yang Teramat Mulia berkenan singgah melawat Sekolah Rendah Putat yang mempunyai keramaian murid yang belajar di sekolah tersebut seramai 68 orang dari darjah pra hingga darjah enam dengan 12 orang tenaga pengajar.

Seperti juga sekolah-se-

kolah yang lain di negara ini, Sekolah Rendah Putat juga menyediakan Bilik Komputer bagi para penuntutnya.

Sepanjang lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke bilik-bilik darjah di sekolah berkenaan, diiringi oleh guru besar sekolah tersebut, Pengiran Hajah Rabidah binti Pengiran Haji Badrudin.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berangkat melawat Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab bagi meninjau lebih dekat lagi kemajuan perkembangan pendidikan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah berkenaan.

Sejurus keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di sekolah tersebut telah dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan dan Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Cikgu Hajah Noor Ehsan binti Haji Noor Kaseh dan seterusnya dijunjung menaman seponon pokok yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai pokok Malawaring sebagai kenangan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke sekolah tersebut.

Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab terletak di Kampong Lupak Luas, mula beroperasi pada tahun 1994 dan telah dibuka rasmi pada 6 Ogos 1996 sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50.

Seramai 1,208 penuntut belajar di sekolah tersebut dari 16 buah kampung termasuklah Kampong Setia 'A' dan 'B', Kampong Bolkiah 'A' dan 'B' serta Kampong Menunggol dengan tenaga pengajarnya seramai 105 guru termasuk Pengetua sekolah berkenaan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Ber-

jamaah di surau sekolah tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berangkat ke dewan sekolah berkenaan bagi Majlis Santap Tengah Hari dan Ramah Mesra bersama para pegawai kanan kerajaan, warga tua dan belia-belia mukim serta guru-guru dan beberapa orang penuntut yang mengikuti program rintis sekolah tersebut.

Selepas Majlis Santap Tengah Hari dan Ramah Mesra, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Kampong Sungai Asam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di pusat tersebut dijunjung oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan dan para Pegawai Perubatan yang bertugas.

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung melawat sekitar pusat berkenaan di mana ianya disediakan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang komprehensif kepada kira-kira 20,000 orang pesakit.

Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dibuka rasmi pada 3 April 1997 dan pada masa ini mempunyai empat orang doktor di Bahagian Pesakit Luar.

Perkhidmatan yang disediakan di pusat ini termasuk Bahagian Pesakit Luar, Perkhidmatan Ibu-ibu Mengandung dan Anak-anak Damit, Klinik Pergigian, Farmasi dan Makmal.

Semasa lawatan ini Duli Yang Teramat Mulia menemui beberapa orang pesakit dan bertanya masalah kesihatan mereka serta menerima junjung ziarah para pesakit dan kakitangan yang lain.

Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Perusahaan Hikmah di Kampong Lumapas pada Disember 1991.

Kilang menenun kain songket tempatan ini diusahakan oleh Dayang

Hajah Robiah binti Haji Ampal. Beliau adalah pereka bentuk, pengurus dan pemilik perusahaan tersebut.

Dayang Hajah Robiah juga seorang graduan pengambilan pertama Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Antara bahan tenunan yang boleh didapati di Perusahaan Hikmah ialah kain sinjang, pakaian bagi pasangan pengantin, beg tangan, kasut, tali leher dan cenderamata yang memamerkan ciri-ciri kebruneian.

Pada masa ini Perusahaan Hikmah mempunyai 23 orang pekerja bagi menghasilkan barangan tenunan yang ditempah dan dijual kepada orang ramai.

Perusahaan Hikmah boleh menghasilkan lebih 20 bidang kain sinjang mengikut corak yang dikehendaki oleh pelanggan yang menempahnya.

Sebelum menamatkan lawatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad.

Koperasi Tasamul Mukim Lumapas Berhad ditubuhkan pada tahun 1981 dan merupakan salah sebuah koperasi yang terkemuka di negara ini dan mempunyai seramai 2,103 orang ahli.

Perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi

Tasamul pada masa ini termasuk Perkhidmatan Kredit Tasamul, Pengangkutan dan Sewa, Stesen Minyak dan agensi pengembaraan.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan lebih dekat lagi salah sebuah bas sewa pelancongan milik Tasamul yang boleh membawa sehingga 45 orang penumpang.

Perkhidmatan tersebut digunakan bagi perjalanan ke Sabah dan Sarawak semasa cuti persekolahan.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap hal-ehwal kemasyarakatan termasuk pelaksanaan bidang tugas jentera kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia juga adalah sebagai pemangkin kepada semua pihak yang terlibat untuk sama-sama menamai wawasan negara dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih komited, cekap dan dedikasi.

BIMP-EAGA tumpu empat sektor

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 28 Jun. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Infrastruktur dan Pengangkutan Brunei - Indonesia - Malaysia - Filipina - Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) bermula hari ini dengan membincangkan empat kelompok atau sektor baru sebagai perbincangan utama.

Empat sektor yang dibincangkan itu ialah pelancongan, pengangkutan, sumber asli dan perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Menteri-menteri BIMP-EAGA Ke-8 tahun lalu di Davao, Republik Filipina dan Mesyuarat Ketua-ketua BIMP-EAGA di Bali November lalu.

Berikutan keputusan tersebut, Negara Brunei Darussalam telah ditetapkan sebagai ketua negara bagi pengangkutan dan kelompok infrastruktur yang terbahagi kepada

empat kumpulan kerja di bawah BIMP-EAGA iaitu lautan udara, laut, pembinaan serta bahan pembinaan dan perhubungan.

Mesyuarat dua hari telah dipengerusikan oleh Pengarah Pengangkutan, Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Ya'akub bin Pengiran Haji Othman yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai dari BIMP-EAGA yang bertanggungjawab mengenai pengangkutan, infrastruktur dan perhubungan serta sektor awam. Majlis Perdagangan BIMP-EAGA dan Bank Pembangunan Asia.

Selain membincangkan empat sektor tersebut, mereka juga mendengar hasil keputusan bengkel 'Mengukuhkan Sub Regional Dalam Kerjasama Sektor Pengangkutan' dari Bank Pembangunan Asia, perkembangan terkini projek kerja kelompok oleh negara ketua termasuk hasil projek utama dan isu-isu perkembangan sumber manusia.

Mesyuarat juga antara lain mengharapkan agar dapat menghasilkan bahan rujukan baru dan membincangkan susulan perbincangan Mesyuarat Ketua-ketua BIMP-EAGA, di samping mengenal pasti 'flagship' yang boleh menghasilkan kesan lebih besar dalam rantau kecil.



PENGARAH Pengangkutan, Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Ya'akub mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Kerja Infrastruktur dan Pengangkutan BIMP-EAGA. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PADA siri yang lalu kita telah memperkatakan mengenai peranan dan tanggungjawab orang-orang yang bergelar atau Pembesar Diraja itu, dalam siri ini pula kita akan paparkan susunan Pembesar Diraja mengikut taraf gelaran masing-masing sebagai berikut:

KEPALA WAZIR

Jika terdiri daripada putera Sultan yang gahara:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar.

Jika terdiri daripada bukan putera Sultan yang gahara:

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar.

WAZIR EMPAT

Jika terdiri daripada putera Sultan yang gahara:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Temenggong Sahibul Bahar.

Jika terdiri daripada putera Sultan yang bukan gahara:

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibul Bahar.

KEPALA CHETERIA

Dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dua gelaran Cheteria telah ditambah yang ditarafkan Kepala Cheteria iaitu:

Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibul Nabalah (buat pertama kalinya gelaran ini dikurniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Kamis bin Al-Marhum Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin pada 15 Mei 1968).

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

Sahibun Najabah (buat pertama kalinya gelaran ini dikurniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar pada 8 April 1975).

CHETERIA EMPAT

Pada zaman dahulu Cheteria Empat ini termasuk dengan nama:

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib (asalnya Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib). Gelaran ini dikurniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar pada 8 April 1975.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad (asalnya Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Adinda Sahibul Fikri). Gelaran mula dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Haji Damit bin Pengiran Anak Sabtu pada 2 Ogos 1972.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar (asalnya Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Shahbandar Sahibul Bandar). Gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud pada 19 April 1975.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja (kerana jawatan). Gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Haji Mohd. Salleh dan kemudian dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Datu Setia Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Haji Apang pada 10 Februari 1977.

CHETERIA LAPAN ATAU CHETERIA BESAR

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Sura Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Raja (Siraja) Muda.

CHETERIA ENAM BELAS ATAU CHETERIA PENGALASAN BESAR

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anak-da.

Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja.

Yang Amat Mulia Pengiran Dewa Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Maharaja.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Derma Wangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Derma Putera.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Kesuma.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Rama.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Dewa.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Dewa.

Untuk menyesuaikan sesuatu keadaan dengan keperluan gelaran, dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diadakan lagi Cheteria Tambahan iaitu:

CHETERIA TAMBAHAN DI BAWAH CHETERIA 16

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana (kerana jawatan). Gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid pada 4 Mei 1968.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja (gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas pada 21 Mac 1978).

CHETERIA TIGA PULUH DUA ATAU PENGALASAN DAMIT

Yang Amat Mulia Pengiran Dewa Maharaja.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Dewa.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Dewa.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Lela.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Ratna.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Utama.

Yang Amat Mulia

Pengiran Seri Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Derma Wijaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Ratna.

Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Raja.

Yang Amat Mulia Pengiran Mahawangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa.

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Raja.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Wijaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Petra.

Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Dewa.

Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera.

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya.

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Perkasa.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama.

KETUA KEPALA MANTERI

Ketua Kepala Manteri mengapalai pentadbiran dan istiadat iaitu:

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Perdana Manteri.

KEPALA MANTERI UGAMA

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja (gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz (berasal dari Johor) pada 1 Februari 1968).

KEPALA MANTERI EMPAT

Di bawah Ketua Kepala Manteri ada dua orang Kepala Manteri iaitu:

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela.

MANTERI TAMBAHAN DI ATAS MANTERI EMPAT

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja

SIRI KESEBELAS

(kerana jawatan). Gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Diraja Dato Setia Awang Mohd. Abbas Al-Sufri bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Seri Utama Haji Awang Ibrahim pada 7 Mei 1968, yang ketika itu menyandang jawatan Ketua Pegawai Protokol Dalam Istana.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Penggawa.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja (gelaran ini mula dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Seri Utama Haji Awang Ibrahim pada 11 Mei 1968 yang ketika itu menyandang jawatan Timbalan Peguam Negara).

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Berhormat Dato seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar pada 5 September 1977) yang ketika itu menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan.

Yang Dimuliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Mejar Awang S.D. Butterell pada 3 Mei 1968) yang ketika itu menyandang jawatan A.D.C.

Yang Dimuliakan Pehin Sanggamara Setia Diraja (kerana jawatan). Gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Awang Mohd. Abbas Al-Sufri bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Seri Utama Haji Awang Ibrahim pada 23 September 1958, yang ketika itu menyandang jawatan A.D.C.

MANTERI EMPAT

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja.

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laksmiana.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

MANTERI DAGANG DI BAWAH MANTERI EMPAT

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Petinggi Maha Korna Diraja (kerana jawatan). Gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato

Seri Utama Sir Dennis Charles White pada 20 April 1970, yang ketika itu adalah wakil Kerajaan Brunei di United Kingdom.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Laila Setiawan (Gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Awang William Henry Doughty pada 23 September 1966), yang ketika itu adalah seorang ahli peniaga British yang telah lama bermastautin di Brunei.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Derma Setia (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang P.A. Coates pada 28 Mei 1969).

Yang Dimuliakan Pehin Datu Saudagar Derma Laila.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Berhormat Dato Seri Utama Awang Idris Talog Davies pada 22 Januari 1970).

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Berhormat Dato Seri Utama Awang John Lee pada 26 Januari 1970), yang ketika itu menyandang jawatan Pegawai Kewangan Negara.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Setia Dr. P.I. Franks pada 3 Februari 1970), yang ketika itu menyandang jawatan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Pahlawan Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Awang J.H.R. Burns pada 19 April 1973) yang ketika itu menyandang jawatan Pesuruhjaya Polis Brunei.

Yang Dimuliakan Pehin Permakawai Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Hamzah Pahlawan Awang George Edwin Coster pada 20 April 1973) yang ketika itu menyandang jawatan Ketua Cawangan Khas, Polis Diraja Brunei.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Setia Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang William Ian Glass pada 24 April 1974), yang ketika itu menyandang jawatan Pegawai Perjawatan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Laila Didekan (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang

A.D. Bumford pada 8 Oktober 1974) yang ketika itu menyandang jawatan Pengarah Pelajaran.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Tabib Laila Lutan Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. P.L. de V. Hart pada 22 Disember 1973) yang ketika itu menyandang jawatan Pakar Perubatan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Tabib Laila Adunan Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Mr. I.A. Harris pada 23 Disember 1973) yang ketika itu menyandang jawatan Pakar Bedah Perubatan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Tambanglayaran (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Awang Jack Turner pada 4 Oktober 1974) yang ketika itu menyandang jawatan Pengarah Laut.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Tabib Laila Setia.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Amar Setia Diraja (gelaran ini dikurniakan kepada Yang Mulia Haji Awang Kassim bin Awang Tamin dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin, Sultan Brunei Ke-27 iaitu selepas Perang Dunia Kedua).

Yang Dimuliakan Pehin Datu Temenggong Korna Diraja.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Bendahari China Bandar, Bandar Seri Begawan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Saudagar (gelaran ini pada asalnya ialah 'Pehin Datu Saudagar', tetapi dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diganti dengan 'Pehin Datu Saudagar Derma Laila' dan mula dikurniakan kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Roul Teesdale Lloyd-Dolbey pada 20 Jun 1969) yang ketika itu menyandang jawatan Pengurus Ladang Kerajaan.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Tabib Indera Setia.

Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Korna Diraja.

Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

YURA HALIM : PUI SI DAN KUPASAN

PENDAHULUAN

DALAM kesempatan ini penulis cuba memperkatakan tiga kuntum puisi yang telah dihasilkan oleh seorang penyair terkemuka tanah air Yura Halim. Yura Halim ialah nama pena Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim. Puisi-puisi tersebut termuat dalam antologi puisi Lagu Hari Depan, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, tahun 1980.

Puisi pertamanya, mari kita nikmati:

KE MAKAM BOLKIAH

*Dalam lembaran sejarah nusa
Terbentang jelas jasa perkasa
Harum setinggi kuntum rajasa
Bolkiah khalifah kebanggaan bangsa.*

*Di Kota Batu istana pusara
Tumbuh hidupku pandang-pandang
Tapi 'nangis rindu berlinang.
Nilai jasa mulia Nakhoda
Menjelma sukma di rimba murba
Peninggalanmu di maya jaya, Nakhoda
Panji Kuning merenung hamba.*

*Tapi, ratu kami 'lah berpisah
Bercerai jasmari rohani bukan
Semangat tetap se-ia, segunung lurah
Mencipta makmur dautat aman.*

*Dengan sempena Hari Raya Fitrah
Semoga Allah kabulkan doa
Dirgahayu rohmu di syurga al-Jannah
Kami nan hidup bahagia sentosa.*

Dalam puisi ini, penyair menoleh ke zaman lampau untuk mengenang dan mengabadikan jasa-jasa yang pernah dicurahkan oleh seorang raja Brunei yang harum namanya di bibir rakyat dan alam Nusantara iaitu Sultan Bolkiah (1485-1524). Baginda memerintah negara ini di akhir kurun ke-15 dan di suku terawal kurun ke-16 Masihi. Baginda mangkat pada tahun 1524 Masihi. Jasa-jasa baginda itu jelas tercatat dengan tinta emas dalam sejarah, dan setiap generasi negara ini merasa bangga dengannya. Dalam rangkap pertama penyair membuka mudah dengan indah:

*Dalam lembaran sejarah nusa
Terbentang jelas jasa perkasa
Harum setinggi kuntum rajasa
Bolkiah khalifah kebanggaan bangsa.*

Dalam menggambarkan keharuman nama Sultan Bolkiah, penyair menggunakan untaian berikut:

Harum setinggi kuntum rajasa

Penyair bijak memilih perkataan-perkataan yang berpasangan untuk mewujudkan perbandingan yang bersesuaian seperti 'harum setinggi'. 'Setinggi' mengikut Kamus Dewan ialah kemenyan yang mempunyai bau yang harum, dan 'kuntum rajasa', mengikut Kamus Umum Bahasa Indonesia perkataan 'rejas' (bukan 'rajasa') adalah sejenis pohon (dalam bahasa Jawa). Ada kemungkinan juga pohon 'rejas' ini mengeluarkan kuntum-kuntum bunga yang harum. Di sini jelas bahawa penyair sangat berhati-hati memilih perkataan untuk menyampaikan maksudnya. Perhatikan lagi untaian berikut:

Bolkiah khalifah kebanggaan bangsa

Perkataan 'khalifah' dari bahasa Arab bermaksud seorang pemimpin yang dilantik memimpin umat Islam selepas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam wafat. Ini bersesuaian dengan kedudukan Sultan Bolkiah sebagai seorang raja Islam yang memerintah sebuah negara Islam iaitu Brunei Darussalam digelarkan khalifah oleh penyair. Fakta sejarah juga menunjukkan bahawa Sultan Bolkiah bukan sahaja berjaya mentadbirkan negaranya dengan penuh keadilan dan saksama sehingga baginda dicintai oleh seluruh rakyatnya, malah baginda juga selaku pendakwah telah berjaya mengukuhkan ajaran Islam di kalangan rakyatnya dan menyebarkan ke luar negeri, meliputi seluruh Kepulauan Borneo sehinggalah sampai ke sebahagian besar selatan Kepulauan Filipina.

Penyair menyatakan pada rangkap berikutnya bahawa kenangan dan ingatannya itu adalah terbit ketika mengunjungi pusara Sultan Bolkiah, katanya:

*Di Kota Batu istana pusara
tumbuh hidupku pandang-pandang
tapi 'nangis rindu berlinang.*

OLEH PG. DATO SERI SETIA DR. HAJI MOHAMMAD PG. HAJI ABDUL RAHMAN

Untaian yang berbunyi 'tumbuh hidupku pandang-pandang' mungkin bermaksud bahawa Sultan Bolkiah adalah menjadi idola penyair, dan makamnya sentiasa mendapat perhatian penyair dari semenjak kecil lagi sehingga remaja seterusnya peringkat dewasa, di mana rasa kagum, penghargaan dan penghormatannya yang tinggi kepada Sultan Bolkiah tetap tidak berubah sepanjang masa. Namun apakah daya, kalau adapun kerinduan ingin beramah mesra hanya tersimpan di dalam dada kerana raja yang berjasa dan agung itu telah pun lama meninggalkan kita semua. Inilah perasaan murni yang tercetus dari lubuk hati yang lohor seorang penyair tanpa mengharap apa-apa balasan.

Penyair seterusnya bermadah:

*Nilai jasa mulia Nakhoda
menjelma sukma di rimba murba
peninggalanmu di maya jaya, Nakhoda
Panji Kuning merenung hamba.*

Sekali lagi penyair menonjolkan dua untaian yang menarik iaitu:

menjelma sukma di rimba murba

... ..

Panji Kuning merenung hamba.

Apa yang mungkin dimaksudkan oleh penyair dengan untaian: 'menjelma sukma di rimba murba' ialah bahawa jasa-jasa Bolkiah sentiasa terpacat dalam ingatan seluruh rakyat negara ini (Brunei). Menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia, perkataan 'murba' ialah rakyat jelata. Sementara itu apa pula yang dimaksudkannya dengan 'Panji Kuning'? Pada hemat kita mungkin yang dimaksudkan di sini ialah keluarga diraja keturunan Sultan Bolkiah yang ada hidup sezaman dengan penyair adalah sentiasa melihat kepada diri penyair dan mengharap supaya terus dapat memberikan khidmat bakti yang cemerlang untuk mendukung keturunan, warisan dan negara yang bertuah ini.

Kata penyair lagi:

*Tapi, ratu kami 'lah berpisah
bercerai jasmari rohani bukan
semangat tetap se-ia, segunung lurah
mencipta makmur dautat aman.*

Penyair menjelaskan bahawa antara kita dan Sultan Bolkiah telah terpisah oleh jarak zaman yang begitu jauh. Tetapi perpisahan tersebut hanyalah dari segi jasmani sahaja dan bukannya rohani. Dari segi rohani antara Sultan Bolkiah dengan keturunannya dan generasi demi generasi yang bernaung di bawah panji-panjinya adalah tetap bersatu dengan falsafah gunung tinggi sama didaki dan lurah lembah sama dituruni, demi untuk mencipta negara makmur, aman dan berdaulat seperti yang pernah dinikmati oleh rakyat jelata lima kurun yang lalu.

Penyair menutup madahnya dengan mengatakan bahawa peristiwa yang mengusik minda dan perasaannya itu berlaku pada Hari Raya Fitrah:

*Dengan sempena Hari Raya Fitrah
semoga Allah kabulkan doa
dirgahayu rohmu di syurga al-Jannah
kami nan hidup bahagia sentosa.*

Dalam rangkap ini penyair mendoakan agar roh Sultan Bolkiah akan mendapat nikmat dan rahmat Allah di dalam Syurga sebagai balasan keadilannya memerintah, keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Penyair menggunakan perkataan 'Dirgahayu rohmu'. Kamus Umum Bahasa Indonesia memberi makna 'Dirgahayu' sebagai mudah-mudahan berumur panjang; hidup. Ini merupakan suatu doa bahawa di dunia jasanya akan sentiasa dikenang dan di akhirat semoga roh baginda akan selama-lamanya berada dalam Syurga Allah yang penuh nikmat itu. Kita pun juga turut bersyukur kerana selepas lima kurun zaman

pemerintahan Sultan Bolkiah itu, kita masih hidup dalam aman dan sentosa. Alhamdulillah.

Bentuk puisi ini menarik kerana penyair dapat mengekalkan ciri-ciri puisi tradisional jenis pantun dan syair dengan sukukatanya antara lapan dan dua belas sukukata. Setiap rangkap mempunyai empat untaian, kecuali rangkap kedua yang hanya mempunyai tiga untaian. Ini agak menghairankan kerana penyair tentulah berkemampuan untuk melengkapkannya menjadi empat untaian. Rangkap pertama rimanya ialah (a/a/a/a), rangkap kedua (a/b/b), rangkap ketiga (a/a/a/a), rangkap keempat (a/b/a/b). Puisi ini mungkin dapat dikatakan berbentuk soneta.

Puisi keduanya, mari menghayati:

BAHTERA ISLAM

*Teman sepelayaran,
aku manusia kumuh lemah
kemiskinan, hamunan dikais-kais,
tenagaku hanya sekerat
tumpas di bingkai rapuh.*

*Sahabat harapanku,
aku hanyalah marhain dina
darahku hanya sekumun
nafasku, nadiku pupus
hanya Allah Maha Pengasih.*

*Aku tetap aku,
dengan bahtera juragan Islamku
kan ku layarkan bersamamu,
ke Utara, ke Kortika Timur Barat
ku labuhkan di pantai hijau saujana.*

*Bahtera ini Pusaka
ku layarkan meskipun menyungsung
badai*

*pantang menyimpang di arus
mendadak ganas
biar sumpak bertiram kapang
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman sepelayaran.*

*Ketiadaanmu teman,
mun kau membular membisu
mun kau merenung senyum di sumpah
bertukulah hasrat
patahlah tiang pusaka.*

*Mari bersamaku
tanpamu aku keseorangan
tenagamu, darahmu ku harapkan
sungguh
berilah, hulurlah
mari kita beriman walau terkorban.*

*Takdirnya kandas bubus
carek sumpak, pengayuh patah
ku tambal ku simpai, ku gala-gala
hingga palau
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman secarek setampap.*

*Aku dan teman sepelayaran
mengibarkan lambang Bahtera Islam
Allah bersama kami.*

Puisi ini telah dihasilkan oleh penyair Yura Halim dalam tahun 1968. Sungguhpun telah berlalu masa begitu lama, namun terasa puisi ini masih hangat dan bersemangat. Ini kerana perutusan dan kata-kata yang dipergunakannya dan cara penyampaian yang penuh dengan semangat dan daya juang yang tinggi yang tidak mengenal kalah dan putus asa. Dalam pada itu beliau tidak mudah hilang punca, ini terbukti dengan kesedarannya terhadap kedudukannya sebagai hamba Allah yang serba lemah yang mana sentiasa mengharap petunjuk, tenaga dan pertolongan dari Allah Taala dalam menjayakan matlamat perjuangannya.

Dalam rangkap pertama dan kedua, beliau menyuarakan rasa merendah diri selaku insan biasa yang serba kekurangan, kerana yang serba gagah dan lengkap hanyalah Allah Subhanahu Wataala. Penyair bermadah:

*Teman sepelayaran,
aku manusia kumuh lemah
kemiskinan, hamunan dikais-kais,
tenagaku hanya sekerat
tumpas di bingkai rapuh.*

*Sahabat harapanku,
aku hanyalah marhain dina
darahku hanya sekumun
nafasku, nadiku pupus
hanya Allah Maha Pengasih.*

Kamus Dewan memberi pengertian perkataan 'kumuh' sebagai kotor, keji, cemar. Sementara perkataan 'sekumun' sebagai sangat sedikit, sekelumit, sangat

kecil. Penyair juga bijak memilih perkataan 'dikais-kais' yang menggambarkan keadaan hidup serba susah mencari rezeki.

Sungguhpun begitu, pada rangkap berikutnya penyair bangkit dengan penuh bertenaga dan lantang bersuara, katanya:

*Aku tetap aku,
dengan bahtera juragan Islamku
kan ku layarkan bersamamu,
ke Utara, ke Kortika Timur Barat
ku labuhkan di pantai hijau saujana.*

Walaupun merasakan kekurangannya sebagai seorang insan biasa, tetapi semangat juangnya tidak mengizinkannya berdiam diri, sebaliknya penyair mahu bergerak ke hadapan, dan ke mana-mana medan jua demi kerana Islam, ke Timur atau ke Barat, ke Utara atau ke Selatan, semuanya itu tidak menjadi soal baginya. Ini kerana sebagai pemimpin yang berpengalaman (juragan) beliau mempunyai keyakinan diri untuk cuba membawa masyarakat yang dipimpinnya ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan (ku labuhkan di pantai hijau saujana).

Penyair menganggap bahawa Bahtera Islam itu adalah merupakan suatu pusaka yang menjadi warisan turun temurun. Maksud 'pusaka' ini pada hemat kita ialah kerana ajaran Islam itu telah masuk dan diterima dengan baik serta tersebar dengan luasnya di negara kita semenjak berkurunkurun yang lalu, sehingga ajaran Islam itu telah menjadi suatu yang bersebat dengan jiwa, perasaan, pemikiran dan akidah umat Melayu Islam di negara kita. Penyair menyatakan sikapnya begini:

*Bahtera ini Pusaka
ku layarkan meskipun menyungsung
badai
pantang menyimpang di arus
mendadak ganas
biar sumpak bertiram kapang
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman sepelayaran.*

Dalam rangkap ini penyair menyatakan keazaman penuh, tanpa gentar dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Apakah yang dimaksudkannya dengan 'menyungsung badai'? Pada hemat kita, maksud penyair dengan 'menyungsung badai' itu ialah pengaruh dari Barat yang bersifat negatif melanda masyarakat kita dalam pelbagai bentuk dan rupa sehingga boleh menggugat ketahanan budaya dan akidah masyarakat kita, termasuk di sini ialah ajaran sesat dan menyeleweng. Hal ini memerlukan orang-orang yang benar-benar gigih dan ikhlas berjuang untuk mempertahankan kesucian ugama Islam.

Ini disulami oleh penyair dengan suatu ungkapan yang indah dan tepat bagi menyokong keazamannya dengan katanya: 'Biar sumpak bertiram kapang'. Kamus Dewan menyebut sumpak yang bererti sobek tepinya (pengayuh dll), sumbing besar. Sementara tiram bererti lokan (binatang yang berkulit kapur) yang boleh dimakan isinya. Adapun kapang ertinya ialah sejenis siput yang melekat pada dan makan kayu di air. Bait ini bermaksud bahawa perahu atau kapal yang beliau naiki biarpun akan mengalami kerosakan dan serba kekurangan, namun beliau akan tetap jua meneruskan pelayarannya bersama rakan-rakan seperjuangannya.

Rangkap ini menggambarkan sikap dan pendirian teguh seorang pejuang Islam yang tulen. Adanya semangat seperti inilah yang menyebabkan Islam tegak dan berkembang dengan jayanya di setiap zaman. Semangat seumpama ini tidak semestinya hanya ada pada ulama, tetapi juga boleh tumbuh dalam jiwa Muslim yang mempunyai keimanan kuat dan kesedaran yang tinggi.

Seterusnya beliau sinis dan mengkritik sekiranya ada dari teman-temannya itu akan belot dari tujuan asalnya. Madahnya:

*Ketiadaanmu teman,
mun kau membular membisu
mun kau merenung senyum di sumpah
bertukulah hasrat
patahlah tiang pusaka.*

PERSIAPAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN

GAMBAR-GAMBAR OLEH
HAMADI HM DAN PG. RAFEE PDPHM



UPACARA Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 yang berlangsung di ibu negara.



BENDERA besar berkibar megah di kawasan lapang Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara sebagai tanda kesyukuran sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas). Serentara gambar kiri dan bawah, pintu gerbang dan lampu cucul beraneka warna dipasang indah di sekitar ibu negara bagi menyerikan lagi suasana sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan rakyat dan masyarakat di negara ini. DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK.



RAJA YANG SALIH : ZAMAN KEEMASAN ISLAM BRUNEI DARUSSALAM

OLEH PG. DATO
SERI SETIA
DR. HAJI
MOHAMMAD

PENDAHULUAN

SELAMAT Dirgahayu disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-58 tahun. Baginda adalah Sultan Brunei yang ke-29 sejak Kesultanan Brunei muncul dalam abad ke-14 Masihi.

Baginda telah diputerakan pada 15 Julai 1946 di Istana Darussalam yang terletak di Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan). Baginda telah mendapat pendidikan awalnya di Istana Darul Ulu. Kemudian barulah memasuki institusi pendidikan dalam negeri, seterusnya ke luar negeri (Kuala Lumpur) selepas itu ke United Kingdom belajar di Sandhurst Royal Military Academy dan diterima sebagai Pegawai Kadet. Baginda kemudian berkelana untuk dinaikkan pangkat sebagai Kapten pada tahun 1967.

Sebelum itu, baginda telah diisytiharkan menjadi Pengiran Muda Mahkota pada tahun 1961 dan semasa baginda masih berada di Sandhurst pada tahun 1967, baginda telah dipanggil pulang ke tanah air oleh ayahanda baginda untuk menaiki Takhta Kerajaan pada 5 Oktober 1967 berikutan turunnya ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dari takhta kerajaan atas kemahuan Al-Marhum sendiri.

Di samping menjadi seorang Raja, sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984 dan menjalankan sistem pemerintahan secara berkemertanian, baginda juga menjadi Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pertahanan.

Sebagai ketua negara, baginda terlibat sepenuhnya dalam perjalanan pentadbiran negara. Untuk memastikan jentera kerajaan berjalan dengan baik dan teratur, baginda tidak sahaja memerhatikannya dari jauh, tetapi juga melihat secara lebih dekat dengan mengadakan lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, mengadakan lawatan ke daerah-daerah dan kampung-kampung untuk menemui rakyat baginda. Ini menjadikan baginda seorang raja yang popular di kalangan rakyatnya. Baginda juga sering melawat masjid-masjid di seluruh negara istimewanya pada hari Jumaat. Di samping beribadah, para jemaah berkesempatan pula menjunjung ziarah bertemu wajah bersama baginda. Baginda



WADAH KEPIMPINAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat mengemulangi perarakan Maulud, contoh kepimpinan yang amat agung.

telah menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah beberapa kali termasuk sekali bersama semua anggota keluarga baginda.

Sebagai seorang raja yang taat beragama, baginda berpegang teguh kepada aqidah dan ajaran Islam. Baginda bukan sahaja menjadi penerus yang setia kepada usaha-usaha yang telah diasaskan oleh ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin siapa yang digelar sebagai Arkitek Brunei Modern, malah baginda sendiri mempunyai keinginan untuk melihat agar ajaran-ajaran Islam berkembang dengan subur dan dihayati sepenuhnya oleh rakyat baginda di negara ini. Keinginan dan keyakinan baginda telah baginda curahkan sejak dari mula baginda memerintah negara ini iaitu sebagai mana titah baginda pada 30 Disember 1967:

"Beta percaya rakyat Beta yang dikasihi sekalian sedia memaklumi bahawa perkembangan bahagian agama yang telah dilancarkan dengan baik itu adalah merupakan pada keseluruhannya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai satu matlamat yang menjadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh dengan nikmat kebahagiaan bagi keseluruhan rakyat dan penduduk negeri Brunei Darussalam ini."

Tulisan ini ditumpukan bagi melihat sumbangan besar baginda itu dari aspek keagamaan, antaranya ialah:

1. PENDIDIKAN ISLAM

1.1 Penubuhan Sekolah Arab Laki-Laki dan Perempuan, merupakan lanjutan dari usaha ayahanda baginda. Sekolah Arab Laki-Laki dikenali dengan nama Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah mengambil sukut nama baginda sendiri. Sementara Sekolah Arab Perempuan diberi nama Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit

iaitu nama Al-Marhumah bonda baginda. Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah telah memulakan pengajiannya pada 11 Mac 1966, sementara Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit memulakan pengajiannya pada tahun berikutnya. Pelajar-pelajar dari kedua-dua buah sekolah ini akan mengambil Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB). Di samping itu juga boleh mengambil Sijil 'O' dan 'A' Level. Apa yang menarik di sini ialah di awal pemerintahan baginda itu, baginda telah terdedah dengan aspek-aspek pendidikan Islam. Sentuhan baginda telah membawa kemajuan dan perkembangan yang positif bagi kedua-dua buah sekolah tersebut. Penuntut-penuntut yang berjaya dari sekolah ini telah dihantar keluar negeri khususnya ke Universiti Al-Azhar bermula kira-kira 20 tahun yang lalu. Ramai yang telah pulang ke tanah air setelah memperolehi ijazah dalam bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab.

1.2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah memulakan pengajiannya pada tahun 1972, sementara pembukaan rasminya disempurnakan oleh baginda pada tahun 1975. Maktab tersebut telah ditubuhkan dengan tujuan utamanya untuk melahirkan guru-guru agama terlatih bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam di negara ini, dan keperluan masyarakat setempat dalam perkara yang berhubung kait dengan keagamaan. Sehingga sekarang maktab ini telah berjaya mengeluarkan guru-guru agama yang berkelakuan dan berjaya mencapai objektif penubuhannya.

1.3 Sambutan yang baik masyarakat Islam kepada pendidikan aliran Arab telah mendorong pihak kerajaan baginda menubuhkan pula Ma'had Islam Brunei bertempat di Daerah Tutong. Pembukaan rasmi bangunan

Ma'had disempurnakan oleh baginda sendiri pada tahun 1990. Lulusan dari Ma'had ini setelah memperolehi STPUB akan memasuki Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah sebagai tangga untuk memperolehi STPUB, dan seterusnya melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri atau ke seberang laut.

1.4 Baginda juga memperkenankan bagi penubuhan Institut Pengajian Islam Brunei (IPI) pada tahun 1988. Institut ini telah memulakan kursusnya pada bulan Julai 1989. Pengajian di institut ini berjalan selama tiga tahun yang membawa kepada pengumuman Diploma Pengajian Islam dalam Juran Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiah. Lulusan dari institut ini telah diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar dan diterima untuk memasuki terus Tahun Akhir (Tahun Empat) di Universiti Al-Azhar bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda. Institut ini juga telah membuat Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Universiti Al-Azhar pada tahun 1992.

Selain mengeluarkan Diploma Pengajian Islam, IPI juga mengadakan Kursus-kursus Takhasus At-Tafaqu Fiddin, Perundangan Islam, Lanjutan Seni Membaca Al-Quran, Menghafaz Al-Quran bagi pegawai-pegawai masjid dan lain-lain.

1.5 Sesuai dengan kedudukan sebagai sebuah negara yang merdeka pada tahun 1984, maka Negara Brunei Darussalam perlu mempunyai sebuah pusat pengajian tingginya sendiri. Oleh yang demikian baginda telah memperkenankan penubuhan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 1985 di mana baginda sendiri menjadi Canselornya. Salah sebuah jabatan yang diwujudkan pada awal penubuhan UBD ialah Jabatan Pengajian Islam yang diletakkan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Kema-

sarakatan. Pada tahun 1993, jabatan tersebut telah dinaikkan tarafnya menjadi sebuah fakulti dengan nama Fakulti Pengajian Islam.

1.6 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah ditubuhkan pada tahun 1993. Institut ini menjalankan Kursus Penghafalan Al-Quran 30 juzuk dan terbuka kepada para remaja tempatan lelaki dan perempuan. Di samping menghafaz Al-Quran, institut ini juga mengadakan mata pelajaran akademik pada peringkat 'O' dan 'A', sementara mata pelajaran Sains dan Komputer juga diajarkan.

1.7 Satu sejarah penting telah berlaku dalam tahun 1999 bilamana baginda telah memperkenankan percantuman IPI di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Fakulti Pengajian Islam, UBD pada 1 Muharam, 1420 Hijrah/17 April 1999. Setelah dicantumkan, kedua-dua institusi tersebut menjadi sebuah institusi baru yang dikenali dengan nama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPISHOAS), UBD iaitu mengambil 'tabarruk' dari nama Al-Marhum seorang negarawan ulung yang telah menyumbangkan jasa besarnya dalam bidang agama di negara ini. Institut ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Kursus-kursus agama diajar dalam bahasa Arab, di samping itu mereka juga mempelajari Kursus Melayu Islam Beraja (MIB), dan Kursus Bahasa Inggeris juga menjadi keutamaan. Mempunyai tiga jurusan iaitu Jurusan Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiah. Tempoh pengajian di institut ini ialah selama empat tahun untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Lughah Arabiah. Institut ini hanya menerima pelajar-pelajar yang memiliki kelulusan yang baik dari aliran Arab khususnya para pemegang STPUB atau yang sebanding dengannya. Hasil dari

percantuman tersebut di atas, institut ini telah mengeluarkan kumpulan graduannya yang pertama bagi Ijazah Sarjana Muda pada tahun 2000. Sementara bagi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, seorang telah dianugerahkan pada tahun 1999. Perkembangan ini merupakan satu kemajuan yang bersejarah yang telah dicapai oleh negara ini dalam bidang pengajian Islam. Ini bermakna para pelajar tempatan sudah boleh meningkatkan ilmu pengetahuan Islam mereka di dalam negara, tidak lagi sebagai mana sebelumnya. Malahan dengan sistemnya yang terkini dan tenaga pensyarahnya yang berkualiti, maka ramai pelajar dari luar negara yang memasuki institut tersebut seperti dari Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, Bosnia, negara-negara Afrika dan lain-lain.

1.8 Hubungan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Universiti Al-Azhar, Mesir khususnya dengan Kerajaan Mesir amnya sudah bermula sejak lebih 40 tahun yang lalu iaitu apabila Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju buat pertama kalinya menghantar tiga orang pelajar dari Brunei untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar pada tahun 1960. Penghantaran tersebut berterusan hinggalah sekarang. Pada masa ini ratusan anak tempatan telah memperolehi Ijazah B.A., M.A., bagaimanapun hanya seorang yang memperolehi Ijazah Ph.D dari Universiti Al-Azhar. Hampir keseluruhannya berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pelbagai jabatan dan kementerian khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebagai misal orang yang memegang jawatan Menteri Hal Ehwal Ugama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Mufti Kerajaan pada masa ini adalah terdiri dari anak-anak tempatan yang berkelulusan dari Universiti Al-Azhar. Sementara sebahagiannya lagi memegang jawatan Setiausaha Tetap, duta, pegawai diplomatik, pegawai kanan pentadbiran, pengarah, pegawai agama, pensyarah, pendakwah dan lain-lain. Adanya hubungan Negara Brunei Darussalam yang rapat dengan Al-Azhar juga telah membolehkan kerjasama dalam pelbagai bidang dapat dilaksanakan dengan lancar dan baik seperti bagi menyempurnakan penerbitan Mushaf Brunei Darussalam yang bertulis tangan yang telah sempurna dilancarkan pada tahun 1992. Juga dengan adanya kerjasama dari Universiti Al-Azhar, kita dapat mendatangkan guru-guru dan ulama-ulama dari Al-Azhar untuk berkhidmat di pusat-pusat pengajian menengah dan tinggi di negara ini.

2. PERKEMBANGAN UGAMA

2.1 Perisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei

RENCANA SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Darussalam yang dititahkan oleh baginda pada awal tahun 1984 mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara MIB yang mana Islam menjadi agama rasmi negara dan mengikut aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Kandungan perisytiharan itu antara lain berbunyi:

"... Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran Islam menurut ahli Sunnah Waljamaah...."

2.2 Sebuah institusi pentadbiran hal-ehwal Islam yang tertinggi wujud di negara ini iaitu Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). MUIB telah ditubuhkan pada tahun 1956 iaitu setelah Undang-undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955 dikuatkuasakan. Di antara tanggungjawab dan kuasa yang ada pada majlis ini ialah:

I. Menjadi kuasa yang tertinggi di Brunei mengenai hal-ehwal Islam, sekali gus bertindak selaku pembantu dan penasihat kepada Sultan dalam hal-hal yang berhubung dengan agama.

II. Memberi perhatian dan melaksanakan setiap undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam, di samping melaksanakan undang-undang yang berpujian hukum syarak.

2.3 Walaupun majlis ini ditubuhkan lebih awal sebelum baginda menaiki takhta tetapi selepas itu hubungan majlis ini dengan baginda sangat rapat dan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh majlis ini dan kesannya kepada seluruh umat Islam di negara ini adalah sangat besar iaitu natijah dari kepimpinan baginda yang bijaksana selaku Ketua Ugama bagi negara ini.

2.4 Salah satu jasa baginda yang besar dalam memartabatkan kedudukan agama di negara ini ialah menaikkan taraf Jabatan Hal Ehwal Ugama menjadi sebuah kementerian dalam kerajaan baginda yang bergelar Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 1986. Penubuhan kementerian ini telah menaikkan lagi imej negara sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah negara Islam yang mana Islam menjadi agama rasmi negara dan berfalsafahkan MIB.

RAJA YANG SALIH: ZAMAN KEEMASAN ISLAM BRUNEI DARUSSALAM

Dari muka 13

2.5 Hasrat baginda untuk melihat negara ini menerbitkan Mushaf Al-Quran bertulis tangan bagi kegunaan umat Islam di negara ini telah dititahkan oleh baginda di Majlis Peringatan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pada 7 April 1987. Titah baginda itu telah dilaksanakan dan diungkayahkan dengan kerjasama dari pelbagai pihak dalam negara ini dan mendapat bantuan dari Universiti Al-Azhar yang meminjamkan seorang pakar khat iaitu Abdul Wahid El-Saed Gadalla. Universiti Al-Azhar juga memberikan bantuan dari segi pentashihan dan penyemakan. Akhirnya mushaf tersebut telah dapat disiapkan. Satu Majlis Pelancaran telah diadakan di Istana Nurul Iman pada 7 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 3 Oktober 1992 Masihi yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sendiri bersempena perayaan Jubli Perak pemerintahan baginda selama 25 tahun di atas takhta kerajaan.

Penerbitan dan pencetakan Mushaf Al-Quran bertulis tangan ini adalah dengan tujuan:

a) Sebagai satu ristaan sepanjang zaman atas pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang meneruskan dan meluaskan penghormatan agama Islam di negara ini yang diasaskan oleh ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

b) Untuk digunakan di sekolah-sekolah agama dan kegunaan kaum Muslimin khasnya di Negara Brunei Darussalam.

c) Untuk menjadi hadiah rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam kepada tetamu dari negara-negara lain.

Mushaf di atas telah dicetak sebanyak 150,000 naskhah.

2.6 Dalam Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD pada 12 September 1992 baginda telah menitahkan bahawa baginda memperkenankan supaya Cokmar UBD digantikan dengan Mushaf Al-Quran Tulisan Tangan, yang akan ditulis khas bagi tujuan tersebut semata-mata. Ini kerana selain daripada untuk mengambil berkat, juga kerana Al-Quran itu sendiri merupakan khazanah ilmu pengetahuan yang terlengkap, lebih dari setakat menjadi simbol ataupun lambang.

2.7 Satu perkara yang mendatangkan kesan positif dan berkat kepada negara ini sebagai sebuah negara Islam ialah perkenan baginda bahawa mulai 1 Disember 1990 kemusuk, penjualan dan pengedaran arak tidak lagi dibenarkan di negara ini. Ini adalah dalam usaha

untuk membersihkan negara ini dari salah satu makiat besar dan bagi mengharapkan keredaan Allah jua. Dengan tindakan ini telah mengukuhkan lagi penghormatan beragama di negara ini.

2.8 Baginda juga berhasrat untuk melihat negara ini mempunyai para hafiz Al-Quran tempatan bagi melepaskan Fardu Kifayah umat Islam. Hasrat baginda ini tercapai apabila Negara Brunei Darussalam dapat menghasilkan Hafiz Al-Quran yang pertama iaitu Awang Haji Suhaili bin Haji Metali pada tahun 1990. Baginda telah berkenan mengurniakan kepada beliau sejumlah wang \$100,000.00 dan Bintang S.S.U.B. Beberapa tahun berikutnya, Awang Haji Ali bin Haji Timbang juga telah berjaya menjadi Al-Hafiz yang kedua. Kegembiraan baginda tergambar dalam titah baginda sempena Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiulawal 1411 bersamaan 1 Oktober 1990. Titah baginda:

"Alhamdulillah, kita telah berjaya juga pada akhirnya menghasilkan Hafiz kita sendiri yang kita dan negara kita-citakan selama ini. Dengan adanya Hafiz Brunei Darussalam ini, maka satu daripada kewajipan Fardu Kifayah yang wajib kita selesaikan telah tertuna."

2.9 Pertandingan Tilawah Al-Quran yang dijalankan dalam zaman pemerintahan ayahanda baginda diteruskan lagi setiap tahun hingga sekarang sebagai tradisi bagi mencungkil bakat-bakat yang berkebolehan dalam bidang pembacaan Al-Quran dari peringkat daerah ke peringkat negara hinggalah ke peringkat antarabangsa. Hasilnya sangat menggembirakan di mana negara ini pernah menjadi juara di peringkat antarabangsa. Jelasnya wakil dari Negara Brunei Darussalam iaitu Awang Haji Mashud bin Awang Damit telah menjadi Johan Qari di peringkat antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 1977. Kejayaan itu diikuti pula oleh Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf selepas lebih 20 tahun kemudiannya menjadi Johan Qariah di peringkat antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 2002. Dan beberapa kali lagi wakil dari negara ini baik yang mewakili kumpulan qari atau qariah pernah menduduki tempat kedua dan ketiga. Pencapaian gemilang dalam bidang pembacaan Al-Quran ini berlaku dalam zaman pemerintahan baginda, malah dengan galakan, sokongan, semangat dan rangsangan dari baginda sendiri. Ini tergambar dalam titah baginda di Majlis Peringatan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 31 Januari 1990, baginda bertitah:

"Pada mengambil sukut baik majlis ini, dan dengan niat murni kita untuk menggalakan peningkatan mutu pembacaan Al-Quran, maka beta

sukacita mengumumkan bahawa mulai sekarang kita akan mempunyai satu 'Skim Penggalan Kece-melangan Membaca Al-Quran' iaitu bagi qari dan qariah yang dihantar oleh kerajaan untuk mewakili negara kita ke Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa, jika hanya memenangi tempat pertama atau kedua atau ketiga dalam pertandingan tersebut, akan dikurniakan hadiah galakan berupa wang tunai."

2.10 Kewibawaan dan kebolehan baginda sebagai seorang pemimpin Islam terserlah apabila baginda bersedia untuk menyampaikan khutbah semasa Sembahyang Hari Raya Aidilfitri di awal bulan Syawal 1413 Hijrah/Mac 1992 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu kota. Sekali lagi baginda menyampaikan khutbah ialah pada Sembahyang Jumaat 6 Safar 1415 Hijrah bersamaan 15 Julai 1994 Masihi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di ibu kota.

3. UNDANG-UNDANG ISLAM
Baginda berhasrat supaya Undang-undang Negara diselenggarakan dengan Undang-undang Syarak. Hal ini dinyatakan dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1411/23 Julai 1990. Antara lain baginda bertitah:

"... Maka bersabit dengan inilah dan juga sejajar dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, maka kerajaan adalah sedang mengusahakan penyelarasan undang-undang negara ini dengan kehendak ajaran Islam itu."

Sehubungan itu, sebuah jawatankuasa telah dibentuk yang sedang giat bekerja menyelaraskan semua Undang-undang Brunei dengan kehendak syarak dan juga menggubal Undang-undang Jenayah Islam bagi menggantikan Undang-undang Jenayah yang dipakai sekarang berasal dari Britain.

4. EKONOMI

4.1 Baginda juga mempunyai cita-cita yang kuat untuk mewujudkan sistem ekonomi Islam di negara ini yang berjalan berdasarkan hukum-hukum syarak sebagai satu alternatif kepada sistem ekonomi secara 'conventional'. Cita-cita baginda ini mula tercapai dengan penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) yang pelancarannya dilakukan oleh baginda sendiri pada 29 September 1991 di Bandar Seri Begawan dan merupakan tabung kewangan Islam yang pertama di Brunei.

4.2 Hasrat baginda sebagaimana di atas diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) yang pelancarannya dilakukan oleh baginda pada 13 Januari 1993 diselenggarakan dengan perasmian bangunan bank berkenaan. Inilah satu-satunya bank yang pertama kalinya menjalankan muamalah berdasarkan syariat Islam di Brunei. IBB asalnya adalah sebuah bank bukan

Islam yang dikenali sebagai The International IBB yang mana baginda sendiri menjadi salah seorang pemegang saham utamanya. dan ianya merupakan salah sebuah dari 500 bank yang terkuat di Asia. Bagaimanapun memandangkan hasrat baginda yang begitu kuat untuk mewujudkan sebuah bank Islam di negara ini maka baginda telah mengarahkan supaya bank itu ditukar menjadi bank Islam. Pelanggan-pelanggan IBB bukan sahaja terdiri dari orang Islam bahkan juga peniaga-peniaga besar yang bukan Islam juga bermuamalah dengannya.

4.3 Perkembangan yang menarik selepas tujuh tahun kemudiannya ialah penukaran Bank Pembangunan Brunei menjadi Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) yang perasmian pelancarannya diselenggarakan dengan pembukaan rasmi ibu pejabatnya telah disempurnakan oleh baginda pada 11 November 2000. Ini menunjukkan petanda baik bahwa sistem kewangan Islam telah diterima dan mendapat sambutan baik dari masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini.

5. KEMASYARAKATAN

5.1 Baginda juga berhasrat supaya semua perkara besar yang berkaitan dengan Islam dibesarkan dengan selayaknya termasuk hari-hari Kebersihan Islam seperti Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, Awal Muharam, Isra' Mikraj, Nuzul Al-Quran, Awal Ramadan, Aidilfitri dan Aidiladha dan menjadikan hari-hari kebersihan Islam itu sebagai cuti awam.

5.2 Tidak kurang pentingnya disebutkan ialah perkenan baginda mengurniakan tambang untuk menunaikan Fardu Haji kepada pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam dan telah berkhidmat dengan kerajaan baginda lebih dari 15 tahun, tambang haji bagi orang muallaf, Tambang Khas Haji kurnia baginda, bantuan baginda kepada fikiran miskin, elau kepada orang-orang tua dari segala bangsa rakyat baginda yang cukup umur 60 tahun. Dalam bulan Ramadan setiap tahun baginda telah berkenan mengurniakan kurnia yang dida-tangkan dari Arab Saudi kepada seluruh kaum Muslimin dan Muslimat di negara ini sebagai juadah berbuka puasa.

5.3 Paut juga dilihat sebagai tradisi yang positif yang jarang terdapat di negara-negara lain pada menggerakkan hubungan muhibah antara rakyat dengan raja ialah kesediaan baginda menerima kunjungan kaum Muslimin dan Muslimat di Istana Nurul Iman bagi mengucapkan Selamat Hari Raya kepada baginda dan kerabat diraja sempena Hari Raya Aidilfitri selama tiga hari berturut-turut mulai Hari Raya kedua. Setiap tahun puluhan ribu masyarakat dari segenap lapisan terutamanya kaum Muslimin dan Muslimat mengambil kesempatan tersebut untuk mengunjungi baginda dan kerabat diraja. Inilah suatu kebiasaan yang cantik dan

unik yang sukar dilihat di tempat-tempat lain, malah kebiasaan ini sudah wujud di zaman Al-Marhum ayahanda baginda. Baginda juga secara peribadi mengadakan majlis-majlis keagamaan di Istana baginda sendiri seperti memelihara suasana di malam-malam bulan Ramadan dengan bertadarus Al-Quran yang menarik ribuan kaum Muslimin hadir ke Istana baginda.

5.4 Bersempena Jubli Perak Baginda Menakhi Takhta pada 9 Rabiulakhir 1415 Hijrah/5 Oktober 1992 Masihi, baginda telah berkenan menitahkan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah (YSHHB) atas beberapa dasar antaranya adalah sebagai wadah amal jariah baginda dan ahli-ahli keluarga baginda, tanda-pemudlian serta kasih baginda kepada rakyat baginda yang sentiasa taat setia kepada baginda dan kerajaan baginda. YSHHB akan menjadi lambang pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta hidup harmoni. Melalui YSHHB ini, rakyat baginda juga akan dapat menikmati bermacam-macam faedah dari segi keagamaan, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan lain-lain. Antara projek besar yang telah dilaksanakan oleh YSHHB dengan kerjasama kerajaan baginda ialah mengadakan Skim Perumahan YSHHB di Kampong Bolkiah 'A' yang mengandungi 226 buah rumah dan Kampong Bolkiah 'B' yang mengandungi 250 buah rumah.

5.5 Pada masa ini YSHHB sudah mempunyai bangunan utamanya iaitu Kompleks YSHHB. Bangunan yang kedudukannya sangat strategik boleh dikunjungi oleh orang ramai dengan mudah dengan menaiki kenderaan darat dan laut atau berjalan kaki. Bangunan ini mempunyai kedai-kedai, pasar raya, butik, kedai makan, surau, dewan pameran dan dewan serbaguna serta tempat penaruh kereta bertutup yang boleh menampung lebih 1,000 kenderaan, manakala penaruh kereta di atas permukaan tanah lapang boleh menampung 300 buah kereta. Kompleks utama ini berupaya memberikan kualiti perkhidmatan yang cemerlang di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.

5.6 Elok juga disen-tuh ialah usaha gigih Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bagi mengadakan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama di Negara Brunei Darussalam. Dengan kerjasama dari beberapa kementerian, institusi, organisasi, agensi kerajaan dan swasta, ekspo tersebut yang mendapat sambutan hebat oleh masyarakat telah berjaya menampilkan pelbagai artifak berunsur Islam yang sangat bersejarah termasuk artifak yang dikaitkan dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, manuskrip-manuskrip keilmuan Islam yang klasik dan lain-lain. Ekspo tersebut telah dirasmikan pelancarannya oleh baginda sendiri pada 18 Ogos 2001 di Bangunan Darululfa.

6. MASJID DAN SEKOLAH UGAMA

6.1 Baginda telah membina sebuah masjid atas perbelanjaan baginda sendiri yang tersergam indah di tengah-tengah ibu kota. Masjid tersebut yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini dikenali dengan nama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Ianya boleh menampung ribuan jemaah. Masjid atau jame' tersebut mempunyai sebuah perpustakaan yang besar mengandungi kira-kira 20,000 judul buku dan kitab-kitab agama dan sebuah bilik persidangan yang boleh memuat seramai 30 orang ahli untuk mengadakan mesyuarat di dalamnya serta sebuah dewan serbaguna yang boleh memuat 300 orang dan beberapa kemudahan lain.

6.2 Adalah menjadi hasrat baginda supaya pembinaan masjid dan sekolah-sekolah agama menjadi prioritas. Oleh kerana itu masjid dan sekolah-sekolah agama tumbuh di merata tempat. Dan adalah juga menjadi hasrat baginda supaya dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Lima Tahun sentiasa ada rancangan dan peruntukan membina masjid dan sekolah-sekolah agama. Di samping itu semua pegawai-pegawai masjid iaitu Imam, Khatib, Bilal dan buruh-buruh adalah pegawai dan kakitangan kerajaan yang digaji oleh kerajaan dan mendapat kemudahan sama seperti pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain. Ini lagi satu fenomena yang tidak lumrah dilihat di tempat lain. Ke arah memakmurkan dan mengemaskinikan lagi pentadbiran masjid di seluruh negara, baginda telah memperkenankan penubuhan Jabatan 'Hal Ehwal Masjid di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama beberapa tahun yang lalu.

7. PERINGKAT ANTARABANGSA

7.1 Baginda memberikan perhatian yang besar dan bersedia untuk berangkat menghadiri persidangan-persidangan Islam yang bersifat antarabangsa bagi membolehkan baginda menyumbangkan idea-idea atau fikiran-fikiran yang berfaedah untuk kepentingan dunia Islam seperti sidang kemuncak yang diadakan di Dakar, Republik Senegal dalam tahun 1991 dan di lain-lain bahagian di dunia.

7.2 Derma-derma yang telah dikurniakan oleh baginda bagi kepentingan pendidikan Islam dan umat Islam di luar negara ialah seperti derma yang dihulurkan oleh baginda kepada Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir sebanyak US\$5 juta pada November 1988. Derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama kepada Sahibul Fadilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Al-Azhar, Sheikh Abdul Haq Ali Jadul Haq iaitu dalam satu lawatan Yang Berhormat ke Mesir pada 2 - 8 November 1988. Sebelum ini baginda juga telah memberi sumbang-

an derma sebanyak US\$250,000.00 kepada Perpustakaan Fakulti Perubatan Universiti Al-Azhar, Mesir.

7.3 Baginda juga telah menghulurkan derma bagi membina sebuah masjid di Republik Maldiva.

7.4 Begitu juga derma yang diberikan bagi membantu umat Islam di Myanmar dan Bangladesh yang menghadapi bencana alam serta banyak lagi derma baginda kepada umat Islam di lain-lain negara.

7.5 Baginda juga menyumbangkan bantuan yang besar jumlahnya yang disalurkan melalui Lembaga Bantuan Islam Antarabangsa yang ditubuhkan di Jeddah, Arab Saudi pada tahun 1991. Bantuan tersebut ialah bagi membantu umat Islam di merata tempat di dunia yang mengalami pelbagai penderitaan dan kesukahan disebabkan bencana alam, kemiskinan, kecacatan, meningkatkan mutu pendidikan Islam, dakwah dan sebagainya.

7.6 Pada tahun 1992, baginda telah mengumumkan penubuhan Program Antarabangsa Mengenai Tamadun Islam yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford, England. Program ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang akademik bagi mewujudkan peluang baru ke arah kefahaman yang lebih baik terhadap ajaran Islam, nilai-nilai sosial, akhlak dan tradisi budaya. Jelasnya supaya orang-orang Barat dapat memahami ajaran Islam lebih dekat dan untuk mewujudkan toleransi serta kerjasama di kalangan manusia yang mengauti pelbagai agama. Pusat Pengajian Islam yang telah ditubuhkan di Universiti Oxford pada tahun 1985 itu dipercayai adalah tempat yang sesuai dan boleh melaksanakan program ini dengan baik. Termasuk dalam program itu ialah mengadakan Anugerah Antarabangsa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bidang pengkajian Islam. Anugerah tahunan ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1994 dan sehingga sekarang para pemenangnya telah beberapa kali diumumkan yang mana pengumuman tersebut dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dibentangkan di atas yang merupakan sebahagian peranan dan sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jelas bahawa baginda adalah seorang raja yang salih yang sangat prihatin kepada perkembangan dan kecemerlangan Islam di negara ini, malah tidak ketinggalan juga kepada masyarakat di luar negara di peringkat antarabangsa.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita menadah tangan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala semoga dilanjutkan usia baginda, kekal karar memerintah negara dan semoga lebih banyak lagi sumbangan baginda yang bermanfaat untuk rakyat, masyarakat Islam di dalam dan luar negara. Amin ya Rabbil Alamin.

ARENA SUKAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN RANGKUL KEJUARAAN TARIK KALAT

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Jun. - Kementerian Pembangunan juara kedua-dua kategori 'A' dan 'B' dalam Perlawanan Akhir Tarik Kalat Peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh
Hj. Ahmad HS

wang tunai \$1,000.00 dan piala iringan dan ketiga menerima \$500.00 bersama piala iringan.

Dalam kategori 'B' iaitu berat badan 1,600 kilogram terkumpul, Kementerian Pembangunan menjadi johan setelah berjaya menumpaskan Pasukan Polis Diraja Brunei dan meraih hadiah wang tunai sebanyak \$1,500.00 bersama piala iringan dan Pasukan Polis Diraja Brunei selaku pemenang tempat kedua menerima hadiah wang tunai \$1,000.00 berserta piala iringan.

Manakala Pasukan ABDB berjaya meraih tempat ketiga menerima



AHLI Lembaga Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Kumpulan Anak Syarikatnya dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan piala kepada pemenang tarik kalat DBM. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

hadiah wang tunai berjumlah \$500.00 bersama piala iringan setelah menumpangkan Pasukan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

Sementara itu dalam

kategori 'C' iaitu bagi belia berusia 21 tahun ke bawah dengan berat badan 1,100 kilogram terkumpul johan ialah Pasukan Million Goldsmith apabila berjaya menumpangkan Pasukan Sekolah Mene-

ngah Awang Semaun. Tempat ketiga diraih oleh Pasukan Kampong Subok setelah berjaya menumpangkan pencabarnya Pasukan Juredco 'A'.

Johan menerima hadiah wang tunai \$1,000.00 bersama piala iringan. Tempat kedua menerima wang tunai sebanyak \$700.00 bersama piala dan tempat ketiga memenangi wang tunai sebanyak \$300.00 bersama piala iringan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Kumpulan Anak Syarikatnya dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Perlawanan Tarik Kalat peringkat Daerah Brunei dan Muara bermula 19 Jun lepas dan berakhir malam tadi. Kategori 'A' disertai sebanyak 12 pasukan, 13 pasukan mengambil bahagian dalam kategori 'B' dan kategori 'C' disertai oleh 12 pasukan. Hadiah-hadiah wang tunai dan piala iringan disumbangkan oleh IBB.



TARIK ... Salah satu adegan yang diperlihatkan oleh pasukan yang menyertai Kejohanan Tarik Kalat Peringkat Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Sukan air ABDB

Oleh
Haji Ahmad HS

MUARA, 20 Jun. - Sempena sambutan ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-43 2004 pelbagai acara telah dijalankan bagi memperingatkannya termasuk majlis-majlis tahlil, kebajikan, pameran dan aktiviti sukan.

Pesta Sukan Air ABDB 2004 berlangsung hari ini di Kompleks Sukan Air Seras di sini. Pemangku Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral Haji Awang Mohammad Yusof hadir selaku tetamu kehormat.

Sesi pagi, beberapa acara pesta air telah dijalankan bermula dengan acara sukan 'ABDB Challenge' (Semi Trahglon), para peserta dikehendaki berenang sejauh satu kilometer bermula tempat berlepas menuju ke Kompleks Sukan Air dan meneruskan dengan berlari menuju ke garis penamat di Pangkalan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei.

Selain itu acara lumba perahu 15 dan 10 orang pekayuh lelaki dan wanita dalam jarak 400 meter dan acara kayak dua orang pekayuh sejauh 400 meter juga dilangsungkan. Sesi pagi hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat.

Sementara sesi petang pula sebanyak empat acara diadakan iaitu lumba perahu khas 20 pekayuh, kayak perseorangan lelaki dan wanita dan kayak khas dua orang pekayuh.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan hadiah-hadiah dan menutup Pesta Sukan Air ABDB 2004.

Acara sesi pagi dan petang disertai oleh Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Pusat Latihan ABDB dan Skuadron Tempur Khas (STK).



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyampaikan piala kepada peserta sepak takraw sekolah-sekolah ASEAN. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Peserta sepak takraw ASEAN diraikan

Oleh
Abdullah Asgar

THAILAND telah dinobatkan sebagai juara Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah ASEAN Ke-18 yang diadakan di negara ini.

Lima buah negara anggota ASEAN menyertainya manakala Vietnam, Kemboja, Myanmar, Laos dan Republik Filipina tidak mengambil bahagian.

Berikutan itu sebelum mereka pulang ke tanah air masing-masing jawatan kuasa tertinggi kejohanan telah mengadakan Majlis Makan Malam Perpisahan untuk semua pasukan

bertempat di sebuah hotel di Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi yang juga selaku Presiden Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC) telah menyampaikan sijil penyertaan dan cenderamata kepada penaja-penaja kejohanan.

Kejohanan kali ini Pasukan Brunei Darussalam hanya berjaya di tangga keempat setelah mengalahkan Pasukan Republik Singapura dan Malaysia tempat kedua, sementara Republik Indonesia berada di kedudukan ketiga.

Kementerian Pembangunan akan mewakili kedua-dua kategori 'A' dan 'B' bagi Daerah Brunei dan Muara dalam perlawanan akhir tarik kalat peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Daerah Tutong.

Kementerian Pembangunan dalam kategori 'A' iaitu berat badan 70 kilogram ke bawah berjaya menumpangkan Pasukan SILA 90. Kategori yang sama Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menduduki tempat ketiga selepas menewaskan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kategori ini johan menerima wang tunai berjumlah \$1,500.00 bersama piala pusingan. Tempat kedua menerima

mana-mana pihak yang memberitahu mereka mengenai sukat-sukat untuk menyertai sukan berkenaan.

Selain bawah umur 18 tahun Brunei Darussalam juga menyertai umur 15

Brunei juara hoki 'jempukan'

BERAKAS, 22 Jun. - Pasukan hoki 18 tahun ke bawah negara muncul sebagai juara di Kejohanan Hoki Remaja Bandaraya Ipoh - Antarabangsa 2004 yang berlangsung di Ipoh, Perak pada 20 Jun lepas setelah menumpangkan Pasukan SLSHA Gold dari Sri Lanka dengan jaringkan 1 - 0.

Kemenangan negara tercipta di minit akhir separuh masa kedua hasil pukulan cantik Mohammad Shamini Hakim sekali gus meleburkan impian pasukan lawan yang dianggap sebagai pasukan pilihan setelah menumpangkan pasukan Thailand 3 - 0 di separuh akhir.

Sepanjang kejohanan Brunei Darussalam yang dianggap sebagai pasukan bukan pilihan mula mengejutkan apabila bangkit menentang arang kepada pasukan Malaysia, menerusi pasukan Matrix Gopeng Perak dalam perlawanan separuh akhir, sekalipun pada awalnya Brunei Darussalam terletak sebagai naib juara dalam kumpulan E.

Namun lebih mengejutkan pasukan bimbingan Berandai Dadong apabila Haji Andi Ahmad Matarsat

Menurut jurlatih, Berandai Dadong anak didiknya yang merupakan hasil benih dari peserta Pesta Sukan Kebangsaan lalu mempamerkan permainan yang sangat baik apabila bermain dengan cemerlang.

Katanya, persembahan yang mereka pamerkan di kejohanan itu merupakan permainan yang paling baik yang pernah beliau saksikan ke atas anak didiknya apabila mereka bermain dengan penuh semangat dan menggunakan fikiran, bukannya dengan kemahuan sambil lewa.

Menyentuh mengenai penyertaan mereka dalam SUKMA yang lalu, Berandai Dadong merasa terkilan kerana pasukannya tidak diletakkan bersama pasukan yang lain dan menyatakan tidak ada



BERJAYA ... Skuad Hoki Remaja Negara yang berjaya menjuarai Kejohanan Hoki Remaja Bandaraya Ipoh - Antarabangsa 2004. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

tahun, dalam kategori ini pasukan 15 tahun ke bawah Brunei Darussalam dikumpulkan dalam kumpulan C bersama pasukan SSBP Red, Sungai Pari Submarine D.

Kejohanan yang diser-

tai oleh lebih 40 buah pasukan termasuk kelab-kelab hoki di Malaysia termasuk beberapa buah negara sebagai jempukan seperti Republik Singapura, Thailand, Sri Lanka dan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari juga dibukakan kepada tiga kategori lelaki dan wanita remaja yang berumur 12 tahun ke bawah, 15 tahun ke bawah dan 18 tahun ke bawah.

Kebawah DYMM kurniakan watikah, terima surat perlantikan

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada seorang wakil diplomatik negara ini yang baru dilantik dan menerima surat tauliah perlantikan dua orang duta dari negara sahabat yang baru dilantik ke negara ini.

Majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman bermula dengan baginda berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Russia yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Mohd. Janin bin Erih.

Sejurus selepas itu baginda berkenan menerima surat tauliah dari Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh yang baru dilantik dan menetap di negara ini, Tuan Yang Terutama M.A. Hakim dan selepas itu pula Duta Besar Republik Persekutuan Jerman yang baru dilantik dan menetap di negara ini, Tuan Yang Terutama Conrad Cappel menyem-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Russia yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Mohd. Janin bin Erih (kiri), dan berkenan menerima surat tauliah perlantikan dua orang duta iaitu Tuan Yang Terutama M.A. Hakim, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh (tengah) dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Conrad Cappel (kanan).

- Gambar-gambar oleh Harun HR dan Pg. Rafee PDPHM.

bahkan surat tauliah perlantikannya ke hadapan majlis baginda.

Selepas mengurniakan watikah perlantikan dan menerima surat tauliah perlantikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan menerima mengadap perwakilan diplomatik Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Mohd. Janin bin Erih.

Tuan Yang Terutama Mohd. Janin, 55 tahun adalah Penolong Naib Canselor (Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar) Universiti Brunei Darussalam. Berkelulusan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA), Tuan Yang Terutama bergiat

aktif menghadiri pelbagai seminar antarabangsa dan kegiatan kebajikan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima mengadap secara berasingan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rak-

yat Bangladesh dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman.

Baginda mula-mula menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama M.A. Hakim. Tuan Yang Terutama berusia 65 tahun, sebelum ini adalah Pengerusi Lembaga Kuasa Air

dan Pembentukan Dhaka. Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh menubuhkan hubungan diplomatik pada bulan Mei 1984.

Baginda kemudian menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Conrad Cappel. Tuan Yang Terutama ber-

usia 57 tahun adalah Konsul Agung Jerman di Dubai. Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman menubuhkan hubungan diplomatik pada tahun 1984.

Hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia

Haji Awang Abu Bakar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

DPMM berangkat lawat Mukim Liang

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

LIANG, 12 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan membuat lawatan kerja ke Mukim Liang dan seterusnya berkenan merasmikan Kelab Rekreasi Liang Lumut di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Helipad BLNG dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung berangkat melawat Sekolah Rendah Sungai Liang, Pusat Perhutanan Sungai Liang dan Pusat Kesihatan Sungai Liang.

Balai Polis berdekatan Pusat Kesihatan tersebut menjadi destinasi lawatan Duli Yang Teramat Mulia seterusnya. Balai Polis tersebut ditubuhkan pada 1970.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia berkeren berangkat ke Dewan Sekolah Rendah Sungai Liang. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Pandan, Awang Aliyani bin Ismail diikuti selepas itu sembah alu-aluannya oleh Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin antara lain menyentuh pelbagai aspek pembangunan, sosial dan ekonomi termasuk kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan di mukim itu.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan berangkat ke Perusahaan Air Minum SEHAT yang ditubuhkan pada 24 Ogos 1991 dengan 31 tenaga pekerja, 15 peratus daripadanya terdiri dari anak tempatan.

Semasa di sana Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sumbangan cek bernilai \$10,000.00 untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) yang disumbangkan oleh Pengarah Am IBIC Sendirian Berhad, Leonard Ferdinands.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian melawat Sekolah Rendah Sungai Liang, Pusat Perhutanan Sungai Liang dan Pusat Kesihatan Sungai Liang.

Balai Polis berdekatan Pusat Kesihatan tersebut menjadi destinasi lawatan Duli Yang Teramat Mulia seterusnya. Balai Polis tersebut ditubuhkan pada 1970.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian melawat Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Masjid Zainab bagi menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur bersama jemaah yang lain. Masjid tersebut merupakan wakaf Awang Haji Abdul Samad bin Haji Metussin serta keluarga. Masjid tersebut mula digunakan pada tahun 1992 dan boleh menampung seramai 2,000 jemaah.

Selepas menunaikan Sembahyang Zuhur, Duli Yang Teramat Mulia berkeren berangkat ke Kelab Rekreasi Liang Lumut bagi menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Kelab tersebut dan seterusnya dijunjung ke Majlis Santap dan berkenan menyaksikan beberapa pe-

sembahan kanak-kanak sekolah di Mukim Liang. Semasa di sana Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat kemudahan yang terdapat di kelab itu seperti Bilik Snaker dan Biliard, Gerak Badan, kedai, restoran dan lagun. Bangunan kelab tersebut mula dibina pada bulan Julai 2003 dan selesai pembinaannya pada bulan Jun lepas.

Semasa di sana Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima cek berjumlah \$15,000.00 dari BLNG untuk DANA yang disumbangkan oleh Pengarah Urusan syarikat tersebut, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah.

Destinasi lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia seterusnya ke Syarikat Total. Syarikat tersebut merupakan salah satu dari empat syarikat antarabangsa yang beroperasi di lebih 120 buah negara di dunia.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya melawat Janakuasa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Duli Yang Teramat Mulia menamatkan lawatan kerja dengan melawat Loji Penapisan Gas Cecair Asli Brunei. Semasa di sana Duli Yang Teramat Mulia disambangkan penerangan mengenai perkembangan kilang tersebut seperti pemasangan Alat Utama Penukaran Haba Cryogenic (MCHE) yang baru siap ditukar ganti dan telah beroperasi sejak 29 Jun lalu bagi mendukung operasi loji bagi jangka masa panjang. MCHC merupakan projek yang pertama dilaksanakan di dunia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap Isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Hamadi HM.

Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap Isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor.

Istiadat Mengadap di Istana Nurul Iman antara lain dihadiri oleh Yang Dimuliahkan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang

Rosnah, Isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini dan Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman, Isteri Timbalan Menteri Pendidikan selaku Isteri Menteri Pengiring.

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah berada di negara ini bersama suaminya, Timbalan Per-

dana Menteri Malaysia yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari.

Sebelum ini, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah juga pernah berada di negara ini beberapa tahun dulu bersama suami sebelum dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan hasil kraf tangan para penduduk Mukim Liang.

كفيمقين راج ممباوا نكارا امان دان معمور
KEPIMPINAN RAJA MEMBAWA NEGARA AMAN DAN MAKMUR

دترينكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان متري دان دجيت اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan aktif bina Taman Siber

OLEH SAMLE HAJI JAIT

BERAKAS, 30 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara aktif sedang merancang untuk membina Taman Siber bagi mempromosikan dan mengembangkan industri infokomunikasi di negara ini.

Taman itu akan menjadi pusat kecemerlangan bagi mengukuhkan perkembangan pengusaha teknik dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di mana antara insentif yang akan diberikan termasuklah kemudahan inkubator (incubator), bantuan kepakaran pengetahuan, sistem dan peralatan.

"Taman ini dihasratkan bukan saja bagi pembuatan aplikasi ICT tetapi akan menjalankan kegiatan-kegiatan inovasi 'to create new knowledge'," jelas Menteri Perhubungan,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di Majlis Pelancaran Anugerah Teknologi Infokomunikasi Brunei (BICTA) di Kementerian berkenaan.

BICTA merupakan usaha yang positif dan bersesuaian ke arah menggalakkan inovasi dan kreativiti di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di bidang ICT, di samping sebagai langkah yang sangat besar maknanya dalam usaha kerajaan untuk memajukan negara.

Yang Berhormat percaya, BICTA akan dapat memberi dukungan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk berlumba-lumba mencapai kejayaan dengan melahirkan pengetahuan baru, inovasi dan idea-idea yang terpelihara di bawah undang-undang hak cipta

semata-mata ke arah merealisasikan 'economic-transition' kepada k-ekonomi.

Menteri Perhubungan berkata, perubahan dalam ICT telah menjanjikan peluang-peluang yang luas bagi mereka yang sanggup menghadapi cabaran-cabarannya, terpuang kepada individu untuk menyahut cabaran itu bagi menjadikan ICT sebagai satu budaya dan perindustrian untuk kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

"Ini bersesuaian dengan salah satu objektif BICTA iaitu sebagai platform di mana syarikat-syarikat ICT tempatan terus berusaha mempertingkatkan mutu produk mereka menerusi persaingan dengan negara yang sudah maju dalam industri ICT," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, perkembangan teknologi infokomunikasi, informasi dan media telah semakin jauh merubah corak kehidupan seharian termasuk dalam urusan pekerjaan, perni-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria semasa berucap melancarkan Anugerah Teknologi Infokomunikasi Brunei (BICTA) (kiri). - Gambar oleh Masri Osman.

MENTERI Perhubungan berkesempatan menyaksikan sebahagian agensi yang menyertai Anugerah BICTA (bawah). - Gambar oleh Masri Osman.

agaan dan dalam cara belajar dan berhibur.

Di negara ini, kata Yang Berhormat, cabaran dalam era perkembangan ICT ialah bagaimana kita boleh menggunakannya untuk meningkatkan pro-

duktiviti, daya saing dan kualiti hidup kita.

Kerajaan telah menjadikan perkembangan ICT sebagai agenda kebangsaan yang harus didukung oleh semua lapisan masyarakat di negara ini dalam meningkatkan daya saing dalam era ekonomi pengetahuan atau k-ekonomi.

Negara juga sedang dalam proses menuju ke arah k-ekonomi disertai dengan asasnyanya seperti infrastruktur infokomunikasi yang serba maju seperti RAGAM-21, Sistem Kabel Dasar Laut Antarabangsa, Perkhidmatan Telefon Bimbit GPRS atau 2.5 G dan rangkaian NGN.

"Infrastruktur infokomunikasi ini akan dapat memberikan ruang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk memikirkan peluang-peluang perniagaan berorientasikan infokomunikasi yang boleh mereka ceburi bagi membantu pertumbuhan industri infokomunikasi di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, yang penting ialah kesediaan kita untuk mengubah minda menerima teknologi baru selain komitmen menggunakannya untuk mempertingkatkan produktiviti dan keberkesanan sesuatu proses pekerjaan.

Secara praktiknya tanpa kesediaan kita untuk menerima teknologi ini, komitmen itu akan tinggal komitmen saja sedangkan kita perlu meluaskan lagi penggunaan ICT di negara ini supaya benar-benar dapat memberi sumbangan kepada daya saing ekonomi negara, menurut Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan telah meletakkan wawasan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat siber di rantau ini, di samping menjadi salah sebuah negara yang 'most-wired' di mana dalam beberapa tahun akan datang lebih banyak perkhidmatan-perkhidmatan dan aplikasi dalam e-kerajaan

dan e-perniagaan akan diperlukan.

Sebanyak 16 kategori menyertai Anugerah BICTA termasuk E-Kerajaan dan Perkhidmatan; pendidikan dan latihan; projek sekolah menengah; projek penuntut tertiar; aplikasi dan peralatan infrastruktur; penyelidikan dan kemajuan; aplikasi am; kewangan; penjagaan kesihatan; industri; perhubungan; media dan hiburan serta pelancongan dan keselamatan.

BICTA merupakan komponen di dalam Anugerah Asia Pasifik ICT (APICTA) yang mempunyai visi untuk mengembangkan perkembangan industri ICT di rantau Asia Pasifik.

Negara Brunei Darussalam merupakan di antara 13 buah negara menyertai APICTA termasuk Australia, Hong Kong, Republik Indonesia, Korea, Malaysia, Macau, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam.



SEBAHAGIAN para pegawai kanan yang menghadiri Majlis Pelancaran BICTA yang berlangsung di Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Masri Osman.

KENAPA RAMAI YANG MUFLIS

MUFLIS sudah tidak begitu 'menghairankan' atau ditakuti' oleh sebilangan masyarakat. Dahulu seseorang akan berasa 'aib dan malu' jika diisytiharkan muflis. Kini kerana ia sudah 'lumrah' berlaku di kalangan masyarakat, muflis hanya dianggap perkara kecil dan biasa sahaja.

Banyak faktor lain yang menyebabkan muflis dianggap perkara 'enteng'. Muflis boleh sahaja berlaku disebabkan oleh perkara 'kecil' atau oleh 'keadaan-keadaan tertentu' atau 'tidak sengaja' atau 'disengajakan'. Apa pun dari segi undang-undang takrif muflis masih kekal mengikut akta dan peruntukannya.

Itulah senario muflis yang cuba kita kupas dalam siri FOKUS kali ini. Kita akan memfokuskan sedikit sebanyak senario kenapa muflis kini lumrah berlaku, di samping faktor-faktor penyebab dan yang berhubung kait dengannya.

AIB

Dahulu masyarakat berasa aib jika diisytiharkan muflis. Masyarakat juga akan memandang aib terhadap mereka yang ditimpa muflis. Kaum keluarga juga turut merasa aib jika salah seorang keluarga dijatuhkan muflis.

Seseorang yang dijatuhkan muflis suatu ketika dahulu akan berasa malu menghadapi kawan-kawan, kaum keluarga, jiran sekampung dan masyarakat sekeliling. Sehingga untuk menghadiri majlis atau membeli-belah di kedai-kedai di Bandar Brunei ketika itu pun berasa malu.

Kini keadaan sebaliknya, orang yang diisytiharkan muflis tidak merasa apa-apa dan orang lain pun tidak kisah. Itulah keadaannya jika sesuatu sudah menjadi kebiasaan. Akhirnya orang

sudah tidak begitu gerun lagi menjadi muflis.

Pada masa dahulu jarang sangat kita mendengar orang diisytiharkan muflis. Kalau ada pun 'muflis yang benar, benar muflis' kerana tidak terbayar hutang dalam jumlah agak besar disebabkan perniagaan lingkup dan seumpamanya.

Sekarang hampir setiap hari ada sahaja nama-nama orang kitani yang diumumkan muflis di akhbar-akhbar tempatan. Kebanyakan orang muflis kerana tidak terbayar pinjaman bank. Khabarnya ada yang benar-benar muflis disebabkan rugi dalam perniagaan. Mungkin juga ada yang sengaja 'memufliskan diri' setelah mendapat wang pinjaman dan sengaja tidak mahu membayar balik.

Terdapat juga orang sekarang muflis kerana tidak 'mampu' untuk membayar ansuran pembelian kenderaan atau barangan atau sebab-sebab tertentu. Tidak menghairankan juga ramai orang menjadi muflis hanya disebabkan menjadi penjamin kepada sanak saudara dan kawan-kawan. Kadang-kadang itu pun hanya sekadar menjadi penjamin bagi pembelian kenderaan dan barangan yang bukan bertaraf mewah. Kes penjamin dikenakan 'liabiliti' atau diisytiharkan muflis' mungkin menghendaki pengubahsuaian akta di masa akan datang.

KREDIT

Perkhidmatan pinjaman wang yang 'begitu mudah diperolehi' dari institusi-institusi perbankan ketika ini juga boleh mendorong seseorang 'mudah muflis'. Begitu jugalah halnya dengan kemudahan kredit pembelian kenderaan, barangan dan peralatan lain yang ditawarkan.

Tekaduhong menyebut mengenai perkara ini, ada baiknya kita menyorot ucapan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid selaku tetamu kehormat Majlis Perasmian Cawangan Bank Baiduri di kompleks membeli-belah The Mall pada 30 Jun lepas.

Pada majlis itu Pengiran Dato Paduka melahirkan perhatian mengenai pemberian kredit dari institusi-institusi perbankan yang ditawarkan kepada pelanggan 'secara mudah'.

Beliau melahirkan perhatian tersebut disebabkan banyaknya pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghadapi masalah kewangan untuk membayar balik pinjaman. Kita mendapati terdapat sebilangan orang yang gaji bulanan hanya tinggal sedikit sahaja disebabkan potongan pinjaman bank. Keadaan itu akan mereka tanggung bagi tempoh yang agak panjang.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini lebih kurang 20 pegawai/kakitangan kerajaan diisytiharkan muflis setiap tahun. Angka tersebut memang membimbangkan apatah lagi menurut 'general orders' tindakan disiplin boleh dikenakan kepada mereka.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyarankan agar institusi-institusi perbankan di negara ini memikirkan strategi / kemudahan pemberian pinjaman untuk mengelakkan berlakunya impak negatif. Pihak perbankan juga harus 'membuat sukat-sukat' dengan meneliti gaji atau pendapatan seseorang sebelum

FOKUS OLEH SAHARI AKIM

patan seseorang sebelum meluluskan pinjaman berpatutan, di samping memberikannya nasihat dan cadangan dalam memilih kemudahan kredit yang bersesuaian dengan pendapatan mereka.

Pada masa yang sama para peminjam juga harus memikirkan sedalam-dalamnya sebelum membuat pinjaman kepada institusi perbankan. Pinjaman hendaklah pada kadar yang bukan sahaja mampu dibayar malahan lebihan pendapatan setelah potongan gaji juga hendaklah pada kadar yang boleh menampung perbelanjaan keluarga dan keperluan yang lain.

Seperkara yang kita ketahui ialah kebanyakan orang-orang kitani termasuk pegawai/kakitangan awam yang kurang menyimpan wang bagi keperluan mendesak terutama sebagai jaminan sosial di hari tua setelah bersara.

SENERIO

Umumnya kalau kita memperkatakan perkara-perkara di atas secara adil, ia harus dilihat dari pelbagai sudut. Umpamanya, boleh dikatakan hampir semua orang yang 'berkecayaan' telah membuat pinjaman melalui perbankan di negara ini. Sebab itu timbul permasalahan 'mana ada orang yang tidak ada hutang'.

Bagi setengah orang, berhutang kepada kerajaan atau meminjam di bank memang disebabkan ada 'keperluan utama' seperti biayai pembinaan rumah, pembelian kereta, komputer, peti sejuk, peti televisyen dan seumpamanya. Perkara-perkara tersebut lebih bersifat 'keperluan' kehidupan masa kini selagi

ia tidak bertujuan untuk 'bermegah-megah' atau 'bermewah-mewah'.

Semua itu hanya merupakan sebahagian beban sara hidup zaman ini. Banyak lagi perbelanjaan lain yang perlu diambil kira untuk mencukupkan gaji/pendapatan bulanan seperti belanja makan-minum, pakaian, persekolahan anak-anak, minyak dan insurans kereta, bil elektrik, telefon dan air. Itu belum lagi termasuk perbelanjaan yang tidak dirancang seperti 'memperbaiki kereta rosak', sumbangan-sumbangan derma kebajikan (perkahwinan, kematian, kerajaan, perubatan dan lain-lain). Ditambah lagi dengan 'tahap dan kos kehidupan' yang kian melambung tinggi.

Itulah antaranya menyebabkan orang berhutang. Jika seseorang sudah mencuba berjimat cermat berbelanja tetapi wang yang ada tidak dapat menampung 'keperluan asas' maka membuat pinjaman di bank adalah suatu yang 'terpaksa dan wajar'. Apa yang tidak wajar ialah membuat pinjaman untuk tujuan 'bermewah-mewah' atau berseronok-seronok atau berbelanja untuk sesuatu yang tidak perlu. Kita tidak bertujuan menggalakkan orang membuat pinjaman bank. Masing-masing kenalah 'mengukur baju di badan sendiri'.

Senario kedua, kita mengakui hakikat bahawa sebilangan besar kakitangan awam/sektor swasta dan masyarakat umum di negara ini tidak banyak atau kurang menyimpan wang. Salah satu sebabnya ialah gaji/pendapatan habis atau tidak cukup menampung kos perbelanjaan bulanan yang kini semakin meningkat. Sebahagiannya mungkin juga disebabkan oleh 'budaya hidup' orang kitani yang suka berbelanja berhabis-habisan.

Kadang-kadang 'budaya kehidupan' yang diciptakan oleh sekelompok masyarakat sekeliling pun boleh mempengaruhi 'budaya berbelanja' masyarakat lain keseluruhannya. Untuk lebih fokus kita ambil misal: 'Sambutan hari raya dan majlis perkahwinan (khususnya belanja persiapan, hadiah antik, budaya sarung surat) termasuklah dalam kenduri-kenduri kerajaan, suka-duka dan sebagainya.

PERHATIAN

Setelah melihat 'pro dan kontra' persoalan ini kita harus melihatnya dalam konteks dan skop secara meluas. Pertama kita harus mencari jalan mengelakkan pegawai / kakitangan awam dan swasta serta masyarakat umumnya terhidar dari menghadapi masalah kewangan atau diisytiharkan muflis.

Dalam hal ini semua aspek penyebab yang telah kita sebutkan di atas harus di pantau dan ditangani secara bersepadu. Pihak institusi kewangan harus mengambil kira saranan Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid dengan mengambil langkah-langkah dan pendekatan yang terbaik di mana pihak perbankan menapat manfaat, manakala para peminjam berasa selesa dan tidak terbeban.

Masyarakat pula seharusnya hanya membuat pinjaman di institusi-institusi kewangan jika benar-benar perlu disebabkan keadaan mendesak. Pada masa yang sama masyarakat juga harus bijak berbe-

lanja, mengamalkan sikap berjimat cermat, merancang perbelanjaan dan berbelanja untuk sesuatu yang benar-benar difikirkan perlu sahaja.

Kemudian kita harus memikirkan bagaimana mengubah minda dan budaya orang kitani supaya 'berbelanja secara berhemat' atau menghindarkan diri dari 'mencipta' budaya bermewah-mewah yang boleh mendorong orang lain mengikutnya.

Bagaimana pula kita boleh mengajak masyarakat agar menyimpan atau menabung. Kita maklum semua orang berazam untuk menabung tetapi masalahnya 'perbelanjaan lebih dari pendapatan' macamana hendak menabung.

Selain dari usaha dan pendekatan-pendekatan bersepadu itu, kita juga harus memikirkan bagaimana meningkatkan dan mencukupkan gaji/pendapatan bulanan orang kitani untuk menjalani tuntutan sara hidup sebarisan yang semakin tinggi.

Atas tuntutan untuk menampung sara hidup inilah ramai orang kitani terpaksa berusaha mencari pendapatan tambahan selepas waktu bekerja atau di masa cuti pejabat seperti bercucuk tanam, ke laut menangkap ikan, membuka gerai-gerai jualan di tepi-tepi jalan dan seumpamanya. Semua merupakan usaha baik 'kerana dilakukan secara halal'.

Dalam hal ini apa yang harus dihindarkan ialah: 'Kesusahan atau kemelatan yang boleh membawa kepada kemungkaran dan kemaksiatan'. Dalam konteks semasa, FOKUS kali ini diakhiri dengan ingatan: 'Kita tidak mahu berlaku atau bertambahnya gejala negatif atau antisosial berpunca dari 'masalah wang'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN III

(Piagam Pelanggan bagi permohonan-permohonan yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah yang dipertimbangkan/dibenarkan oleh pihak Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan/Pesuruhjaya Tanah/Ketua Pejabat Tanah Daerah).

BIL.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Membaharui Lesen Tanah Tumpang Sementara	3 minggu
2.	Pendaftaran Hak Milik tanah secara waris	2 minggu
3.	Pembetulan keterangan dalam Geran Tanah	2 minggu

Dari mula menerima permohonan hingga mendapat kebenaran - tidak termasuk tempoh proses di jabatan-jabatan lain yang berkaitan.

SELAIN membeli ikan di Pasar Besar Bandar Brunei, para penduduk sekitar Bandar Brunei khususnya penduduk Kampong Ayer juga membeli ikan dan keperluan yang berkaitan di kawasan tambing Bandar Brunei yang terletak



berhadapan Kampong Ayer. Kawasan itu yang juga dikenali sebagai 'Pasar Di Ayer' lazimnya menjadi tumpuan di sebelah tengah hari dan petang sewaktu para pegawai dan kakitangan kerajaan pulang dari bertugas. - Sumber: PELITA BRUNEI, 18 Januari 1967, Bandar Brunei: Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. (1967 : 3).


MARILAH kita sama-sama meningkatkan ke-taqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar taqwa serta penuh dengan keyakinan dan keikhlasan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesebuah negara sememangnya perlu kepada ketua atau pemimpin bagi memimpin negara dan rakyatnya untuk kesempurnaan pentadbiran supaya menjadi lebih teratur dan berjaya dalam segenap bidang. Bagi negara kita Brunei Darussalam, kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mengurniakan seorang raja dan pemimpin yang bertanggungjawab, pemedulian dan kasih terhadap rakyatnya. Ini jelas dapat dilihat dari semenjak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, di mana kemajuan-kemajuan telah banyak dicapai dan dinikmati sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam seiring dengan negara-negara lain di dunia ini dalam berbagai-bagai bidang, baik dalam bidang agama, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi.

Kita harus berbangga dan bersyukur kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan dan bebas dari campur tangan kuasa asing di mana negara serta kehidupan rakyat aman makmur dan sejahtera dan saling bersefahaman antara puak-puak yang berada di negara ini. Inilah tanda kepemimpinan yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala dan tepat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 58 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya. Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat."

Maka dengan kepimpinan dan usaha serta kegigihan baginda itulah yang membawa Negara Brunei Darussalam dikenali dan dihormati di mata dunia. Kepimpinan baginda disertai pula dengan keperibadian yang mulia dengan sifat penyayang dan pemedulian terhadap kebajikan dan masalah rakyat baginda, di mana baginda sanggup turun padang menemui rakyat dan melihat sendiri perkembangan dan kemajuan projek-projek kerajaan yang telah diusahakan dan sedang diusahakan. Dalam hal ini kita selaku rakyat yang bernaung dan



berlindung di bawah pemerintahan baginda, sudah sepatutnya melahirkan ke-taan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi serta memberikan sokongan yang padu ke arah usaha baginda yang murni itu, bukan sebaliknya menjadi manusia yang tidak tahu bersyukur dan berterima

kasih, lebih malang lagi jika mengkhianatinya.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul

dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah berse- lisihan dalam sesuatu per- kara, maka hendaklah kamu mengembalikan ke- pada kitab Allah (Al- Quran) dan Sunnah Rasul- Nya jika kamu benar-

Wajib setia dan taat kepada pemimpin

MAKA dengan kepimpinan dan usaha serta kegigihan baginda itulah yang membawa Negara Brunei Darussalam dikenali dan dihormati di mata dunia. Kepimpinan baginda disertai pula dengan keperibadian yang mulia dengan sifat penyayang dan pemedulian terhadap kebajikan dan masalah rakyat baginda, di mana baginda sanggup turun padang menemui rakyat dan melihat sendiri perkembangan dan kemajuan projek-projek kerajaan yang telah diusahakan dan sedang diusahakan.

benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."

Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa taat kepadaku, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah dan barangsiapa menderhakaiku, sesungguhnya ia telah menderhaka kepada Allah. Barangsiapa taat kepada raja atau pemimpin, maka sesungguhnya ia telah mentaatiku dan barangsiapa menderhaka kepada raja atau pemimpin maka sesungguhnya ia telah menderhaka kepadaku. Sesungguhnya imam itu tidak lain melainkan perisai, di mana orang-orang berperang dari belakangnya dan berlindung dengannya. Maka jika ia menyuruh bertaqwa kepada Allah dan berlaku adil, maka ia mendapat ganjaran dari yang demi-

kian itu dan jika ia berkata selain itu, maka ia menda- pat dosa dari perkataannya itu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Kita sebagai rakyat, s- tentunyalah menjadi ke- wajipan kita untuk men- taati dan setia kepada pe- mimpin yang berpegang dengan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah sesuai de- ngan sabda Rasulullah Sal- lallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abni Umar Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mende- ngar dan taat itu adalah hak iaitu kewajipan yang mesti ditaati selagi mana ia tidak disuruh untuk me- lakukan maksiat, maka jika ia disuruh untuk me- lakukan maksiat, maka ja- nganlah kamu mendengar dan mentaatinya." (Riwa- yat Al-Imam Al-Bukhari).

Ingatlah, sesebuah negara tidak akan maju jika tidak ada kerjasama dan persefahaman yang erat dari semua pihak. Apatah lagi tanpa adanya kejujuran dan sifat ama- nah, kerana sifat-sifat itu- lah faktor utama yang boleh mengerak ke arah kemajuan dan kejayaan. Dan dengan faktor inilah juga perpaduan, kemak- muran dan kestabilan negara dapat dinikmati.

Seperti yang kita se- mua maklum, bahawa pada 15 Julai 2004 ini,

genaplah usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad- daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 58 Tahun. Maka kita selaku rakyat amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah melanjutkan usia baginda sehingga seterusnya baginda dapat memimpin negara dan rakyat Brunei Darussalam.

Dan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Ke-

puteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darus- salam, berbagai-bagai acara telah diatur dan di- rancang. Dan pada tahun 2004 ini, satu rancangan berbentuk majlis ilmu akan diadakan di negara ini iaitu Seminar Masjid Wadah Kepimpinan Raja yang akan diadakan pada 19 hingga 21 Julai 2004, di samping seminar tersebut, satu pameran yang mem- bawa tema yang sama juga akan diadakan mulai 19 Julai 2004 dan akan ber- akhir pada 25 Julai 2004.

Dan sebagai tanda syukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala dan tanda taat kepada raja yang dikasihi, marilah kita hadir ke masjid-masjid, surau- surau dan balai-balai ibad- at bagi sama-sama Membaca Tahlil dan Doa Kesyukuran pada petang hari Rabu 27 Jamadilawal 1425 Hijrah bersamaan 14 Julai 2004 yang akan datang. Mudah-mudahan ugama, raja dan negara akan selamat dan kita mendapat berkat dan paha- la daripada Allah Subha- nahu Wataala. Amin Yarabba Alamin.

Firman Allah Subha- nahu Wataala dalam Surah 'Ali-Imran ayat 28 yang tafsirnya :

"Janganlah orang- orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi aulia' (pemerintah) de- ngan meninggalkan orang-orang mukmin. Ba- rangsiapa berbuat dem- kian, nescaya lepaslah ia dari pertolongan Allah kecuali kerana memeli- hara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah perintahkan su- paya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri- nya (menyiksa kamu). Dan kepada Allah jualah tem- pat kembali."

وقت سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڤ، امساک، شوروڤ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 26 جمادی الاول، 1425 برسمان دغن

14 جولي، 2004 هيڤڤڤ كهاري ثلاث، 2 جمادی الآخر، 1425 برسمان دغن 20 جولي، 2004 اداله سفرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
جمادی الاول									جولي
26	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	14
27	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	15
28	12.27	3.52	6.38	7.53	4.41	4.51	6.14	6.39	16
29	12.27	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	17
30	12.27	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	18
جمادی الآخر									
1	12.27	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.15	6.39	19
2	12.27	3.51	6.38	7.52	4.42	4.52	6.15	6.39	20

وقت ۲ سمبهيڤ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلورو نڬارا بروني

دارالسلام دمولاوي دري فوکل 12.45 تفهاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

WAJIBKAH BERSEBAHYANG ZUHUR SETELAH MENUNAIKAN JUMAAT?

APABILA seorang perempuan bersembahyang Jumaat, sah sembahyangnya itu dan memadai sebagai ganti kepada Sembahyang Zuhur. Perkara ini disebutkan oleh kebanyakan ulama Syafi'iyah seperti Imam An-Nawawi, Ibnu Hajar Al-Haitami, Abu Ishaq As-Syirazi, Syaikh Al-Qalyubi dan Syaikh 'Umairah Rahimahumullah ajma'in dan lain-lain.

Berkata Imam An-Nawawi Rahimahullah dalam Al-Minhaj yang maksudnya:

"Orang yang sah menunaikan Sembahyang Zuhur maka sah Sembahyang Jumaatnya." (Minhaj at-Thalibin: 1/264).

Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah menjelaskan perkataan Imam An-Nawawi Rahimahullah iaitu 'orang yang sah menunaikan Sembahyang Zuhur' bermaksud orang yang tidak wajib ke atasnya Sembahyang Jumaat seperti perempuan, maka sah Jumaatnya jika ia menunaikan Sembahyang Jumaat itu. (Tuhfah Al-Muhtaj: 1/330).

Menurut Syaikh Ar-Ramli Rahimahullah yang masyhur dengan gelaran As-Syafi'e As-Syaghir (Syafi'e Kecil) yang meninggal pada tahun 1004 Hijrah ketika mengulas perkataan Imam An-Nawawi Rahimahullah di atas iaitu perkataan 'sah sembahyang Jumaatnya' bermaksud memadai sembahyang Jumaat itu (sebagai ganti Sembahyang Zuhur). (Nihayah Al-Muhtaj: 2/288).

As-Syaikh Abu Ishaq As-Syirazi Rahimahullah mengatakan yang maksudnya:

"Dan orang yang tidak wajib Jumaat atasnya mempunyai pilihan antara melakukan Sembahyang Zuhur dan Sembahyang Jumaat. Maka jika ia telah melakukan Sembahyang Jumaat memadai apa yang ia lakukannya (Sembahyang Jumaat) itu daripada Sembahyang Zuhur." (Al-Muhazzab: 1/360).


Imam An-Nawawi Rahimahullah pula menjelaskan perkataan As-Syaikh Abu Ishaq As-Syirazi Rahimahullah di atas bahawa orang-orang yang diberi kelonggaran (ma'dzur) seperti hamba, perempuan, orang yang musafir dan seumpamanya adalah wajib ke atas mereka menunaikan Sembahyang Zuhur. Jika ditunaikan Sembahyang Zuhur tersebut adalah dibukukan sah. Manakala jika ditinggalkan Sembahyang Zuhur itu dan mereka menunaikan Sembahyang Jumaat memadai bagi mereka menurut ijma' ulama. (Al-Majmu': 4/415).

Menurut Syaikh Qalyubi Rahimahullah pula, orang yang tidak wajib ke atasnya Sembahyang Jumaat ialah kanak-kanak, hamba, perempuan dan orang yang musafir. Adalah sah Sembahyang Jumaat itu jika dilakukannya dan memadai Sembahyang Jumaat itu sebagai ganti Sembahyang Zuhur. (Hasyiatan: Qalyubi wa 'Umairah: 1/310-311).

Mufti Hadr Almaut dalam kitab Bughyah Al-Mustasyidin berkata: "Harus bagi sesiapa yang tidak wajib mengerjakan Jumaat seperti hamba, orang yang musafir dan perempuan Sembahyang Fardhu Jumaat ganti Sembahyang fardhu Zuhur dan Jumaat itu memadai sebagai ganti Fardhu Zuhur... Begitulah sebagaimana fatwa daripada Ibnu Hajar..." (Bughyah Al-Mustasyidin: 78-79).

SEMBAHYANG JUMAAT BAGI PEREMPUAN: Wajibkah lagi melakukan Sembahyang Zuhur

Bilangan 184
Bahagian Akhir



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Umar Abd Aziz ketika menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menfatwakan mengenai kedudukan perempuan yang telah menunaikan Sembahyang Jumaat, adakah perlu lagi bersembahyang Zuhur? Beliau menjawab: "Boleh dan harus bagi perempuan sembahyang Jumaat di masjid dan sah Jumaat perempuan itu dan memadai Jumaatnya jadi ganti Sembahyang Zuhurnya yakni tiada wajib dan tiada sah bagi perempuan Sembahyang Zuhur setelah ia Sembahyang Jumaat itu.... bagaimana yang disebutkan oleh Mufti Hadr Almaut di dalam kitabnya Bughyah Al-Mustasyidin." (Fatwa Mufti Kerajaan: 20/78).

Jawatankuasa Tetap Penyelidikan Ilmiah dan Fatwa yang berpusat di Riyadh yang diketuai oleh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz memfatwakan kedudukan seorang perempuan yang mendirikan Sembahyang Jumaat, adakah gugur tuntutan Sembahyang Zuhur ke atasnya? Jawatankuasa itu menjawab: "Apabila seorang perempuan mendirikan Sembahyang Jumaat dengan berjemaah Jumaat, memadai Jumaat itu daripada Sembahyang Zuhur dan tidak harus baginya bersembahyang Zuhur

lagi pada hari itu..." (Soalan Empat daripada Fatwa No: 5553-Fatwa Al-Lajnah Ad-Daimah li Al-Buhus Al-Ilmiah wa Al-fatwa: Jld 7/337).

Berdasarkan perkataan ulama-ulama As-Syafi'iyah dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan di atas, maka bagi perempuan yang menunaikan Sembahyang Jumaat itu tidak wajib ke atasnya menunaikan Sembahyang Zuhur. Kerana gugurnya tuntutan Jumaat ke atas mereka itu adalah sebagai takhif (keringanan). Memadailah Sembahyang Jumaat itu sebagai ganti daripada Sembahyang Zuhur. Bahkan tidak sah mengerjakan Sembahyang Zuhur setelah dia menunaikan Sembahyang Jumaat.

ADAKAH DITUNTUT PEREMPUAN BERSEBAHYANG JUMAAT?

Sembahyang Jumaat tidak wajib ke atas perempuan berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Walau bagaimanapun perempuan tidak dilarang untuk menunaikan sembahyang tersebut. Menurut kebanyakan ulama, apabila seorang perempuan menunaikan Sembahyang Jumaat maka ia tidak wajib melakukan Sembahyang Zuhur pada hari tersebut. Persoalannya adakah afdal dan dituntut seorang perempuan itu keluar ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Jumaat atau ia duduk di rumah mengerjakan Sembahyang Zuhur?

Menurut Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah (Tuhfah Al-Muhtaj: 1/275) bahawa perempuan lebih afdal berjemaah di rumah sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: 'Janganlah kamu tegah perempuan-perempuan kamu pergi ke masjid sedangkan di rumah mereka adalah lebih baik bagi mereka.'" (Hadis riwayat Abu Daud).

Dalam perkara perempuan keluar ke masjid menunaikan Sembahyang Jumaat menurut kitab Al-Majmu', perempuan-perempuan sama ada muda atau tua yang boleh merangsang nafsu adalah makruh pergi ke masjid kecuali sebahiknya. (Al-Majmu': 4/415). Dengan perkataan yang lain menurut Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah adalah makruh bagi perempuan berjemaah ke masjid jika perempuan itu boleh merangsang nafsu sekalipun dengan hanya memakai pakaian harian (pakaian yang tidak cantik) atau perempuan itu tidak merangsang nafsu tetapi dia berhias-hias atau berharum-harum. Lebih-lebih lagi haram hukumnya jika ditakuti akan berlaku fitnah ke atasnya. (Tuhfah Al-Muhtaj: 1/275).

Manakala menurut Al-Bandaniji pula adalah dituntut (mustahab) bagi perempuan tua pergi ke masjid menunaikan Sembahyang Jumaat sebagaimana katanya yang maksudnya:

"Adalah disunatkan (mustahab) bagi perempuan tua hadir menunaikan Sembahyang Jumaat (ke masjid) dan makruh bagi perempuan muda hadir pada semua sembahyang yang berhimpun (bercampur) dengan lelaki kecuali pada Sembahyang Hari Raya." (Al-Majmu': 4/405).

PENUTUP

Perempuan adalah termasuk di dalam orang-orang yang diberikan takhif (keringanan) untuk tidak menunaikan Sembahyang Jumaat berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan penjelasan para ulama mengenainya. Walau bagaimanapun, perempuan tidak dihala untuk menunaikannya dan bagi perempuan yang menunaikan Sembahyang Jumaat maka tidaklah wajib atasnya menunaikan Sembahyang Fardhu Zuhur pada hari tersebut dan memadai Sembahyang Jumaat itu sebagai ganti sembahyang Zuhur.

WALLAHUAKLAM

UGAMA Islam merupakan agama yang serba lengkap yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada manusia sebagai cara hidup dan panduan kepada kesejahteraan hidup di dunia mahupun di akhirat. Islam tidak hanya berbatas kepada perkara-perkara berupa ibadah khusus semata-mata seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji, bahkan merangkumi segala aspek dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam Islam, berusaha atau bekerja untuk mencari rezeki yang halal merupakan sesuatu yang sangat-sangat dituntut. Islam memandang perkara ini sebagai kewajipan ke atas seorang ketua keluarga untuk menyara kehidupan dirinya serta keluarganya. Allah Subhanahu Wataala tidak menyuruh hamba-hambanya berserah kepada qada dan qadar semata-mata tanpa melakukan sebarang usaha.

Ugama Islam sangat menggalakkan umat-umatnya agar melakukan apa saja pekerjaan asalkan tidak bercanggah dengan hukum syarak, di samping itu juga harus beringat agar tidak lalai daripada menunaikan ibadah-ibadah lain yang diwajibkan oleh ugama. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10 yang bertasirnya:

"Kemudian setelah selesai sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing."

Berdasarkan ayat di atas jelaslah bahawa keutamaan haruslah diberi kepada menaikkan sembahyang terlebih dahulu dan selepas itu barulah meneruskan dan menyele-

Wajib berusaha mencari rezeki yang halal

saikan apa saja urusan dan pekerjaan. Allah Taala tidak melarang hamba-Nya mencari seberapa banyak pun rezeki di dunia asalkan tidak sampai mencuaikan perintah-Nya dan melanggar segala larangan-Nya. Sesungguhnya segala rezeki yang diperolehi itu adalah semuanya milik Allah Subhanahu Wataala.

Fitrah semula jadi manusia memerlukan kepada makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Kesemua keperluan tersebut tidak datang sendirinya tanpa usaha. Oleh itu, seba-

gai umat Islam, haruslah berusaha sedaya upaya untuk mencari rezeki yang halal bagi memenuhi keperluan hidup sehari-hari.

Adapun dalam Islam, terdapat pelbagai kemudahan dan jalan bagi memperoleh rezeki yang halal dibumi Allah ini. Firman Allah Taala dalam Surah Al-A'raaf ayat 10 yang bertasirnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan

untuk kamu padanya (pelbagai jalan) penghidupan." Dan firman Allah Taala dalam Surah Al-Mulk ayat 15 yang bertasirnya: "Dialah yang menjadi bumi bagi kamu; mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah."

Islam mewajibkan umatnya agar bekerja bertujuan untuk mendapatkan mata pencarian dan secara langsung mendorong kepada kemajuan ekonomi. Islam mengambil perhatian

yang bersungguh-sungguh terhadap kemajuan umat Islam, kerana itulah Islam sangat menekankan umatnya agar berusaha dalam meningkatkan taraf hidup. Ada pelbagai jenis pekerjaan yang boleh dilakukan untuk tujuan itu. Misalnya bekerja dalam sektor kerajaan mahupun swasta, ataupun bekerja sendiri sama ada berniaga atau berusaha dalam bidang pertanian atau perikanan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri selain berakwah, Baginda juga merupakan seorang penia-

ga, begitu juga dengan sahabat-sahabat Baginda yang lain. Hal yang demikian ialah untuk memenuhi keperluan sebagai manusia, di samping itu juga hasil yang diperolehi melalui perniagaan itulah yang disumbangkan ke arah memajukan dan meningkatkan lagi ugama Islam. Dengan ini, barulah umat Islam dipandang tinggi. Jika tidak bekerja sudah tentulah tidak mempunyai sumber pendapatan dan dengan ini sudah pasti umat Islam akan hidup dalam kedaifan dan kemelatan.

Antara tujuan Islam memerintahkan umatnya untuk melakukan pekerjaan juga ialah bagi mendapatkan rezeki yang halal untuk memelihara maruah dan kehormatan manusia. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang bertasirnya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik."

Islam melarang umatnya dari meminta-minta dan tidak melakukan sebarang pekerjaan. Ini kerana perbuatan me-

menta-minta dan mengharap pertolongan dan belas ihsan dari orang lain semata-mata boleh merendahkan harga diri dan maruah seseorang.

Oleh yang demikian itu, berusaha mendapatkan sumber pendapatan yang halal amat dituntut dalam Islam, terutama bagi orang yang mempunyai tanggungan keluarga. Islam amat benci kepada orang yang bersifat malas, yang sentiasa mengharap bantuan dan pertolongan orang lain bagi membiayai keperluannya. Apa sahaja sumber rezeki yang halal akan membuahkan hasil yang halal juga asalkan tidak dicampurkan dengan yang haram. Dengan adanya pekerjaan yang menjamin kehidupan, seseorang akan terhindar dari meminta-minta kerana perbuatan meminta-minta itu sangat dicela. Hadis, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam An-Nasaie, maksudnya:

"Tangan yang di atas (memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (menerima)."

منوجوكر يضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه



SEMINAR INSTITUSI MASJID

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1 - 3 JAMADILAKHIR 1425 / 19 - 21 JULAI 2004

"MASJID WADAH KEPIMPINAN RAJA"

Majlis Ilmu

Salah Satu Acara Utama

Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke -58

Untuk Keterangan Lanjut
Sila Hubungi

Urusetia
DARULIFTA

Tel : 2224955, 2224956, 2224748 Fax : 2235120

Acara Utama

SEMINAR INSTITUSI MASJID
Dewan Plenari
Pusat Persidangan Antarabangsa
1 - 3 Jamadilakhir 1425/19 - 21 Julai 2004
8.00 pagi - 4.30 petang

Acara Irian

PAMERAN INSTITUSI MASJID
Dewan Banquet
Pusat Persidangan Antarabangsa
1 - 7 Jamadilakhir 1425/19 - 25 Julai 2004
9.00 pagi - 6.00 petang
(kecuali sebelah pagi hari Jumaat)

Acara Sampingan

KUIZ UNTUK PENGUNJUNG &
PERADUAN-PERADUAN
Pusat Persidangan Antarabangsa &
Masjid-masjid Terpilih
2 - 7 Jamadilakhir 1425/20 - 25 Julai 2004
9.00 pagi - 4.30 petang

BICARA IT

JABATAN PENERANGAN MEMANFAATKAN ICT

JABATAN Penerangan sebagai sebuah agensi penyebar maklumat tidak ketinggalan memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai alat dalam gerak kerja pemberitaan maklumat kepada orang ramai sesuai dengan budaya di zaman yang serba canggih ini.

Rata-rata pegawai dan kakitangan peringkat pembantu pejabat ke atas tahu menggunakan komputer dan sebahagiannya dapat menggunakan serta memanfaatkannya dengan baik dalam menghasilkan kerja-kerja kreatif. Melaluinya dapat mempercepat dan mengesahkan lagi tugas-tugas yang berhubung kait dengan urusan pejabat dan penyebaran maklumat.

Sebagai contoh, manfaatnya begitu dirasakan di Bahagian Akhbar (penerbitan Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI). Kerja-kerja penulisan berita umpamanya dapat dibuat jauh lebih mudah dan cepat berbanding penggunaan mesin taip manual. Kerja-kerja mengumpul maklumat juga mudah didapati dengan penggunaan internet melalui laman-laman web, e-mel dan seumpamanya.

Pada masa ini Bilik Berita, Bahagian Akhbar PELITA BRUNEI mempunyai akses kepada internet. Kemudahan yang begitu ketara bagi bahagian ini ialah dari segi penghantaran berita semasa membuat liputan di luar negeri yang kini dapat dihantar dengan cepat pada kadar bayaran yang begitu murah melalui e-mel berbanding penggunaan mesin faks atau telefon.

Bagi kerja-kerja reka letak huruf, gambar dan grafik pula dapat dibuat secara lebih mudah dan cepat dengan menggunakan page maker. Berita atau gambar dalam disket, CD, e-mel atau laman web juga boleh di 'lay-out' terus menggunakan komputer dan seterusnya dijadikan filem yang sedia untuk dicetak.

Begitu juga di Bahagian Fotografi, gambar-gambar yang diambil menggunakan kamera digital dapat diproses secara mudah dengan memasukkan (down load) CF (compact flash memory card) ke dalam komputer berbanding cara lama yang menggunakan filem yang terpaksa melalui pemprosesan di studio jabatan atau kedai-kedai gambar. Gambar-gambar kemudiannya di 'up load' ke laman web dan dapat diterima atau di 'down load' di Negara Brunei Darussalam atau di mana sahaja.

Dahulu proses penghantaran gambar dari luar negeri dibuat melalui syarikat penghantaran barangan ekspres udara (kories) yang memakan masa beberapa hari untuk sampai ke Brunei terutama dari negara-negara yang letaknya agak jauh dari negara ini.

Bagi penyebaran berita pula, Bahagian Akhbar juga menyediakan Pelita Online (<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>) mengenai berita-berita yang dimuatkan dalam Akhbar PELITA BRUNEI setiap minggu. Pada masa yang sama Bahagian Fotografi juga menyediakan laman web Infototo (<http://www:infototo.org.bn>) bagi perkhidmatan penyebaran gambar-gambar. Ia telah dimanfaatkan sebaiknya oleh agensi-agensi media, agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak-pihak yang memerlukan.

Jabatan Penerangan secara umumnya juga mengendalikannya Government Website (www.penerangan.gov.bn), General Info Website (www.gov.bn) dan DST Wizard. Laman-laman web tersebut memudahkan lagi orang ramai untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Bahagian-bahagian lain di Jabatan Penerangan juga memanfaatkan IT sebaiknya termasuk Bahagian Hubungan Masyarakat. Ceramah-ceramah yang disampaikan disokong dengan persembahan intipati ceramah, data-data dan gambar-gambar yang ditayangkan melalui penggunaan Power Point. Penggunaan Power Point lebih berkesan dan tidak membosankan.

Kerja-kerja melukis reka bentuk, ilustrasi, rajah dan gambar bagi penyebaran bahan-bahan terbitan lain seperti buku, majalah, risalah dan poster juga bertambah mudah dan lebih menarik melalui pemprosesan menggunakan komputer.

Melalui program e-kerajaan, Jabatan Penerangan sedikit masa lagi akan memperkemas dan meningkatkan sistem 'network' atau jaringan di semua bahagian terutama di Bahagian Akhbar dan Bahagian Fotografi. Perkembangan tersebut akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ke arah mencapai motonya 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

(Kelolaan Sahari Akim dan Siti Aishah Haji Selamat)

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Senyum Budiman

E.DEH...DEH...RAMAINYA JUA EH..
MAJLIS JUNJUNG ZIARAH ANI...
SYUKUR ALHAMDULILLAH...

IATAH MASANYA KITANI
JUNJUNG ZIARAH BERAMAI-RAMAI
RAJA KITANI RAJA BERDAULAT...



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Semua lapisan masyarakat perlu bekerjasama mengungkayahkan program perayaan

TARIKH 15 Julai adalah tarikh ke-ramat bagi Negara Brunei Darussalam. Pada tarikh ini iaitu 15 Julai 1946 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diputerakan. Setiap tahun pada tarikh ini adalah sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda.

Baginda adalah seorang raja yang berjiwa rakyat, seorang pemimpin yang berwibawa, pemimpin yang pengasih dan pe-

medulian terhadap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, baik yang tinggal di bandar mahupun yang menetap di pedalaman dengan memberi kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah, klinik kesihatan, jalan raya, bekalan air yang bersih, bekalan elektrik, telefon dan sebagainya.

Sebagai rakyat dan penduduk negara yang berbilang di bawah payung negara sudah tentulah akan bertanggungjawab dan berkewajipan untuk merayakan Hari Keputeraan baginda. Ini sebagai tanda kesyukuran

rakyat dalam mengenang jasa dan pemedulian baginda. Semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan agama akan bekerjasama mengungkayahkan program perayaan berganding bahu bersatu padu sama-sama mengambil bahagian atau melibatkan diri baik secara langsung atau tidak. Semua ini menunjukkan masyarakat Brunei bersatu dalam menyokong, mendukung, menjayakan dan memeriahkan serta merayakan perayaan yang sangat bersejarah ini.

Kita bersyukur kerana dapat mengungkayahkan

acara perayaan dan juga melahirkan rasa kasih dan sayang kepada raja dan pemimpin yang kita kasihi. Dengan permuafakatan dan perpaduan yang sentiasa kita amalkan, kita akan dapat mengungkayahkan program perayaan dengan jayanya, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat daerah, mukim dan kampung. Semua ini memberi gambaran bahawa semua lapisan masyarakat prihatin dan mengambil komitmen dalam mengun-

kayahkan program perayaan ini supaya berjalan lancar, meriah dan berjaya. Daripada komitmen ini sudah tentu membuahkan perpaduan di kalangan lapisan masyarakat dan akan menimbulkan keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman yang sama-sama kita cita-citakan.

Dalam menaani amanah dan tanggungjawab yang diberikan kita akan memberi sokongan yang terbaik kepada pemerintah supaya segala acara akan berjalan lancar dan teratur.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Rakyat - Teguhkan Semangat Cintakan Raja'. Tarikh tutup 21 Julai 2004.
2. 'Amalkan Budaya Kerja Berpasukan'. Tarikh tutup 28 Julai 2004.
3. 'Hindarkan Tabiat Kerja Bertanggung'. Tarikh tutup 4 Ogos 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dan baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Mohd. Khairul Amlin
bin Haji Tengah,
No. 33, Kampong

Madewa, Jalan Tutong,
BF 1120,
No. k/p : 00-275504.

Perayaan suburkan tradisi bermuafakat

SAMBUTAN Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyumbang kepada perpaduan dan kerjasama segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini terbukti apabila menjelang perayaan Hari Keputeraan, kerjasama dan perpaduan jelas terpancip di seluruh negara apabila persiapan bagi menyambut dan memeriahkan suasana perayaan dijalankan dengan kerjasama dan perpaduan oleh semua yang terlibat.

Ini memang wajar kerana dari sudut mana pun dalam konteks kehidupan kita berbangsa dan bernegara kedudukan dan keistimewaan raja adalah yang paling utama. Sumbangan dan juga penyertaan rakyat dalam acara-acara kesyukuran dan keraian adalah sangat membanggakan yang merupakan satu tradisi yang turut menyumbang dan memantapkan negara.

Beberapa ahli jawatankuasa telah dilantik bertujuan bagi sama-sama mengungkayahkan dan menjayakan sambutan Hari Keputeraan. Antara persiapan awal yang dilakukan termasuklah menghiasi persekitaran Bandar Seri Begawan, bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta, jalan-jalan utama, pintu-pintu gerbang serta pelbagai bentuk dan corak lampu-lampu neon yang mengindahkan suasana malam negara kita dengan bermandikan cahaya bergemerlapan.

Sambutan perayaan yang melibatkan peringkat dalam kerajaan dijalankan dengan rasa tanggungjawab dan komitmen

yang padu. Setiap jawatankuasa yang dibentuk memainkan peranannya, selain penglibatan pihak swasta dan orang ramai dalam sama-sama menaani dan menyusun acara yang tentunya akan menimbulkan kerjasama yang padu dan jitu dalam sama-sama menyemarakkan lagi sambutan perayaan.

Walau bagaimanapun jika diamati dengan teliti, di sebalik kemeriahan, kegembiraan dan kesyukuran yang tinggi, kesemua persiapan yang dirancang tidak akan dijalankan dengan sebaiknya tanpa adanya persefahaman dan toleransi yang kuat. Perpaduan dan kerjasama hendaklah seiring bagi mendapatkan kesatuan ikatan yang kukuh. Persediaan yang dirancang oleh pihak yang terbabit memerlukan kerjasama yang jitu untuk menghasilkan yang terbaik bagi sambutan perayaan ini.

Sikap dan pendirian kita yang jitu itu terbukti membawa kepada kejayaan dan keberkatan. Kemajuan, kemakmuran, kemantapan sosial dan ekonomi, keamanan dan ketenteraman terus berpihak kepada kita. Maka selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kita hendaklah terus menumpukan taat setia dan mendukung serta menyokong usaha-usaha baginda ke arah meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara.

Haziqah Fakhriyah binti
Mohd. Daud,
No. 36 'B', Kampong Tamoi Tengah,
BL 2112.
No. k/p : 00-266775.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Semua Lapisan Masyarakat Perlu Bekerjasama Ungkayahkan Program Perayaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

BEBERAPA hari lagi, kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam yang bernaung di bawah kepimpinan seorang raja yang penyayang lagi bijaksana akan merayakan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 pada 15 Julai ini.

Tanggal 15 Julai pada setiap tahun adalah tarikh yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh setiap lapisan masyarakat yang bermastautin di negara ini, untuk melahirkan rasa kegembiraan dan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataada yang telah melanjutkan usia baginda serta terus kekal menerajui kepimpinan negara dan rakyat di negara ini yang sama-sama kita kasihi ini.

Pelbagai persiapan rapi diungkayahkan bagi menyambut keputeraan baginda dengan mengadakan utur-atur cara keraian di keempat-empat daerah. Suasana Bandar Seri Begawan bermandikan cahaya, bendera rasmi negara dinaikkan dan pelbagai upacara diadakan bagi memeriahkan lagi suasana berkenaan.

Justeru itu, untuk menyemarakkan lagi sambutan tersebut kita selaku rakyat dan masyarakat harus melibatkan diri dalam program perayaan yang diungkayahkan bagi menggambarkan bahawa rasa kesyukuran kita di bawah kepimpinan baginda yang adil dan saksama dalam pemerintahan selain sebagai tanda kasih sayang dan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

Sehubungan itu, rakyat diseru merealisasikan sanjungan dan penghargaan kita dengan melahirkannya dalam bentuk peranan kita dengan memberikan komitmen penuh melalui menghadirkan diri ke majlis-majlis keraian seperti sembahyang berjemaah di masjid-masjid bagi Majlis Doa kesyukuran, bersama-sama meramaikan dan memberkati sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda, selain memberikan sokongan padu atas usaha kerajaan/jabatan mahupun pihak swasta dalam mengungkayahkan acara di sepanjang sambutan yang diadakan.

Apa yang penting selaku rakyat, penglibatan segenap

Berikan komitmen sepenuhnya

lapisan masyarakat adalah penting dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian yang melambungkan kesepakatan yang kukuh di antara penduduk negara ini.

Peranan rakyat adalah sebagai tonggak utama dalam mendukung pemerintahan raja. Usaha yang diungkayahkan tidak akan sia-sia apabila semua rakyat bersatu padu melibatkan diri dalam hal-ehtwal kemasyarakatan dan sama-sama merayakan hari yang penuh sejarah dengan kegembiraan di atas limpah kurnia Allah yang melanjutkan usaha baginda.

Seperti mana hal dengan keberangkatan baginda melalui tur cara bercemar duli di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang diadakan di keempat-empat daerah yang menjadi acara kemuncak dalam semua acara yang telah disusun dan dirancang setiap tahun. Semasa keberangkatan baginda di acara sebeginilah peluang bagi kita seluruh rakyat dan penduduk menjunjung ziarah dan bermesra bersama raja yang amat dikasihi dan disayangi yang sanggup 'turin padang' semata-mata untuk bersama rakyat yang baginda kasihi.

Oleh itu kerjasama rakyat adalah penting dalam sama-sama memeriahkan lagi sambutan acara keraian yang diadakan demi merealisasikan hasrat raja dan negara yang ingin melihat rakyat bersatu padu, mendukung dan menyumbang ke arah pembangunan periklanan bangsa, di samping mengekalkan kegemilangan sejarah budaya bangsa dalam meniti kehidupan kita.

Komitmen dalam sama-sama menyemarakkan lagi program perayaan yang dirancang adalah menunjukkan bangsa kita penuh dengan apresiasi rasa kecintaan terhadap raja, melahirkan rasa kesyukuran atas pemerintahan baginda yang terus kekal menerajui kepimpinan negara.

Dalam pada itu, pupuklah semangat perpaduan untuk sama-sama menghadirkan diri dalam sambutan perayaan yang diadakan kerana penglibatan masyarakat menunjukkan sanjungan yang tinggi terhadap ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap raja yang dikasihi dan disayangi.

Haji Azmi bin Asmat,
No. 330 'A', Simpang 324, Kampong Sengkurong,
BG 1321.
No. k/p : 00-260934.

Penduduk Mukim Berakas 'B' adakan Upacara Menaikkan Bendera

BERAKAS, 8 Julai. - Sebagai kesinambungan kepada Upacara Menaikkan dan Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di ibu negara hari ini, beberapa buah mukim di Daerah Brunei dan Muara juga turut mengadakan upacara yang sama di mukim masing-masing.

Mukim Berakas 'B' tahun ini adalah sebuah mukim yang terpilih bagi mengadakan Upacara Menaikkan Bendera bagi

mukim berkenaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

Hadir bagi menyempurnakan acara berkenaan yang diadakan di sebuah kawasan di Kampong Salambigar ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apong.

Sertai Program Kesukarelawan di Pusat Ehsan

BENGKURONG, 8 Julai. - Ke arah usaha untuk melibatkan para belia dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan di negara ini, Jabatan Belia dan Sukan menganjurkan aktiviti atau Program Sukarelawan (KAMAS) di Pusat Ehsan, Kampong Bengkurong.

Program tiga hari itu antaranya bertujuan untuk

melibatkan para belia dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ke arah melahirkan masyarakat yang pemedulian, tolong-menolong dan prihatin terutama kepada mereka yang kurang upaya dan memerlukan bantuan.

Seramai 13 orang belia terlibat dalam program yang diadakan di pusat berkenaan.

REMAJA

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK

OLEH H. A. MANAP

ALHAMDULILLAH, pada akhir petang ini rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan bersama-sama untuk menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, di samping akan membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-58 tahun. Semoga Allah akan terus melanjutkan usia baginda dan kekal karar di atas takhta singgahsana, dalam memimpin dan menerajui negara kita yang tercinta Negara Brunei Darussalam. Beginilah cara kita di negara ini dalam merayakan sesuatu upacara apatah lagi yang berkaitan dengan Raja dan pemimpin negara yang kita kasihi.

Kepimpinan baginda merupakan satu-satunya yang patut menjadi contoh dan teladan dan yang juga menjadi kewajipan kita dalam menyokong dan mendukung perancangan kerajaan baginda. Dalam tempoh pemerintahan baginda terlalu banyak perkembangan dan kemajuan yang telah dapat kita nikmati yang pada keseluruhannya meliputi pelbagai aspek menyentuh hampir keseluruhan kehidupan semua masyarakat di negara ini. Baginda sebagai seorang raja dan pemimpin negara juga tidak pernah melupakan generasi muda belia. Baginda mempunyai harapan yang tinggi untuk melahirkan generasi muda remaja yang berilmu, bertaqwa dan berkemahiran. Keinginan baginda jelas, dengan adanya pelbagai kemudahan dan juga pemedulian yang disediakan khusus dalam menampung keperluan generasi belia itu sendiri.

Baginda amat prihatin dan ingin melihat bahawa generasi belia yang akan dilahirkan di bumi Negara Brunei Darussalam adalah kalangan mereka yang bukan sahaja akan dapat mewakili bangsa dan negaranya, akan tetapi menjadi contoh dan teladan sebagai golongan generasi yang dapat diletakkan keyakinan dan harapan. Ini pernah baginda titahkan sempena Istiadat Junjung Ziarah pelajar-pelajar di seberang laut belum lama dulu. Hasrat baginda ingin melihat generasi yang berilmu dan berkemahiran amat jelas, kerana dengan adanya generasi sedemikian bukan sahaja akan dapat menampung keperluan perkembangan dan kemajuan negara, akan tetapi sekali gus dapat membantu pertumbuhan masyarakat yang berkualiti tinggi. Baginda amat mengharapkan agar generasi muda yang masih menuntut ilmu dan belajar pelbagai kemahiran akan menggunakan kesempatan yang mereka ada, dengan menekuninya bersungguh-sungguh.

Hanya dengan cara ini sahajalah harapan untuk membentuk masyarakat berilmu dan berkemahiran akan mudah dicapai. Kerana itu, titah baginda, kepada mereka itu supaya akan menjadi 'Lampu Zaman' yang menyuluh dan menerangi kehidupan dan tidak menjadi sesuatu yang tidak mendatangkan hasil yang membanggakan. Keyakinan terhadap generasi yang berdaya saing juga sangat menjadi perhatian baginda. Hasrat ini adalah bagi mewujudkan suasana generasi yang benar-benar memiliki daya saing yang tinggi. Memiliki sikap dan kekuatan sedemikian

akan menjadikan kita mampu melahirkan kualiti kemahiran yang diguna pakai bukan setakat di dalam negara kita sendiri, akan tetapi juga di peringkat yang lebih meluas di dunia antarabangsa.

Dari pelbagai perkara melalui pelbagai kemudahan yang terus disediakan tentulah mempunyai mesej yang tersendiri. Baginda sebagai seorang Raja dan pemimpin negara tidak hanya melihat unjuran jangka pendek tetapi juga ialah pada peringkat yang lebih jauh skopnya. Visi baginda jelas untuk menjadikan rakyat dan penduduk di negara kita ini sebagai sebuah masyarakat yang maju dan berkembang serta tidak tertinggal oleh arus perubahan dan kemajuan sekeliling. Justeru gaya dan kepimpinan yang telah baginda tunjukkan adalah jelas membawa mesej untuk terus memberikan kemajuan dan perkembangan yang ada. Baginda juga tidak pernah berhenti dalam memantau kemajuan dan perkembangan tersebut.

Keberangkatan baginda ke beberapa daerah dan tempat merupakan salah satu cara untuk baginda mengetahui pencapaian dan impak pelaksanaan sesuatu perkara. Dan kita amat bersyukur dalam pemedulian baginda ini generasi belia remaja tidak pernah baginda tinggalkan untuk diberi perhatian. Inilah cara baginda untuk memastikan bahawa generasi muda belia merupakan kalangan generasi yang memiliki daya saing, kualiti hidup yang tinggi, berkemahiran dan mempunyai nilai-nilai akhlak yang terasuh mulia. Semoga dengan adanya sokongan padu dan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda, hasrat dan cita-cita baginda akan terlaksana dengan jayanya.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 30 Jun 2004

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Uagama.



ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 626

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 626,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 30 Jun 2004

Nur Hidayah binti Moktal,
 Sekolah Rendah Mabohai.
 Umur : 6 tahun

Md. Aizzul Yamin bin Haji Abu Bakar,
 Sekolah Rendah Tanah Jambu.
 Umur : 9 tahun

Mohd. Hirzan bin Mohd. Irmawi,
 Sekolah Rendah Tutong Kem.
 Umur : 7 tahun

DATANGLAH BERAMAI-RA KE MAJLIS RAMAH ME BERSAMA RAKYAT

Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait

Intan Di Daerah Gemilang - Negara Terbilang

*Padang Rekreasi Kelab Brunei Shell (BSRC), Seria
29 Jamadilawal 1425 / 17 Julai 2004*

**Sempena Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah
Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait**



Bersama Rakyat dan Daerah Brunei dan Mesra Bersama

*Jerudong Park Amphitheatre
30 Jamadilawal 1425 / 18 Julai 2004*

**Sempena Majlis Ramah Mesra dan
Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah**



MI
DANA
YSLA

Citra



SANTAP Malam bersama Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak dan Isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di ruang luar Pantai Restoran, Empire Hotel and Country Club.

Berangkat ke Majlis Santap Malam

JERUDONG, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam bagi meraikan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak dan Isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor dan rombongan ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda

Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia

Datin Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Juga hadir ialah Pena-

sihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Datin bersama Setia-

usaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor, isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah Isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor.



Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah binti Mansor diulangi Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi dan Isteri, Datin Hajah Asmah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berbual mesra bersama Timbalan Perdana Menteri Malaysia semasa Majlis Santap Malam.

Jumlah kiriman wang meningkat 636 peratus

JALAN KEBANGSAAN, 3 Julai. - Jumlah wang yang dihantar melalui syarikat kiriman wang telah meningkat sebanyak 636 peratus sejak lesen perkhidmatan kiriman wang dan tukaran wang dikeluarkan pada tahun 1996.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menjelaskan, sejumlah kira-kira \$241.86 juta wang telah dihantar melalui syarikat kiriman wang dalam tahun 2003 berbanding dengan hanya \$38.01 juta pada tahun 1996.

Sementara jumlah belian mata wang asing bagi perniagaan tukaran wang pada tahun 1996 adalah sebanyak \$14.71 juta berbanding \$306.85 juta pada tahun 2003 dan peningkatan dalam pembelian mata wang Brunei berjumlah \$34.71 juta pada

Oleh
Bolhassan HAB

tahun 2003 berbanding hanya \$16.11 juta pada

tahun 1996.

Beliau menjelaskan perkara tersebut diperas-
mian Kursus Sehari Majlis
Pengenalan Pertukaran



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub semasa berucap dan seterusnya merasmikan Kursus Pengenalan Pertukaran Mata Wang Asing. - Gambar oleh Masri Osman.

Mata Wang Asing Bagi Pengusaha-pengusaha Syarikat Tukaran Wang dan Kiriman Wang Yang Berlesen, Dato Paduka seterusnya menyeru pemegang lesen perkhidmatan kiriman wang dan tukaran wang supaya memberikan komitmen sepenuhnya dalam menjalankan perniagaan mereka.

"Pemegang-pemegang lesen juga hendaklah memastikan perjalanan perniagaan mengikut peraturan-peraturan yang telah dikenakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuklah syarat-syarat baru yang mula diperkenalkan pada awal tahun 2004," ujar Dato Paduka.

Menurut Dato Paduka, syarat baru itu adalah salah satu langkah usaha Kementerian Kewangan untuk memperkemas lagi tahap pengawalseliaan dan pemantauan terhadap sektor itu selaras dengan aliran dan kehendak semasa.

Syarat-syarat baru itu, jelas Dato Paduka bukanlah untuk menyusahkan pemegang lesen tetapi semata-mata bagi melindungi kepentingan orang ramai khususnya memastikan bahawa

keselamatan wang mereka terjamin dan mengelakkan penyelewengan wang.

Dato Paduka turut menyeru pemegang-pemegang lesen supaya menepati tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam menghadapi jadual penyata kewangan berikutan kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai Ahli Pertubuhan Asia Pacific Groups on Money Laundering (APG) pada tahun 2002.

Dato Paduka seterusnya berkata, sebahagian daripada penyata-penyata kewangan yang dikehendaki adalah juga sebagai salah

satu tindakan dalam usaha Negara Brunei Darussalam menangani dan membanteras aktiviti-aktiviti pendobian wang yang berkeungkinan dijalankan melalui perkhidmatan kiriman dan pertukaran wang selain institusi-institusi kewangan yang lain.

"Dalam hubungan ini, pengusaha-pengusaha syarikat adalah dinasihatkan untuk berhati-hati dan sentiasa peka akan transaksi syarikat dalam memastikan sumber wang tidak terlibat dengan wang haram dan penghantaran wang tidak digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan," jelas Dato Paduka.

Sehubungan dengan itu, tambah Dato Paduka, pengusaha-pengusaha syarikat adalah dinasihatkan untuk melaporkan serta-merta ke Kementerian Kewangan bagi apa jua transaksi yang disyaki.

Kursus Pengenalan Pertukaran Mata Wang Asing bagi Pengusaha-pengusaha Syarikat Tukaran Wang dan Kiriman Wang Yang Berlesen sehari itu berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive adalah bagi mencapai hasrat Kementerian Kewangan untuk melahirkan pengusaha-pengusaha yang berwibawa di negara ini.



PERASMIAN Kursus Pengenalan Pertukaran Mata Wang Asing berlangsung di Dewan Teater Kementerian Kewangan, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.

Majlis Khatam Al-Quran Pejabat Penjara



PENGARAH Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dollah ketika mendahului acara menabur bunga rampai di Majlis Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan upacara memeluk ugama Islam. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

JERUDONG, 1 Julai. - Dua orang banduan memeluk ugama Islam setelah mendapat petunjuk melalui hukuman ke atas mereka di dalam penjara.

Majlis Pengislaman tersebut telah disempurnakan oleh para pegawai Bahagian Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah di Rumah Ibadat, Penjara di sini semasa berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran bagi Rekrut Lelaki dan Wanita Pengambilan 1/2003.

Hadir di majlis tersebut ialah Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dollah beserta pegawai dan kakitangan keluarga anggota rekrut.

Rekrut pengambilan 1/2003 merupakan pengembalian yang terbanyak pernah dilakukan dengan kemaian 103 orang di mana 33 orang daripadanya terdiri rekrut wanita.

Pengambilan yang ber-

Oleh
Abu Bakar HAR

mula sejak 3 November tahun lalu menamatkan latihan mereka pada 9 Julai dengan atur cara perbarisan

tamat latihan.

Majlis tersebut juga diserikan dengan Dikir Marhaban, diikuti dengan menabur bunga rampai kepada mereka yang khatam didahului oleh Pengarah Penjara, seterusnya ahli keluarga rekrut.



PARA peserta yang dikhatamkan di majlis yang berlangsung di Rumah Ibadat, Pejabat Penjara, Jerudong. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Melahirkan pengusaha berwibawa

Oleh
Bolhassan HAB

puhin bin Haji Abdullah, kursus tersebut telah dirancang dengan penuh teliti, terutama dari segi topik dan isi kandungan yang mana pada peringkat permulaan ditumpukan kepada konsep yang pada lazimnya digunakan oleh institusi-institusi perbankan dan kewangan.

Kandungan kursus juga melibatkan sesi latihan-latihan praktikal yang berbentuk kajian kes berhubung pengiraan pertukaran mata wang asing, keuntungan dan komisen yang diharap akan dapat mempertingkatkan lagi pemahaman terhadap perjalanan perniagaan tukaran dan kiriman wang.

Pengarah Institusi Kewangan seterusnya berharap para pengusaha akan

mengambil kesempatan melalui kursus tersebut untuk mempelajari seberapa banyak pengetahuan yang boleh melalui pakar-pakar yang diundang.

Perasmian kursus yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub.

Dalam ucapan perasmian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub antara lain menyarankan para pemilih lesen perkhidmatan tukaran wang dan kiriman wang agar memastikan lokasi perniagaan strategik dan selamat bagi menentukan kejayaan perniagaan mereka.

Katanya, adalah perlu ada pengusaha perkhidmatan tukaran wang dan kiriman wang membuat perniagaan mereka dengan penuh sopan santun untuk memberikan gambaran imej yang baik kepada Negara Brunei Darussalam di kalangan pelawat-pelawat dari luar negara.



KURSUS dihadiri oleh para pengusaha Syarikat Tukaran Wang dan Kiriman Wang Yang Berlesen di ibu negara. - Gambar oleh Masri Osman.

PENUTUPAN KAUNTER PEMBAYARAN BIL ELEKTRIK PADA 15 JULAI 2004

ADALAH dimaklumkan bahawa semua Kaunter Pembayaran Bil Elektrik termasuk kupon Meter Pra-Bayar akan ditutup pada hari Khamis, 15 Julai 2004 disebabkan cuti awam sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58.

Para pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran termasuk pembayaran bil elektrik dan pembelian kupon Meter Pra-bayar hendaklah berurusan sebelum tarikh berkenaan. Jabatan memohon maaf jika berlaku sebarang ketidakelesaan.

S

UDAH tiga tahun aku melalui jalan kecil tepi semak belukar untuk sampai ke rumah.

Kereta kawan yang kutumpangi hanya berhenti di jalan besar. Berjalan kaki untuk sampai ke muka pintu, bukannya jauh sangat. 25 minit boleh sampai. Itu waktu rajin terutama waktu hujung bulan. Tapi biasanya waktu tengah-tengah bulan, entah mengapa pergerakanku agak lembap sedikit. Kadang-kadang sejam baru sampai rumah. Memandangkan cuma itu sahaja satu-satunya laluan terbaik yang ada, aku menjadi suka berjalan, ada senaman sikit. Laluan jalan pun bukannya gelap sangat. Rimbun dengan pohon-pohon getah. Kalau pun ada semak belukar hanya sedikit. Aku tidaklah perlu gusar sangat dengan kemungkinan adanya binatang buas sekeliling. Kiri kanan jalan masih ada rumah-rumah jiran yang berdekatan. Belok kanan sikit, belok kiri sikit, naik dan turun bukit sikit, belok kiri lagi, belok kanan lagi, naik dan turun bukit kecil lagi. Sudah nampak rumah.

Permukaan jalan memang tidak rata. Tinggi rendah! Bengkang-bengkak, ada akar-akar kayu dan berlokap-lopak ketika hujan. Memang, kadang-kadang kalau matahari terlalu panas terik keadaan jalan berdebu. Jika sudah panas, air peluh meleleh juga di tengkuk. Jika waktu hujan, aku pakai payung. Becak sedikit, basah-basah sedikit. Sudah biasa. Itu juga membuat aku berjalan agak lambat dan releks sambil memasang banyak angan-angan contohnya macam semasa hero dan heroin Hindustan bercinta dalam hujan!

Setiap hari ketika aku berjalan masuk di celah semak belukar menuju ke rumah, kakak aku sudah kelihatan duduk santai di serambi depan. Kami cuma tinggal berdua. Setiap petang kami akan minum bersama di atas serambi depan. Sambil minum biasanya, kami berbual-bual kosong. Kakak aku tidak kerja. Bukan kerana tidak ada pekerjaan. Tapi semua pekerjaan yang ada, kakak aku tidak tahu nak buat! Akhirnya kakak aku cuma buat kerja-kerja yang dia tahu saja, contohnya memasak dan mengemas. Tak apalah, sekurang-kurangnya kerja juga.

"Kau berjalan macam huruf ra!" katanya tiba-tiba pada hari itu.

"Huruf ra?" ulangkup seperti tidak faham makna huruf ra.

"Ya! Macam huruf ra!" jawabnya.

Aku pandang wajahnya betul-betul. Aku yang sentiasa berpakaian rapi dan berjalan kaki untuk sampai ke muka pintu tiba-tiba dikatakan berjalan macam huruf ra? Walaupun bukan berjawatan tinggi, tapi rasanya tentulah hodoh juga kalau aku dikatakan berjalan macam huruf ra. Apa lagi aku seorang perempuan.

"Ah! Kau jangan bergurau!" kataku selamba melabuhkan punggung di sisinya.

"Sungguh! Aku tidak main-main. Sudah lama aku memperhatikan. Dan memang benar, kau berjalan macam huruf ra!" Tegasnya dengan raut wajah serius.

"Huruf ra seperti apa?" soalku bodoh.

"Huruf ra pun kau tidak tahu? Huruf ra lahi!" katanya sambil menuang kopi ke dalam cawan. Cucur pisang yang masih panas kupandang dengan tatapan kosong.

Aku terkebil-kebil seketika. Aku pandang wajahnya dan diam. Kakak aku juga memandang wajahku dan diam. Aku renung matanya. Kini kakak aku terkebil-kebil pula membalas tatapanku. Aku bingung. Macam huruf ra kah aku? Selama ini tiada sesiapa pun yang pernah menejur atau mengatakan bahawa aku berjalan macam huruf ra.

Mungkin kerana kawan-kawan sekerja sama-sama sibuk. Mana ada masa hendak periksa macam huruf ra atau tidak. Kalau orang-orang tua berjalan macam huruf ra memang lumrah. Orang tua, tulang-tulang pun sudah banyak yang reput. Anggota tubuh pun semakin lemah. Tidak hairan kalau berjalan macam huruf ra. Tapi kalau perempuan muda macam aku dikatakan berjalan macam huruf ra, ah! Jelik!

"Apalagi yang kau fikirkan? Cuba masuk ke dalam bilik dan tengok cermin tu betul-betul.

Kau berjalan macam huruf ra!" serunya, memaksa aku untuk bangkit.

Kopi panas yang baru dituang, tidak jadi kusentuh. Sambil berlalu masuk ke dalam hatiku berkata, macam saja selama ini aku tidak pernah melihat diri di cermin. Walhal setiap pagi sebelum turun berkerja, 30 minit masaku dihabiskan di hadapan cermin.

Tampal foundation, pakai bedak, alis kening, bubuh eyeshadow, palit mascara, calit gincu dan periksa celah-celah gigi dan lubang hidung. Mahu periksa lubang telinga tapi tak dapat. Tapi jika terasa gatal-gatal aku korek juga hingga bersih! Lepas itu aku akan berdiri di hadapan cermin renung baju yang kupakai dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas.

Dari kanan ke kiri, kiri ke kanan. Lepas itu pusing belakang (walaupun tidak berapa dapat melihat sepenuhnya, kecuali bahagian punggung) kemudian pusing depan balik dan cuba tersenyum di hadapan cermin. Setelah betul-betul pasti dengan senyumanku yang 'cute', aku capai beg tangan terus keluar kamar.

Aku berdiri di hadapan cermin dua meter panjang dan satu meter lebar. Aku cuba menoleh ke belakang dan cuba melihat dengan jelas. Memang ada sedikit lekuk pada bahagian belakang. Tapi belum boleh dikatakan teruk sangat. Sebab? Semua orang pun ada lekuk sikit pada bahagian belakang tubuh. Mana ada berdiri lurus macam papan! Kalau adapun jarang... jarang...! Sasar-sasar ke depan, sasor-sasar ke belakang pun tidak begitu jelas.

Sasar-sasar ke kanan. Sasar-sasar ke kiri juga tidak begitu jelas. Mungkin aku perlu menggunakan dua buah cermin untuk hasil penglihatan yang lebih jelas. Aku bersuara dari dalam, memanggil kakak ku masuk dan dia pun segera datang duduk melong di atas katil memperhatikan aksi-aksi ku.

"Tidak macam huruf ra pun!" kataku.

"Huh! Tidak kau cakap? Cuba kau jalan sikit dan toleh cermin!" Katanya. Aku menurut.

"Tidak nampak macam huruf ra pun..." kataku lagi. Memang aku tidak melihat apa-apa yang tidak elok pada tubuhku.

"Laa... Kau sendiri memang tidak nampak. Tengok sini! Kau berjalan seperti ini!"

Katanya sambil berjalan macam dalam sabit. Nasib baik tidak macam nenek kebayan dalam cerita Bujang Si Gandam! Walaupun begitu, aku tetap terkejut. Kalau betul-betul aku berjalan macam huruf ra, memang hodoh

habis! Aku mencuba sekali lagi di hadapan cermin. Perlahan-lahan aku berjalan sambil mengamat-amati keadaan tubuhku. Ya!

Memang benar, aku berjalan macam huruf ra! Aku terjerumput kaget!

"Ambil buku, letakkan atas kepala dan kemudian jalan perlahan-lahan. Pastikan buku tidak jatuh semasa kau berjalan. Kalau jatuh bermakna kau berjalan macam huruf ra!" perintahnya.

Aku segera menurut. Sebelum ini aku memang tidak pernah berjalan sambil meletakkan buku di atas kepala. Aku cari buku tebal dan meletakkan di atas kepala kemudian cuba berjalan. Baru dua langkah, buku jatuh ke lantai. Aku cemas. Pastilah kini, bahawa aku benar-benar berjalan macam huruf ra. Aku cuba lagi dan buku jatuh ke lantai lagi.

Kemudian aku terus mengulang-ulangi dan buku masih saja jatuh ke atas lantai! Aku cari dan letak buku yang panjang atas kepala, gugur! Aku letakkan buku yang nipis, gugur!

Aku letakkan buku yang kecil, gugur! Aku letakkan buku yang bujur juga gugur! Aku penat. Rasa-rasanya memang tidak boleh dilakukan. Kepala aku bulat macam telur. Bukan senang hendak berjalan sambil meletakkan buku di atasnya! Lainlah halnya kalau kepala aku leper macam lantai papan.

"Tekakkan tulang belakang dulu betul-betul. Luruskan kedua-dua belah bahu biar selari dada ke depan. Angkat sedikit kepala. Baru letakkan buku dan melangkah berjalan!" seru kakak ku lagi.

Aku bangun dan mengikut semua arahnya. Hampir-hampir aku berhasil masuk langkah kelima, tapi buku gugur lagi. Aku betul-betul sudah merasa letih dan sakit belakang tengkok. Melihat orang lain berjalan macam huruf ra, memang perkara biasa. Tapi merasakan diri sendiri berjalan macam huruf ra tidak pernah pula aku memikirkannya sebelum ini. Sudah hampir satu jam aku berlatih berjalan dengan meletakkan buku di atas kepala. Tapi setiap kali itu juga buku jatuh ke lantai. Aku penat. Mungkin sudah nasib aku berjalan seperti huruf ra. Biarlah bukan apa-apa. Rasa-rasanya juga tidaklah mengganggu hidupku selama ini. Bukan kacau orang. Kalau orang lain merasa terakau pun, itu mereka punya pasal.



RA!

GERAKAN

OLEH SUTERA KALBU

"Berjalan seperti huruf ra adalah perkara lumrah dan boleh terjadi kepada sesiapa saja."

Kataku sambil meletak semula buku-buku ke dalam rak.

"Tapi kalau kau terus membiarkannya, nanti kau dapat sakit tulang belakang disamping bentuk tubuh yang hodoh macam nenek kebayan dan menjadi semakin jelik terpaksa menggunakan tongkat ketika usiamu meningkat sedikit saja nanti!" jawab kakakku lagi sambil berlalu keluar. Suasana sepi seketika. Ada bayang-bayang jerangkung muncul di fikiranku!

Aku menutup pintu dan mengambil semula buku terus meletakkan di atas kepala. Mulai saat itu, setiap petang sekembalinya dari kerja aku cuba berjalan tegak bersama buku di atas kepala. Tidak sampai sebulan, akhirnya aku berhasil berjalan dengan baik dan sempurna. Kembang kecup hidungku kerana rasa-rasanya sudah mampu berjalan macam 'top model'.

"Sudah berhasil! Bagus! Sekarang kau tidak berjalan macam huruf ra lagi," kata kakakku, puas.

Hari itu seperti biasa aku turun berkerja. Belok kanan sikit, belok kiri sikit, naik dan turun bukit sikit, belok kanan dan kiri lagi, naik dan turun bukit sikit lagi aku mulai merasa penat. Aku rasa perlu berhenti rehat. Rasa-rasanya seperti ada yang tidak kena. Burung-burung dalam hutan bersuara parau. Tupai-tupai lari menyembunyikan diri jauh ke dalam hutan. Banyak ranting dan dahan kayu patah terlanggar oleh tubuhku. Banyak kali juga kakiku tersendul batu dan akar kayu. Tapi cepat-cepat aku berdiri semula. Hampir-hampir aku tersungkur masuk ke tebing paya jika tidak cepat-cepat memandang ke bawah. Aku berjalan lebih cermat dan penuh hati-hati. Kepala tegak ke hadapan.

Dadaku ke depan sedikit. Pandangan matakau naik turun atas ke bawah, bawah ke atas kanan ke kiri, kiri ke kanan untuk memastikan semua keadaan selamat. Anak-anak jiran yang turun ke sekolah sama sekali hilang mesra padaku. Semuanya berjalan cepat, jauh meninggalkan.

Hari itu aku sampai ke jalan besar memakan masa yang lebih panjang. Kawan yang sedang menunggu di tepi

jalan merungut marah. Katanya aku terlalu lama. Katanya lagi kalau setiap hari begitu kami akan dibuang kerja. Sebab, aku terlalu banyak membuang masa semasa berjalan. Kawan aku juga cakap masa itu emas. Aku hanya diam mendengar segala hujahnya. Setibanya di tempat kerja semua mata yang ada di sekelilingku asyik menjeling-jeling padaku. Dengki ataupun marah sebab kami datang lewat aku tidak pasti.

Aku pura-pura tidak melihat. Aku segera membuat kerja-kerjaku. Sambil itu aku sentiasa memastikan pergerakan tubuhku tidak seperti huruf ra. Aku sentiasa membayangkan seolah-olah ada benda terletak di atas kepalaku. Dengan cara itu posisi tubuhku akan sentiasa tegak. Seperti ada yang tidak kena ketika aku berhati-hati merendahkan tubuh mengambil klip yang jatuh. Semua mata sekali lagi terasa bertumpu padaku. Diyana kawan sekerja datang menghampiri.

"Ish! Kau ini kenapa?" soalnya separuh berbisik.

"Kenapa pula dengan aku?" aku menyoal balik sambil bangkit perlahan penuh hati-hati memusingkan seluruh tubuh padanya.

"Kau tidak perasaan kah?"

"Perasaan apa?" Soalku sedikit cemas.

"Ish! Ish! Ish! Kau berjalan macam robot!" katanya sambil tersenyum sinis.

"Macam robot?" aku tergamam sempat membayangkan sebuah robot berdiri di hadapanku.

"Robot yang bagaimana?" soalku tidak puas hati. Dahiku terasa berkerut-kerut.

"Kau berjalan kaku. Belakangmu tegak macam papan. Langkahmu juga keras macam kayu."

Tidak. Aku telah berjalan dengan cara yang betul. Ini cara yang sihat," kataku cuba memperbetulkan pandangannya.

"Kau lihat sekeliling. Tidak ada orang yang berjalan seperti kau! Apa yang sudah terjadi pada kau ni?" Kau sakitkah?"

"Tidak. Aku tidak sakit. Aku hanya berjalan dengan cara yang sihat."

"Jalan macam robot kau cakap sihat?"

Aku pandang sekeliling. Semua orang tertawa. Kepala tiba-tiba terasa ringan.

Petang itu aku berjalan pantas di lorong kecil dalam semak belukar untuk balik ke rumah. Ada angin sepoi bertiup. Tubuhku merasa agak dingin. Langkahku semakin pantas. Semak belukar seolah-olah tersenyum melihat kepalanganku. Setibanya di depan pintu kakak sedang menjengul seraya bersuara:

"Kau berjalan macam huruf ra lagi!!!!!"

Dari muka 11

*Mari bersamaku
tanpamu aku keseorangan
tenagamu, darahmu ku harapkan sungguh
berilah, hulurlah
mari kita heriman walau terkurban.*

*Takdirnya kandas bubus
carek sampak, pengayuh patah
ku tambal ku simpai, ku gala-gala hingga palau
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman secarek setampap.*

*Aku dan teman sepelayaran
mengibarkan lambang Bahtera Islam
Allah bersama kami.*

Puisi ini telah dihasilkan oleh penyair Yura Halim dalam tahun 1968. Sungguhpun telah berlalu masa begitu lama, namun terasa puisi ini masih hangat dan bersemangat. Ini kerana perutusan dan kata-kata yang dipergunakannya dan cara penyampaiannya penuh dengan semangat dan daya yang tinggi yang tidak mengenal kalah dan putus asa. Dalam pada itu beliau tidak mudah hilang punca, ini terbukti dengan kesedarannya terhadap kedudukannya sebagai hamba Allah yang serba lemah yang mana sentiasa mengharapkan petunjuk, tenaga dan pertolongan dari Allah Taala dalam menjayakan matlamat perjuanganannya.

Dalam rangkap pertama dan kedua, beliau menyuarakan rasa merendah diri selaku insan biasa yang serba kekurangan, kerana yang serba gagah dan lengkap hanyalah Allah Subhanahu Wataala. Penyair bermadah:

*Teman sepelayaran,
aku manusia kumuh lemah
kemiskinan, hamunan dikais-kais,
tenagaku hanya sekerat
tumpas di bingkai rapuh.*

*Sahabat harapanku,
aku hanyalah marhain dina
darahku hanya sekummin
nafasku, nadiku pupus
hanya Allah Maha Pengasih.*

Kamus Dewan memberi pengertian perkataan 'kumuh' sebagai kotor, keji, cemar. Sementara perkataan 'sekummin' sebagai sangat sedikit, sekelumit, sangat kecil. Penyair juga bijak memilih perkataan 'dikais-kais' yang menggambarkan keadaan hidup serba susah mencari rezeki.

Sungguhpun begitu, pada rangkap berikutnya penyair bangkit dengan penuh bertenaga dan lantang bersuara, katanya:

*Aku tetap aku,
dengan bahtera juragan Islamku
kan ku layarkan bersamamu,
ke Utara, ke Kortika Timur Barat
ku labuhkan di pantai hijau saujana.*

Walaupun merasakan kekurangannya sebagai seorang insan biasa, tetapi semangat juangnya tidak mengizinkannya berdiam diri, sebaliknya penyair mahu bergerak ke hadapan, dan ke mana-mana medan jua demi kerana Islam, ke Timur atau ke Barat, ke Utara atau ke Selatan, semuanya itu tidak menjadi soal baginya. Ini kerana sebagai pemimpin yang berpengalaman (juragan) beliau mempunyai keyakinan diri untuk cuba membawa masyarakat yang dipimpinnya ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan (ku labuhkan di pantai hijau saujana).

Penyair menganggap bahawa Bahtera Islam itu adalah merupakan suatu 'pusaka' yang menjadi warisan turun temurun. Maksud 'pusaka' ini pada hemat kita ialah kerana ajaran Islam itu telah masuk dan diterima dengan baik serta tersebar dengan luasnya di negara kita semenjak berkurun-kurun yang lalu, sehingga ajaran Islam itu telah menjadi suatu yang bersebat dengan jiwa, perasaan, pemikiran dan akidah umat Melayu Islam di negara kita. Penyair menyatakan sikapnya begini:

*Bahtera ini Pusaka
ku layarkan meskipun menyungsung badai
pantang menyimpang di arus mendadak ganas
biar sampak bertiram kapang
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman sepelayaran.*

Dalam rangkap ini penyair menyatakan keazaman penuh, tanpa gentar dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang. Apakah yang dimaksudkannya dengan 'menyungsung badai'? Pada hemat kita, maksud penyair dengan 'menyungsung badai' itu ialah pengaruh dari Barat yang bersifat negatif melanda masyarakat kita dalam berbagai bentuk dan rupa sehingga boleh mengugat ketahanan budaya dan akidah masyarakat kita, termasuk di sini ialah ajaran sesat dan menyeleweng. Hal ini memerlukan orang-orang yang benar-benar gigih dan ikhlas berjuang untuk mempertahankan kesucian agama Islam.

Ini disulami oleh penyair dengan suatu ungkapan yang indah dan tepat bagi menyokong keazamannya dengan katanya: 'Biar sampak bertiram kapang'. Kamus Dewan menyebut sampak yang bererti sobek tepinya (pengayuh dll), sumbing besar. Sementara 'tiram' bererti lokan (binatang yang berkulit kapur) yang boleh dimakan isinya. Adapun kapang ertinya ialah 'sejenis siput yang melekat pada dan makan kayu di air'. Bait ini bermaksud bahawa perahu atau kapal yang beliau naiki biarpun akan mengalami kerosakan dan serba kekurangan, namun beliau akan tetap jua meneruskan pelayarannya bersama rakan-rakan seperjuangannya.

Rangkap ini menggambarkan sikap dan pendirian teguh seorang pejuang Islam yang tulen. Adanya semangat seperti inilah yang menyebabkan Islam tegak dan berkembang dengan jayanya di setiap zaman. Semangat seumpama ini tidak semestinya hanya ada pada ulama, tetapi juga boleh tumbuh dalam jiwa Muslim yang mempunyai keimanan kuat dan kesedaran yang tinggi.

Seterusnya beliau sinis, dan mengkritik sekiranya ada

YURA HALIM : PUISI DAN KUPASAN

dari teman-temannya itu akan belot dari tujuan asalnya. Madahnya:

*Ketiadaanmu teman,
mun kau membular membisu
mun kau merenung senyiam di sumpah
bertukaklah hasrat
patahlah tiang pusaka.*

Penyair merasa sedih melihat perihal setengah rakan seperjuangannya yang menjauhkan diri atau hanya mengambil sikap berdiam diri bila mana melihat perkembangan yang berlaku di hadapannya apatah lagi perkara itu berunsur negatif. Teman-teman seperti ini diistilahkan oleh penyair sebagai 'membular' yakni mata yang cacat penglihatan (misalnya buta bular). Kamus Dewan memberi pengertian sebagai buta kerana selaput putih di mata. Jika demikian halnya maka 'bertukaklah hasrat'. Kamus Dewan memberi makna 'tokak' sebagai sejenis penyakit kulit. Maksud dalam rangkap ini ialah cita-cita asal untuk menegakkan agama menjadi rosak. Hasilnya akan membawa kepada 'patahlah tiang pusaka' yang bermaksud perkembangan Islam yang ajaran-ajarannya dipusakai itu akan turut terjejas jika tiada pendukung-pendukungnya yang ikhlas berkorban. Begitu tingginya semangat penyair tercurah dalam rangkap berikut:

*Takdirnya kandas bubus
carek sampak, pengayuh patah
ku tambal ku simpai, ku gala-gala hingga palau
ku layarkan, ku layarkan jua
bersama teman secarek setampap.*

Perkataan 'bubus' dipercayai berasal dari loghat tempatan Brunei yang membawa maksud 'bocor'. Dalam Kamus Dewan perkataan 'bubus' diertikan sebagai keluar dengan ramai. Perkataan 'tambal' diertikan sebagai perca kain dan lain-lain yang dilekatkan pada tempat yang koyak. Perkataan 'simpai' diertikan sebagai gelang-gelang (lingkar, bingkai) daripada rotan dan lain-lain untuk mengikat penutup (meneguhkan sarung parang dan lain-lain). Perkataan 'gala-gala' ialah pakal (benda yang digunakan untuk menutup celah-celah papan, perahu dan lain-lain). Perkataan 'palau' bererti parut dan lain-lain pada badan (jadi tanda atau ciri mengenalnya). Jadi pada keseluruhan rangkap ini membawa maksud adanya kerja-kerja yang dibuat bagi memperbaiki bahtera atau kapal yang rosak supaya boleh digunakan untuk meneruskan pelayaran. Pemilihan perkataan-perkataan di atas menunjukkan penyair mempunyai pengetahuan agak mendalam mengenai bahasa.

Keazaman penyair yang padu diluahkan dalam untaian (ku tambal ku simpai, ku gala-gala hingga palau / ku layarkan, ku layarkan jua / bersama teman secarek setampap). Kalimat 'kulayarkan' yang berulang-ulang disebut adalah menunjukkan keberanian penyair menghadapi apa jua cabaran meskipun perjuangan suci tersebut akan mengalami risiko yang tinggi. Penyair berasa beruntung berada di bawah payung Islam dan akan meneruskan perjuangannya walaupun kapal yang besar itu akan pecah di lautan dan hanya tinggal kepingan papan yang kecil-kecil (secarek setampap). Kamus Dewan memberi makna 'setampap' ialah selebar atau seluas tapak tangan.

Perhatikan rangkap terakhir ini:

*Aku dan teman sepelayaran
mengibarkan lambang Bahtera Islam
Allah bersama kami.*

Demikianlah sepiintas lalu dapat kita selami intisari yang terkandung dalam puisi BAHTERA ISLAM. Dari sebuah puisi yang baik kadang-kadang kita dapat melihat sikap, perwatakan, pondangan dan cetusan perasaan seorang penyair secara jujur dan ikhlas. Dari satu aspek, puisi ini menjadi cermin diri sang penyair, yang berwatak tegas dan cintakan Islam (mengibarkan lambang bahtera Islam) dan dari aspek yang lain puisi ini juga menjadi cermin masyarakat dan pembangunan berlandaskan Islam kerana hanya Islam yang terbaik untuk menjadi panduan.

Puisi ini berbentuk bebas. Dalam mencurahkan idea dan perasaannya penyair tidak mahu terkungkung dengan ciri-ciri tradisi. Puisi ini begitu menarik serta bertenaga dan terasa kepuisiannya kerana penyair bijak mengolahnya dan bijak memilih perkataan yang sesuai untuk menyampaikan maksudnya. Lebih menarik lagi bilamana ianya diadun dengan perkataan-perkataan tempatan.

Kini mari pula kita hayati puisi ketiganya:

ANAKKU

*Ayah kagum dikelahirannya
senyummu, tuturanmu ayah sampangi
dengan penuh doa
tangisanmu ayah rasai sungguh
pondok waris tegak dengan sejarah kelahiranmu
semoga Tuhan - melindungi kita.*

*Halaman berlumpur itu padang harapanmu
jalan berumput hijau itu rantis hidupmu
tangga nibong berliku sebagai langkah
penghitung masa
pandanglah dengan sepenuh kesabaran
untuk hidupmu seribu tahun.*

*Ayah doakan semoga kau remaja segalanya
petaraji, laila, putera bangsa
tabah dengan pancaroba halaman pondok
zaman kelahiranmu
kini liku-liku hidup yang kau mesti harungi
jelajah, usaha hingga terjangkau
itulah kewajipan mu dihidupkan.*

*Anakku kau warithku
kau warith zamanmu
anak pahlawan bangsa
anak pembela nusa
semoga kau dilindungi Allah.*

Pada rangkap pertama, penyair mengungkapkan perasaan kagum dan gembira kerana dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan seorang putera yang bakal menyambung perjuangannya, bakal meneruskan perjuangan bangsanya. Senyum dan tangis sang putera itu sungguh memberi makna yang besar kepada penyair. Pondok di mana tempat sang putera itu dilahirkan akan menjadi saksi sejarah di masa hadapan. Sebagai saksi sejarah, pondok itu juga harus dipelihara dan ditegakkan, bukannya dilupakan atau dimusnahkan. Penyair di sini seolah-olah ingin memberitahu bahawa kita harus bangga dengan apa jua warisan bangsa kita, dengan asal usul kita, dengan budaya kita, bukannya merasa rendah diri, atau merasa bahawa keaslian kita sudah tidak sesuai lagi dengan perkembangan masa kini. Penyair berdoa supaya warisan bangsa ini akan tetap dipelihara dan dilindungi oleh Allah. Madah penyair:

*Ayah kagum dikelahirannya
Senyummu, tuturanmu ayah sampangi
dengan penuh doa
tangisanmu ayah rasai sungguh
pondok waris tegak dengan
sejarah kelahiranmu
semoga Tuhan - melindungi kita.*

Perhatikan untaian penyair yang berbunyi 'pondok waris tegak dengan sejarah kelahiranmu'. Ini menunjukkan penyair kuat berpegang kepada ketulenan. Beliau mengajak supaya generasi akan datang tidak lupa kepada sejarah bangsanya dalam menegakkan agama, bangsa dan tanah airnya.

Untuk mengharungi hidup yang penuh cabaran ini, penyair tidak menyediakan hampan permaidani merah untuk dilalui oleh anak-anak atau generasi penerus perjuangan, sebaliknya beliau mahu supaya mereka itu mendaki dari bawah, melihat sendiri kepahitan dan penderitaan yang dialami oleh rakyat marhaen, mereka sendiri harus berjihad rakyat, hidup bersama rakyat, membela nasib rakyat terutama yang kurang bernasib baik. Demikian itulah kewajipan sang putera yang akan dihidupinya dengan penuh kesabaran di masa-masa mendatang nanti. Jika ini dapat diberi perhatian, maka tiada masalah bahawa sang putera akan tetap mendapat tempat yang istimewa di hati rakyat yang mengharapkan pembelaan dan pimpinannya di sepanjang zaman. Kata penyair:

*Halaman berlumpur itu padang
harapanmu
jalan berumput hijau itu rantis
hidupmu
tangga nibong berliku sebagai langkah
penghitung masa pandanglah
dengan sepenuh kesabaran
untuk hidupmu seribu tahun.*

BILANGAN TAWARAN : DRG/38/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 38/2004). Yuran Tawaran : \$ 200.00.

BILANGAN TAWARAN : DRG/39/2004 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 39/2004). Yuran Tawaran : \$ 200.00.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/81/2004 : TO SUPPLY AND DELIVERY OF SUTURES FOR EYE DEPARTMENT. Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/82/2004 : WASTE COLLECTION, TRANSPORTATION AND DISPOSAL SERVICES FORM HEALTH CENTRES AND HEALTH CLINICS IN THE BRUNEI AND MUARA DISTRICT FOR THREE (3) YEARS CONTRACT. Kelayakan Pemborong/Pembekal : (Dilampirkan bersama senarainya) YURAN BERDAFTAR DAN DIIKHTIRAF OLEH LEMBAGA BANDARANDERAH. Yuran Tawaran : \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/83/2004 : TWO (2) YEARS TERM MAINTENANCE CONTRACT FOR INCINERATOR AT R.I.P.A.S HOSPITAL. Kelayakan Pemborong/Pembekal : BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN KEMENTERIAN KESIHATAN. Kategori : 6a, 6f atau 6g. Yuran Tawaran : \$ 100.00.



BIRO KAWALAN NARKOTIK JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran: (49) BKN/S/65/95 J.7

Tawaran bagi : "Membekalkan Sebuah Van Pesalah"

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat/pemborong berdaftar untuk membekalkan sebuah Van Pesalah untuk kegunaan pejabat Biro Kawalan Narkotik.

Syarat-Syarat Tawaran :

- Tawaran tersebut diatas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga. Tawaran tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 19 Julai 2004.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.
- Dokumen tawaran boleh didapati dari Cawangan Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tungku Gadong.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan sama.
- Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam dalam sampul surat yang tertutup ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN UNTUK MENERBITKAN "HIGH QUALITY CORPORATE VIDEO" BAGI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : KPSU/P/248/3/2004/1

- Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat penerbitan film / video yang berdaftar bagi projek menerbitkan video korporat bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.
- Syarikat-syarikat yang berhasrat membuat tawaran mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam penerbitan film / video.
- Keterangan lanjut boleh diperolehi setelah pembayaran yuran tawaran (tidak dikembalikan) sebanyak \$100.00 di buat di Unit Perkhidmatan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, semasa hari dan waktu bekerja biasa.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) bertulis dengan "TAWARAN UNTUK MENERBITKAN "HIGH QUALITY CORPORATE VIDEO" BAGI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA, bilangan tawaran dan tarikh tutup.
- Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada "Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam" dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihadapkan dalam dua (2) salinan beserta dengan salinan siji pendaftaran syarikat.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Isnin, 26 Julai 2004, jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan waktu yang dinyatakan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

JUALAN LELONG HARTA BENDA KERAJAAN

Adalah dimaklumkan bahawa satu jualan lelong harta benda kerajaan kepunyaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan diadakan pada hari Khamis, 5hb Ogos 2004 jam 10.00 pagi bertempat di kawasan letak kereta pelawat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kg. Pulaie.

Syarat-syarat lelong bagi pembeli yang berjaya adalah seperti berikut :

- Pembeli yang berjaya adalah dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
- Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dari kawasan perolehan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan akan dirampas balik dan akan dilelong semula. Jika tidak laku akan dipecah-pecahkan dan dibuang ditempat pembuangan sampah Kg. Sg. Akar.

Harta benda kerajaan yang akan dilelong pada hari tersebut adalah seperti berikut :

Bil.	No. Pendaftaran	Jenis
1.	BG 0132	Bot Fibreglass
2.	BG 0155	Bot Fibreglass
3.	BG 0170	Bot Fibreglass
4.	BG 0205	Bot Fibreglass
5.	6 buah injin motorsangkut	Tiga (3) buah MERCURY 175 HP, SUZUKI 115 HP, MARINER 55 HP, MERCURY 55 HP,
6.	280 buah perkakas	Meja makan besar, Meja besi pelatih, Kerusi besi pelatih, Meja kayu besar.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

TAWARAN BAGI : MEMBEKAL SEBUAH BAS 26 PENUMPANG UNTUK PUSAT PEMBANGUNAN BELIA

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Level Satu, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 26 Julai 2004.
- Borang tawaran boleh di dapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu pejabat.
- Bayaran ikut serta tawaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) dibayar semasa mengambil borang tawaran.
- Keterangan lanjut mengenai Tawaran boleh diperolehi dari Ketua Pusat Pembanguna Belia, Lambak Kanan.
- Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang disediakan seterusnya dengan menyertakan salinan siji pendaftaran perniagaan dan dokumen lain yang dikehendaki ke dalam sampul surat yang ditutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan pemohon dan dialamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.
- Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
- Pemborong dikehendaki menghadapkan salinan Siji Perniagaan (Business Enactment section 16 and 17)



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : RTB/11/04

Tajuk : SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF BROADCAST VIDEO TAPE RECORDER.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : 2 Ogos 2004

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi pembekal-pembekal, agen-agen dan pengedar-pengedar bagi tawaran-tawaran tersebut.
- Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak \$100 (tidak dikembalikan).
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.
- Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Isnin, 2 Ogos 2004, jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan.
- Bagi pembekal barang daripada Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, barang tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Radio Televisyen Brunei daripada pihak pembekal atau pembuat luar negeri oleh yang demikian mestilah memasukkan cukai import (jika dikenakan cukai).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Isnin, 26 Julai 2004.

Bilangan Tawaran : JPI/TAW/20/2004 : MEMBEKAL RACUN RUMPAI GLUFOSINATE AMMONIUM 13.5% SEBANYAK 5,200 LITER.

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran Tawaran sebanyak BS 100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
- Salinan Siji Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT GENERAL PURPOSE VEHICLE (4 WD) BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/13/2004

BAYARAN TAWARAN : \$50.00

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT WATER TANKER (WT) BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/14/2004

BAYARAN TAWARAN : \$100.00

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT ACCIDENT UNIT (AU) BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/15/2004

BAYARAN TAWARAN : \$100.00

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT JENTERA LIGHT PUMPER (LP) BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/16/2004

BAYARAN TAWARAN : \$100.00

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT SALOON CAR BAGI BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/17/2004

BAYARAN TAWARAN : \$50.00

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT FIRE FIGHTING BOAT 10.5 METER LENGKAP BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.

KOD PROJEK : BFS/LTN/18/2004

BAYARAN TAWARAN : \$200.00

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran mestilah dihantar dalam dua (2) salinan beserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada 26 Julai, 2004 hari Isnin tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Lama Berakas dengan menunjukkan resit 'Bayaran Tawaran' yang telah dibayar.
- Pembayaran 'Bayaran Tawaran' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
- Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan tajuk tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- Katalog asal dan lukisan peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan borang tawaran.



JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

TAWARAN SEBUTHARGA BAGI MEMBEKALKAN EPPAULETTE DAN TUDONG BAGI PEGAWAI WANITA

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/9/2004 (SH)

TAWARAN: KASTAM/10/2004 (SH)

TAWARAN: KASTAM/11/2004 (SH)

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 26 Julai 2004.
- Siji Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List of Members -to accompany annual return (List of person holding shares) hendaklah disertakan.
- Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Penolong Penguasa Kastam, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
- Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat hendaklah ditulis dengan terang:
SULIT - BILANGAN : KASTAM/9/2004 (SH)
BILANGAN : KASTAM/10/2004 (SH)
BILANGAN : KASTAM/11/2004 (SH)

'TAWARAN SEBUTHARGA BAGI MEMBEKALKAN EPPAULETTE DAN TUDONG BAGI PEGAWAI WANITA' JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Bilangan Sebutharga Kastam	Jenis Barang Keperluan	banyak
KASTAM/9/2004 (SH)	Epaulette 3 PIP (kerja)	20 sets
	Epaulette 3 PIP (Malam)	20 sets
	Epaulette 1 PIP (kerja)	50 sets
	Epaulette 1 PIP (Malam)	50 sets
KASTAM/10/2004 (SH)	Epaulette Tidak Bergaris (kerja)	40 sets
	Epaulette Garis I	50 sets
	Epaulette Garis II	50 sets
	Epaulette Garis III	50 sets
	Epaulette Tidak Bergaris (malam)	30 sets
	Epaulette Garis I	30 sets
	Epaulette Garis II	30 sets
	Epaulette Garis III	50 sets
KASTAM/11/2004 (SH)	Tudong Pegawai Wanita (Warna Cream)	50 helai



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-Syarat Tawaran:-

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut :-
- \$20.00 bagi DA/K/SSP/114/JPE/2004 hingga DA/K/SSP/136/JPE/2004
- \$30.00 bagi DA/K/SSP/137/JPE/2004 hingga DA/K/SSP/149/JPE/2004
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutarga, Stor dan Perbekalan, di Blok 'A' Tingkat satu (1), setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan Resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah masukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat pada hari Isnin, 2 Ogos 2004 jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/114/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI:- A) SEKOLAH RENDAH MASIN B) SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 5.5 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/115/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN JALAN MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 30 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/116/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH RENDAH KAPOK, JALAN MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 4 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/117/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI:- A. SEKOLAH RENDAH DELIMA SATU. B. SEKOLAH RENDAH ANGEREK DESA DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 8 EKAR).	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/118/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI MAKTAB ANTHONY ABELL SERIA, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/119/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH WAZIR KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 13 EKAR).	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/120/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA BATU MARANG, JALAN KOTA BATU, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/121/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA ABD AZIM, SERASA, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/122/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA BERIBI, JALAN GADONG, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/123/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA LAMBAK KANAN, BERAKAS, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/124/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI:- A. SEKOLAH UGAMA MADEWA B. SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MAJEEDAH NURIUL BOLKIAH KILANAS DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1.5 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/125/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI PERSEDIAN ARAB BERIBI, JERUDONG, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/126/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI:- A. SEKOLAH UGAMA PANCHOR MURAI B. SEKOLAH UGAMA MASIN DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1.25 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/127/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI:- A. SEKOLAH UGAMA KASAT B. SEKOLAH UGAMA PUTAT DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/128/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH RENDAH LABU ESTET TEMBURONG DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 3 EKAR).	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/129/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH JALAN BOLKIAH SERIA, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/130/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, JALAN SETIA RAJA, KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/131/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA TUMPUAN TELISAI TUTONG DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/132/JPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA LUMAPAS, DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1.5 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BIL.	TAJUK TAWARAN	BILANGAN TAWARAN
1.	Tawaran untuk membekal 1 buah kenderaan jenis 4WD	JDBM/02/07/04
2.	Tawaran untuk membekal 1 buah kenderaan jenis Forklift	JDBM/03/07/04
3.	Tawaran untuk membekal 1 buah PICKUP (Double Cab)	JDBM/04/07/04
4.	Tawaran untuk membekal 1 buah kenderaan jenis AERIAL FLATFOM pickup/truck	JDBM/05/07/04

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkecayaan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta-Nama-Nama Perniagaan (Certificate Of Registration - Business Name Act) yang sah, serta mempunyai Sijil pengiktirafan Bengkel dari Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan Borang Tawaran atau Dokumen Tawaran sebanyak B\$50.00 (Lima puluh ringgit sahaja) dan hendaklah membuat pembayaran di bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu-waktu bekerja biasa dan salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau Dokumen Tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.
3. Tawaran hendaklah dihidangkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul itu kecuali ditulis nama dan bilangan tawaran sahaja.
4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Commonwealth Drive BB3910. Tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 19 Julai 2004.
5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Syarikat-syarikat yang berhajat bolehlah mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Kewangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.
7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.

KELUARAN KHAS

Pelita قلیتا برونی BRUNEI




Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

58

*Daulat Kebawah
Duli Tuan Patik*

58



58

Sepekan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-58 Tahun Pada 15 Julai 2004

58

Wadah kepimpinan raja

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

APA yang diinginkan oleh setiap warga dunia? Tentunya kehidupan yang berkualiti tinggi yang merangkumi keamanan, keselamatan, kesejahteraan, kemewahan dan seumpamanya.

Soalnya tidak semua, bahkan ramai dari kalangan warga dunia yang hanya dapat bermimpi tetapi tidak menemui realiti untuk menikmati semua itu. Mereka yang kempunan itu hidup bergelut dengan kemiskinan, ketakutan, kesengsaraan, serangan penyakit berbahaya, menjadi pelarian di tanah air sendiri, merempat dan sebagainya akibat dari kekacauan, peperangan, keganasan, kerakusan manusia, bencana alam dan lain-lain lagi.

Fenomena itu sebahagiannya memang tidak dapat ditolak sebagai bala dan hukuman daripada Allah Subhanahu Wataala ke atas perbuatan hamba-hamba-Nya.

Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam memang wajar kita berbangga dan bersyukur kerana mempunyai seorang raja dan pemimpin yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Sikap baginda itu membawa ganjaran kehidupan rakyat yang bermutu tinggi di mana kita dapat menikmati kemajuan, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.

Berbangga dalam konteks ini bukan pula bermaksud mendabik dada, tetapi sekadar suatu pernyataan dari hakikat yang sebenarnya. Apabila lagi dengan pernyataan sedemikian itu mendorong kita untuk terus bersyukur nikmat-nikmat yang tiada ternilai itu.

Kewujudan semua itu berkait rapat dengan kepimpinan - tentunya kepimpinan raja kita yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,



Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Kalau dilihat pada teori, memerintah negara yang kecil apatah lagi kalau kaya dengan sumber alam yang mempunyai potensi ekonomi adalah mudah. Kita tidak dapat menerima sepenuhnya teori ini. Ada juga negara kecil, penduduknya sedikit sedangkan sumber alamnya banyak tetapi rakyatnya masih berada di paras kemiskinan dan negaranya sering kacau-bilau. Mengapa? Jawapannya juga berkait rapat dengan soal kepimpinan.

Justeru itu kita yakin dengan perspektif yang lain, iaitu kebijaksanaan, kedaulatan dan keberkatan. Kebijakan-sanaan dalam konteks ini bukan sahaja sama-



MENDENGAR TAKLIMAT ... Dengan mengadakan lawatan mengejut, baginda mendapat 'feedback' terkini daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang baginda lawati.

ta-mata mempunyai ilmu dan pandai mengatur strategi atau siasah pemerintahan tetapi mestilah disertai dengan niat dan keikhlasan. Ini kunci kepada kedaulatan dan keberkatan. Setiap perbuatan atau pekerjaan yang mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala natiujahnya sudah pasti tidak akan mengecewakan. Nikmat itu akan berkembang, berterusan, kekal, memberi manfaat yang banyak, mendapat perlindungan Allah Taala dan seterusnya.

Kita lihat bagaimana raja kita bekerja dan bagaimana baginda memimpin. Bekerja + Memimpin = Pemedulian. Dari sikap pemedulian baginda itu

menghasilkan pelbagai kejayaan dan kemajuan, meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam, meningkatkan sumber ekonomi negara, meningkatkan ke-taan dan kesetiaan rakyat, mendorong rakyat gigih bekerja dan berusaha meningkatkan keyakinan dunia luar dan seumpamanya.

Salah satu wadah kepimpinan baginda yang sangat popular ialah melalui keberangkatan lawatan baginda ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pengajian, mukim-mukim, kampung-kampung dan sektor swasta.

Keberangkatan ke

institusi-institusi berkenaan sangat kerap baginda lakukan dan sudah menjadi rutin dalam kepimpinan baginda. Kadang-kadang lanya dilakukan secara mengejut tanpa sebarang makluman awal. Ini menyebabkan pihak-pihak berkenaan tidak sempat membuat sebarang persediaan sama ada dari segi protokol, sambutan dan persediaan diri masing-masing untuk menghadapi sebarang kemungkinan seperti menjawab soalan-soalan atau memberikan sebarang keterangan.

Lawatan mengejut ini berjaya mengejutkan mereka yang 'tidur' dan memberi kesegaran semula kepada mereka yang sedang rasa 'mengantuk'. Mereka tidur

atau mengantuk bukan kerana tidak ada kerja yang hendak dibuat tetapi sengaja tidak membuat kerja atau tidak ada semangat untuk bekerja, yang penting baginya bulanan terima gaji, soal adakah ia layak atau berhak menerima gaji tersebut tidak penting baginya.

Berikutan dengan kewujudan 'pegawai tidur' inilah barangkali salah satu yang menarik perhatian baginda untuk melakukan lawatan mengejut. Selain dari 'pegawai tidur' macam-macam lagi istilah yang diberikan oleh orang ramai kepada pegawai dan kakitangan yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh

bidang tugas yang diamanahkan kepadanya.

Yang jelas, kalau penyakit tidak bertanggungjawab itu berleluasa sudah tentu akan mencacatkan Perkhidmatan Awam, keperluan orang ramai dan negara terabai dan semua pihak akan menanggung kerugian.

Fenomena itu sebenarnya sesuai dengan matlamat lawatan baginda, untuk melihat secara dekat kecekapan, kesungguhan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan. Orang ramai mahukan perkhidmatan yang cekap, berkualiti, cepat,

Lihat muka 3



DALAM keberangkatan baginda ke Jabatan Pengangkutan Darat baginda sempat berbual mesra bersama orang ramai yang membuat urusan.



BAGINDA berinteraksi bersama penghulu dan ketua kampung semasa baginda berangkat melawat ke Daerah Temburong bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan mukim dan kampung di daerah tersebut.

Wadah Kepimpinan raja

Dari muka 2

jujur, amanah dan memenuhi aspirasi negara.

Keberangkatan lawatan baginda ke tempat-tempat berkenaan juga dengan cara yang tersendiri, misalnya baginda memandu sendiri kereta peribadi baginda, baginda sendiri yang memilih dan menuju tempat-tempat berkenaan bahkan baginda mengetahui masalah yang terdapat di sesebuah kementerian atau jabatan.

Perkhidmatan Awam merupakan tulang belakang kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Perkhidmatan Awam yang lemah akan menjadi penghalang kepada kemajuan dan pembangunan negara. Baginda tidak mahu perkara tersebut terjadi di Negara Brunei Darussalam. Sebab itu baginda berusaha dan memantau sendiri masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Aduan-aduan curahan rasa tidak puas hati mengenai perkhidmatan yang diberikan yang dikemukakan oleh orang ramai sama ada secara langsung disembahkan sendiri ke hadapan majlis baginda, melalui surat atau melalui ruangan di

akhbar-akhbar tempatan semuanya diambil perhatian.

Dalam titah-titah baginda sering menekankan mengenai pentingnya Perkhidmatan Awam yang cekap, bersih, amanah dan berkesan. Di samping pegasan demikian, baginda juga telah memperkenankan perlaksanaan skim-skim tertentu yang boleh memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu Perkhidmatan Awam negara termasuklah skim latihan, kursus singkat dan lanjutan sehingga ke peringkat Ijazah bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

Perkara ini ada hubung kaitnya dengan titah baginda bersemperna menyambut Tahun Baru Masihi 2000 yang antara lain berbunyi:

"Kita mahu melihat negara kita terus-menerus berada di dalam aman, makmur serta maju, seiring dengan warga dan bangsa dunia yang lain. Kita juga ingin negara kita menikmati kestabilan. Kita juga mahu menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi serta cemerlang di segenap bidang."

Demikian juga halnya dengan keadaan di

mukim-mukim atau kampung-kampung sentiasa mendapat perhatian baginda. Walaupun ada Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang sudah dipertanggungjawabkan menangani hal-ehwal kebajikan dan kemajuan mukim atau kampung mereka, di samping pementauan yang sepatutnya dilakukan oleh pihak-pihak berwajib dalam kerajaan, namun keberangkatan baginda merupakan suatu yang sangat dinanti-nantikan oleh para penduduk kampung.

Kalau ada maklumat atau khabar mengenai keberangkatan lawatan baginda ke mukim atau kampung, penduduk kampung sanggup menunggu sejak awal pagi lagi dan sanggup meninggalkan pekerjaan atau kepentingan mereka pada hari tersebut demi untuk bersemuka dan beramah mesra bersama raja mereka. Kerana dalam kesempatan itu juga mereka mengharapkan keperluan dan masalah yang mereka hadapi akan dapat diuraikan atau dipenuhi atau setidaknya mendapat jawapan yang pasti.

Ini membuktikan bahawa baginda adalah raja atau pemimpin yang 'bekerja', sentiasa



BAGINDA amat prihatin terhadap kemajuan dan perkembangan kampung-kampung. Dalam gambar kelihatan baginda berangkat melawat Kampung Batu Marang.

memikir, sentiasa merancang apa-apa jua perkara yang boleh meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat, sentiasa mendekati rakyat baginda untuk melihat serta mendengar sendiri rintihan dan pandangan rakyat, di samping dapat mengeratkan hubungan di antara raja dengan rakyat.

Di sini jelas bahawa baginda tidak mahu rakyat baginda ada yang tertinggal atau tersisih dari nikmat kemajuan dan pembangunan negara yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan baginda.

Keberangkatan lawatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung itu juga bertujuan untuk mengenal pasti projek-projek pembangunan dan memastikan pelaksanaan atau perjalanan projek-projek yang telah diran-

cang supaya benar-benar memberikan manfaat dan kemudahan kepada rakyat.

Tumpuan baginda dalam keberangkatan-keberangkatan tersebut bukan sahaja terhadap usaha-usaha kerajaan baginda, malah juga sektor swasta, kerana peranan sektor berkenaan sama pentingnya dengan sektor kerajaan. Sektor swasta seharusnya berganding bahu dengan kerajaan dalam memajukan bangsa dan negara terutamanya dalam bidang ekonomi. Ini dijelaskan melalui titah baginda:

"Kita inginkan sektor swasta yang dinamik dan berdaya maju serta mempunyai daya saing yang tinggi, sebagaimana juga kita mahu sektor awam dan Perkhidmatan Awam yang berteraskan kecemerlangan serta etika kerja yang tinggi."

"Kerjasama erat dan

padu di antara kerajaan dan swasta amatlah mustahak untuk menentukan negara ini dapat menarik pelabur-pelabur bagi melabur di dalamnya. Sektor kerajaan bertindak selaku regulator, manakala sektor swasta berperanan sebagai penggerak ekonomi."

Kini hampir semua kementerian sudah baginda lawati dan ada kementerian atau jabatan yang dilawati beberapa kali dalam masa yang terdekat. Ini membuktikan bahawa ada perkara penting yang perlu diperbaiki atau ada masalah yang mesti diselesaikan ataupun ada perkara-perkara baru yang baginda mahu kepastian.

Di kalangan orang ramai pula tentulah menaruh harapan dan jangkaan yang tinggi terhadap lawatan-lawatan baginda sede-

mikian, kerana mereka menjangkakan sebarang perubahan atau kesan positif dari lawatan berkenaan.

Seperti yang dijangkakan keberangkatan lawatan baginda itu memang membawa kesan terutamanya dalam mengusai dan memperbaiki mutu Perkhidmatan Awam. Masing-masing jabatan telah mengambil langkah proaktif bagi menggerakkan pegawai dan kakitangannya supaya memberi perkhidmatan yang bermutu sesuai dengan 'client' mereka.

Dapatlah disimpulkan bahawa keberangkatan lawatan baginda ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, mukim-mukim dan kampung-kampung merupakan wadah kepemimpinan yang berkesan dan berjaya membawa perubahan dari masa ke semasa.



LAWATAN mengejut baginda ke jabatan-jabatan kerajaan mencerminkan hasrat baginda bagi memastikan perkembangan negara khususnya Perkhidmatan Awam berada di tahap yang tinggi terutama dalam melayani hal-ehwal orang ramai.

OLEH HAJI JAAFAR HAJI IBRAHIM

Lawatan mengejut tingkatkan mutu Perkhidmatan Awam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang dikenali sebagai seorang raja dan pemimpin yang adil, bijaksana dan berjiwa rakyat. Dalam memastikan pembangunan dan kemajuan negara berjalan lancar dan bagi memastikan kesejahteraan rakyat, baginda sering berangkat mengadakan lawatan ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan mukim-mukim serta kampung di negara ini.

Kepimpinan dan kewibawaan baginda dalam membawa pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam telah mendapat pengiktirafan daripada pemimpin-pemimpin dunia. Mereka rata-rata berpendapat dengan ketokohan dan karisma baginda itu telah berjaya menempatkan negara sebanding dengan negara-negara maju. Pujian itu merupakan satu pengiktirafan dunia terhadap kepimpinan raja kita yang telah meletakkan imej negara di mata dunia antarabangsa. Sesungguhnya kita amat bersyukur mempunyai seorang pemimpin yang sentiasa saja bekerja untuk rakyat dan negara.

LAWATAN MENGEJUT

Keberangkatan mengejut ke agensi-agensi kerajaan menandakan keprihatinan dan pemeduliaan baginda untuk melihat dan mengetahui secara lebih dekat mengenai perkembangan dan permasalahan termasuk keberkesanan operasi yang dilaksanakan sesebuah agensi kerajaan. Keberangkatan secara serta-merta tanpa memberi tahu lebih awal menunjukkan betapa baginda memandang berat terhadap perjalanan pentadbiran negara. Ini juga menunjukkan sikap keterbukaan baginda dalam mengelilingi secara serius hal-hal pentadbiran kerajaan kerana baginda merupakan ketua pentadbiran yang memegang portfolio Perdana Menteri.

Melalui siri lawatan seperti ini membolehkan baginda meninjau secara lebih dekat dan mendalam operasi dan selok-belok perkhidmatan yang dilaksanakan terutama sekali perkhidmatan kepada orang ramai. Selain itu membolehkan baginda mengetahui perkembangan mutakhir terutama permasalahan yang dihadapi oleh sesebuah kementerian dan jabatan kerajaan.

Lawatan sedemikian



PERHATIAN SERIUS... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap mutu perkhidmatan di negara ini. Dalam gambar atas kiri, kelihatan baginda berkenan meninjau dengan lebih dekat lagi kemudahan perubatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Sementara gambar atas kanan, baginda berkenan meninjau kemudahan Terminal Feri Serasa.



juga menggambarkan betapa baginda amat serius dalam menentukan jentera Perkhidmatan Awam di negara ini memenuhi matlamat pembangunan negara menjadi sebagai pemuadah cara kepada orang ramai terutama sekali mengenai keberkesanan konsep Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) dan Piagam Pelanggan (Client Charter) benar-benar dapat memenuhi cita rasa pelanggan dan orang ramai yang berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan baginda agar Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam dapat berfungsi sebaik mungkin demi melicinkan lagi modus operasi jentera pentadbiran kerajaan berjalan lancar dan lalin serta bersistematis. Selain itu ianya juga membantu memudahkan orang ramai dalam urusan mereka.

Dalam pengamatan baginda meninjau agensi-agensi kerajaan, baginda mendapati bahawa tahap kualiti Perkhidmatan Awam di beberapa buah jabatan kerajaan masih perlu ditingkatkan bagi benar-benar dapat memuaskan orang ramai. Ini bertepatan dengan titah baginda sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2004 yang an-

tara lain baginda menitahkan: "Dari pengamatan beta, tahap kualiti perkhidmatan di beberapa agensi kerajaan yang berkaitan adalah masih perlu ditingkatkan. Malah ianya mesti dijadikan perkara utama."

Baginda percaya dengan perkhidmatan yang berkualiti tinggi itulah saja yang boleh memuaskan hati orang ramai selaku pelanggan. Ianya juga merupakan antara kriteria utama bagi menentukan kejayaan dan kecemerlangan sesebuah agensi atau organisasi. Ke arah peningkatan itu, tentu sahaja memerlukan dedikasi, disiplin dan komitmen yang tinggi semua anggota Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

"Beta berharap, apa yang beta sebutkan ini akan mendapat perhatian daripada semua pihak. Sambil kita menikmati perkhidmatan yang baik di dalam suasana aman dan sejahtera ini, maka kita juga mustahak meningkatkan kewaspadaan terhadap apa-apa saja unsur yang boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan," titah baginda.

Teguran baginda itu suatu cabaran bagi anggota Perkhidmatan Awam dalam merealisasikan impian kerajaan untuk mewujudkan Per-

khidmatan Awam yang cekap dan lutan. Kelikhasan baginda membuat teguran itu perlu kita jadikan iktibar dalam menjalankan tugas harian selaku anggota Perkhidmatan Awam dan seterusnya berazam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama sekali yang berhubung dengan orang ramai. Semua pihak dalam kerajaan mustahak memberikan perhatian yang serius terhadap teguran baginda itu. Niat baginda adalah bagi memastikan agenda pembangunan negara berjalan lancar bagi kesejahteraan yang berterusan.

Sebagai anggota Perkhidmatan Awam, kita amat kagum dengan sikap baginda yang sentiasa membuat lawatan ke agensi-agensi kerajaan dalam memastikan perjalanan, kelicinan pentadbiran kerajaan dan negara berada di tahap yang tinggi dan memuaskan. Sikap pemeduliaan baginda sentiasa akan memberikan sumber inspirasi dalam memberikan khidmat bakti kepada rakyat dan penduduk di negara ini tanpa berlembang dan bertanggung-tanggung. Sebagai ketua pentadbiran negara, baginda mahukan agar perkhidmatan kepada orang ramai dijadikan perkara utama dan diberikan prioriti.

Sebenarnya kita juga perlu menyedari, Perkhidmatan Awam merupakan jentera penggerak pentadbiran kerajaan dalam melaksanakan dasar, wawasan dan matlamat kerajaan ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Semua anggota Perkhidmatan Awam adalah mekanisme kerajaan yang memerlukan kita bekerja lebih gigih, lutan dan telus serta produktif. Dalam zaman siber ini, anggota Perkhidmatan Awam perlu tangkas dalam menghadapi zaman ICT. Perkhidmatan Awam mustahak lebih bersikap terbuka dan sentiasa mahu mengejar kemajuan dan meningkatkan mutu perkhidmatan.

KE MUKIM, KAMPUNG

Keberangkatan lawatan mengejut ke mukim-mukim dan kampung di seluruh negara juga memperlihatkan betapa baginda sebagai seorang raja yang prihatin dan pemeduliaan amat memandang berat kehidupan rakyat dan penduduk negara terutama sekali dalam memastikan kesejahteraan dan ketenteraman rakyat sentiasa terpelihara. Selain dapat meninjau perkembangan mukim dan kampung, keberangkatan itu sudah barang tentu memberi peluang kepada baginda untuk berinteraksi

dan bersemuka dengan rakyat jelata bagi mengetahui permasalahan yang dihadapi rakyat baginda.

Dalam lawatan itu, baginda amat memfokuskan terhadap kesejahteraan rakyat khususnya yang berhubung kait dengan kehidupan harian dan yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti air, jalan raya, telefon, klinik kesihatan, sekolah dan perumahan. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan baginda untuk melakukan pembangunan infrastruktur sehingga ke kampung-kampung dan bukannya hanya memusatkan di kawasan bandar.

WAWASAN NEGARA

Sememangnya kerajaan dari semasa ke semasa terus berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan ke tahap yang membawanya mampu untuk memenuhi kehendak-hendak pelanggan dengan lebih memuaskan. Di antara usaha yang telah diperkenalkan ialah Program Penjejakan yakni 'alignment' di mana setiap kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyediakan perancangan strategik organisasi masing-masing supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi berkenaan akan dapat diselarasakan de-

ngan hasrat dan wawasan dan aspirasi negara yang telah digariskan.

Perkara ini serius ditandakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istiadat Mengadap dan Mengumikan Bintang-bintang Kebesaran pada 15 Julai 2003. Baginda yakin usaha ini ialah bagi mengemas dan melicinkan jentera pentadbiran kerajaan, supaya kesejahteraan dan mutu kehidupan rakyat dapat dikedalikan. Dalam hubungan ini, baginda penuh berharap agar semua agensi kerajaan memberi tumpuan yang serius kepada program itu yang ternyata akan banyak memberi manfaat kepada orang ramai di negara ini.

Selain daripada itu kerajaan juga menumpukan perhatian serius kepada pengauditan terhadap TPOR di mana inisiatif tersebut merupakan pendekatan terbaru yang akan dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam. Matlamat utama projek ini ialah bagi memastikan keberkesanan TPOR di kementerian-kementerian dan jabatan, di samping sebagai cara untuk memantau sejauh mana komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap program ini.

"Usaha yang akan dikendalikan oleh Jabatan

Lawatan mengejut tingkatkan mutu Perkhidmatan Awam

Dari muka 4

Perkhidmatan Pengurusan ini dijangka akan dapat membantu setiap Kementerian dan jabatan dalam mengenal pasti atau mengatasi kelemahan-kelemahan sekiranya ada, oleh agensi-agensi berkenaan, "titah baginda penuh harapan.

Baginda selaku ketua pentadbiran juga mahukan agar semua Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan membuat susulan ke atas apa jua rancangan dan pembaharuan yang dilakukan bagi memastikan kejayaan rancangan-rancangan dasar dan pentadbiran yang dilaksanakan itu. Sehubungan dengan itu, baginda mahukan semua Kementerian-kementerian meneliti dan mengkaji struktur-struktur organisasi dan perancangan yang terdapat di dalam Kementerian masing-masing. Perkara ini penting dilaksanakan bagi memastikan struktur organisasi dan perancangan dasar adalah memenuhi kehendak dan keperluan negara.

"Adalah kurang berkesan dan kurang lengkap untuk hanya menilai prestasi individu dalam perkhidmatan kerajaan. Penilaian terhadap prestasi jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian tertentu di Kementerian



PERKHIDMATAN BERKESAN ... Baginda seringkali menitahkan mengenai peningkatan mutu perkhidmatan kepada orang ramai dengan memberikan keutamaan kepada masalah dan aduan orang ramai yang datang ke jabatan-jabatan kerajaan.

kementerian adalah sangat diperlukan dalam perkhidmatan negara," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran pada 15 Julai 1990.

JIMAT CERMAT

Kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar berjimat cermat dalam perbelanjaan kerajaan untuk mengurus pentadbiran negara. Langkah berjimat cermat ini akan berterusan memandangkan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Ini menghendaki semua Kementerian dalam kera-

jaan perlu terus mengamalkan langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan, iaitu bagi menghadapi keperluan masa depan yang lebih mustahak dan mencair. Dalam pada itu juga kita mestilah memadankan dengan pendapatan negara dan mengikut peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, langkah berjimat cermat melalui budget yang realistik tidaklah bererti bahawa kerajaan memberhentikan ataupun menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang penting

dan diperlukan oleh rakyat dan penduduk negara ini. Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat, adalah sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas terutama sekali perumahan. Selain daripada itu kerajaan juga meningkatkan pendapatan negara dengan mempelbagaikan ekonomi dengan tidak hanya bergantung kepada minyak dan gas.

PEMEDULIAN

Dalam mencerminkan dan menaikkan imej kerajaan, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah bersifat pemedulian kepada orang ramai. Pemedulian yang dimaksudkan di sini ialah sentiasa bersedia memberikan layanan yang baik dan bersopan santun apabila dihubungi atau memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Di samping memberikan layanan yang cepat dan mesra, sebarang permohonan orang ramai juga perlu dipertimbangkan secepat mungkin.

Kita yakin, jika semua pegawai dan kakitangan kerajaan dapat menaiki tugas dan tanggungjawab seperti yang diamanahkan, nescaya sungutan dan aduan orang ramai yang menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap perkhidmatan dan sikap sesetengah pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan selama ini akan dapat diatasi.

Perkara ini nampaknya mendapat perhatian serius oleh pemimpin kita. Ini dapat dilihat melalui kekerapan lawatan mengejut Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia ke Kementerian-kementerian dan jabat-



an-jabatan kerajaan bagi memastikan keberkesanan dan tahap perkhidmatan yang tinggi. Perhatian baginda terhadap mutu perkhidmatan kepada orang ramai terserlah dalam titah baginda sempena lawatan ke Jabatan Kemajuan Perumahan pada 21 Jun 1989. Antara lain baginda bertitah menekankan: "Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa memberikan pemedulian kepada orang ramai dengan mengamalkan sikap tidak 'camah mata' dan 'berat mulut' apabila melihat orang ramai datang ke pejabat-pejabat mereka bagi mendapatkan sesuatu penerangan ataupun perkhidmatan."

Apa yang dimaksudkan oleh baginda itu ialah supaya setiap pegawai dan kakitangan hendaklah bertindak serta-merta memberikan penerangan ataupun menunjukkan ke arah mana seharusnya orang ramai menuju ke bahagian-bahagian jabatan mereka apabila mereka temampak orang awam datang ke pejabat mereka, bukannya dengan membiarkan orang ramai mundar-mandir dan dalam keadaan serba salah.

Dalam hubungan ini, pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah menyedari bahawa tujuan mereka bekerja bukanlah semata-mata untuk mendapatkan sebarang pekerjaan atau kepentingan peribadi saja, akan tetapi mereka diamanahkan oleh kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan niat yang baik dan rasa penuh bertanggungjawab yang disertai de-

ngan tindakan yang cekap, berkesan lagi memuaskan.

Titah baginda itu merupakan suatu amanat yang amat berguna dan sepatutnya dijadikan etika kerja yang wajib dipatuhi dan amalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Perkhidmatan Awam tanpa memilih apa-apa jawatan yang disandang. Kita amat berkeyakinan dengan adanya mekanisme perkhidmatan seperti yang dihasratkan oleh baginda itu, kita bukan saja akan dapat mempercepatkan proses pembangunan dan kemajuan negara tetapi juga amat penting kredibiliti dan imej baik kerajaan akan sentiasa terpelihara. Inilah sebenarnya yang menjadi impian raja kita yang mahukan setiap anggota Perkhidmatan Awam menumpukan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan bukannya mengutamakan kepentingan diri sendiri.

Maka sewajarnya orang ramai itu diutamakan, kerana mereka adalah sebahagian dari masyarakat dan sebahagian daripada negara. Setiap pegawai dan kakitangan kerajaan apa pun jawatannya dalam Perkhidmatan Awam hendaklah mendahulukan kepentingan negara dari segala-galanya. Ini menuntut semua anggota Perkhidmatan Awam bekerja dengan gigih lagi lutan dan yang utama sentiasa menjaga imej baik kerajaan bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi amanah. Berdisiplin, berdedikasi dan mematuhi peraturan-peraturan bekerja yang telah ditetapkan serta mengamalkan sikap pemedulian dan bersopan san-

tun sejajar dengan ciri-ciri kebruneian.

"Berkaitan dengan disiplin, beta ingin mengingatkan kepada semua kakitangan kerajaan beta akan peri mustahaknya meningkatkan kesedaran dan mematuhi serta membina diri dengan peraturan-peraturan keselamatan khususnya menjaga keselamatan dokumen yang dinilai sebagai sulit dan rahsia. Ini adalah bertujuan bagi memelihara keselamatan dokumen-dokumen berkenaan terlepas ke tangan mereka yang tidak bersangkut-paut dengan tugas mereka," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan baginda ke-41 tahun di Lapau pada 15 Julai 1987.

Selaku anggota Perkhidmatan Awam amatlah mustahak dari sekarang meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam apa jua bidang yang dikendalikan serta mengamalkan etika kerja yang tinggi. Dalam banyak aspek, pencapaian wawasan, hasrat dan matlamat kerajaan memerlukan komitmen semua agensi dan jabatan-jabatan di dalam kerajaan untuk meningkatkan mutu, produktiviti dan membawa pembaharuan kepada perkhidmatan efisien dan inovatif. Ke arah peningkatan itu tentu saja memerlukan dedikasi, disiplin dan komitmen yang tinggi semua anggota Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Apa pun alasannya, setiap pegawai dan kakitangan kerajaan mustahak bergerak bersama ke arah memacu Perkhidmatan Awam yang lebih dinamik.



BERINTERAKSI ... Dalam lawatan ke mukim-mukim dan kampung-kampung, baginda bukan saja berpeluang meninjau perkembangan dan kemajuan sesebuah kampung tetapi baginda juga berkesempatan berinteraksi bersama rakyat dan penduduk negara ini.

KEBUAKSANAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerajui kepimpinan Negara Brunei Darussalam telah menjadikan negara ini terkenal di mata dunia antarabangsa. Di bawah kepimpinan baginda negara ini telah muncul sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat dalam keadaan yang aman tenteram, makmur dan dihormati. Kedaulatan negara kian terserlah apabila baginda sering berangkat ke luar negeri mengadakan lawatan negara serta menghadiri pelbagai persidangan dan mesyuarat.

Sesungguhnya, keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negeri telah banyak membawa manfaat dan faedah yang amat berharga dalam memajukan mahupun memperkenalkan negara ini ke mata masyarakat antarabangsa, di samping mengeratkan dan meningkatkan hubungan dua hala antara negara yang dilawati baginda dengan negara kita, lebih-lebih lagi bagi kepentingan bersama, sama ada dari segi ekonomi dan sosio-politik negara ini.

Kemampuan kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka telah lama teruji, tetapi dengan kebijaksanaan dan kewibawaan kepimpinan baginda telah menjadikan negara kita dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini. Di samping jalinan muhibah yang telah dan sedang kita nikmati ketika ini dengan negara-negara lain baik melalui perhubungan diplomatik mahupun melalui saluran-saluran lain telah membuktikan keghairahan negara kita untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa lain yang telah lama merdeka dan berdaulat.

BERANGKAT KE MALAYSIA

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kuala Lumpur, Malaysia pada 21 hingga 24 Ogos 2003 iaitu dalam sesi keberangkatan lawatan kerja baginda dalam perundingan tahunan ke-7 telah membuka lebih banyak peluang dalam meneroka pelbagai kerjasama antara kedua-dua negara. Berlandaskan semangat permuafakatan dan kejiranan yang erat lagi mesra, Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah sepakat menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit antara kedua-dua buah negara khususnya isu-isu sempadan darat dan

maritim.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah mencapai persefahaman meluas mengenai isu sempadan dan maritim. Persefahaman itu telah dapat dicapai oleh baginda bersama Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad. Mengenai isu sempadan darat dan maritim ini, kedua-dua pemimpin percaya dapat diselesaikan dalam situasi yang baik tanpa menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara. Dalam hal ini kedua-dua pemimpin memberikan komitmen yang berlandaskan permuafakatan dan semangat kejiranan.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984. Jalinan persahabatan antara kedua-dua negara terus bertambah kukuh dan akrab apabila kedua buah negara mencapai beberapa kejayaan membanggakan dan konkrit, sama ada di bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan, perhubungan, penyiaran dan penerangan, pelaburan dan pertahanan, sosial, ugama dan lain-lain lagi terus berjalan lancar.

Penubuhan Suruhanjaya antara kedua-dua negara semenjak 1994,

Misi keluar negara membawa kejayaan

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

Oleh Zubaidah HS

terus dapat memperkukuh dan memperteguhkan lagi hubungan kerjasama yang sedia wujud. Jalinan kerjasama di antara kedua-dua negara bertambah mantap seperti di bidang pertahanan dan keselamatan, manakala kerjasama di bidang politik bertambah cemerlang, di mana sebarang masalah yang timbul antara kedua-dua buah negara diselesaikan secara perundingan dan permuafakatan.

Kerjasama di bidang lain juga telah diteruskan dan dianggap amat bernilai khususnya di bidang-bidang kesihatan, pendidikan, pertanian bagi meningkatkan lagi pelaburan dan perdagangan kedua-dua buah negara.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-9

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 di Bali pada awal bulan Oktober 2003 juga telah banyak membawa faedah kepada negara dan negara-negara ASEAN khususnya. Di sidang itu baginda telah bertitah perlunya ASEAN lebih komited dan berazam untuk berjaya, terutama ke arah matlamat integrasi se-



PERJUMPAAN empat mata antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed, Perdana Menteri Malaysia pada 22 Ogos 2003 mengukuhkan lagi hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

rantau di dalam menyatukan kesemua 10 negara menjadi sebuah ekonomi yang mantap.

Di sidang itu lapan dokumen telah ditandatangani, di mana yang paling bersejarah ialah penandatanganan Deklarasi ASEAN Concord II (Bali Concord II) dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN (TAC) dengan China dan India. Bali Concord II merupakan komitmen kali pertama ketua negara Asia Tenggara untuk melahirkan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020.

Target utama deklarasi itu ialah untuk mewujudkan sebuah komuniti ASEAN pada tahun 2020 yang merangkumi tiga tunggak utama iaitu Komuniti Keselamatan ASEAN (ASC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosial dan Kebudayaan ASEAN (ASCC). Setiap komuniti mengandungi pelan tindakan yang terperinci bagi memandu ASEAN ke tahap yang lebih

maju daripada yang dicapai ketika ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di sidang itu merasa bangga bahawa dengan adanya semangat kerjasama yang kuat, ASEAN mampu bekerjasama di dalam apa jua cabaran hari ini dengan jayanya. Kemampuan ASEAN bekerjasama di dalam menangani isu wabak SARS dan menangani isu keganasan adalah kejayaan dan komitmen ASEAN. Baginda yakin ASEAN juga mampu mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dengan memberikan tumpuan kepada kekuatan yang sedia ada. Deklarasi Bali Concord II menjadi panduan ke arah mencorakkan kerjasama yang lebih bermakna antara negara-negara ASEAN dengan negara-negara luar.

Di Sidang Kemuncak Pertama Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (BIS) sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 juga telah dapat me-

nyatukan tokoh-tokoh perniagaan dan ahli-ahli korporat dari ASEAN, China, Republik Korea, Jepun dan India untuk menerokai dan berkongsi perspektif mengenai keadaan perniagaan rantau ini. Perkara ini mempercepatkan integrasi ASEAN, persaingan ASEAN dan hubungan ASEAN dengan rakan-rakan perdagangan utamanya.

Kegagalan perundingan WTO di Cancun, Mexico tidak akan menjadi batu penghalang kepada ASEAN untuk memperkukuhkan ekonominya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yakin dalam pembangunan dan integrasi ekonomi, banyak perkara boleh dilakukan oleh ASEAN. Salah satu ialah perlunya bagi ASEAN meningkatkan kerjasama dengan negara-negara di Asia Timur melalui platform ASEAN + 3 iaitu Jepun, China dan Republik Korea. Dengan kekuatan ekonomi, ASEAN mampu berhadapan dengan ekonomi dunia.

OIC DAN APEC

Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 16 hingga 18 Oktober dan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi APEC juga Oktober 2003 di Bangkok, Thailand telah banyak memberi pengajaran dan manfaat kepada negara dalam bidang politik dan ekonomi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat di sidang itu, di mana telah dapat mempertemukan baginda dengan pemimpin-pemimpin dunia dari

negara-negara Islam dan dunia lain yang memang kukuh dan banyak memegang teraju ekonomi utama dunia.

Di Sidang Kemuncak OIC, para pemimpin pertubuhan itu telah membincangkan isu-isu politik serantau dan antara-bangsa termasuk perkembangan negara Islam yang bergolak seperti Iraq selepas peperangan, masalah Palestin dan lain-lain isu yang menggugat kepentingan dan kedaulatan negara-negara Islam. Di samping membincangkan penyusunan semula OIC dan mempertimbangkan laporan jawatankuasa-jawatankuasa utama seperti Jawatankuasa Kerjasama dan Perdagangan, Jawatankuasa Kerjasama Saintifik dan Teknikal dan Hal Ehwal Makkah dan Kebudayaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di sidang itu telah bertitah meluahkan rasa sedih pergolakan yang melibatkan ancaman yang serius terhadap keselamatan negara dan antarabangsa akibat keganasan yang juga telah mengakibatkan merebaknya senjata pemusnah secara besar-besaran di mana kesan daripada itu bukan saja melibatkan rakyat dan penduduk dari negara-negara Islam tetapi juga penghuni dunia yang memang mengimpikan kedamaian.

"Ini sudah pasti bukan hanya atas desakan kita bahawa semua sesama Islam menerima penghormatan, maruah dan keadilan di mana pun mereka bermastautin. Ini adalah benar-benar selaras dengan pandangan dunia Islam," titah baginda di



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 di Bali, Republik Indonesia pada awal bulan Oktober 2003.

Dari muka 6

sidang itu.

Di sidang itu para pemimpin OIC telah mengesahkan dan menerima Kenyataan Bersama (Final Communiqué) dan Deklarasi Putrajaya mengenai ilmu pengetahuan, akhlak dan peraduan serta kemuliaan untuk kemajuan ummah.

APEC di Bangkok, Thailand 2003 tetap memfokuskan agenda ekonomi walaupun isu keganasan banyak menghantui forum serantau itu. Sejak penubuhannya di Blake Island, Amerika Syarikat hingga sidang kemuncaknya di negara kita pada tahun 2000 banyak resolusi yang belum dapat dilaksanakan. Di sidang kemuncaknya di Bandar Seri Begawan, para pemimpin APEC bersetuju mengenai kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diberi perhatian sewajarnya dan persetujuan pemimpin-pemimpin APEC dalam menyediakan kemudahan internet kepada semua menjelang tahun 2010.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Sesi Retreat Kedua Sidang APEC di Bangkok mencadangkan agar negara anggota APEC yang lebih maju dalam bidang ICT supaya berkongsi pengalaman mengenai pendekatan yang baik menghadapi isu itu. Baginda rasa optimis bahawa APEC akan mencapai kemajuan besar jika rakyat di negara-negara anggota mendapat kemudahan internet bertambah tiga kali ganda menjelang tahun 2005. Bagi rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri telah mendapat kemudahan internet sebanyak dua kali ganda, manakala projek-projek yang dilaksanakan adalah sangat menggalakkan termasuk projek e-kerajaan, e-pembelajaran dan penyediaan infrastruktur di kawasan-kawasan pedalaman.

Deklarasi Bangkok telah merealisasikan tiga pelan tindakan utama yang menjadi wawasan APEC iaitu liberalisasi perdagangan dan pelaburan; kemudahan perdagangan dan pelaburan serta kerjasama ekonomi dan teknikal. Deklarasi yang bertema 'Dunia Kepelbagaian - Perkongsian Untuk Masa Depan' juga menekankan ketiga-tiga pelan berkenaan, di samping usaha ke arah rumusan rundingan-rundingan DDA dan WTO yang seimbang, menyelaras agenda perdagangan APEC, berusaha menghapuskan kumpulan penggasan yang mengancam ekonomi APEC dan mengawasi peng-

gunaan senjata bumi ke udara (Manpads), meningkatkan usaha menjamin keselamatan sumber tenaga, membangunkan industri kecil dan sederhana (SME), mewujudkan pasaran bon serantau dan berusaha ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi.

ASEAN - JEPUN

Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN-Jepun yang berlangsung di Tokyo pada 11 dan 12 Disember 2003 telah memperkukuhkan lagi komitmen dan memperluaskan lagi bidang kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berti-



SIDANG Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC di Bangkok telah merealisasikan tiga pelan tindakan utama dalam 'Deklarasi Bangkok' yang mana menjadi wawasan kepada APEC untuk lebih maju.

Misi keluar negara membawa kejayaan

tah di sidang itu mengakui bahawa Jepun adalah salah sebuah rakan kongsi ekonomi utama kepada ASEAN di mana perdagangan dan pelaburan akan terus kekal menjadi bidang kerjasama yang penting antara kedua-dua belah pihak. Komitmen dan kesediaan Jepun itu, tegas baginda, ASEAN mendapat faedah daripada keadaan yang aman dan selamat di rantau Asia Timur menerusi proses dialog dan perundingan.

Kesediaan Jepun menghulurkan bantuan US\$3 bilion kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi merangsang hubungan dalam bidang ekonomi dan bidang-bidang lain di rantau ini memberikan gambaran jelas mengenai komitmen negara itu.

Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN - Jepun Yang Dinamik dan Berkeadilan Di Milenium Baru dan Pelan Tindakannya telah ditandatangani oleh para pemimpin ASEAN dan Jepun. Mereka telah berpuas hati terhadap hubungan kerjasama dan perkongsian yang terjalin sejak 30 tahun lalu yang telah menyumbang kepada keamanan, kestabilan, pembangunan dan kesejahteraan serantau. Ker-

sajama tersebut telah mencapai perkembangan meliputi bidang politik, keselamatan, ekonomi, kebudayaan dan pembangunan.

Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah negara ASEAN telah mempunyai hubungan tradisional yang begitu erat sejak beberapa dekad dengan Jepun. Kedua negara telah mewujudkan hubungan diplomatik secara rasmi pada bulan April 1984 setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh.

Kedua-dua buah negara mempunyai hubungan kerjasama yang begitu baik di pelbagai bidang termasuk perdagangan, politik, teknikal, pendidikan, pertanian dan kebudayaan. Jepun juga merupakan pengimport hasil utama negara iaitu minyak dan gas cecair berjumlah \$1.7 bilion manakala Brunei Darussalam sendiri mengimport barangan dari Jepun seperti jentera, peralatan pengangkutan dan produk logam berjumlah \$60 million. Sementara pelaburan terus dari Jepun secara kumulatif berjumlah 14.1 bilion yen pada tahun 1999. Jepun juga memperuntukkan 39 bilion yen dalam bentuk ker-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di Putrajaya, Kuala Lumpur, Malaysia pada pertengahan bulan Oktober 2003.

jasama teknikal.

Di bidang perdagangan dan pelaburan, ketika ini terdapat tiga buah syarikat besar dari Jepun beroperasi di Negara Brunei Darussalam iaitu Mitsubishi, Tobishima dan Marubeni yang bergiat di bidang pembinaan dan kejuruteraan.

Apa yang lebih menarik Jepun sebagai salah sebuah kuasa ekonomi dunia berazam untuk menjadi rakan kongsi yang jujur kepada ASEAN, yang mana dengan ini juga akan memberikan faedah dan

kebaikan kepada Negara Brunei Darussalam sendiri sebagai salah sebuah anggota ASEAN.

LAWATAN KE REPUBLIK ISLAM PAKISTAN

Lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan pada bulan Mei tahun ini telah membuka lembaran baru yang amat bermakna dalam mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang wujud sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984.

Lawatan baginda itu sesungguhnya menjadi penghubung dalam usaha Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan untuk meneroka dan memperluaskan lagi kerjasama baru dalam pelbagai bidang. Peningkatan kerjasama itu terbukti dengan adanya Kenyataan Bersama yang dikeluarkan sempena lawatan baginda ke negara itu. Kerjasama dua hala meliputi dalam bidang ekonomi, pelaburan, perdagangan, pertanian, kebudayaan dan pendidikan. Selain itu kedua negara juga berse-

tuju untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi dan memajukan kerjasama di bidang sains dan teknologi melalui perkongsian kepakaran, penyelidikan dan pembangunan serta penggalakan kegunaan aplikasi berteknologi tinggi dalam industri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf bersetuju memberi perhatian terhadap mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara rakyat masing-masing dengan menggalakkan kegiatan dan program yang boleh mempertingkatkan jalinan kebudayaan, pertukaran penuntut, kerjasama antara institusi pendidikan serta pertukaran siaran radio dan televisyen.

Kedua pemimpin juga melahirkan kesepakatan untuk bekerjasama dan menyumbang kepada usaha antarabangsa dalam membanteras jenayah rentas negara. Antara jenayah yang diberi perhatian dalam persetujuan bersama itu ialah keganasan, penyeludupan manusia, jenayah ekonomi dan kewangan serta perdagangan senjata secara haram. Bagi tujuan

itu kerjasama perancangan di peringkat agensi terbabit dari kedua-dua negara telah diwujudkan.

Lawatan kedua baginda ke Republik Islam Pakistan sejak 1992 telah berhasil meningkatkan dimensi kerjasama sekali gus memberikan manfaat dan faedah bagi rakyat dan penduduk kedua-dua buah negara Islam. Lawatan itu bukan sahaja berjaya meneroka kerjasama baru tetapi yang penting ianya telah berjaya mengeratkan hubungan akrab antara pemimpin kedua-dua buah negara.

KESIMPULAN

Lawatan negara dan keberangkatan baginda dalam pelbagai persidangan membuktikan bahawa baginda seorang pemimpin yang berwibawa dan amat mementingkan kemajuan negara dan hubungan yang baik dengan negara-negara luar. Misi baginda ke luar negeri bukan sahaja dapat meningkatkan hubungan diplomatik, tetapi sedikit sebanyak baginda dan para pemimpin luar dapat saling mengenali di antara satu sama lain, di samping dapat meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi kepentingan dua hala dan pelbagai hala.



LAWATAN negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Islam Pakistan pada bulan Mei tahun ini telah membuka lembaran baru yang amat bermakna dalam mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama.

ZAMAN pemerintahan Sultan Bolkiah, iaitu Sultan Brunei yang ke-5 memerintah Brunei pada sekitar kurun ke-15 telah lama berlalu dalam lipatan sejarah namun ianya seperti muncul kembali apabila kegemilangan dan kemakmuran semasa kurun tersebut dapat disaksikan oleh rakyat dan penduduk negara ini. Ini adalah jelas gambaran daripada kepimpinan dan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan yang ke-29 memerintah Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam yang mencapai kemerdekaan dengan penuh berdaulat pada tahun 1984 telah menempatkannya layak sama duduk dan berdiri sama tinggi di mata dunia. Selain itu Negara Brunei Darussalam juga telah menjadi ahli dan anggota banyak pertubuhan antarabangsa dan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Negara-negara Komanwel, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan banyak lagi. Negara ini juga telah pun menjalin hubungan diplomatik dengan banyak negara di seluruh dunia.

Dari segi pemerintahan dan pentadbiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah ketika Negara Brunei Darussalam menjadi ahli PBB pada tahun 1984, bahawa pemerintahan baginda di negara ini adalah berbentuk tradisional tetapi baru. Perkara ini jelas apabila baginda mengambil langkah bijak dengan menubuhkan beberapa kementerian dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam sebagai mengukuhkan lagi falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Baginda juga menjadi pelopor kepada kemajuan yang telah dicapai oleh negara, sehingga keamanan dan kemakmuran serta taraf hidup yang tinggi sedang dengan negara-negara lain di Asia. Rakyat dan penduduk di negara ini menikmati perkhidmatan kesihatan dan pendidikan percuma serta mendapat faedah daripada skim perumahan dan perpindahan negara untuk keselesaan tempat tinggal serta kehidupan rakyat baginda.

PEMEDULIAN

Baginda sendiri juga sering berangkat ke Majlis-majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci dan Geran-geran Tanah untuk menyampaikan sendiri apa yang telah baginda rancang dan perkenankan. Dengan yang demikian hasrat baginda untuk melihat rakyat dan penduduknya mempunyai

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASSIM

rumah sendiri akan tercapai dan rakyat dalam pada itu menerima dengan penuh kesyukuran dan mendoakan untuk kesejahteraan baginda. Peristiwa seperti ini adalah satu gambaran yang mencerminkan sikap pemedulian baginda terhadap hal-hal kesejahteraan rakyat sesuai dengan peranan negara ini sebagai sebuah negara kebajikan atau 'welfare state' yang benar-benar mengelihara dan memata-matai kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

Dari pandangan rakyat dan penduduk di negara ini, baginda telah dengan bijaksana dan berjaya membangun dan mengembangkan negara ini tanpa mengurangkan atau menjejaskan sedikit pun unsur tradisi budaya Negara Brunei Darussalam. Kemajuan dan perkembangan negara ini bukan sahaja bersandarkan kepada penghasilan minyak dan gas tetapi juga melalui pemelaksanaan ekonomi yang kian rancak dirancang dan dilaksanakan menurut fasa dan perancangannya. Umpamanya menggiatkan lagi industri pelancongan, perkhidmatan dan pembuatan.

Kepimpinan baginda yang telah diwarisi daripada ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi



Raja pemedulian bawa kesejahteraan

Waddien yang memerintah sejak tahun 1950 hingga tahun 1967, telah menjadi satu tradisi yang berakar umbi dalam pemerintahan baginda sekarang. Segala jalan yang telah dirintis oleh ayahanda baginda kini diperkembangkan oleh baginda terutama sekali dalam memastikan jentera pentadbiran negara berfungsi dan berjalan dengan lancar dan teratur seperti yang direncanakan. Baginda menerajui Negara Brunei Darussalam bukan hanya sebagai seorang raja tetapi juga sebagai seorang Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Menteri Kewangan.

Jelasnya baginda adalah seorang raja yang bekerja 'Working Monarch' dan mengambil berat dalam segala hal.

DIKASIHI

Sebagai seorang raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat dihormati dan dikasihi oleh semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini. Ini jelas terbukti apabila diadakan Majlis Bersama Rakyat di mana baginda mendapat sambutan yang hangat dan mesra daripada semua lapisan masyarakat. Rakyat dan penduduk di setiap

daerah masing-masing akan berhimpun di tempat dan kawasan yang tertentu untuk meraikan keberangkatan baginda bercemar duli bersama rakyat.

Interaksi raja dan rakyat jelas terpancar daripada majlis ini kerana di majlis inilah ramai rakyat dan penduduk mendekati baginda sambil berbual mesra dan dalam masa yang sama ada juga yang menyuarakan sendiri permasalahan yang dihadapi kepada baginda. Dalam majlis ini, seolah-olah tidak ada benteng pemisah antara baginda dengan rakyat, ditambah lagi dengan sikap baginda

yang peramah dan sentiasa mendengar luahan rasa dan keluhan rakyat baginda.

Baginda sangat disayangi, dihormati dan ditaati oleh lapisan rakyat dan penduduk baginda kerana baginda sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta mengambil berat apa jua keperluan mereka. Baginda dikenali secara peribadi oleh rakyat dengan pencapaian keharmonian dan kemajuan yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Dari segi pemantauan infrastruktur, baginda

juga sering mengadakan lawatan mengejut dan tidak dirancang ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan untuk melihat sendiri dengan lebih dekat lagi fungsi dan peranan serta pelaksanaan fungsi-fungsi berkenaan. Dengan yang demikian baginda dapat memastikan bahawa apa yang dihasratkan baginda untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan penduduk negara ini akan terlaksana dengan sempurna dan tercapai. Selain itu baginda juga melawat kampung-kampung

Lihat muka 9



PRIHATIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau sebuah gerai yang menghasilkan pendapatan melalui usaha sendiri.



BERCEMAR DULI ... Baginda ketika berkenan bercemar duli melawat sebuah rumah rakyat baginda ketika mengadakan lawatan ke sebuah kampung.



TERTARIK ... Baginda tertarik persembahan kaum belia yang mempersembahkan permainan alat muzik tradisi.

Raja pemedulian bawa kesejahteraan

Dari muka 8

yang terpencil di pedalaman dan juga industri-industri serta bangunan-bangunan perniagaan.

Dari sudut pertahanan, baginda sendiri adalah seorang ketua tentera yang dinamik dan progresif serta proaktif. Baginda sangat mengambil berat isu pertahanan kerana ini adalah berhubung kait dengan keselamatan dan keamanan negara. Dalam bidang ini baginda cukup terlatih ketika mana pada tahun 1966, baginda telah mengikuti latihan di Maktab Tentera di Sandhurst, England. Baginda yang meminati bidang perkembangan teknologi, strategi dan seni ketenteraan adalah seorang anggota tentera yang berkelayakan dan berwisata. Ini terserlah dalam acara yang melibatkan ketenteraan di mana baginda sendiri akan turun padang melihat sendiri perkembangan ketenteraan yang telah dicapai.

Oleh kerana minat baginda yang mendalam dalam bidang ini, baginda juga sering mengadakan lawatan ke perkhemahan-perkhemahan tentera dalam negeri dan juga pertubuhan tentera di luar negeri dengan tujuan untuk meninjau perkembangan terkini bidang ketenteraan. Jawatan ketua tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) memang selayaknya untuk baginda. Begitu juga dalam bidang keselamatan, baginda sendiri adalah selaku Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei.

Ada beberapa ciri yang penting yang menyelerakan kedinamikan kepimpinan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja yang adil dan bijaksana. Antaranya ialah corak pembangunan dan kemajuan negara yang tidak menjejaskan ciri-ciri budaya dan identiti bangsa. Begitu juga dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang mengekalkan tiga unsur penting dalam kehidupan orang Brunei.

Melayu itu sebagai tunggal kesatuan yang menyatukan tujuh puak utama di negara ini menjadi sebuah masyarakat Melayu yang majmuk mempunyai satu tujuan dan peranan iaitu taat kepada raja, bangsa dan negara. Melayu juga telah diangkat martabatnya setelah lama dimaktubkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang menyatakan bahawa Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Begitu juga Islam dijadikan sebagai tunggal pengukuhan kepada institusi Melayu dan Beraja. Islam menjadi agama rasmi negara tanpa memperkecilkan agama

dan kepercayaan lain yang dianuti oleh kaum dan bangsa Melayu yang lain. Toleransi dalam beragama ini menjadi ejen pendamai yang memberikan hak dan kebebasan pada setiap orang untuk memilih kepercayaan. Dalam hal beragama ini baginda sangat mengambil berat mengenai. Kepekaan baginda dalam merealisasikan Islam sebagai pegangan dan cara hidup adalah nyata dan terbukti. Sekolah-sekolah agama, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat terus dibina di seluruh negara bagi kemudahan rakyat untuk beribadat dan mempelajari serta mendalami ilmu pengetahuan Islam.

Antara bukti perkembangan Islam yang begitu pesat juga ialah dengan penaklukan taraf Jabatan Hal Ehwal Ugama menjadi Kementerian Hal Ehwal ugama pada 20 Oktober 1986. Ini menunjukkan lagi betapa hal-ehwal ugama Islam itu dipandang berat dengan mengukuhkan institusi berkenaan untuk melakar dan mengemaskinikan lagi urusan-urusan yang berkaitan mengenainya.

Begitu juga dengan penubuhan Pusat Da'wah Islamiah, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Ma'had Islam Brunei dan banyak lagi. Baginda juga dengan insentif dan dana baginda sendiri telah berkenan bagi penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah sebagai langkah melahirkan penghafal-penghafal Al-Quran tempatan. Bukan itu saja, malahan dari segi perdagangan, pengislaman juga telah dilaksanakan dengan menubuhkan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) dan juga pengenalan perbadanan Islam. Semua ini adalah menjurus kepada pengukuhan Islam itu sesuai dengan fungsinya sebagai Ugama Rasmi Negara.

Manakala beraja pula ialah sistem pemerintahan beraja yang dikekalkan untuk selamanya berpemerintahan beraja. Sistem pemerintahan inilah yang telah berjaya mengekalkan negara ini sebagai sebuah negara yang aman damai dan sentosa jauh dari sebarang anasir yang mengancam kestabilan negara. Malahan ada juga telah ada yang menyatakan bahawa institusi beraja negara ini adalah antara yang tertua di dunia dan yang masih utuh di rantau sebelah sini.

Negara Brunei Darussalam banyak mempelajari dan mencontohi pengalaman jatuh bangun negara-negara lain di dunia akan tetapi ia telah diubah suai dan dilaksanakan untuk pembangunan negara ini mengikut cita rasa dan calak Brunei. Ciri yang lain lagi ialah Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia sentiasa peka dan sentiasa bersedia untuk mendengar dan memenuhi kehendak rakyat dalam zaman yang serba canggih ini. Apatah lagi dalam zaman yang dipanggil globalisasi atau dunia tanpa sempadan.

Di bawah pimpinan dan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hasil mahsul negara yang bergantung kepada hasil minyak dan gas adalah paling unik di dunia. Kebanyakan negara di dunia mempunyai penghasilan pendapatan dari pelbagai sumber. Sehubungan dengan itu, ke arah mengurangkan ketergantungan negara terhadap penghasilan minyak dan gas sahaja, baginda telah memperkenankan rancangan pemelaburan ekonomi dan juga pelaburan di luar negara. Barangan makanan dan industri ringan adalah diberi keutamaan dalam meningkatkan usaha-usaha perindustrian bagi merangsang ke arah mampu diri dan pengeksportan yang seimbang. Bidang pelancongan juga digalakkan terutama dalam bidang ekopelancongan sesuai dengan hutan tropika negara ini yang banyak memiliki khazanah yang unik dan menarik yang tidak ada di tempat lain di dunia.

Kemajuan terus dirancang dan dilaksanakan mengikut fasanya secara berterusan melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang berlangsung selama lima tahun setiap penggal. Semuanya diungkapkan semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini agar hidup rukun damai dan bahagia serta harmoni. Cita-cita dan hasrat baginda untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan kehidupan rakyat tidak akan terlaksana tanpa adanya sokongan padu daripada rakyat dan penduduk di negara ini. Dengan yang demikian marilah bersama berganding bahu dan menggembleng tenaga ke arah kesatuan misi dan visi untuk keharmonian dan kesejahteraan kehidupan.

Sehubungan dengan itu, menjelang 15 Julai ini, kita sekali lagi akan mengadakan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-58 Tahun, Raja yang kita sayangi lebih dari seorang raja tetapi sebagai seorang pemimpin dan ketua. Baginda adalah lambang perpaduan dan kebangsaan kita yang mengangkat semangat dan jati diri kita sebagai orang Brunei yang tidak 'kalah bulu' dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Bersama-sama kita mendoakan untuk kesejahteraan baginda dan semoga baginda kekal karar di atas singgahsana memerintah dengan penuh kebijaksanaan.



DIKERUMUNI ... Baginda dikerumuni oleh rakyat dan penduduk baginda ketika berpeluang untuk menjunjung ziarah semasa Majlis Bersama Rakyat.



TERIMA JUNJUNG ZIARAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah rakyat baginda ketika baginda bercemar duli mengadakan lawatan ke tempat mereka.



BERMINAT ... Baginda sangat berminat mengetahui mata pelajaran yang telah diikuti oleh pelajar di sebuah sekolah yang baginda lawati.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja dan pemimpin yang mengamalkan sikap terbuka serta sentiasa mengamalkan hubungan kerjasama dan persahabatan dengan semua negara-negara sahabat.

Negara Brunei Darussalam yang kini menjadi anggota kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel, Pergerakan Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan ASEAN telah menjalin hubungan diplomatik bersama lebih 130 buah negara dari benua Asia, Afrika, Amerika, Eropah dan Negara-negara Kepulauan Pasifik, dan sentiasa mengekalkan hubungan persahabatan serta kerjasama dengan negara-negara berkenaan.

Ini sejajar dengan hasrat yang telah baginda titahkan semasa pemsyuaran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 yang bertitah: "Pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antara-bangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Dengan daya kepimpinan yang terbuka itulah baginda amat disenangi oleh semua lapisan pemimpin-pemimpin dunia dan menjadikan baginda sebagai pemimpin yang dihormati, sama ada di peringkat serantau mahupun di peringkat antara-bangsa.

Ini jelas, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Duta Besar Republik Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Tien Vinh di Majlis Santap Malam yang disambungkan oleh ketua-ketua perwakilan negara-negara sahabat pada tahun lalu yang menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat prihatin kepada banyak perkara termasuk isu semasa selain berangkat melihat sendiri secara dekat kehidupan rakyat dan penduduk.

Sikap baginda itu, menurutnya, mencerminkan daya kepimpinan yang murni dan kebijaksanaan yang sangat disanjung tinggi oleh ketua-ketua perwakilan.

Beritandaskan kepada faktor kepimpinan yang bijaksana dan suasana yang harmoni itulah Negara Brunei Darussalam terus menjadi tumpuan dalam beberapa siri lawatan para pemimpin untuk menjalin persahabatan dan hubungan kerjasama.

Pada pertengahan tahun 2003 beberapa orang pemimpin seperti Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji

Brunei tetap jadi tumpuan dunia



BAGINDA semasa mengalu-alukan Presiden Republik Singapura, TYT Tuan S.R. Nathan ketika TYT mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada Mac lalu.

Ahmad Badawi; Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra; Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo; Setiausaha Agung Komanwel, Tuan Yang Terutama Don McKinnon; Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Perancis, Tuan Yang Terutama Renaud Muselier; Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama, RADM (NS) Teo Chee Hean, Menteri Utama Renaud Muselier; Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Said Aqil Hussin Al-Munawar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Myanmar, Tuan Yang Terutama U Kin Mung Win telah mengadakan kunjungan ke negara ini.

Kemudian pada awal tahun ini pula beberapa orang Perdana Menteri dan Presiden dari negara Asia dan Eropah juga mengadakan rangka lawatan negara ini iaitu Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden; Presiden Ukraine, Tuan Yang Terutama; Leonid Kuchma dan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan SR Nathan.

Siri-siri lawatan dan kunjungan ini jelas memperlihatkan hubungan baik Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara berkenaan dan perkembangan ini dilihat amat menggalakkan ke arah mengeratkan lagi jalinan kerjasama, persahabatan dan hubungan dua hala.

Hubungan di peringkat serantau, Negara Brunei Darussalam mempunyai

jalinan hubungan rapat bersama kesemua negara anggota ASEAN sejak mencapai kemerdekaan. Sementara hubungan dengan Malaysia dan Republik Singapura telah wujud lebih awal sebelum mencapai kemerdekaan.

Sehingga kini Negara Brunei Darussalam dan kesemua negara anggota ASEAN terus-menerus mengekalkan kerjasama pelbagai bidang di samping mengadakan pertukaran lawatan dan perancangan bersama bagi kesejahteraan kesemua negara anggota.

Dari hubungan kerjasama inilah juga akan dapat mewujudkan persefahaman terutama ke arah memperkembangkan dan memajukan pertumbuhan ekonomi serta dalam masa yang sama pula dapat menerokai banyak bidang-bidang yang boleh dikembangkan majukan sama ada secara sendiri atau pun usaha sama.

Melalui lawatan dan kunjungan para pemimpin jelas memberikan manfaat kepada Negara Brunei Darussalam dalam mengembangkan pertumbuhan ekonomi, di samping dapat pula menerokai dan memajukan pelbagai bidang kerjasama.

Di peringkat antara-bangsa pula, pada awal tahun ini Negara Brunei Darussalam menerima tetamu Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, TYT Begum Khaleda Zia. Kunjungan ini mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara yang sememangnya sudah terjalin erat terutama Bangladesh yang juga mengang-

gotai OIC begitu mengahai kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Perdana Menteri, TYT Begum Khaleda Zia, terdapat banyak bidang kerjasama yang dapat dipelajari oleh kedua-dua buah negara termasuklah bidang teknologi maklumat, perkembangan sumber tenaga manusia dan bidang-bidang perdagangan ekonomi, pelaburan dan perkhidmatan.

"Saya juga berharap para delegasi perniagaan kita akan dapat bergerak sebagai pemangkin untuk merangsangkan lagi perniagaan dan pelaburan kedua-dua negara," kata, semasa menyempahkan ucapan di Majlis Santap Malam semasa lawatan TYT ke negara ini pada 25 Januari lepas.

Puan Yang Terutama juga memberikan tawaran yang tinggi dan menarik dalam perniagaan dengan memberikan lokasi yang strategik, kadar buruh yang rendah dan berkemahiran, para usahawan di mana Negara Brunei Darussalam akan mendapat keuntungan dan kebaikan pelaburan di Bangladesh.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena lawatan Perdana Menteri Bangladesh bertitah menyatakan rasa bangga kerana dapat berkongsi persahabatan dan kerjasama dengan Bangladesh.

Baginda bertitah kedua-dua rantau ini mempunyai



sumber asli yang meluas, rakyat yang dinamik serta budaya yang teguh dan berkekalan. Cabaran kepada kita semua titah baginda, adalah untuk memanfaatkan terhadap tugas bagi memenuhi cabaran sosial, politik dan ekonomi yang meluas yang akan ditawarkan dalam abad ke 21.

Sweden, salah sebuah negara anggota Kesatuan Eropah (EU) juga mengorak langkah persahabatan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden sendiri berangkat melawat ke negara ini.

Dalam lawatan itu kedua-dua negara telah mencapai persetujuan yang melibatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan, ekopelangan, maritim, udara, pendidikan, teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Kedua-dua pihak menyedikan landasan kerjasama menerokai bidang-bidang yang dikenali pasti mempunyai kepentingan bersama. Menurut rancangan, kerjasama mewujudkan sebuah perindustrian baru yang berpotensi besar seperti industri kitaran semula getah dan aluminium mendapat persetujuan kedua-dua pihak.



LAWATAN Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia ke Negara Brunei Darussalam baru-baru ini akan dapat memperluaskan lagi hubungan kedua-dua hala antara kedua negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Gustaf, Raja Carl XVI Raja Sweden ketika berangkat mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada Februari 2004.

Melalui projek itu akan dapat meningkatkan mutu industri dengan teknologi persekitaran dan pengurusan yang terbaik agar ianya dapat dijadikan industri berdaya tahan di negara.

Selain Sweden, Republik Ukraine juga mencatat sejarah sebagai satu-satunya negara Eropah Timur yang menjalin hubungan kerjasama. Melalui lawatan Presiden Leonid Kuchma awal bulan April lalu, kedua-dua buah negara telah mencapai beberapa persetujuan kerjasama.

Republik Ukraine dan Negara Brunei Darussalam mengiktiraf potensi bagi kemajuan perdagangan, pelaburan dan ekonomi yang memberikan faedah bersama selain bersetuju meneruskan kajian terhadap penubuhan hubungan udara.

Di samping menerima lawatan beberapa orang pemimpin, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berangkat melawat ke beberapa buah negara ASEAN, Republik Islam Pakistan, Jordan, Bahrain, Ukraine dan berangkat menghadiri sidang antara-bangsa seperti APEC, OIC dan ASEAN - Jepun.

Pada pertemuan di sidang tersebut baginda berpeluang bertukar-tukar pandangan dan membincangkan isu-isu antara-bangsa sebagai mana titah baginda di Sidang Kemuncak memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun di Hagoromo-no-Ma, Giehinkan yang bertitah:

"Hubungan ini hendaklah menerusi perhubungan rakyat dengan rakyat dan memahami antara satu sama lain melalui pelancungan, pertukaran kebudayaan dan lawatan-lawatan sambil belajar," titah baginda.

Pada kesimpulannya, hubungan kerjasama yang dirintis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama ini membuka peluang kepada Negara Brunei Darussalam untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala di samping memperluaskan lagi pertumbuhan ekonomi.

Dalam masa yang sama juga berjaya mengetengahkan negara ini di persada antarabangsa untuk menerokai apa juga bidang termasuk politik, sosial dan kebudayaan.



ALAM setiap program pembangunan sesebuah negara, bidang pendidikan merupakan suatu keutamaan. Dasar pendidikan dirancang dengan berhati-hati dan terarah bagi memastikan negara dapat mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti dan tahan uji dalam menghadapi cabaran semasa.

Dalam konteks negara kita, Kementerian Pendidikan dalam misinya, menekankan iltizam untuk mendidik anak bangsa melalui pelaksanaan sistem pendidikan yang berkualiti, unik dan seimbang untuk melahirkan insan yang sempurna dan berguna kepada agama, negara dan bangsa.

Falsafah pendidikan kementerian itu pula menegaskan bahawa pendidikan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan naqli dan aqli ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu dan berkepandaian, beriman, bertaqwa dan beramal serta berakhlak mulia yang akan menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah sebagai tapak pertumbuhan ketaatan kepada agama, raja dan Negara Brunei Darussalam.

Manakala matlamat pendidikannya pula ialah memaksimumkan potensi setiap individu dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi membentuk masyarakat pembangun dengan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Bahkan sebagaimana yang sering ditekankan komitmen seumpama ini merupakan suatu pelaburan yang sangat bernilai bukan sahaja bagi setiap individu, keluarga dan masyarakat tetapi juga kepada negara secara langsung.

Dalam konteks ini, Darussalam Ke-13 pada 23 September 2003. Sehubungan itu adalah suatu langkah yang bertepatan, apabila Universiti Brunei Darussalam mewujudkan program pengajian setahun di luar negeri bagi para penuntutnya di institusi pengajian tinggi seperti di United Kingdom, Malaysia dan Australia.

Program berkenaan bukan sahaja membuka ruang kepada para penuntut berkenaan menimba ilmu bahkan secara langsung meraih pengalaman dari persekitaran mereka yang setentunya berguna apabila mereka menamatkan pengajian dan seterusnya memasuki bidang pekerjaan. Keberadaan para penuntut negara mengikuti pengajian di luar negeri merupakan kelebihan yang sangat bermakna bagi mereka dan negara

kehususnya apabila mereka terdedah dengan pelbagai perkembangan, perubahan dan pergolakan masyarakat setempat sama ada di bidang pembangunan negara, ekonomi dan sosial.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Junjung Ziarah Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire yang diadakan di London pada 4 Januari 2004 menyatakan harapan supaya golongan penuntut yang diberi peluang sedemikian akan menjadi generasi yang dinamik yang melihat setiap perkembangan itu dengan kesedaran yang tinggi, sehingga mereka pada suatu masa kelak mampu mencetuskan

"Pelaburan dalam sumber tenaga manusia boleh meningkatkan 'human capital'. Keistimewaan 'modal manusia', ia tidak akan pupus atau berkurangan walaupun digunakan, berbanding dengan modal-modal biasa yang lain. Oleh itu pendidikan mestilah dilihat dengan serius, bukan oleh kalangan dalam pendidikan saja malah juga oleh setiap individu, kerana ianya adalah menyangkut soal survival bangsa dan masa depan," titah baginda semasa Sambutan Hari Guru Negara Brunei

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

wawasan dan idea-idea besar untuk negara.

"Insya-Allah negara akan tetap makmur, aman dan sejahtera serta giat membangun dengan kehadiran para lepasan pelajar-pelajar kita - dari mana saja mereka itu ke dalam pengurusan dan pentadbiran negara. Mereka adalah merupakan lampu zaman yang akan terus menyala menyinarakan cahaya," titah baginda.

Bahkan baginda pernah menekankan bahawa dalam usaha kerajaan baginda memajukan tahap sosioekonomi negara, negara sangat memerlukan rakyat yang berilmu dan berkemahiran kerana tanpa ilmu dan kemahiran, tidak mungkin dicapai sebarang kemajuan.

"Kerajaan beta akan terus memastikan bahawa sistem pendidikan kebangsaan kita adalah relevan bagi memenuhi semua kehendak dan keperluan negara. Kita masih perlu berusaha untuk mencapai infrastruktur pendidikan sehingga ke tahap yang sebaik-baiknya," titah baginda sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2003.

Sehubungan itu, baginda dalam setiap kesempatan sama ada semasa Majlis-majlis Pengurniaan Lot-lot Tanah dan Anak Kunci Rumah Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, akan meluangkan masa berangkat melawat sekolah dan institusi pendidikan di sekitar kawasan berkenaan.

Semasa keberangkatan inilah baginda melihat lebih dekat perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan berkaitan, di samping beraamah mesra dengan para

RAKYAT BERILMU IMPIAN NEGARA

OLEH ABD. KARIM HJ. ABU BAKAR

penuntut, berbincang dengan pihak pentadbir sekolah, menegur dan mengurniakan saranan bagi sama-sama mempertingkatkan mutu pendidikan dan kemudahan fizikal bangunan institusi pendidikan yang berkenaan.

Satu bidang yang sentiasa menjadi tumpuan utama baginda dalam sesi keberangkatan ke sekolah-sekolah dan institusi pendidikan ialah kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan atau disediakan kepada para penuntut kerana kemudahan sedemikian sejajar dengan keperluan dan perkembangan semasa serta langkah Kementerian Pendidikan memperkembangkan ICT dalam pendidikan.

Bahkan mulai tahun 1993, mata pelajaran Komputer mula diperkenalkan di peringkat Menengah Bawah dan Menengah Atas. Manakala pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan telah membekalkan perkakasan perisian komputer di semua sekolah rendah dan menengah.

Ke arah penggunaan teknologi yang lebih meluas, kementerian itu juga telah melaksanakan projek rintis untuk memperkenalkan 'Design and Technology' sebagai satu subjek dalam kurikulum sekolah dalam tahun 2001 di dua buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah.

Bagi menangani pelaksanaan projek ICT di institusi-institusi pendidikan di seluruh negara dan ke arah keperluan mengembangkannya projek, program, latihan dan kursus yang berkaitan dengan pendidikan dalam ICT, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada 1 Mac 2001.

Dalam pada itu, Menteri Pendidikan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa berucap di Majlis Konvokesyen Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknik yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa baru-baru ini menjelaskan bahawa dalam perancangan ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan kompetitif yang diperlukan oleh negara, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Teknik, sedang merancang ke arah penyediaan satu sistem pendidikan teknik yang komprehensif, berkualiti dan relevan, mengandungi tiga peringkat kelulusan dan kemahiran iaitu sijil kemahiran, diploma dan ijazah.

Program-program yang ditawarkan, jelas Yang Berhormat, insya-Allah meliputi latihan kemahiran, teknologi dan profesional, yang memungkinkannya lebih banyak penubuhan institusi teknikal dan vokasional dan dengannya memberikan peluang-peluang yang lebih meluas dan 'flexible' kepada para pelajarnya untuk mengikuti pengajian teknikal dan vokasional yang relevan dan dapat memenuhi sumber tenaga mahir yang diperlukan oleh negara.

Bahkan baru-baru ini, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk menubuhkan 'Part 147 Approved Maintenance Training Organisation' di negara ini bagi memperkembangkan lagi tenaga kerja dalam industri penerbangan.

Di bawah MOU itu, kedua-dua pihak akan menjalankan program 'Part 66 Aviation Training

untuk anak tempatan bagi kerjaya dalam 'Aircraft Maintenance' melalui institusi vokasional dan teknik, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR). Sehubungan itu MTSSR akan menyediakan latihan akademik dan seterusnya menjalani latihan perantis dengan RBA.

Negara Brunei Darussalam memperoleh taraf penerbangan industri daripada 'European Aviation Requirements'. 'Part 147' adalah taraf 'European Aviation Safety Agency (EASA)' yang diperlukan bagi organisasi untuk menjalani latihan bagi melayakkan jurutera mengendalikan taraf 'Part 66' dan sebagai keperluan jurutera untuk mengesahkan penyenggaraan.

Kerjasama ini dihasilkan daripada kerja yang dilakukan oleh 'Transportation and Logistics Task Force' terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pendidikan Teknik, RBA dan Lembaga Perancangan dan Kemajuan Ekonomi Brunei. 'Task Force' ini ditubuhkan oleh Lembaga Perancangan dan Kemajuan Ekonomi Brunei pada Februari 2004 bagi melaksanakan saranan yang dianjurkan oleh 'Monitor Group' untuk kemajuan 'Aircraft Maintenance' mengikut kemampuan yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha mempertahankan sistem pendidikan tentulah banyak cabaran yang perlu dihadapi. Sehubungan itu semua pihak termasuk ibu bapa dan para penuntut sama-sama memberikan kerjasama melalui dukungan dan tindak balas yang positif agar negara dan kita mampu mencapai wawasan yang dihasratkan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan aktiviti para pelajar semasa baginda berkenan berangkat melawat sebuah sekolah rendah.

دولة كباوه دولي توان فاتيكل

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

KALENDAR PERSEMBAHAN DAN MAKLUMAT ACARA

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA

MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-58 TAHUN

8 JULAI HINGGA 31 OGOS 2004

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

TARIKH	ACARA	TEMPAT/MASA
17 Julai/ 29 Jamadilawal Sabtu	Persembahan PENTARAMA Jabatan Penerangan	Pentas Perayaan, Depan Bangunan Alar Kebesaran Diraja, BSB, Jam: 8.00 malam
18 Julai/ 30 Jamadilawal Ahad	Majlis Keberangkatan Kebawah DYMM Beremah Mesra Bersama Rakyat	Jerudong Park Amphitheatre Jam: 8.00 pagi
19 Julai/ 1 Jamadilakhir Isnin	Perlawanan Saringan Tarik Kalat Peringkar Kelabgasing di antara Daerah-Daerah	Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Jam: 8.00 malam
19 Julai/ 1 Jamadilakhir Isnin	Perantian Seminar Istinilai Masjid (Pameran & kegiatan akan dibekalkan pada orang ramai dari petang 19 Julai hingga 25 Julai)	Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Jam: 8.30 pagi
21 Julai/ 3 Jamadilakhir Rabu	Bintang Keputeraan 60an	Kawasan letak kereta berhadapan Bangunan Alar Kebesaran Diraja Jam: 8.00 malam
22 Julai/ 4 Jamadilakhir Khamis	Persediaan Memasang Syair Brunei Islam & Pusi Syair - Daerah Brunei Muara	Pentas Perayaan, Depan Bangunan Alar Kebesaran Diraja, BSB, Jam: 8.00 malam
23 Julai/ 5 Jamadilakhir Jumaat	Perlawanan Box Kowalan Juah	Peraturan Taman Jubli Perak Jam: 8.00 pagi
24 Julai/ 6 Jamadilakhir Sabtu	Peraduan Juara Kumpulan Gumbang	Pentas Perayaan, Depan Bangunan Alar Kebesaran Diraja, BSB, Jam: 8.00 malam
25 Julai/ 7 Jamadilakhir Ahad	Pesta Pantai Perlawanan Kereta Kowalan Juah Pameran Fotografi Perlawanan Gasing (hingga 8 Ogos)	Perantian Panti Muara, Jam: 8.00 pagi Kawasan letak kereta Taman Jubli Perak Jam: 8.00 pagi The Mall Gadong Pusat Tani, Dewan Selayan Jam: 2.00 petang
29 Julai/ 11 Jamadilakhir Khamis	Perantian Saringan Se-Borneo (Tarik Kalat)	Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, BSB, Jam: 8.00 malam
31 Julai/ 13 Jamadilakhir Sabtu	Kepulauan Silar Cakak Asli Melayu & Pesisir Silar Melayu (Peringkat Kelabgasing) Persembahan Kenderaan Berhias, Perlawanan Tarik Kalat Se-Borneo, Persembahan Kebudayaan & Bunga Api	Dewan Serbaguna Stadium Negara Hassanal Bolkiah Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, BSB Jam: 8.00 malam
8 Ogos/ 19 Jamadilakhir Jumaat	Perantian Katuk Karak Silar	Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Jam: 8.00 malam



PERINGKAT NEGARA

8 Julai/20 Jamadilawal, Khamis	Majlis Menghantar Bendera Besar dan pengalihan bendera di daerah-daerah di Kawasan Komplek Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, BSB - Jam: 9.00 pagi
14 Julai/26 Jamadilawal, Rabu	Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Tahil dan Dua Kesyukuran Majlis-majlis utama (trumpuan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah), Balai Besar seluruh negara. - Jam: 6.15 petang
15 Julai/27 Jamadilawal, Khamis	Istiadat Barisan Kebesaran Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan - Jam: 7.15 pagi
	Istiadat Mengadap & Mengurniakan Bintang - Bintang Kebesaran Istana Nurul Iman - Jam: 10.00 pagi
	Majlis Persantapan Negara Istana Nurul Iman - Jam: 7.00 malam
17 Julai/29 Jamadilawal, Sabtu	Majlis Persantapan Penerima-Pegawai Beruniform Istana Nurul Iman - Jam: 7.30 malam

DAERAH BELAIT

TARIKH	ACARA	TEMPAT/MASA
17 Julai/ 29 Jamadilawal Sabtu	Majlis Keberangkatan Kebawah DYMM Beremah Duli dan Beremah Mesra Bersama Rakyat (Tema: Iktian Di Daerah Gending, Negara Terbilang)	Padang Kelab Rekreasi Brunei Shell, Seria Jam: 8.30 pagi
20 Julai/ 2 Jamadilakhir Isnin	Persembahan PENTARAMA Jabatan Penerangan	Kawasan Taman Tualang Sep, Di Sempadan Gasing, Kuala Belait, Jam: 8.00 malam
22 Julai/ 4 Jamadilakhir Rabu	Perantian Tamarah	Kawasan Taman Tualang Sep, Di Sempadan Gasing, Kuala Belait, Jam: 8.00 malam

EKONOMI memainkan peranan penting dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Ekonomi yang mantap juga merupakan salah satu ciri ke arah wujudnya masyarakat sejahtera yang bukan sahaja sihat dari segi fizikal dan mental, malah berkualiti dan cemerlang. Kemantapan ekonomi juga membolehkan segala dasar dan program pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lalin, sempurna dan berjaya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menyedari halikak ini. Sebab itulah baginda sangat prihatin pentingnya usaha meningkat dan mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Kerajaan baginda melalui agensi-agensi terlibat menjadi fasilitator kepada sektor swasta manakala pihak pengusaha dan peniaga pula disaran menjadi ejen penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ke arah itu, pelbagai program dirancang dalam usaha memajukan pertumbuhan ekonomi. Pelbagai kemudahan juga disediakan agar rakyat bergiat aktif dalam bidang ekonomi. Kemudahan prasarana dan insentif seperti dana, kawasan atau tapak perusahaannya, bimbingan, kursus dan tunjuk cara disediakan bagi kemudahan peniaga tempatan.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sentiasa menarik pelabur asing ke negara ini. Ke arah itu strategi menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) berterusan diberikan penekanan. Pelaburan melalui industri perikanan, pertanian, pelancongan, perkhidmatan-perkhidmatan dan kewangan terus dipergiatkan.

KEWANGAN

Dalam usaha memantapkan dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 yang akan berakhir tahun depan telah menyuntik peruntukan sejumlah \$B7.3 bilion ke dalam ekonomi bagi menghasilkan purata pertumbuhan lima peratus hingga enam peratus setahun.

Melalui dasar berhemat negara, RKN Ke-8 menyuntik 40 peratus dari jumlah pelaburan yang diperlukan manakala 60 peratus diperolehi dari sumber-sumber sama ada tempatan atau luar negara.

Selain bergantung kepada sumber pendapatan dari hasil eksport minyak dan gas, usaha-usaha juga dipergiatkan untuk memajukan industri-industri hiliran minyak dan gas serta industri-industri lain. Kejayaan sektor bukan minyak khususnya industri kecil dan sederhana (IKS) menjadi penyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara. Penekanan diberikan kepada kemajuan IKS, industri tambah nilai, pelancongan, perkhidmatan dan kewangan.

Sektor perbankan dan

Ekonomi mantap negara sejahtera

kewangan memainkan peranan penting dalam mendapatkan pelaburan kira-kira 40 peratus atau \$B4.4 bilion daripada jumlah yang diperlukan dalam RKN Ke-8. Sistem perbankan yang belum begitu memadai untuk membantu mempercepatkan perkembangan industri akan diperluaskan supaya lebih bersifat pelaburan selain pengubahsuaian akta perbankan bagi membolehkan pelaburan \$B4.4 bilion itu diperolehi.

Bank-bank komersial juga digalakkan mendukung madamat kerajaan terutama dalam mempercepatkan program-program perindustrian. Usaha dibuat untuk memperluaskan skop sektor perbankan termasuk kemudahan kredit yang bukan hanya untuk sektor perkhidmatan seperti perumahan tetapi juga meliputi kegiatan produktif seperti pertanian, perikanan dan pembuatan.

Institusi kewangan di negara ini berkembang dengan pesatny dengan bilangan cawangan di seluruh negara bagi 9 buah institusi kewangan utama meningkat dari 31 buah dalam RKN Ke-6 kepada 50 buah pada penghujung RKN Ke-7. Pusat Ke-

OLEH SAHARI AKIM

wangan Antarabangsa Brunei (BIFC) yang ditubuhkan pada Julai 2000 akan terus meningkatkan sektor tersebut dalam tempoh RKN Ke-8.

Selain kemudahan kredit yang disediakan oleh perbankan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga terus menyediakan kemudahan kewangan untuk perusahaan kecil dan sederhana melalui tabung khas yang ditadbir oleh bank-bank tempatan yang terpilih.

Skim ini bertujuan untuk membantu usahawan yang tidak mempunyai modal yang cukup memulakan perusahaan mereka. Dalam pada itu, langkah juga diambil bagi mewujudkan sistem perbankan dan kewangan yang bersifat pasaran modal yang boleh membantu usahawan mendapatkan kewangan 'Venture Capital' pinjaman jangka panjang dan 'Initial Public Offering' (IPO).

PROJEK MEGA

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) merancang dua projek mega iaitu pembangunan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah taklimat ketika berangkat melawat Mahkota Crystal Sendirian Berhad di Kawasan Perindustrian Ringan Lambak Kanan.

dagangan bebas.

MELUAS

Di peringkat yang lebih luas, negara juga akan mengambil segala peluang yang wujud melalui persekitaran ekonomi serantau dan global. Selaku ahli kepada Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Negara Brunei Darussalam juga akan mengambil manfaat perdagangan dari forum tersebut.

Dalam beberapa Deklarasi Sidang Kemuncak APEC, para pemimpin 21 buah ekonomi telah memulakan komitmen kebersamaan bagi merealisasikan beberapa visi dan matlamat termasuk perdagangan bebas dan terbuka menjelang tahun 2010 bagi ekonomi maju dan 2020 bagi ekonomi yang sedang membangun.

Lain-lain manfaat yang akan turut sama diraih merangkumi program pemudahan perdagangan dan pelaburan, kerjasama pembangunan, pembebasan perdagangan dan pelaburan, kerjasama teknikal dan ekonomi, pengawasan perdagangan dan pemulihan aliran pelaburan, liberalisasi perdagangan dan pelaburan dan pembangunan IKS (yang melibatkan lebih 90 urus niaga negara ini).

Negara Brunei Darussalam juga akan memanfaatkan interaksi ekonomi dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) melalui perdagangan dan pelaburan. Program lain termasuk pelaksanaan Kawasan Bebas Cukai ASEAN (AFTA) dan Perjanjian Common Effective Preferential Tariff Scheme (CEPT).

Hubungan dagangan negara-negara anggota ASEAN dengan negara-negara lain kebanyakannya dalam bentuk barangan komoditi dan pembuatan terutama dengan negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) yang akan banyak mempengaruhi prospek anggota ASEAN terutama dari segi pertumbuhan eksport. Selain komoditi dan pembuatan, ekonomi ASEAN juga dihubungkan dengan negara-negara lain menerusi pasaran modal. Perkembangan

pasaran modal antarabangsa juga mendatangkan kesan besar ke atas prestasi ekonomi ASEAN.

Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur BIMP-EAGA (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina) yang ditubuhkan pada tahun 1994 dengan jumlah penduduk 32 juta orang juga dimanfaatkan ke arah mempercepatkan proses pembeibagialan ekonomi negara menerusi pasaran dari peluang-peluang pelaburan.

Tiga belas bidang kerjasama yang dirangka-ulah pengangkutan melalui hubungan udara, laut dan perkhidmatan perkapalan, pelancongan, perikanan, pembinaan, pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar, telekomunikasi, mobiliti manusia, perhutanan, tenaga/energi, pembangunan tenaga manusia, pemodal dan perkhidmatan kewangan dan industri berasaskan pertanian.

Negara Brunei Darussalam merupakan negara peneraju bagi tiga bidang kerjasama iaitu pengembangan hubungan udara, pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar dan telekomunikasi. Dalam hal ini Negara Brunei Darussalam telah merumuskan visinya sebagai Pusat Perkhidmatan Bagi Perdagangan dan Pelancongan (ShUTT) bagi rantau BIMP-EAGA pada tahun 2003.

KONDISIF

Selain keadaan negara yang aman dan sejahtera kita juga menyediakan persekitaran perdagangan yang kondusif. Kita mempunyai dasar perindustrian terbuka dan fleksibel termasuk tenaga kerja dan pemilikan, di samping bantuan kerajaan dalam semua kategori dan kegiatan industri. Selain dari itu para peniaga juga tidak dikenakan cukai pendapatan termasuk cukai eksport, jualan dan pembuatan.

Kemudahan prasarana lain bagi pengembangan ekonomi negara juga berada di tahap yang begitu baik. Kita mempunyai sistem perhubungan telekomunikasi bertaraf antarabangsa seperti telefon, internet, teleks, faks dan seumpamanya.

Perkhidmatan telekomunikasi canggih disediakan oleh oleh Jabatan

Telekom Brunei (JTB) dan DST Com. JTB menyediakan perkhidmatan panggilan terus antarabangsa kepada lebih 156 buah negara. DST pula menyediakan perkhidmatan telefon bimbit (mobile telephone). Selain dari itu Negara Brunei Darussalam juga mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan internet melalui BruNet dan SimpulNet.

Begitu juga dengan perhubungan dan pengangkutan udara dan laut. Kita mempunyai lapangan terbang antarabangsa bagi mobiliti penumpang dan kargo udara. Pelabuhan Air Dalam Muara juga menyediakan limbungan bagi kapal-kapal dagangan selain sistem punggar edar kontena dan kargo yang canggih dan moden.

Bagi kemudahan para peniaga dan pelancong luar, kita juga mempunyai hotel-hotel bertaraf antarabangsa, sederhana dan penginapan pada kadar harga murah. Sistem penjagaan kesihatan dan perubatan yang baik juga dapat menjamin kepercayaan pelancong dan pelabur asing.

Selain Hospital RIPAS, hospital daerah dan pusat-pusat kesihatan lain, Negara Brunei Darussalam juga mempunyai Pusat Kesihatan Jerudong Park (JPMC) yang merupakan hospital swasta bertaraf kelas pertama menyediakan pelbagai kepakaran dengan peralatan yang serba canggih. Begitu juga Gleneagles JPMC Sendirian Berhad, sebuah pusat rawatan jantung yang terkenal dengan kepakaran dan peralatan canggih mula beroperasi pada bulan Ogos 2002.

Kepakaran dan peralatan sophisticated yang terdapat di JPMC dan Gleneagles dijangkakan dapat menjadi pusat atau 'hub' rawatan di rantau ini terutama bagi penduduk di kawasan-kawasan jiran seperti Sabah, Sarawak termasuk kawasan BIMP-EAGA yang lain.

Kita yakin ekonomi negara akan dapat dikembangkan dan dipelbagaikan melalui pelbagai strategi, inisiatif dan insentif yang berterusan secara bersepadu dari semua pihak yang terlibat khususnya sektor awam dan swasta.



BAGINDA menerima sembah taklimat sejour berkenaan merasmikan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dan Projek Rasionalisasi Ampa Fairley (AFRP) di Seria.

Kegemilangan Islam pemangkin pembangunan

KE MANA pun tempat yang hendak kita tuju di negara ini pasti kita akan melihat masjid-masjid dan surau-suru terbentang indah dan mengagumkan dibina di serata tempat bagi memudahkan umat Islam menunaikan ibadat salat, di samping penduduknya majoriti beragama Islam. Inilah antara yang jelas menampakkan negara ini sebuah negara Islam apabila ia dipimpin oleh seorang raja atau sultan yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam sesuai sebagai negara Melayu Islam Beraja.

Pembinaan masjid dan surau bukan hanya untuk salat berjemaah sahaja tetapi juga sebagai institusi pusat pengembangan syiar Islam di mana setiap masjid dan surau di negara ini menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan seperti kelas bimbingan mengaji Al-Quran agar rakyat dan penduduknya celik Al-Quran, perkampungan belia Islam, Pertandingan Syarahan Agama dan Khutbah Jumaat.

Dengan menghayati Al-Quran sahaja umat Islam memperoleh kekuatan dan kecemerlangan sebagaimana yang digambarkan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hasyr ayat 21 yang tafsirnya: "Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khuyuk serta pecah-belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah) misal-misal ini Kami kemukakan kepada umat Islam supaya mereka memikirkannya."

Ayat ini menjelaskan kepada kita kekuatan dan kehebatan Al-Quran apabila kita memakainya sebagai perlembagaan hidup, kita juga akan jadi kuat dan jika tidak, tidaklah akan datang kekuatan itu. Begitu juga kegemilangan Islam itu hanya dapat dicapai apabila umat Islam mempunyai kekuatan fizikal dan mental, bersatu padu dan berpegang kepada ajaran Al-Quran.

Kebawah DYMM pernah menekankan, "Umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Al-Quran telah tidak diampunkan untuk memiliki kebesaran dan kemuliaan," titah baginda di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringat Negara Tahun 1424 Hijrah tahun lepas.

Sebagai rakyat dan penduduk negara ini kita perlu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap tahun mengepalai perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

bersyukur kerana di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kegemilangan Islam begitu ketara sekali dari segenap aspek kehidupan termasuk pendidikan, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pembangunan negara.

Kegemilangan Islam penerusi pembangunan di mana aqidah dan nilai-nilai agama Islam menjadi pegangan dan pedoman yang hakiki diterapkan ke dalam sistem pemerintahan negara dan dijadikan amalan dan cara hidup rakyat negara ini selari dengan perkembangan dan kemajuan dunia.

Dengan penerapan aqidah dan nilai-nilai Islam dalam diri individu terutama golongan profesional muda mereka tidak akan mudah goyah atau tidak mudah hanyut dibawa arus perubahan globalisasi, di samping menjadikannya sebagai pegangan dan dasar untuk memandu mereka mengikut hala tuju.

Sebagaimana titah baginda di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) tahun lepas, "Ajaran Agama Islam telah dikenal pasti menjadi 'Suluh Keramat' yang menyampaikan kita kepada cita-cita besar: Kehidupan sejahtera, adil lagi makmur serta aman damai."

Sebagai seorang pemimpin, baginda bukan

hanya sekadar melafazkan titah sahaja tetapi mempraktikkan setiap apa yang baginda titahkan itu dan setiap pergerakan baginda akan menjadi ikutan dan teladan kepada rakyat dan penduduk negara ini bak kata bidalan 'mengambil contoh kepada yang sudah, mengambil tuah kepada yang menang'.

Baginda sendiri seringkali menampilkan diri dengan melakukan pelbagai amalan yang berkebalikan umpamanya setiap tahun tanpa ketinggalan baginda sendiri mengepalai Perarakan Maulud Rasul, melakukan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha dan daging-daging binatang korban baginda dan ahli kerabat diraja itu diagihkan ke seluruh negara. Ini mungkin jarang sekali atau mungkin tidak pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam di negara-negara lain di dunia ini.

Di bulan Ramadan pula baginda juga mengurniakan buah kurma kepada rakyat dan penduduk negara ini yang beragama Islam untuk juadah berbuka puasa, mengadakan Majlis Bertedurus Al-Quran di Istana begitu juga Sembahyang Sunat Terawih di masjid-masjid dan surau-suru seluruh negara disemarakkan dengan pelbagai sambutan hari-hari kebesaran Islam antaranya mengadakan Pertandingan Menghafaz Al-Quran sempena Nuzul Al-Quran.

Selain itu baginda dan ahli-ahli kerabat diraja juga seringkali mengerjakan

salat berjemaah bersama rakyat dan penduduk di masjid-masjid di negara ini bukan hanya di hari-hari kebesaran Islam tetapi juga pada hari Jumaat, melaksanakan program pemudlian seperti pembinaan sekolah-sekolah agama antaranya penubuhan Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Ma'had Islam Brunei.

Melalui penubuhan institusi agama di negara ini akan dapat mengemban syiar agama Islam. Penghantaran pelajar-pelajar ke seberang laut bagi melanjutkan pelajaran mereka, menimba pengalaman dan pulang ke tanah air dengan keputusan cemerlang akan dapat melahirkan penghafaz-penhafaz Al-Quran yang berkualiti setanding dengan negara-negara lain.

Penglibatan baginda dalam melakukan pelbagai aktiviti keagamaan yang dinyatakan itu melambangkan ciri-ciri kepimpinan yang sangat baik dan sebagai pemerintahan yang bersandarkan Islam serta menjadikan rakyat yang dipimpin. Oleh itu agama Islam perlu dijaga dan dihormati demi menjaga maruah bangsa dengan memelihara amal ibadat yang dilakukan agar ianya sempurna tanpa merosakkan aqidah yang meliputi iman, amal dan taqwa kepada Allah Yang Maha Berkuasa dan raja sebagai pemerintah di dunia.

Kegemilangan Islam di negara ini juga terserlah dalam bidang ekonomi,

OLEH DK. HJH. SAIDAH PG. HJ. OMARALI

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

asaskan kewangan bahkan yang utama menjadi alat dakwah yang amat berkesan. Selain itu perbankan Islam juga merupakan satu sistem yang terbaik dan terbukti banyak memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Ini jelas terbukti sejak 11 tahun yang lalu, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang utama dalam pertumbuhan ekonomi negara kita.

Kewibawaan negara dalam menguruskan perbankan yang berorientasikan Islam kini semakin mendapat kepercayaan dan telah diyakini di peringkat antarabangsa. Berikutan itu Negara Brunei Darussalam telah berpadu tenaga dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat takaful di rantau Asia Tenggara ke arah menubuhkan sebuah syarikat takaful yang bertaraf antarabangsa.

Dengan perkembangan perbankan Islam yang nampak menyerlah di negara ini kerajaan baginda dan Kerajaan

Thailand melalui Suruhanjaya Bersama telah bersejua agar institusi-institusi kewangan Islam di negara ini dapat membantu Thailand dalam usaha menubuhkan sebuah bank Islam yang pertama.

Kerjasama antarabangsa seperti itu bukanlah pertama kali diungkayahkan. Pada tahun 1996 dua buah syarikat takaful di negara ini bersama tiga buah syarikat takaful di rantau ASEAN telah menubuhkan Syarikat Takaful Bersama Semula yang dikenali sebagai 'ASEAN Retakaful International' dan beroperasi dengan baik dalam memberikan perkhidmatan takaful kepada syarikat-syarikat takaful di rantau ini dan antarabangsa.

Urus niaga atau muamalah cara Islam ini tetap menarik dan merapatkan lagi hubungan di antara pengusaha, peniaga, penyimpan dan pelabur dengan pihak bank. Adalah diyakini lebih ramai lagi orang dan organisasi yang akan terpicat dengan sistem perbankan dan kewangan Islam sebagai misalannya terbinanya Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 merupakan satu lagi mercu tanda kejayaan institusi kewangan Islam di negara ini dalam mewarnai corak industri kewangan negara dan antarabangsa, di samping menjadi pemangkin dalam menggerakkan dan merealisasikan pertumbuhan ekonomi negara.



HARI-HARI Kebesaran Islam terus diadakan di Negara Brunei Darussalam di mana nilai-nilai Islam diterapkan ke dalam sistem pemerintahan negara dan dijadikan amalan serta cara hidup rakyat negara ini selari dengan perkembangan dan kemajuan dunia.

B AGI melahirkan generasi yang berkemahiran dan berkeupayaan untuk menggerakkan jentera pembangunan negara, bidang kesihatan terus diberikan perhatian serius untuk menjamin rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dalam keadaan sihat, baik dari segi fizikal dan mental.

Tanpa wujudnya masyarakat yang sihat dan cergas, segala pembangunan negara yang dirancang dan dihasratkan oleh kerajaan tidak akan dapat diungkayahkan dengan jayanya.

Tegasnya pembangunan negara bukan sahaja terletak kepada peralatan teknologi canggih dan moden tetapi apa yang penting ialah penggerak kemajuan itu mestilah tahan lasak terutama sekali dari segi mental dan fizikal.

Perhatian yang diberikan oleh kerajaan di bidang kesihatan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak kerana setiap rakyat dan penduduk di negara ini menikmati tahap kesihatan yang memuaskan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan untuk kemudahan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini menerima rawatan yang diperlukan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan itu bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan tahap kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Apa yang lebih membanggakan, tahap kesihatan negara kita telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanding dengan negara-negara maju.

DASAR KESIHATAN

Dasar Kesihatan Negara Brunei Darussalam memberi penekanan terhadap penyediaan

**DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK**

penjagaan kesihatan yang bertahap tinggi, secara berpatutan dari segi kos, ke arah meningkatkan kualiti kehidupan bagi rakyat dan penduduk dalam suasana alam sekitar yang bersih dan sihat.

Dasar Kesihatan itu bukan sahaja tercatat dalam bentuk tulisan tetapi dijemakan dalam bentuk perancangan dan pelaksanaan program kesihatan bersepadu dan berkesan.

Bagi merealisasikan dasar tersebut, beberapa objektif Dasar Kesihatan Negara telah digariskan kepada beberapa peringkat dan bidang. Pertama, untuk mengurangkan kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

Kedua, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit dan kecacatan. Ketiga, mempromosikan cara hidup sihat. Keempat, mengurangkan kematian pramasa dan seterusnya meningkatkan jangka hayat.

Manakala objektif kelima, meningkatkan alam sekitar yang bersih dan sihat melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan sebagai pena-

Rakyat sihat pembangunan mantap

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini di mana baginda sendiri sering mengepalai acara-acara walkaton.

sihat dalam meningkatkan dan mempertahankan alam sekitar yang bersih dan sihat. Keenam, berusaha untuk menjamin kualiti kehidupan warga tua dan orang-orang cacat.

Bagi mencapai beberapa objektif dasar, Kementerian Kesihatan sejak beberapa dekad yang lalu telah memulakan program-program pencegahan penyakit dan promosi kesihatan yang aktif.

Program imunisasi digalakkan dan diperluaskan melibatkan semua

kanak-kanak. Sementara pemeriksaan kesihatan juga sentiasa dilakukan bagi kanak-kanak di bawah umur lima tahun dan kanak-kanak sekolah sehingga 12 tahun.

Penjagaan Kesihatan Ibu-ibu Mengandung juga diberi perhatian meluas terutama bagi penjagaan sebelum dan sesudah bersalin. Program-program di atas juga telah diperkukuhkan lagi dengan pendidikan kesihatan yang berterusan melalui media kerajaan dan swasta serta kaunseling

pesakit secara langsung.

Kementerian Kesihatan juga terus memberikan penekanan terhadap pencegahan penyakit, pendidikan dan promosi kesihatan bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan amalan cara hidup yang sihat.

Melalui langkah berterusan itu sudah pasti dapat mewujudkan suasana kehidupan yang sihat dan sejahtera kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Berasaskan pelbagai promosi kesihatan, program-program dan kem-

pen untuk mengubah tabiat terhadap cara hidup seperti pemakanan, bersukan, merokok dan berat badan berlebihan telah dirancang dan dilaksanakan secara berterusan.

Kementerian Kesihatan merupakan organisasi yang bertanggungjawab bagi semua aspek perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini yang disediakan secara percuma kepada rakyat dan penduduk negara ini melalui pelbagai kemudahan seperti hospital, pusat kesihatan dan klinik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang pemimpin yang sangat prihatin telah banyak menyumbang ke arah kemajuan kesihatan di negara ini. Antaranya peruntukan belanjawan telah dinaikkan sebanyak enam peratus dalam belanjawan negara.

Meskipun perbelanjaan kesihatan kian meningkat, rakyat dan penduduk terus menerima rawatan percuma termasuk perbelanjaan rawatan di hospital, biaya perubatan dan sebagainya.

DOKTOR TEMPATAN

Bagi menghasilkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, terdapat seramai 303 orang doktor yang berkhidmat di Kementerian

Kesihatan bertujuan untuk memberi perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada mereka yang memerlukan bantuan dalam menghadapi pelbagai jenis penyakit kronik dan tidak berjangkit yang berhubung kait dengan cara hidup dewasa ini.

Pada tahun 2001, terdapat seramai 90 orang doktor tempatan dan 10 daripadanya merupakan pakar. Pada masa ini sekurang-kurangnya dua orang telah sampai ke peringkat konsultan.

Kesemua doktor tempatan adalah terlatih dan mempunyai kelulusan dari institusi-institusi pengajian tinggi seperti universiti-universiti yang terkemuka di United Kingdom dan Ireland.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap aspek kesihatan amat jelas apabila baginda berangkat membuat lawatan ke Kementerian Kesihatan bagi meninjau mengenai keberkesanan peranan Kementerian tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu membuktikan lagi sikap pemedulian baginda dalam memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini lebih teratur dan mencapai hala tuju dalam memantapkan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.



BAGINDA juga sentiasa memberi perhatian terhadap kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan untuk rakyat dan penduduk baginda.



BAGINDA ketika berangkat ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk meninjau dengan lebih dekat perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada para pesakit.



Tidak dapat disangkal perkembangan pendidikan semua peringkat telah

berjaya menghasilkan sumber tenaga manusia (HRD) tempatan yang cemerlang sekalipun lebih banyak lagi cabaran yang bakal dihadapi dalam era globalisasi dengan perkembangan ekonomi sejagat dan ledakan penguasaan teknologi baru.

Melihat kepada kepentingan sumber tenaga manusia menjana kemajuan negara masa kini dan akan datang, usaha-usaha mengembangkan pendidikan kepada semua peringkat golongan masyarakat di negara ini menjadi agenda utama pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan rakyat berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang, sejajar dengan perkembangan dunia masa kini merupakan elemen yang penting dalam menyediakan HRD selaras dengan keperluan dan kehendak negara masa kini dalam menghadapi cabaran era globalisasi.

Namun usaha dan hasrat murni tidak mungkin akan berjaya tanpa penglibatan pihak individu itu sendiri, pihak ibu bapa dan swasta juga memainkan peranan bagi menyumbang komitmen dan kerjasama bersepadu. Justeru itu golongan pelajar masa kini merupakan sasaran utama dalam merealisasikan impian dan hasrat negara ke arah menyumbang HRD yang boleh menggerakkan dan memajukan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu prihatin kepada golongan profesional muda di negara ini untuk bersama-sama membantu menggerakkan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara, malah mereka juga merupakan penerus kepada kepimpinan untuk masa depan negara ini.

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL

KOMPONEN

Keperluan pendidikan teknikal dan vokasional adalah sebagai satu komponen penting dalam dasar pendidikan negara bagi perkembangan HRD yang merupakan faktor utama dalam setiap rancangan kemajuan negara.

Menyedari akan hakikat pentingnya HRD dalam pembangunan negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan keutamaan supaya ianya diperkembangkan melalui latihan dan pendidikan terutama dalam bidang sains, teknikal dan vokasional yang mana institusi pengajian tinggi di negara ini mempunyai peranan yang pen-

ting sebagai pembekal utama kepada HRD yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan kerajaan, industri, institusi-institusi kewangan, sektor tertiar dan lain-lain. Menyedari akan keperluan ini matlamat pendidikan akan terus memfokus kepada 'hi-tech' yang berterusan mengikuti perkembangan teknologi dan ekonomi global, sejajar dengan aspirasi negara.

Negara Brunei Darussalam melalui institusi teknikal dan vokasionalnya mempunyai keupayaan yang tinggi untuk memamerkan prasarana, fasiliti dan kemahiran yang bermutu tinggi yang boleh menjadi ikutan dan panduan oleh negara-negara lain.

Perkembangan dan kejayaan yang dikecapi

oleh institusi teknikal dan vokasional selama ini tidak akan sampai ke tahap yang diharapkan tanpa adanya penglibatan serta kerjasama yang dihulurkan oleh pihak swasta termasuk pengusaha-pengusaha seperti majikan swasta. Adalah diakui betapa pentingnya pembabitan swasta dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional, misalnya dalam membantu bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap institusi teknikal dan vokasional dan membantu menerima masuk graduan di dalam perusahaan serta perniagaan mereka.

Antara usaha ke arah ini ialah penubuhan 21 buah 'National Programme Advisory Committee' oleh Jabatan Pendidikan Teknik yang dianggotai oleh para majikan, pakar-pakar dan pengajar yang bertujuan memberikan maklum balas mengenai perniagaan dan perdagangan di negara ini serta memberikan nasihat kepada Jabatan Pendidikan Teknik mengenai keperluan sumber tenaga manusia tempatan yang mana maklum balas dan nasihat yang diberikan akan membolehkan kedua-dua belah pihak mengatur dan merancang kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan pihak swasta terutama dalam bidang perusahaan.

Di samping itu syarikat tempatan yang mengendalikan skim-skim perintisan di dalam beberapa bidang seperti perkhidmatan dan masakan, pembuatan, mekanik kereta, mekanik kapal terbang dan kejuruteraan kapal terbang dan hawa dingin adalah usaha-usaha yang patut dipuji dan dicontohi.

Usaha sama di antara institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional dengan para majikan dalam skim perintisan tersebut adalah kaedah yang efisien di dalam memastikan 'relevancy' latihan terhadap kehendak majikan dan industri serta dapat membentuk piawaian yang

Sumber tenaga manusia pemacu kemajuan

lebih bersesuaian dan bermakna di dalam usaha kita melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan.

Para pelajar yang berjaya menamatkan kursus mereka di institusi-institusi teknikal dan vokasional akan dapat memanfaatkan sebaik-baiknya kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi untuk menyertai aktiviti-aktiviti perekonomian serta pembangunan negara ini melalui pekerjaan yang diceburi atau berusaha untuk menjadi usahawan-usahawan muda bagi mengendalikan perniagaan yang menguntungkan atau menjadi tukang dan pakar teknologi yang diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Dalam perancangan ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan kompetitif yang diperlukan oleh negara, pihak kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan sedang merancang ke arah penyediaan sistem pendidikan teknik yang komprehensif, berkualiti dan relevan yang mengandungi tiga peringkat kelulusan dan kemahiran iaitu sijil kemahiran, diploma dan ijazah.

Program-program yang ditawarkan meliputi latihan kemahiran, teknologi dan profesional yang memungkinkan lebih banyak penubuhan institusi teknikal dan vokasional dan dengannya memberikan peluang-peluang yang lebih meluas dan 'flexible' kepada pelajar-pelajarnya untuk mengikuti pengajian teknikal dan vokasional yang relevan dan dapat memenuhi sumber tenaga manusia yang mahir yang diperlukan oleh negara.

Atas perkembangan menggalakkan dan ke arah melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan kerajaan dan sektor swasta terutama di bidang industri dan institusi kewangan. Negara juga kini menumpukan kepada pendidikan 'hi-tech' yang

berteraskan sains, teknikal dan vokasional.

Langkah kerajaan ini dilihat sangat positif dan proaktif bagi merencanakan lagi proses pembangunan negara. Kenyataan ini perlu kita sedari secara konstruktif kerana amatlah tidak bijaksana untuk terus bergantung kepada tenaga luar untuk membangun negara ini di masa depan.

HRD yang lebih mahir dengan jumlah yang banyak perlu dilahirkan. Negara memerlukan tenaga mahir di bidang komputer dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi menjalankan urusan niaga, institusi-institusi kewangan, perdagangan dan pelaburan kerana bidang ini menjadi target utama dalam era globalisasi, khusus ekonomi global atau lebih dikenali sebagai ekonomi yang mempe- ngaruhi kepesatan ekonomi dunia.

Kita yakin, negara akan berjaya melahirkan golongan 'hi-tech' kerana kita telah sedia mempunyai institusi-institusi teknikal dan vokasional yang ternyata mampu dan berkeupayaan untuk menghasilkan profesional muda dan mahir. Asas-asas teknikal dan vokasional akan kita garap dengan lebih teratur dan terperinci bagi merealisasikan impian negara ke arah pendidikan 'hi-tech'. Cuma apa yang perlu ialah kesediaan para pelajar muda untuk tampil menyahut hasrat murni kerajaan dan jika ini dapat dicapai, visi dan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan HRD yang mahir berorientasikan pendidikan 'hi-tech' akan menjadi kenyataan.

KEMAHIRAN ICT

Menyedari pelaburan dalam HRD merupakan komitmen negara yang berterusan sebagai mengekalkan tahap kemajuan dan daya saing masyarakat dan negara, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah menyediakan \$11.3 juta bagi melaksanakan projek komputer di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Projek pendidikan dan kemahiran ICT dari peringkat rendah dengan membekalkan komputer lengkap dengan rangkaian di semua sekolah rendah kerajaan yang bermula pada tahun 2001. Sementara peringkat pendidikan menengah pula dalam bidang ICT dilaksanakan secara bersestematik sebagai mata pelajaran pilihan yang diselenggarakan dengan keperluan 'life-long learning' agar kemahiran ICT akan menjadi budaya pembelajaran dan pengajaran di semua sekolah-sekolah di negara ini.

Pendidikan merupakan elemen penting dalam menyediakan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkualiti tinggi selaras dengan keperluan dan kehendak negara masa kini dan akan datang, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan revolusi teknologi maklumat yang memerlukan lebih ramai warga yang berilmu bagi menerajui masa depan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin kepada golongan pelajar sehingga mengajak generasi pelajar supaya terus meletakkan kepentingan pendidikan itu di atas segala-segalanya.

Baginda sering menegaskan bahawa pelajar adalah aset negara yang paling mahal dan kerajaan terus memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seberapa tinggi tanpa mengira sama ada ia diperolehi di dalam mahupun di luar negeri.

"Kita memerlukan pelajar-pelajar yang berhemah tinggi yang dapat membantu bukan saja diri mereka sendiri malahan juga masyarakat dan negara," titah baginda Sempena Sambutan Jubli Emas Maktab SOAS.

Lihat muka 23



BAGINDA juga memberikan perhatian utama kepada perkembangan melalui latihan kemahiran yang memfokus kepada 'hi-tech' yang berterusan mengikuti perkembangan teknologi dan ekonomi global sejajar dengan aspirasi negara.

KEHIDUPAN rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah di tahap yang lebih baik dan selesa berbanding dengan negara-negara lain di ASEAN malahan kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi di negara ini boleh menandingi sebilangan negara-negara antarabangsa yang lebih maju.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan jelas terbukti yang turut menggambarkan kebijaksanaan dan pemerduman seorang raja yang berjiwa rakyat.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke merata-rata tempat tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar telah banyak memberi pengalaman dan pengetahuan untuk baginda terus berusaha meningkatkan dan memperbaiki taraf kehidupan rakyatnya yang berbilang bangsa.

Antara keprihatinan baginda yang jelas nyata dan berterusan ialah menyediakan kawasan-kawasan perumahan yang selesa dan teratur untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk baginda termasuk kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti pembinaan jalan-jalan raya dan jalan penghubung.

PERUMAHAN

Tempat kediaman dan perumahan inilah antara perkara yang sering menjadi perhatian baginda dan ini jelas terbukti melalui keberangkatan baginda ke kawasan-kawasan perumahan di negara ini dalam memastikan ianya benar-benar menepati keselesaan setiap penghuninya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai raja yang prihatin telah meneruskan corak kepimpinan yang telah diwarisi dari paduka ayahanda baginda iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang telah memperuntukkan Rancangan Perumahan/Perpindahan Negara Pertama ketika itu seluas 56 ekar tanah bermula pada tahun 1951.

Rancangan tersebut melibatkan pemindahan dari Kampong Bendahara Lama, Kampong Ayer ke kawasan Perpindahan Kampong Bunut, Mukim Kilanas di bawah Rancangan Perumahan yang dikendalikan oleh Jabatan Perpindahan Kampong Ayer Ke Darat pada ketika itu.

Diikuti dengan pemindahan kedua pada tahun 1953 yang memperuntukkan Rancangan Perpindahan di Mukim Berakas yang juga memindahkan penduduk dari Kampong Ayer ke darat.

Seterusnya perpindahan ketiga dalam rancangan yang sama telah diteruskan termasuk perpindahan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang tinggal di Kampong Ayer.

Dari sedikit imbasan sejarah awal perpindahan perumahan itu telah nyata bahawa kesejahteraan tempat tinggal rakyat adalah menjadi tumpuan utama Kebawah Duli Yang Maha Mulia hingga ke hari ini.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-5 (1985-1990) lebih 500 buah rumah dan lebih 50 unit teres telah disiapkan bagi beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong yang melibatkan kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Bukit Beruang, Kampong Rimba, Kampong Rataie dan Kampong Pandan.

Dalam RKN Ke-6, (1991-1995), penekanan terus diberikan terhadap hasrat negara ini untuk menyediakan tempat-tempat kediaman yang selesa menggalakkan rakyat dan penduduk untuk membina rumah melalui pinjaman perumahan melalui Skim Pinjaman Lembaga Kemajuan Ekonomi bagi estet-estet perumahan.

Bagi mereka yang tidak mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri, dua skim diteruskan iaitu Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang menyediakan unit-unit perumahan dengan harga-harga yang diberikan subsidi untuk dibayar dalam tempoh 20 hingga 30 tahun.

Dalam RKN Ke-7 pula, sektor perumahan yang terdiri perumahan negara dan perumahan kerajaan telah diberikan peruntukan sebanyak \$1,1418.4 juta. Harga rancangan bagi sektor-

Pembangunan infrastruktur tingkatkan kehidupan rakyat



GAMBAR menunjukkan sebahagian kawasan perumahan yang telah dibina dengan lebih teratur dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk bangunan sekolah.

sektor perumahan negara dan perumahan kerajaan masing-masing meningkat daripada B\$918.3 juta dan B\$124 juta kepada B\$999.2 juta dan B\$419.2 juta.

Dalam tahun 2002 iaitu tahun kedua tempoh RKN Ke-7 beberapa projek telah dapat diselesaikan termasuklah rumah kediaman rasmi para pegawai tinggi kerajaan.

Lain-lain projek yang berjaya dilaksanakan dalam tempoh RKN Ke-7 ialah 48 unit Flat Kelas B; 96 unit Rumah Kelas C di Kampong Mumong, Daerah Belait; perumahan bagi Jabatan Imigresen Kuala Belait; Perumahan

Pegawai Penjara di Kampong Kupang, Tutong; enam unit Perumahan Pejabat Pos Kelas F di Muara; 18 unit Kelas H bagi Jabatan Ukur di Daerah Brunei-Muara; sebuah berek yang mempunyai 24 unit bagi kakitangan Jabatan Ukur di Tutong dan Perumahan Biro Kawalan Narikotik di Kampong Tungku, Gadong.

Adalah terbukti bahawa pembinaan rumah-rumah perpindahan di beberapa kawasan di seluruh negara adalah lahir dari kebijaksanaan dan kepercayaan baginda yang mempercayai istilah 'kebahagiaan dan kesejahteraan berkeluarga lahir dari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengurniakan anak kunci rumah dan juga lot tanah kepada rakyat baginda sama ada bagi kawasan bandar atau luar bandar.

OLEH SITI MUSLIHAT HAJI SALLEH

pembinaan dan pembebasan jalan-jalan raya di negara ini juga tidak kurang pentingnya yang juga turut diberikan perhatian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dengan pertambahan dan peningkatan jumlah kenderaan persendirian yang berdaftar (bukan kenderaan kerajaan), teksi dan bas kepada 176,761 buah pada tahun 2000 berbanding dengan 149,570 pada tahun 1996 beberapa projek pelebaran jalan-jalan raya.

Projek pelebaran jalan raya yang telah siap termasuklah sebahagian Jalan Tutong, Jalan Gadong, Jalan Jerudong dan Jalan Penghubung Tungku termasuk Lebuh-raya Muara-Tutong.

Pembinaan, pengubahsuaian, pembaikan dan pelebaran jalan-jalan raya yang telah siap dilaksanakan kini menjadi kemudahan kepada para pengguna dan sententunya mengurangkan kesesakan lalu lintas.

KESIMPULAN

Dalam dua bentuk pembangunan perumahan dan jalan raya kedua-duanya merupakan sebahagian perkara asas yang

dituntut untuk terus diperbaiki dan masa ke semasa demi mencapai hasrat untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat di negara ini.

Apa pun bentuk pembangunan yang dilaksanakan adalah semata-mata untuk memberikan keselesaan kepada para penghuni di dalamnya dan seterusnya sebagai mana setiap penghuni di dalamnya menikmati kemudahan tersebut dengan sebak mungkin.

Negara Brunei Darussalam amat bertuah kerana mempunyai raja dan pemimpin yang amat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduknya. Dari itu adalah wajar untuk segenap lapisan masyarakat di dalamnya untuk terus mentaati raja yang menjadi pemimpin negara ini.

Semoga Tuhan jua yang akan menganugerahkan ganjaran, kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kaum kerabat baginda.

'DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK'.

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

keluarga yang bahagia'.

Pada 15 Julai 1994, baginda pernah bertitah yang berbunyi: "Rumah dan rumah tangga adalah merupakan ciri terpenting bagi menentukan sesebuah masyarakat yang bertamadun kerana dari rumahlah bermula segala-galanya. Di sinilah tempat benih-benih mengasuh diri dan peribadi dan juga tempat menyemai dan menanam benih-benih luhur terhadap bangsa dan negara."

JALAN RAYA

Pembinaan infrastruktur yang lain seperti



PEMBINAAN, pengubahsuaian dan pelebaran jalan-jalan raya utama dan penghubung di negara ini telah memberi kemudahan kepada para pengguna jalan raya dan sententunya berupaya mengurangkan kesesakan lalu lintas.



Kegiatan industri pelbagaikan ekonomi

INDUSTRI minyak dan gas akan terus menjadi

sumber perekonomian negara sejak penemuannya 75 tahun lalu. Negara telah berjaya membina maju dalam bentuk infrastruktur pembangunan, kewangan, pelaburan luar, pembuatan dan ekopelancongan serta dapat mengangkat dan menempatkan Negara Brunei Darussalam di antara pengeluar minyak dan gas terbesar dunia.

Walaupun kedua-dua industri itu merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, namun usaha juga telah dan sedang dilakukan bagi mempelbagaikan ekonomi negara terutamanya dalam industri hiliran minyak dan gas, pelaburan luar, kewangan, pembuatan, industri kecil dan sederhana, pertanian, perikanan dan perbankan.

Bagi membuktikan dan menyokong ke arah usaha itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) telah memberi suntikan kewangan yang besar ke arah mengembangkan industri bukan minyak dan gas dengan beberapa sektor menjadi tumpuan utama.

Akan tetapi harapan masih juga ditumpukan kepada penghasilan minyak dan gas, di mana kerajaan telah melantik enam syarikat luar negara untuk mencari gas minyak dan gas pada zon eksklusif luar pantai agar hasil dan sumber negara akan terus mantap dan rizab minyak negara terus mencukupi.

Antara syarikat cari gali ialah Shell Exploration Company B.V., Mitsubishi Corporation (MC), Conoco Brunei Limited, Total Oil and Gas Exploration VII B.V., Billiton Petroleum Great Britain Limited (BHP) dan Amerada Hess Overseas Limited (AHOL) [dipetik dari buku sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 tahun 2003].

Ini diperkuatkan lagi dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Sambutan Hari Keputeraan baginda ke-57 tahun lalu.

Antara lain baginda bertitah "Adalah menjadi harapan, supaya sektor minyak dan gas sentiasa berkeupayaan untuk memberikan sumbangan yang utama dalam perekonomian negara, di samping juga industri-industri bukan minyak dan gas yang sedang giat dimajukan."

"Kerajaan beta akan meneruskan usaha-usaha pencarian sumber minyak dan gas di kawasan-kawasan yang menjadi hak mutlak Negara Brunei Darussalam, sama ada ia di darat mahupun di laut, untuk kepentingan generasi," titah baginda.

Menurut baginda lagi, dari segi pendapatan negara, khususnya pengeluaran minyak dan gas, situasi pengeluaran dan harga-harga minyak dan gas nampaknya cukup mantap. Tahun lalu, pengeluaran telah mencapai tahap tertinggi di kedua-dua sektor.

"Dengan adanya potensi permintaan gas, terutama di pasaran Asia Pasifik, rancangan pembinaan 'train' yang keenam yang dianggarkan memakan belanja satu bilion dolar Amerika, untuk menambah keupayaan kapasiti loji gas cecair asli, juga dalam proses perancangan," titah baginda.

PEMULIHAN EKONOMI

Belajar dan mengambil iktibar dari krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini pada pertengahan tahun 1997 hingga 1998 beberapa langkah yang konkrit telah diambil kira.

Antara langkah yang ketara ialah penubuhan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) yang bertanggungjawab untuk merangka strategi jangka pendek dan panjang bagi pemulihan ekonomi negara.

Upaya lain dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara ialah Negara Brunei Darussalam sendiri telah diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa pada tahun 2001 yang berdasarkan kestabilan dan infrastruktur yang moden serta sistem perhubungan antarabangsa yang canggih.

Perkara ini dapat disokong dengan pencapaian terbaik perbankan Islam di negara ini di mana Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) pada tahun 2002 telah mencapai \$1 bilion berbentuk wang simpanan dan meningkat kepada \$1,034 juta lagi pada bulan September, walaupun ketika itu TAIB hanya baru berusia 11 tahun dengan penyimpan mencapai lebih 100,000 orang di sebalik persaingan dari bank-bank konvensional yang sudah lama wujud.

Selain itu, sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa pada usia yang muda dengan undang-undang yang ada, bukanlah hasratnya untuk menjadi saingan kepada Bank Switzerland akan tetapi mencontohinya dengan usaha menarik pelabur-pelabur dari Hong Kong, Singapura dan China serta yang lainnya untuk membuat pelaburan.

PERTANIAN

Namun sektor pertanian yang dahulunya agak malap sekarang telah menempatkan kemajuan yang memberangsangkan dengan wujudnya banyak kominal dan ladang-ladang persendirian yang berskala besar.

Ini ditambah lagi dengan projek dan program di mana sebanyak B\$90.5 juta atau 1.24 peratus daripada jumlah peruntukan sektor utama dihususkan kepada sektor pertanian. Dalam hal ini beberapa kawasan sesuai untuk menanam padi tempatan iaitu Lot Sengkurong, Labi, Lekien, Selapon dan pem-

bukaan semula ladang kawasan padi Wasan.

Ia antaranya menyasarkan pengeluaran beras tempatan kepada 1,300 tan metrik setahun dengan nilai B\$1.18 atau tiga peratus sara diri dari jumlah keperluan menjelang tahun 2005 nanti walaupun selama ini negara bergantung pembekalan beras terutamanya dari Thailand dan China.

Manakala pengeluaran sayuran tempatan juga sedang dan terus meningkat sehingga mencapai 94 peratus untuk sara diri walaupun sebahagian kecil masih lagi diimport dari negara-negara jiran.

Ada beberapa faktor mengapa pengeluaran sayuran tempatan dapat mencapai peningkatan antaranya wujud ladang-ladang kominal di kesemua daerah, terdapat pengusaha swasta yang membuka ladang dengan skala yang besar, banyak dibuka kawasan bercucuk tanam oleh orang-orang persendirian dan terdapatnya insentif yang sediakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Di samping itu, pengeluaran dan pasaran buah-buah tempatan juga terus meningkat sejak beberapa tahun lalu di mana setakat ini pengeluaran buah tempatan telah mencapai kepada 8,000 metrik tan dengan nilai B\$20 juta bagi menampung 47 peratus sara diri.

Ini boleh dicapai kerana langkah-langkah perubahan yang dibuat oleh Jabatan Pertanian seperti ladang komersil dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna, penggunaan benih-benih yang bermutu tinggi, produktiviti penghasilan ladang terus ditingkatkan dan peningkatan sistem pengendalian lepas tuai dan pemprosesan yang efisien.

PERIKANAN

Pada tahun 2002 hasil penangkapan ikan negara



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa melawat ke kilang pembuatan pakaian. Industri pakaian terus berkembang maju dan permintaan terus meningkat dengan menembusi pasaran ke Eropah dan Amerika Syarikat.



Pembuatan barangan kristal satu lagi industri yang mempunyai potensi besar dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

dengan menggunakan pukut tunda dari laut dalam telah dianggarkan mencapai 21,000 metrik tan dengan kadar \$112 juta iaitu 30 peratus dapat memenuhi keperluan tempatan, dan kaedah ini dijadikan sebagai kaedah yang sangat penting bagi pembekalan ikan segar negara walaupun selebihnya masih diimport dari negara-negara jiran termasuk juga ikan-ikan beku.

Begitu juga dengan peningkatan penghasilan udang yang diusahakan oleh anak-anak tempatan dengan menggunakan kaedah penternakan udang yang terkini baik udang air masin atau air tawar.

Pada tahun 2002 lalu penghasilan udang tempatan telah mencapai 800 tan. Pencapaian ini dapat dibuat melalui bantuan Pusat Penetasan Meragang yang mampu menghasilkan empat hingga lima juta benih udang sebulan yang mencukupi keperluan 50 juta benih setahun. Ini di-

tambah lagi dengan peluasan tapak perusahaan dalam pengenalan spesies udang rostris yang mempunyai pasaran tinggi di luar negara malah pasarnya dalam negara, juga terus meningkat kerana isinya yang sedap.

Industri pakaian juga semakin berkembang maju. Kebanyakan pakaian yang dihasilkan menembusi pasaran antarabangsa seperti di Amerika Syarikat dan Eropah. Industri-industri berasaskan pembinaan dan pembuatan juga sedang rancang diunggakannya di negara ini. Semua ini dilakukan oleh kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi berasaskan industri.

Sektor lain yang terus menunjukkan perkembangan ialah pelancongan dan pemasaran jual beli kenderaan baru dan terpakai. Dalam sektor pelancongan pada tahun 2002 Negara Brunei Darussalam telah membuka pejabat perdagangannya di Taiwan

dengan harapan dapat mencapai aspirasi negara sebagai sebuah pusat perdagangan, pelaburan dan pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelabur Taiwan.

Dengan upaya tersebut pada masa ini hampir setiap minggu dapat dilihat kedatangan pelancong Taiwan ke negara ini, malah pelancong dari Barat juga terus memilih Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pakej pelancongan mereka ke ASEAN dan Asia.

Kerjasama padu pihak kerajaan dan swasta dalam sama-sama mempelbagaikan dan memajukan ekonomi tetap akan membawakan negara ke arah kecermerlangan. Apa yang penting sekarang ialah arah dan tujuan mestilah seiring dan sehalu iaitu mempelbagaikan ekonomi negara kerana potensi itu banyak seperti pelaburan langsung asing, pelabur dalam negeri dan industri hiliran minyak dan gas.



EJALA sosial merupakan isu semasa yang sering menjadi topik perbincangan di semua negara di dunia ini. Cuma yang membezakan adalah tahap gejala sosial tersebut sama ada ianya di tahap yang belum begitu membimbangkan atau di tahap serius.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara kecil yang mempunyai bilangan penduduk sekitar 350 ribu orang. Dengan jumlah yang begitu kecil negara kita juga tidak terkecuali dari menghadapi gejala sosial meskipun tahap gejala sosial di negara ini masih diperingkat belum begitu serius. Namun pihak kerajaan sentiasa prihatin dalam menangani isu tersebut.

Sehubungan dengan itu masyarakat umum dan orang ramai di negara ini adalah digesa agar tampil ke hadapan dalam sama-sama menjaga keamanan dan kedaulatan negara ini bahkan harus berani tampil ke hadapan dalam menangani apa jua bentuk dan jenis jenayah serta elemen-elemen yang negatif yang boleh mengancam keamanan dan kesejahteraan negara.

Keberanian yang dimaksudkan bukanlah menghendaki seseorang itu bertindak secara bersendirian atau individu dalam membanteras jenayah, tetapi juga yang penting hendaklah bertindak secara kolektif dan bersepadu dengan memberikan bantuan serta kerjasama kepada pihak agensi-agensi penguat kuasa undang-undang, bahkan yang paling mustahak mereka juga perlu berani tampil menjadi saksi terhadap kes jenayah.

Dalam usaha kita untuk membanteras jenayah yang kian berleluasa, kerajaan negara kita merasakan sudah sampai masanya bagi orang ramai memberikan kerjasama yang erat dengan pihak kerajaan dalam membanteras jenayah. Mereka tidak perlu takut dan bimbang mengenai keselamatan mereka. Sebagai warga-negara, mereka adalah bertanggungjawab dalam membantu mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara dan ini bererti menuntut bersikap proaktif bukannya sekadar berpeluk tubuh sahaja semata-mata membiarkan pihak kerajaan dan bukan kerajaan untuk menanganinya.

Orang ramai di negara ini perlu melaporkan segera mengenai orang-orang yang mencurigakan dan bukannya hanya mendiadakan diri begitu sahaja tanpa membuat sesuatu. Amatlah malang bagi negara kita jika perkara ini terjadi. Walhal mereka perlu komited dan mempunyai komitmen untuk sama-sama membanteras gejala yang tidak sihat tersebut. Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pertubuhan-pertubuhan sukarela atau NGO's juga berperanan dalam sama-sama mewujudkan persekitaran kampung yang aman damai.

Di sini juga perlu disedari bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi penguat kuasa undang-undang akan meneruskan misi menjejak dan mengesan mereka yang berani melanggar undang-undang dan peraturan negara. Ke-



arah itu pemeriksaan demi pemeriksaan dan rondaan dari masa ke semasa di seluruh pelusuk tanah air akan terus dijalankan dan menangkapi mana-mana penjenayah yang mengganggu ketenteraman awam. Gerakan membanteras jenayah diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan memandangkan nisbah jenayah termasuk jenayah berat semakin serius yang mana ianya boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.

Selaras dengan perkembangan semasa, kerajaan juga akan terus berusaha memperbaiki dan mengemaskinikan berbagai-bagai akta, peraturan, prosedur, tata cara pengawalan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Ini amatlah mustahak dilakukan bagi mengawal dan mencegah kemasukan elemen-elemen negatif ke Negara Brunei Darussalam. Antara rancangan sistematis itu termasuklah memantapkan lagi sistem 'Border Control' secara berkomputer di semua Pos-pos Kawalan Imigresen di seluruh negara bagi meningkatkan pemeriksaan mereka yang keluar masuk.

Baru-baru ini juga di negara kita beberapa undang-undang telah dipinda mengikut keadaan

OLEH AK. JEFFERI PG. DURAHMAN

semasa. Antaranya yang terbaru ialah pindaan-pindaan terhadap Akta Imigresen yang dikenali sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan) 2004 yang memperuntukkan hukuman-hukuman sebat mandatori bagi pesalah-pesalah imigresen. Tindakan tegas kerajaan tersebut memanglah kena pada masa dan tempatnya kerana penjenayah-penjenayah termasuklah pendatang asing tanpa dokumen perjalanan yang sah yang memasuki negara ini kerap berlaku seperti mana yang dilaporkan di media massa. Kita tidak mahu negara kita menjadi pintu masuk bagi penjenayah-penjenayah dan pendatang-pendatang asing. Kita juga perlu membuktikan bahawa negara ini bukan laluan mudah bagi penjenayah untuk bermaharajalela dan melakukan jenayah sesuka hati.

Perkara ini juga pernah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain baginda bertitah, "Negara kita adalah negara undang-undang dan untuk membuktikan bahawa kita tidak berolak-olok maka hendaklah pihak-pihak berkenaan mestilah lebih berani dan tegas sehingga semua orang tahu bahawa Negara Brunei Darussalam bukanlah laluan mudah bagi penjenayah." Maka dalam hubungan ini, baginda juga mengingatkan supaya pihak penguat kuasa un-

Perkhidmatan sosial diberi keutamaan

dang-undang tidak melihat perkara ini dengan sebelah mata kerana padanya adalah amat buruk kepada keamanan dan kesentosaan negara yang kita cintai ini.

Titah baginda itu perlu kita jadikan iktibar dalam kita menunaikan tanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Apa pun alasannya, soal keselamatan perlu diutamakan kerana ianya merupakan kunci kepada kesejahteraan. Keadaan kacau-bilau dengan gejala jenayah yang bermacam-macam akan hanya membawa kepada kehanjuran dan kebinasaan seperti apa yang terjadi di sesetengah negara di dunia. Kita mahu bumi Darussalam terus aman dan tenteram bagi membolehkan kerajaan merancang kesinambungan pembangunan yang kian rancak berjalan.

Sementara itu dalam usaha kita membendung gejala sosial pula apa yang harus ditanamkan dalam diri masyarakat ialah ketahanan diri yang merupakan benteng agar tidak terjerumus kepada unsur-unsur yang tidak sihat, di sinilah seseorang itu perlu dididik dengan pengetahuan agama yang secukupnya selain disemai dengan akhlak, keimanan, nilai-nilai dan tradisi murni nenek moyang.

Usaha membendung gejala sosial hendaklah dibuat secara bersepadu dengan melibatkan pelbagai pihak baik kerajaan, swasta, badan-badan kebajikan dan bukan kerajaan, ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat dan orang ramai umumnya.

Di pihak kerajaan, pelbagai usaha telah dan sedang diusahakan untuk menangani masalah sosial dengan melaksanakan beberapa pendekatan seperti menanamkan kesedaran, pembanteras, penguatkuasaan undang-undang, ceramah dan sebagainya. Beberapa tahun lepas, sebuah Jawatankuasa Peringat Kebangsaan Bagi Menangani Isu-isu sosial di negara ini telah pun diperkenalkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dianggotai oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

Keprihatinan terhadap gejala tersebut juga ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena ulang tahun



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat Pusat Bahagia.



BAGINDA berbual mesra bersama seorang kanak-kanak cacat yang mengikuti pembelajaran komputer di Pusat Bahagia.

Hari Keputeraan baginda ke-55 pada 15 Julai 2001 yang antara lain menekankan: "Beralih kepada isu-isu sosial, dalam sesebuah negara yang sedang pesat membangun seperti negara kita tidak dapat dielakkan bahawa di samping unsur-unsur positif yang dibawa oleh arus pembangunan akan terdapat pula unsur-unsur negatif yang mana jika tidak ditangani dengan bijak-sana, lambat-laun akan merosakkan sendi-sendi keharmonian masyarakat."

Selain itu bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan penduduk negara terus terjamin, kerajaan baginda juga telah memperuntukkan sejumlah lebih \$42 juta setiap tahun bagi pemberian bantuan-bantuan dan elaun-elaun kepada mereka yang memerlukan dan berkelayakan.

Sejumlah \$34 juta bagi pembayaran pencen-pencen dan elaun-elaun di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954, \$8 juta bagi bantuan kebajikan bulanan bagi mereka yang berpenghidupan susah dan \$500 ribu untuk bantuan bencana alam. Kesemuanya ini dinikmati oleh 14,826 orang penerima pencen tua, 600-650 orang cacat (buta, gila dan kurang daya anggota) dan sehingga 4,000 ke 5,000 keluarga menerima bantuan kebajikan.

Selain itu, kerajaan baginda juga telah memberikan tumpuan kepada gejala-gejala sosial di kalangan remaja yang semakin berleluasa dan meningkat dan untuk itu dalam Rancangan Kemanusiaan Negara (RKN) Ke-8, sejumlah \$20 juta diperuntukkan bagi pembi-

naan kompleks pemulihan akhlak dan perlindungan remaja lelaki dan perempuan.

Apa yang kita harapkan selaku rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa bergandeng bahu dalam sama-sama menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara kita yang berdaulat, selain bersyukur di atas limpah rahmat dan kurnia yang diberikan hasil daripada pimpinan raja kita yang begitu berkelibat dan pemedulian serta prihatin terhadap masalah-masalah rakyat baginda dan juga negara.

Keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini mestilah sentiasa ditani agar kita terus dihormati dan dilagati oleh masyarakat luar.



PEMEDULIAN yang diberikan kepada penduduk yang memerlukan bantuan derma juga tidak diabaikan di negara ini oleh pihak-pihak tertentu.



IDUP dikandung adat, mati dikandung tanah' dan 'biar mati anak, jangan mati adat'. Kedua-dua pepatah ini mempunyai hubung kait dalam soal kehidupan kita, di mana dalam kehidupan setiap orang tidak akan terlepas dari di kuasai oleh adat. Adat

dapatlah didefinisikan, peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sebuah masyarakat. Kita Negara Brunei Darussalam memang kaya dengan adat dan budaya, yang menjadikan kita negara yang penuh beristiadat dan dikenali dunia antara-bangsa.

Menurut kertas kerja Pengetua Pusat Sejarah, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menjelaskan bahawa adat dan istiadat itu adalah satu cabang kebudayaan bagi sesuatu bangsa yang lazimnya dicipta oleh bangsa itu sendiri melalui pengalaman yang ditempuhi dan pengetahuan yang ada pada diri bangsa itu sendiri sebagai hiasan kepada kebudayaan bangsa itu.

Tinggi rendahnya mutu ciptaan itu tertakluk kepada ilmu pengetahuan dan pengalaman bangsa yang menciptanya yang menjadi sukat-sukat nilai bangsa itu. Memandangkan kepada pertumbuhan sesuatu adat atau istiadat itu secara beransur-ansur tidaklah dapat ditentukan masa yang tepat mengenai dengan kewujudannya, hanya akan dapat diketahui secara jangkaan sahaja iaitu dengan berpanduan sejarah bangsa dan negara itu.

Dalam hubungan ini sekali lagi dapat melihat adat dan istiadat yang telah diamalkan sejak dahulu kala iaitu Istiadat Mengurniakan Gelaran. Istiadat ini sudah pun wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Brunei yang pertama iaitu Sultan Muhammad (Awang Alak Betatar) di mana apabila baginda dilantik menjadi Sultan, baginda pun melantik peradiannya menjadi pembesar baginda.

Pada bulan April dan Mei 2004, kita sendiri telah menyaksikan adat istiadat yang dianggap bersejarah bagi negara kita iaitu pengurniaan pangkat dan gelaran kepada 30 orang. Pengurniaan tersebut adalah sebagai penghargaan terhadap jasa dan bakti mereka terhadap agama, bangsa dan negara.

Adat istiadat sedemikian merupakan warisan turun-temurun dari seorang raja kepada pengganti raja yang masih dapat bertahan hingga sekarang untuk dihayati oleh generasi penyambung negara, di sebalik kita menghadapi zaman yang sentiasa berubah dan serba canggih yang juga dikenali sebagai zaman globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Dalam kertas kerja yang bertajuk: Adat Istiadat Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri berkata, adat



Budaya bangsa martabatkan negara

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM



PENGURNIAAN gelaran merupakan satu pengurniaan yang dinilai dari jasa bakti yang dicurahkan kepada raja, agama dan negara serta bangsa.

Istiadat yang dipusakai oleh orang Brunei turun-temurun yang terus tumbuh bersama-sama dengan bangsa dan Negara Brunei Darussalam adalah salah satu daripada adat istiadat yang tertua di rantau ini. Dengan yang demikian ketahanan yang sanggup menghadapi perubahan zaman inilah perlu dipelihara dan disesuaikan dengan zaman supaya adat istiadat itu terus hidup.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Lapau dan berkenan mengurniakan kenaikan pangkat gelaran dan me-

ngurniakan gelaran jelas menggambarkan bahawa baginda sangat prihatin dalam menegakkan adat budaya yang telah dipusakai turun-temurun sejak dahulu lagi, sekali gus membudayakan bangsa dan martabatkan negara sebagai unggul dan unik di mata dunia.

Sepanjang berlangsungnya Istiadat Mengagail dan Pengurniaan Gelaran terpancarlah keunikan budaya kita yang dipenuhi dengan peralatan-peralatan dan hiasan-hiasan yang tertentu yang digunakan dalam kedua-dua istiadat tersebut.

PENGURNIAAN GELARAN

Menurut Yang Dimuliakan, sejak zaman Sultan

Muhammad Shah (TM 1363-1404) sudah terdapat penyusunan Adat Istiadat Diraja yang disesuaikan dengan hukum Islam terutama dalam zaman pemerintahan Sultan Sharif (TM 1425-1432) yang bermaksud hukum Islam itu ditegaskan dalam ungkapan 'adat bersendikan syarak'.

Dalam hubungan ini, untuk menghayati hukum syarak yang telah ditetapkan menjadi hukum di Negara Brunei Darussalam, maka segala apa jua yang dilakukan dalam sesuatu adat istiadat akan dirujuk kepada hukum syarak bagi mendapatkan keputusan muktamad.

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad

Hasan (TM 1582-1598) Adat Istiadat Diraja telah dititahkan untuk ditulis. Maka naskah itulah juga dijadikan rujukan. Kemudian dalam zaman pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Adat Istiadat Diraja yang sebahagian besarnya didapati daripada ingatan orang tua-tua dan juga daripada Salasilah Raja-raja Brunei telah dititahkan oleh baginda untuk dibukukan.

Usaha ini disambung oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Sultan Ke-29 memerintah sejak 5 Oktober 1967) dengan berpan-

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda ke Istiadat mengurniakan Gelaran mencerminkan betapa tinggi nilai murni Adat Istiadat Diraja Negara Brunei Darussalam kepada mata dunia.

dukan ingatan yang terdapat di kalangan orang yang mengetahui asal usul adat istiadat pada masa itu untuk dikemaskini.

Sebagai contoh kita catatkan gelaran-gelaran Wazir Empat. Orang yang disampiri gelaran iaitu Pateh Berbal gelaran yang diberi Pengiran Bendahara, Pateh Mambang gelaran diberi Pengiran Digadong, Pateh Menggurun gelaran yang diberi Pengiran Pemanha dan Pateh Sangkuna gelaran diberi Pengiran Temenggong.

Dalam istiadat yang berlangsung baru-baru ini beberapa nama gelaran yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Cheteria antaranya ialah Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Raja, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad.

Manakala pengurniaan bagi gelaran Pehin Manteri antaranya ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia.

Dalam pada itu, bagi gelaran Cheteria dan Pehin Manteri yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing mengikut gelaran yang disampiri, contohnya seperti gelaran Cheteria, Pengiran Seri Wijaya bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal yang boleh menambah kejayaan dan kemakmuran negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disampaikan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran Cheteria Pengiran Kerma Raja pula bertanggungjawab memerhatikan sikap rakyat dan penduduk negara terhadap Sultan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang terkandung di dalamnya untuk disampaikan kepada Sultan sebagai nasihat.

Manakala antara gelaran Pehin Manteri yang telah disempurnakan pula ialah gelaran Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan yang bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kecekapan pasukan bersenjata serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disampaikan kepada Sultan sebagai nasihat.

Sementara gelaran Pehin Orang Kaya Saiful Mulok bertanggungjawab dan berfungsi untuk memerhatikan hal-ehwal pengawasan terhadap anasir-anasir yang tidak diingini serta mengadakan penyelidikan dan pengkajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disampaikan kepada Sultan sebagai nasihat.

Begitulah antara yang dapat dijelaskan mengenai tanggungjawab dan peranan yang diberikan kepada Cheteria dan Pehin Manteri yang dikurniakan gelaran.

Terdahulu sebelum Istiadat Mengurniakan Gelaran akan diadakan istiadat mengagail. Adat istiadat seumpunya itu adalah satu pancaran ketinggian tamadun dan kemurnian peradaban rakyat negara ini.

Kedua-dua istiadat itu dilangsungkan menurut Adat Istiadat Diraja Brunei yang telah diwarisi sejak dahulu lagi, dengan pelaksanaannya disesuaikan menurut peredaran zaman menurut mengurangkan nilai-nilai adat istiadat tersebut dan yang penting sekali menyesuaikan menurut tuntutan syarak.

SESEBUAH negara semestinya mempunyai pasukan tenteranya sendiri yang berfungsi dan berperanan sebagai pasukan penyelamat serta pelindung kepada keamanan dan kesejahteraan masyarakat serta kedaulatan negara.

Begitu juga tertubuhnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah bagi bertindak untuk menghalang sebarang kuasa luar yang berniat untuk campur tangan secara langsung terhadap hal-ehwal negara ini dan sebarang unsur subversif yang aktual atau potensi berlaku di dalam negeri.

Selain bersedia untuk mengambil tindakan bagi menentang pencerobohan, pengganasan dan pemberontakan, ABDB juga dihasratkan bagi memelihara ketenteraman dan kemakmuran awam sebagai membantu pihak polis dan pihak berkuasa awam yang lain, di samping sentiasa mengekalkan hubungan baik dengan masyarakat.

Tanggungjawab ABDB kini semakin bertambah berat selaras dengan tuntutan sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan hasilnya telah terbukti apabila negara terus aman damai dan sejahtera, lantas dengan itu negara terus membangun dengan jayanya di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga merupakan Pemerintah Tertinggi dalam ABDB.

ABDB yang mencapai usia 43 tahun, kini semakin matang dan mantap serta mampu menghadapi pelbagai cabaran terutama di era globalisasi walaupun mempunyai saiz yang kecil. Namun ini tidak bermakna kita sudah berpuas hati malah apa yang lebih penting ABDB mestilah mencipta perubahan sejajar dengan tuntutan-tuntutan dan peredaran masa yang tidak menentu ketika ini.

Dalam mengharungi arus pemodenan yang semakin ketara, kemajuan ABDB dapat dilihat dengan tertubuhnya Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pusat Latihan ABDB.

ABDB yang sememangnya terkenal dengan ketegasan disiplin yang bertujuan semata-mata untuk mengemaskan diri dan kecakapan para anggota tenteranya nyata dikagumi dan terus meningkat prestasinya serta setanding dengan angkatan-angkatan tentera yang lebih besar. Ini dapat dilihat melalui hasil pencapaian mereka dalam mengadakan latihan-latihan yang lebih bersestematik dan terarah dan ditambah pula dengan kemampuannya untuk bersaing membuat latihan bersama dengan angkatan bersenjata dari negara-negara yang lebih



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi memastikan pertahanan negara dalam keadaan siap siaga.



BAGINDA juga menitikberatkan soal keselamatan yang menjadi kunci utama kesejahteraan. Dalam gambar memperlihatkan baginda berangkat melawat pasukan Polis Diraja Brunei.

besar seperti Amerika Syarikat, Australia, Britain di samping negara-negara ASEAN yang lain.

Kemantapan pasukan tentera kita benar-benar efektif dan berkemampuan dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dapat dicapai dengan adanya semangat keperwiraan, keberanian, disiplin dan semangat dedikasi yang tinggi yang dimiliki oleh seluruh anggota angkatan bersenjata itu sendiri.

Malah apa yang

utama dan sudah tiba masanya seperti hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar ABDB menubuhkan sebuah unit atau cawangan bagi merealisasikan corak kepimpinan yang berorientasikan Islam, ugama yang diredai Allah.

Dengan cara tersebut setentunya akan dapat memperolehi lebih keberkatan dan kekuatan. Perkara ini jelas terkandung di dalam titah baginda di Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-43 di Penanjong Garison.

Keselamatan jaminan kemakmuran

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

OLEH
ABU BAKAR HAJI
ABDUL RAHMAN



dan profesional.

Menurut titah baginda perancangan dan keputusan bukanlah boleh dibuat secara rambang dan mendadak akan tetapi memerlukan metodologi dan pendekatan yang kemas.

"Kertas Dasar Pertahanan bukan sahaja menyumbang untuk membina keyakinan di rantau ini, malah juga untuk menyatukan kegiatan-kegiatan pertahanan yang akan turut dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain," titah baginda

Sementara perancangan strategik Kementerian Pertahanan merupakan alat pengurusan bagi merancang perkembangan dan pembangunan angkatan-angkatan tentera secara bersepadu.

Pengumuman baginda itu merupakan langkah yang bijak dan tepat pada waktunya di mana pergolakan dan penularan isu-isu keselamatan kini kian berlaku di mana-mana di pelusuk dunia tidak terkecuali rantau Asia Tenggara.

Dalam pada itu lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke beberapa buah markas angkatan tentera sama ada secara lawatan mengejut mahupun secara berjadual membuktikan

keprihatinan baginda sebagai pemerintah tertinggi dalam ABDB yang juga selaku Menteri Pertahanan agar pasukan tentera sentiasa dalam keadaan siap siaga.

Keprihatinan baginda dalam lawatan tersebut bukan saja tertumpu kepada peralatan dan perkakas ketenteraan sahaja, malah juga menitikberatkan hal-hal kebajikan anggota tentera itu sendiri.

Ini terbukti apabila lawatan baginda itu merangkumi ke tempat-tempat seperti dewan makan yang menghidangkan sajian kepada tentera, pusat rawatan kesihatan, berek bujang malah hingga ke berek kelamin.

Namun tugas seorang anggota tentera ternyata tidak hanya bergantung kepada anggota memegang senjata sahaja, malah mereka juga sering kali melaksanakan pelbagai projek amal bagi membantu masyarakat umum di negara ini untuk kemudahan awam.

Melaksanakan projek amal seperti membina jambatan dan rumah bagi mereka yang kurang berkemampuan sering kali diusahakan khususnya mereka yang tinggal di luar bandar yang setentunya membuktikan keprihatinan para ang-

gota tentera terhadap masyarakat, di samping membantu jabatan-jabatan lain dalam melakukan pelbagai aktiviti terutama yang menggunakan pengangkutan udara.

Ke arah penglibatan rakyat untuk terjun ke bidang ini, ABDB sering kali membuka peluang kepada anak-anak tempatan untuk melibatkan diri dalam bidang mencabar yang bukan hanya tertumpu kepada kaum lelaki saja malah dibukakan bagi penglibatan kaum wanita.

Sebelum menjadi seorang tentera yang terlatih memerlukan seseorang itu menjalani latihan khusus selama beberapa bulan yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

Namun pada keseluruhannya tidaklah memadai untuk kita memiliki apa jua peralatan yang canggih termasuk kekuatan anggotanya jika sebaliknya mengabaikan hal-hal atau ciri-ciri kepimpinan yang bijaksana yang berteraskan iman.

Oleh itu sudah tiba masanya bagi ABDB merealisasikan corak kepimpinan yang berorientasikan Islam dengan tertubuhnya unit atau cawangan di masa akan datang seperti yang baginda gambarkan.

RBA mantapkan ekonomi negara

PENERBANGAN Diraja Brunei (RBA) menjadi

pengangkutan udara pertama kebangsaan terus berkembang maju melalui operasi yang membanggakan, di samping kekal mengharungi cabaran dan persaingan penerbangan serantau dan antarabangsa sejak melakukan operasi penerbangan pada tahun 1975.

Kejayaan RBA menarik lebih ramai penumpang dari tahun ke setahun, di samping menyediakan perkhidmatan canggih dan memperkenalkan produk-produk yang menarik telah memberi kesan yang membanggakan kepada syarikat itu sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha positif berterusan RBA itu sudah tentu membantu hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang giat memvariasikan hasil negara selain bergantung kepada sumber bumi iaitu minyak dan gas.

PRIHATIN KEBAWAH DYMM

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan keprihatinan kepada perkembangan RBA apabila beberapa kali berkenan berangkat bagi meninjau lebih dekat operasi RBA, menumpukan keberkesanan dari segi prosedur kerja, perkembangan, persekitaran dan pencapaian, di samping berkenan be-

OLEH SAMLE HAJI JAIT

ramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan masing-masing.

Baginda selalu mengurniakan teguran dan saranan terhadap aspek-aspek yang memerlukan pembaikan dan peningkatan, di samping mengambil maklum terhadap aspek-aspek yang masih dalam perancangan.

Keprihatinan baginda itulah menjadi landasan dan suntikan semangat yang jitu kepada warga RBA dalam semua peringkat termasuk anak-anak syarikat di bawahnya untuk terus berusaha menyumbangkan yang terbaik kepada kejayaan bidang penerbangan di negara ini.

PELAN STRATEGIK

Pelan Perdagangan Strategik 10 Tahun jelas memementingkan pertumbuhan dan memodenkan serta memberi kemudahan dalam memenuhi keperluan pasaran pengembaraan serantau, di samping membantu usaha pelancongan yang menggiatkan perkembangan ekonomi negara.

Ke arah itu, sejumlah 16 pelan strategik telah diperkenalkan dalam rancangan pembangunan RBA bagi tempoh 10 tahun akan datang dengan jumlah pelaburan kira-kira \$1.12 bilion.

Pembelian pesawat-pesawat baru dalam tempoh 2002 hingga 2008 dengan nilai pelaburan sejumlah B\$324 juta dan pelaburan melabur sejumlah B\$730 juta bagi pembelian pesawat baru menggantikan pesawat 767-300 bagi tempoh 2008 hingga 2013 merupakan antara pelan strategik

yang dikenal pasti.

PRODUK BARU

RBA kini menampilkan kemajuan yang membanggakan melalui komitmennya dalam penyediaan perkhidmatan dan produk yang berstatus tinggi dan canggih kepada penumpang-penumpang.

'Sky Dreamer' dan 'Sky Show', pembaruan konsep pemakanan dalam kapal terbang dan krew kabin yang bertutur berbilang bahasa menjadikan RBA satu perkhidmatan yang cukup berkualiti.

Lebih dari itu, kemudahan-kemudahan di 'Sky Lounge' (ruang istirahat), pusat perkhidmatan penumpang, tempahan tiket melalui internet, program penerbangan kerap Royal Skies, pakej percutian dan cawangan pejabat penjualan di 32 negara merupakan perkhidmatan yang sangat mendapat perhatian dan menguntungkan kepada penumpang RBA.

CODE SHARE

RBA telah mencatat satu lagi kejayaan dengan termeterainya perjanjian pertama di mana RBA dan Penerbangan Singapura (SIA) bekerjasama memperkenalkan Perkongsian Kod (Code Share) dalam usaha meningkatkan hubungan komersil dan keuntungan kedua-dua penerbangan.

Ia akan membolehkan semua penerbangan laluan Bandar Seri Begawan - Singapura - Bandar Seri Begawan akan menjadi penerbangan kongsi kod dengan pertukaran sepenuhnya antara ke-

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

dua-dua penerbangan, sekali gus menampilkan komitmen kedua-dua syarikat itu untuk mengembangkan industri pelancongan dan hubungan komersil antara kedua-dua negara.

Sejumlah 19 penerbangan beroperasi setiap minggu antara Bandar Seri Begawan dan Singapura di mana RBA akan mengendalikan 14 penerbangan dan SIA menerusi lima penerbangan.

Perkongsian Kod antara RBA dengan beberapa syarikat penerbangan termasuk Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), British Midland, Penerbangan Filipina dan Dragon Air Hong Kong terus memacu perkembangan RBA.

RBA juga terus berusaha dan akan menambah lebih banyak penerbangan untuk menjadi rakan gabungan strategik supaya meraih faedah bersama.

DESTINASI

Destinasi terbaru penerbangan langsung RBA dari Bandar Seri Begawan ke Auckland juga menyediakan peluang pelaburan yang positif kepada RBA.

Sebelum ini Negara Brunei Darussalam dan New Zealand yang bekerja rapat dalam bidang penerbangan telah menandatangani perjanjian perkhidmatan udara, di samping menandatangani bagi Perjanjian Langit Terbuka.

Auckland merupakan salah sebuah destinasi bagi pengembangan dan pelebaran jaringan perjalanan RBA di bawah pelan jaringan lima tahun.

Melalui destinasi itu juga akan meningkatkan lagi bidang pelaburan di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi telah mengenal pasti beberapa bidang yang berpotensi bagi pelaburan di Negara Brunei Darussalam dan akan bersedia membantu kepada mana-mana pelabur



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menguji kecanggihan pesawat A319 milik RBA.



PRIHATIN ... Baginda tidak ketinggalan berkenan berangkat meninjau dalam sebuah pesawat untuk mengetahui perkembangan dan melihat keberkesanan operasi RBA.

yang berkeinginan melabur di sini.

Sementara itu, RBA akan terus melebarkan sayapnya ke destinasi yang dirancang di masa akan datang termasuklah beberapa buah bandar raya seperti Seoul, Sydney dan Ho Chi Minh.

RBA telah memulakan penerbangan dengan dua buah pesawat Boeing 737-200s pada bulan Mei 1975 dari Bandar Seri Begawan ke Singapura, Hong Kong, Kota Kinabalu dan Kuching.

RBA terus mengembangkan sayapnya ke Manila dan Bangkok (1976-1977), Kuala Lumpur (1981), Darwin (1983) dan Jakarta (1984) dengan menggunakan B737-200QC Combi.

Pesawat RBA menerima penambahan Boeing 757-200 dan 767-200 terus megah mendarat ke Dubai.

RBA terus mencipta sejarahnya apabila menerima pesawat kedua jenis Airbus A320 dengan pendaftaran V8-RBT sekali gus menambah bilangan pesawatnya.

RBA kini mempunyai lapan buah pesawat jenis Boeing 767-300s, dua buah pesawat Boeing 757-200s dan empat buah jenis Airbus iaitu dua buah A320

dan dua buah A319.

SYARIKAT SUBSIDIARI

Penubuhan syarikat-syarikat subsidiari boleh memantapkan lagi penghasilan dan pengukuhan RBA, di samping bertindak sebagai memenuhi keperluan operasinya.

Ketika ini Syarikat Sajjan Diraja Brunei (RBC), Royal Brunei Trading, Mulaut Abattoir Sendirian Berhad, ABACUS Distribution System (B) Sdn. Bhd., RBA Golf Club Sdn. Bhd. dan Brunei International Air Cargo Centre (BIACC) telah sama-sama memainkan peranan untuk menyumbangkan hasil.

TAMBAH MURAH

Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah menyediakan perkhidmatan pembayaran nilai tambang baru Bluesky dengan menawarkan harga istimewa kepada para pelanggan RBA melalui belian 'online' dari laman webnya iaitu www.brunelair.com.

Melalui pengenalan tambang Bluesky itu, RBA menawarkan harga terhebat melalui kelas ekonomi secara langsung dari Bandar Seri Begawan ke tujuh buah destinasi termasuk perjalanan sehala ke Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Kuching, Jakarta, Surabaya, Denpasar dan Darwin. Tambang Bluesky merupakan sebagai

inisiatif terbesar RBA untuk menggerakkan sepenuhnya keupayaan sistem talian [online] baru sejajar dengan usaha membentuk model penerbangan kos rendah bagi membolehkan RBA bersaing dalam segmen pasaran.

KESIMPULAN

Kejayaan RBA telah mengendalikan operasi perkhidmatan penerbangan ke-22 destinasi di Asia, Timur Tengah, Australasia dan Eropah membuktikan kemajuan pesat dan kukuh syarikat itu untuk berdaya saing bersama penerbangan yang lain serantau dan antarabangsa.

Sejak tahun 1975 dan 1976, RBA telah mencatatkan perkembangan penumpang dari 46,831 kepada 1,160,431 sementara hasil pengangkutan kargo turut meningkat dari 504,923 kilogram kepada 37,817,391 kilogram masing-masing pada tahun 2003 dan 2004.

RBA kini mempunyai lapan buah Boeing B767-300s, dua Boeing B757-200s, dua Airbus A320s dan dua Airbus A319s membantu menggerakkan lagi usaha syarikat terus berkembang, di samping menyumbang kepada kemantapan ekonomi negara.



BAGINDA memberi perhatian yang serius terhadap industri penerbangan di negara ini dengan kerap kali berangkat melawat RBA.

Negara mantapkan ICT

SISTEM informasi elektronik adalah fenomena yang harus dihadapi di abad ke-21 ini. Evolusi yang canggih dengan dua asas teknologi yang pesat membangun iaitu hala tuju integrasi dan komunikasi digital padu. Manakala pelbagai cabaran harus dihadapi dengan pembangunan ini iaitu memindahkan rakyat tempatan Negara Brunei Darussalam ke arah celik komputer. Kerana untuk menuju ke arah celik teknologi infokomunikasi (ICT) perlu kepada pembangunan minda demi untuk melaksanakan e-masyarakat yang bermaklumat. Ini akan melibatkan beberapa aspek pendedahan informasi dan perkongsian maklumat, latihan dan membina pulih dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat Perkhidmatan Awam masa kini.

PERUBAHAN

ICT merupakan teknologi baru yang memerlukan kepandaian terkini, perubahan pemikiran, ekonomi dan dasar sosial dalam norma-norma budaya yang diamalkan. Penglibatan sistem kerajaan yang padu adalah kriteria yang perlu ada melalui piawaian yang tinggi, dapat diambil kira dan sebagai laluan mudah.

E-kerajaan adalah sebagai salah satu Perkhidmatan Awam yang baru, melalui kerjasama yang selesa dan hubungan padu, yang mempunyai hala tuju yang nyata di antara dasar diskusi dan pelaksanaan program yang ada. Malah dasar mengadakan e-kerajaan dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah untuk memastikan bahawa negara

akan dapat menggunakan teknologi yang tercanggih dan seterusnya memastikan negara ini suatu hari akan menjadi sebuah negara yang menerajui dalam perkembangan ICT di rantau ini selain menggalakkan kita bekerja dengan lebih gigih lagi bagi memastikan tidak ketinggalan ke belakang.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Prospek dan program teknologi maklumat (IT) diberikan penekanan sebagai salah satu keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8. Kepesatan dan kecanggihan IT dalam beberapa tahun akan datang memerlukan perancangan mantap dan berterusan agar negara dapat berpacu selari dengan suasana semasa. Ledakan IT begitu pesat sekali sehinggakan dalam masa yang singkat kita menyaksikan pelbagai peralatan IT baru yang canggih berada di pasaran. Begitu juga dengan perisian dan kepelbagaian perkhidmatan yang semakin berkembang dan diperluaskan. Semua itu memerlukan kita sentiasa 'bersedia' mengikuti setiap perkembangan agar tidak ditinggalkan oleh kederaan arus IT.

Ke arah melaksanakan hakiat tersebut, RKN Ke-8 (2001-2005) menyedikan sejumlah B\$256 juta atau 7.2 peratus dari jumlah peruntukan kemajuan sebagai langkah ke arah penubuhan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan IT yang moden dan canggih.

E-KERAJAAN

Salah satu usaha yang dikendalikan sebagai satu mercu tanda penting dalam pelaksanaannya dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam adalah pelancaran tapak web e-government pada 27 Disember 2001, khususnya dalam usaha kerajaan memanfaatkan kemajuan ICT dalam



KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan membekalkan komputer ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

meningkatkan produktiviti dan kualiti Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana yang dititik-takkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 2001, antara lain baginda bertitah "Dalam usaha untuk melicinkan jentera pentadbiran dan mewujudkan perkhidmatan yang lebih 'customer-focused', usaha ke arah memperkenalkan e-government telah pun dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Eksekutif e-Government."

Titah baginda lagi: "Dengan penubuhan ini, satu perubahan sikap kerja dan kemahiran menggunakan teknologi informasi dan komunikasi hendaknya dapat dihasilkan."

Dalam hubungan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan atau BIT Council dengan hasrat untuk mem-



bantu menerapkan strategi-strategi dan rancangan tindakan kebangsaan dalam bidang infokomunikasi.

PERKHIDMATAN

Kesemuanya itu tujuannya tidak lain adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran kerajaan pada memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pihak pelanggan, terutama sekali orang ramai yang memerlukan perkhidmatan. Malah kejayaan pada melaksanakan segala strategi dan rancangan tindakan itu bergantung pula kepada komitmen dan kesungguhan setiap kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan kerana tanpa adanya semangat berpasukan serta kerjasama padu dari semua pihak, usaha yang dianjurkan tidak akan membuahkan hasil yang dikehendaki.

Beberapa faktor perlu diambil kira khususnya komitmen tenaga manusia dari segi perubahan sikap dan mindset mereka merupakan antara faktor utama yang tidak kurang pen-



OLEH SITI AISHAH HAJI SELAMAT

tem perkhidmatan kewangan yang menjurus kepada pengurangan kertas.

Projek ini telah pun melaksanakan 'baseline' pertama pada Mac 2002 dan pada masa ini sudah pun memasuki fasa kedua. Projek ini juga antara lain diperkenalkan kepada empat buah kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan. Sehubungan dengan itu, projek ini juga telah memberikan perkhidmatan kewangan yang memuaskan kepada para pelanggan yang aman adalah terdiri daripada orang ramai dan sektor swasta.

Sementara itu bagi projek PMONet, merupakan projek kedua utama dalam inisiatif program e-kerajaan selepas TAFIS yang telah dilancarkan. Projek PMONet adalah projek yang menghubungkan semua agensi-agensi kerajaan dengan menggunakan pusat pengurusan kemudahan guna sama bagi menyatukan agensi-agensi kerajaan yang bertujuan memberikan perkhidmatan efisien dan berkesan kepada negara.

Dalam hubungan itu, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat Syabas Teknologi menandatangani Projek PMONet bernilai B\$23.5 juta ke arah penyediaan, pembahagian, pemasangan, pembangunan percubaan dan penyerahan Pusat Rangkaian dan Maklumat, Rangkaian Infrastruktur dan Perkhidmatan dan juga pengendalian serta pengurusan Pusat Rangkaian dan Maklumat bagi Jabatan Perdana Menteri.

Pusat maklumat ini adalah salah satu daripada komponen utama PMONet

yang akan memainkan peranan penting dalam usaha Jabatan Perdana Menteri untuk membentuk infrastruktur penyaluran maklumat dan perkhidmatan berkesan secara elektronik kepada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Malah pusat maklumat juga berfungsi sebagai laluan utama ke internet bagi Jabatan Perdana Menteri dengan mengongkikan ciri-ciri keselamatan dalam mencegah apa saja bentuk serangan dan pencerobohan terhadap rangkaianannya.

Perlaksanaan e-kerajaan yang berasaskan ICT menjadi pemudah cara proses-proses Perkhidmatan Awam di negara ini dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu dan produktiviti, bahkan ICT juga merupakan sebagai salah satu cara bagi negara-negara untuk membangun dan melompat terus ke arah pemodenan tanpa melalui peringkat-peringkat perkembangan yang dialami oleh negara-negara maju.

Pelbagai bentuk program e-kerajaan untuk menjangkau dan berhubung dengan rakyat dan orang ramai, manakala kemunculan internet telah membolehkan kerajaan untuk mengenalkan perkhidmatan secara interaktif on-line kepada rakyat dan orang ramai pada bila-bila masa dan di mana saja. Untuk itu juga, penggunaan ICT melalui e-kerajaan dapat meningkatkan keberkesanan dan efisiensi di dalam kerajaan dan membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan dapat diberikan secara pantas dan diperolehi dengan murah.

Justeru itu, potensi e-kerajaan tidak dapat dipersoalkan lagi disebabkan

KEPRIHATINAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang terus diutamakan sebagai salah satu usaha memperkasa keupayaan bangsa.

penggunaannya dapat meningkatkan kecakapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan perniagaan serta akan dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi untuk membantu negara terus meningkat ke tahap perkembangan negara-negara yang sudah maju.

Untuk menjangkau pelaksanaan e-kerajaan yang berkesan, perlu adanya kepandaian dan kemahiran yang baru, pemikiran baru dan perubahan dalam dasar-dasar sosial dan ekonomi yang mana revolusi maklumat membolehkan sesiapa yang sudah mahir akan menjadi lebih mahir dan maju ke hadapan agar kita pasti bahawa negara tidak ketinggalan di belakang.

CELIK IT

Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Sambutan Jubli Emas Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada 7 Mac antara lain bertitah menekankan:

"Sebagai contoh dalam era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat di seluruh dunia ketika ini, kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan telah membekalkan komputer ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara sebagai langkah memberikan pendedahan yang secukupnya kepada golongan pelajar, agar mereka itu tidak ketinggalan dalam arus tamadun ICT."

Negara mantapkan ICT

Dari muka 22

Justeru untuk merealisasikan titah baginda itu, dan untuk meningkatkan keupayaan dan pembelajaran mereka melalui penggunaan teknologi moden dan terkini, Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah dalam penggunaan ICT iaitu mulai tahun 1993, mata pelajaran komputer mula diperkenalkan di peringkat menengah bawah dan atas sebagai mata pelajaran pilihan.

Manakala untuk mena- ngani kepesatan perkem-

bangsan teknologi mak- lumat dalam pendidikan, majlis penandatanganan yang merupakan kese- pakatan di antara Keme- nterian Pendidikan dengan Jabatan Telekom Brunei dimeterai pada bulan April 2004 yang lalu, dalam melaksanakan penyediaan infrastruktur untuk perkhid- matan internet ke sekolah- sekolah rendah dan menengah kerajaan selu- ruh negara melalui projek bernilai hampir \$2 juta dengan penyediaan akses internet berkelajuan tinggi kepada 164 tempat.

Sejajar dengan membina keupayaan di bidang

ICT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebang- saan Negara Brunei Darus- salam Ke-18, 2002 yang antara lain menekankan:

"Perhatian terhadap kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT perlulah terus di- tamakan sebagai salah satu usaha memperkasa keu- payaan bangsa. Kerajaan telah melancarkan beberapa projek yang berkaitan dengan teknologi mak- lumat dan komunikasi ter- masuk 'e-government' bagi meningkatkan lagi produk- tiviti dan kecekapan dalam

Perkhidmatan Awam dan pentadbiran kerajaan."

Ke arah itu, perlu bagi kita sebagai rakyat me- nguasai dan memperoleh manfaat dari penggunaan ICT dalam kehidupan kita hari ini kerana perkara tersebut adalah penting untuk memenuhi hasrat negara dalam mencapai agenda kebangsaan e- Brunei iaitu tuju hala kebangsaan ke arah masya- rakat kurang menggu- nakan kertas serta e-ke- rajaan dalam Perkhidmatan Awam Di Abad Ke-21 (EG21- Government and Services On-Line).



PENDIDIKAN ICT terus mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sumber tenaga manusia pemacu kemajuan

Dari muka 15

Dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, negara terus menum- pukan kepada peningkatan kualiti serta kecekapan sis- tem pendidikan dan latihan bagi memperbaiki prestasi pelajar dalam memastikan kesesuaiannya selaras de- ngan keperluan negara.

Pelajar-pelajar di semua peringkat pendidikan akan terus diberikan galakan untuk mengikuti aliran sains dan matematik, di samping meningkatkan kecekapan penggunaan komputer, kebolehan ber- komunikasi, penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Bagi mencapai matla- mat melahirkan Masyarakat Berpengetahuan Di Abad Ke-21, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sangat serius melihat per- kembangan dan pening- katan pendidikan khus- usnya dalam kemahiran ICT.

Sudah tepat pada masanya, strategi pemban- gunan negara mem- berikan keutamaan ter- hadap penerapan ilmu pengetahuan dan pen- didikan kepada rakyat dan penduduk sebagai cara untuk menghadapi dunia antarabangsa yang lebih maju dan mencabar.

PROFESIONAL MUDA

Para profesional muda baik di sektor awam mahupun swasta, mereka ini terdiri dari lepasan insti- tuti-institusi pengajian ting- gi dalam dan luar negeri setentunya memiliki kepa- karan dan kemahiran khus- us dalam pelbagai bidang. Dari kemahiran dan kepa- karan mereka ini diharap akan dapat membawa kemajuan dan kecemerla- ngan kepada bumi Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Ini selaras dengan titah baginda sewaktu ber- angkat sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassa- nal Bolkiah (YSHHB) di

Pusat Persidangan Antara- bangsa, Berakas pada 30 November 2003 yang turut dihadiri oleh 1,500 profes- sional muda dari sektor awam dan swasta yang mengajak golongan profes- sional muda untuk ber- sama-sama bergerak mem- bangun negara dan juga membantu kerajaan dalam melaksanakan sebarang program pembangunan dan aktiviti negara adalah suatu pengiktirafan yang amat berharga dari seorang raja dan pemimpin negara yang begitu prihatin ter- hadap golongan profes- sional muda untuk berpe- ranan dengan lebih ber- makna dalam membangun negara ini.

Baginda bertitah, mere- ka adalah golongan yang sentiasa diharap untuk membantu pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan negara. Malah mereka jugalah merupakan penerus kepa- da kepimpinan untuk masa depan.

Golongan profesional

muda merupakan aset yang amat penting dalam pertumbuhan dan perke- mangan sesebuah bangsa dan negara yang meng- inginkan kemajuan yang pesat. Golongan ini bukan sahaja merupakan seba- hagian daripada komponen mekanisme yang akan me- nentukan arus dan hala tuju matlamat berugama, berbangsa dan bernegara.

Apa yang penting profes- sional muda harus secara berterusan mencari nilai tambah kepada kepakaran dan kemahiran yang mere- ka miliki. Mereka harus menunjukkan kewibawaan dalam bidang-bidang mere- ka dengan menggunakan segala kepakaran dan ke- mahiran untuk memajukan bangsa, agama dan nega- ra.

Seperti yang dibayang- kan dalam titah baginda bahawa dalam tempoh lima ke 10 tahun akan datang maka akan ramai lagi bilangan profesional muda di negara ini. Dalam kita menyukuri pertambah-

an itu kita juga mengharap- kan kepada peningkatan kualiti yang lebih mantap yang dapat dilahirkan oleh para profesional kita demi kemajuan negara dan bangsa.

Dalam erti kata yang lain para profesional muda perlu menunjukkan bakat kepimpinan, di samping memperlihatkan kebolehan dan keupayaan dalam bidang masing-masing. Sudah tiba masanya seperti juga bangsa lain yang sudah maju untuk kita ber- daya kreatif dan inovatif. Kalau boleh biarlah kita menjadi pencipta atau pereka kepada sesuatu pe- nemuan dan kemajuan. Janganlah secara berterus- an kita kekal menjadi peng- guna atau penerima sema- mata-mata.

Seperkara yang harus juga mereka fikirkan ialah penglibatan dalam ke- giatan-kegiatan sosial dan kebajikan. Mereka mestilah tampil ke hadapan menyer- tai aktiviti-aktiviti kemasya- rakatan baik di peringkat

kampung, mukim, daerah dan peringkat kebangsaan. Di negara ini terdapat banyak pertubuhan keba- jikan dan badan bukan ke- rajaan yang boleh mereka sertai untuk menyumbang bakti kepada masyarakat.

Sebagai contoh kita mempunyai Majlis Perun- dingan Mukim dan Kam- pung, Jawatankuasa Takmir Masjid, Jawatankuasa Keji- ranan Kampung, persatu- an-persatuan belia dan banyak lagi. Selain itu terda- pat juga persatuan-persatu- an kebajikan di peringkat daerah dan kebangsaan seperti KACA, PAPDA dan lain-lain lagi.

Maka kita berseru kepa- da para profesional muda agar mereka akan dapat mengetengahkan bakat dan kepakaran yang mere- ka miliki dan dapat mence- tuskan idea-idea yang bernas serta penemuan ter- baru dan membantu ma- syarakat di pelbagai bi- dang. Masanya juga sudah tiba untuk anak bangsa kita mencipta nama bukan

sahaja di peringkat seran- tau malah di peringkat antarabangsa.

Semoga hasrat dan harapan bangsa, ugama dan negara lebih-lebih lagi raja yang kita kasihi akan dapat kita tani dan lak- sanakan bukan setakat menunaikan tanggungja- wab akan tetapi sebagai jalan untuk membina kehi- dupan yang lebih baik dan berkualiti tinggi.

Kita yakin, negara akan berjaya melahirkan golo- ngan 'hi-tech' kerana kita telah sedia mempunyai institusi-institusi teknikal dan vokasional yang ter- nyata mampu dan berkeu- payaan untuk mengha- silkan profesional muda dan mahir untuk tampil ke hadapan menyalurkan hasrat murni kerajaan bagi me- capai visi dan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang mahir berorientasikan pen- didikan 'hi-tech' akan men- jadi kenyataan.

Budaya bangsa martabatkan negara

Dari muka 19

Dalam hubungan ini kita selaku rakyat dan pen- dukuk Negara Brunei Darussalam amat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya kita dapat mengekalkan budaya kita hingga ke hari ini dan dapat menyesuaikannya walaupun dalam zaman yang serba mencabar ini.

Ini sangat penting ke- rana kebudayaan dan sejarah itulah merupakan sumber inspirasi dan pen- dorong utama untuk kita berusaha demi kehidup- an bangsa kita sendiri ke arah lebih cemerlang lagi gemilang.

BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu kini telah menjadi Bahasa Rasmi Negara seperti yang ter- maklumb dalam Perle- magaan Negeri Brunei 1959.

Kebudayaan dan adat istiadat yang kita telah amalkan sekian lama di negara ini telah mem- berikan peranan dan berfungsi dalam meng- angkat martabat budaya bangsa orang Brunei.

Bahasa itu menunjuk- kan bangsa. Secara mudah melalui bahasa kita menge- nali bangsa, budaya, per- adaban dan status individu atau sebuah bangsa itu. Melalui bahasa percakapan kita juga akan mengetahui keperibadian seseorang itu, sama ada dia mempunyai budi pekerti yang baik, ber- disiplin, lemah lembut, berpendidikan, bertama- dun, bangsawan, beruga- ma, penyayang, pemurah, menghormati orang lain dan sebagainya.

Pada masa yang sama bahasa juga dapat menyer- lakkan imej dan martabat sesuatu bangsa itu. Jika bahasa sudah cukup dike- nali dan dipertuturkan oleh masyarakat dan bangsa lain

maka martabat bangsa itu dengan sendirinya sudah terangkat di persada dunia.

Dalam memartabatkan Bahasa Melayu, banyak agensi yang berperanan dan bertanggungjawab mengukaykannya. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pada misalnya sen- tiasa berusaha ke arah itu. Selain itu Kementerian Pendidikan juga berpe- ranan penting, di samping badan-badan dan peng- giat-penggiat sastera juga terlibat dalam memartabat dan mendaulatkan Bahasa Melayu.

PERANAN AGENSI KERAJAAN

Dalam hubungan ini agensi-agensi kerajaan ada- lah tidak terkecuali dalam sama-sama berperanan dan berfungsi dalam menanam- kan kesedaran berbudaya, berbangsa dan bernegara untuk memartabatkan ne- gara. Umpamanya Keme-

terian Hal Ehwal Ugama berfungsi untuk mem- perkenalkan dan meng- awal ajaran-ajaran dan dakwah Islamiah. Keme- nterian Pertahanan pula mengawal keselamatan negara, Kementerian Ke- wangkasan menyediakan anggaran perbelanjaan dan memantau pelaburan serta Kementerian Keba- dayaan Belia dan Sukan dan sebagainya.

Peranan agensi kera- jaan dapat dirumuskan untuk melaksanakan segala urusan hal yang menjurus kepada memartabatkan negara.

Dalam tahun 2003 Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperke- nankan ujian lisan Bahasa Melayu bagi permohonan yang kurang upaya untuk menduduki kertas ujian Bahasa Melayu yang men- jadi panduan bagi pemoh- on-pemohon taraf kerak- yatan di bawah Bab 5 dan Bab 8 Akta Taraf Kebang-

saan yang dilancarkan baru-baru ini.

Ke arah itu, kita berpe- ranan dan bertanggung- jawab untuk mendaulatkan Bahasa Melayu seiring de- ngan budaya kita dengan cara mempelajari, menga- malkan, mempraktikkan dan membudayakannya dalam kehidupan kita seharian sama ada urus- urusan rasmi mahupun di rumah bersama keluarga, di pejabat dan pada tempat dan waktu yang bersesuaian.

TRADISI DAN NILAI MURNI BANGSA

Dunia sekarang semakin moden dan canggih. Masa silih berganti, suasana cepat berubah dan man- sia semakin hari dimamah usia. Tetapi apa yang perlu kita kekalkan ialah tradisi dan nilai murni sebuah bangsa, kehidupan yang harus ada dalam diri kita sendiri dan dipegang hing- ga akhir hayat.

Tradisi yang boleh ditafsirkan mengikuti Kamus Dewan ialah sesu- atu kebiasaan (adat, kepe- rayaan dan lain-lain) yang kekal turun-temurun, sesu- atu yang sudah menjadi amalan yang sudah seba- ti dengan sesebuah masya- rakat.

Dalam hubungan ini tradisi dan nilai murni mem- punyai hubungan yang rapat dengan budaya dan adat resam yang kita lakukan di negara ini. Salah satu contoh yang menjadi tradisi ialah tarikh 15 Julai setiap tahun iaitu Sam- butan Hari Keputeraan Keba- wah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Nega- ra Brunei Darussalam.

Kecemerlangan dan kegemilangan budaya adat bangsa Melayu jelas me- mainkan peranan yang sa- ngat penting dalam pembi- naan negara bangsa, ke- rana Abad 21 adalah abad yang sangat mencabar.

Peradaban Melayu tidak akan mencapai kecemerla- ngan sekiranya kelahiran generasi muda Brunei dan bangsa serumpun tidak mempunyai kekuatan dalam- dalam yang ditunjangi oleh akar tamadun yang kukuh.

Mereka (generasi seka- rang) seharusnya sedar dan insaf akan keperibadian sendiri, menggunakan ke- uatan bangsa untuk ber- sangin di peringkat global dengan akal bersifat inter- nasional dan mengharungi dunia dengan semangat kental.

Walau apa pun cabaran yang melanda dunia hari ini, adat istiadat tetap dan harus dipertahankan ke- rana adat istiadat yang terkandung dalam kebu- dayaan orang Brunei sejak turun-temurun telah ber- jaya membentuk calak Brunei terutama sekali kepada generasi sekarang sekali gus memperta- hankan budaya bangsa dan memartabatkan negara.

Negara Berdaulat Rakyat Sejahtera



DARI MUKA 4

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/133/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI AMAL UMI KALTHUM AL-ISLAM, KAMPONG MUALA, DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 1.25 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/134/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA KATIMAHAR, JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/135/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN ASMARAH SEKOLAH VOKASIONAL NAKHODA RAGAM KM.13 JALAN LEBUH RAYA MUALA-TUTONG, DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 5 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/136/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN ASMARAH SEKOLAH VOKASIONAL NAKHODA RAGAM KM.13 JALAN LEBUH RAYA MUALA-TUTONG, DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 5 EKAR)	\$ 20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/137/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH MENENGAH SAYIDINA ABU BAKAR JALAN 77, KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BERAKAS, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/138/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH KIRARONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/139/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA BATU MARANG, JALAN KOTA BATU, DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 2 EKAR)	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/140/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH MATA-MATA, GADONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/141/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH HAJI MOHD JAAFAR KUALA, JALAN PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/142/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MAJEEDAH NURUL BOLKIAH, KAMPONG KILANAS, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/143/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA MEDEWA, SIMPANG 639 JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/144/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA LAMBAK KANAN, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/145/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH DATO-MARSAL, KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/146/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA MADANG, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/147/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH RIMBA 11, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/148/JPPE/2004	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU-GURU BAGI SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH JALAN BOLKIAH SERIA, DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR)	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/149/JPPE/2004	MEMUNGGAH, MEMBER-SIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI DAN ASRAMA ARAB LELAKI KM 1/2 JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	2 Ogos 2004 Hari Isnin (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN

ISNIN - KHAMIS	8.00 PAGI - 11.30 PAGI 1.30 PETANG - 2.30 PETANG
SABTU	8.00 PAGI - 10.00 PAGI

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN

TAWARAN BAGI : 1) KANTIN KOLAM RENANG ANGGEREK DESA. 2) KANTIN KOMPLEKS SUKAN TENNIS KEBANGSAAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Level 1, Jalan Kebangsaan, Simpang 259, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Isnin 9 Ogos 2004 jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dimana bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan Syarikat/Pembekal.
- Dokumen-dokumen hendaklah diperolehi dari Tingkat 4 (Bahagian Pentadbiran) Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan Berakas BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap bekerja. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui sah dan salinan resit pembayaran tawaran sebanyak \$5.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGANKONTRAK PENGAL
(TERM CONTRACT) - DUA TAHUN
MEMBERSIHKAN BANGUNAN-BANGUNAN
JABATAN PELABUHAN MUARA
JP/CLN/004/2004

Jabatan Pelabuhan, Kementerian Perhubungan mempelawa syarikat-syarikat tempatan untuk ikut serta tawaran seperti yang tersebut di atas.

Skop kerja dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan, Muara BT 1728.

Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dengan harga bayaran sebanyak \$20.00 (non-returnable).

Sebutarga/Tawaran hendaklah dibuat di dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) dengan mengatakkan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama syarikat tidak lewat hari Isnin 26 Julai 2004, jam 2.00 petang ke alamat :-

PEGERUSI
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
LEVEL 1, KEMENTERIAN KEWANGAN
JALAN KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran - JP/7/2004

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Hari Isnin, 2 Ogos 2004 bagi tajuk berikut:
**BILANGAN TAWARAN - JP/7/2004
TAWARAN FOR DESIGN, SUPPLY AND INSTALLATION
OF RECIRCULATION SYSTEM FOR 6 UNITS OF 2,500
SG. M GROW-OUT PONDS INCLUDING IMPROVEMENT
OF ROOSTER BROODSTOCK DEVELOPMENT
CENTRE FACILITIES**
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Setiap syarikat yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran tawaran sebanyak B\$50.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

- TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut: TAWARAN BAGI - MENGURUS DAN MENGENDALI PERKHIDMATAN "DAY ROOMS", DITINGKAT BAWAH, DEWAN PERSINGGAHAN, KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, Bilangan Tawaran : JPA/APM 2004/03.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan:-

Tawaran bagi :TAWARAN BAGI - MENGURUS DAN MENGENDALI PERKHIDMATAN "DAY ROOMS", DITINGKAT BAWAH, DEWAN PERSINGGAHAN, KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, Bilangan Tawaran : JPA/APM 2004/03.

- TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut: TAWARAN BAGI - CONCESSION AS AGENT FOR THE RENTAL OF ADVERTISING SPACE, TERMINAL KOMPLEKS, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI DARUSSALAM, Bilangan Tawaran : JPA/APM 2004/04.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan:-

Tawaran bagi :TAWARAN BAGI - CONCESSION AS AGENT FOR THE RENTAL OF ADVERTISING SPACE, TERMINAL KOMPLEKS, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI DARUSSALAM. Bilangan Tawaran : JPA/APM 2004/04.

Tawaran hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 26 Julai 2004. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari Sabtu 17 Julai 2004, jam 10.00 pagi. Semua wakil syarikat diminta berkumpul di Pejabat Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat 2, Jabatan Penerbangan Awam pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Am Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, semasa waktu Pejabat (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran dokumen \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- Untuk mendapatkan penerangan yang lanjut sila hubungi Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang Kompleks Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui telefon 2330142 atau 2332337 sambungan 1334, 1335 atau melalui fax: 2331772.
- Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pasport Pemilik.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut:

Kelas Penender	I	II	III	IV	V		
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00	\$2,000.00
